

PERTEMUAN PERTEMUAN SELAT MELAKA

Di bawah pimpinan...
... MELAKA

...
...



...
...
...

PERTEMUAN SELAT MELAKA

**Ke arah merealisasikan Semangat
ASEAN, IMS-GT, IMT-GT DAN BIMP-EAGA**

Diselenggarakan oleh
ABDUL LATIFF ABU BAKAR



**KERAJAAN NEGERI MELAKA
INSTITUT KAJIAN SEJARAH DAN PATRIOTISME
MALAYSIA**

1052103

Cetakan Pertama 1998

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulung mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Pertemuan Selat Melaka
diselenggarakan oleh Prof. Madya Datuk Abdul Latiff Abu Bakar
ISBN-983-99155-5-X

Dicetak oleh Percetakan Surya Sdn. Bhd.
Plot 29, Jalan IKS BK 2, Taman IKS Bukit Katil, 75450 Melaka.

171
959.5118
PER

17 Lu 2001
Perpustakaan Negara
Malaysia

M 1025193

KANDUNGAN

Perutusan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia	viii
Sekapur Sirih Ketua Menteri Melaka	ix
Kata-Kata Aluan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka	xi
Pengenalan	xiii
Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP)- Sepintas Lalu	xvi
Ucapan Perasmian Ketua Menteri Melaka	xxiv
Ucapan Penutup Ketua Menteri Melaka	xxx
Sejarah	
Selat Melaka: Gapura Sejarah Alam Melayu (<i>Datuk Dr. Muhammad Yusoff Hashim</i>)	1
Peranan Selat Melaka dari Segi Sejarah (<i>Dr. Teuku Hj. Ibrahim Alfian</i>)	32
Sosio-budaya	
Pembangunan Sosiobudaya Di Sekitar Selat Melaka (<i>Datuk Dr. Mohd. Taib Osman</i>)	39
Pembangunan Sosiobudaya Di Sekitar Selat Melaka- Pandangan Indonesia (<i>Maswadi Rauf</i>)	51
Selat Melaka: Temasya Minda Dalam Lintas Tahun Cahaya (<i>Dr. Yusmar Yusuf</i>)	63
Hubungan Sosiobudaya Negara Serantau Dan Sekitar Selat Melaka (<i>Abdullah Hassan</i>)	70
Perang Kemerdekaan Di Aceh Adalah Perang Sabil Yang Terlama Dalam Sejarah Dunia (<i>Tan Sri Kra Datu Teungku H. A. Hasjmy</i>)	95
Ekonomi	
Kerjasama Ekonomi: Menjadikan Selat Melaka Halaman Bermain Anak Serantau (<i>Drs. H. Rustam S. Abrus</i>)	127
Pembangunan Ekonomi "Kawasan Selat Melaka"- Suatu Tinjauan Indonesia (<i>Dr. Dayan Dawood</i>)	138

Kerjasama Ekonomi Serantau- Pandangan Singapura (<i>Shuhaimi Salleh</i>)	151
The Development Of Muslim Mindanao- A Function Of The Serumpun Malayu Muslims Surrounding Melaka Strait (<i>Dr. Ahmad E. Alonto</i>)	155
Kerjasama Ekonomi Serantau - Pandangan Indonesia (<i>Dr. Zazarnual Anuar</i>)	187
Diplomatik	
Kerjasama Serantau Dalam Konteks Hubungan Diplomasi: Pengalaman Malaysia (<i>Mohamad Abu Bakar</i>)	193
Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik- Pengalaman Indonesia (<i>Zainal Arifin</i>)	202
Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik- Pengalaman Brunei (<i>Pengeran Setia Negara Pengeran Haji Mohd. Yusuf Hj. Abd. Halim</i>)	207
Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik- ASEAN (<i>Dato' Abd. Majid Ahmad Khan</i>)	212
Pemuda	
Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau (<i>Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar</i>)	217
Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau- Pandangan Indonesia (<i>Erman Syamsuddin</i>)	220
Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau- Pandangan MBM (<i>Dato' Suhaimi Ibrahim</i>)	226
Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau- Pandangan Thailand (<i>Ahmad Idris Waruwit</i>)	230
Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau- Pandangan KBS (<i>Raja Ruslan Raja Samah</i>)	234
Kertas Sampingan	
Hubungan Jambi-Melaka (<i>Fachruddin Saudagar</i>)	237
Peristiwa Bergambar	
Pengisytiharan Pertemuan Selat Melaka	248

Perutusan


Y.A.B. PERDANA MENTERI MALAYSIA

Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana berjaya menerbitkan buku Pertemuan Selat Melaka (PSM) ini dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Persatuan Gabungan Penulis-Penulis Nasional (GAPENA).

Buku ini penting kerana ia memaparkan sejarah, sosioekonomi dan politik penduduk yang terletak di kedua-dua pinggir Selat Melaka. Mereka yang dapat menyelami hati budi seluruh masyarakat Selat Melaka sudah pasti dapat menembusi dan menerokai rantau ini dengan mudah. Ia sesuai untuk dibaca oleh pihak-pihak seperti ahli politik, ahli perniagaan dan masyarakat diplomatik yang ingin mengetahui dan membuat perhubungan dengan negara-negara serantau, khususnya yang terletak di sekitar Selat Melaka.

Buku ini membincangkan isu-isu yang menyentuh perhubungan diplomatik, sosiobudaya dan pergerakan gabungan pemuda selaras dengan semangat ASEAN, serta kawasan-kawasan pertumbuhan segitiga Indonesia, Malaysia, Singapura dan Negeri Thai. Ia juga mengemukakan idea dan pandangan bernas bagi menyahut semangat kerjasama dan perhubungan silaturrahim dengan menumpukan perhatian kepada negara dan daerah rumpun Melayu.

Saya berharap buku ini akan menjadi panduan penting dan rujukan kepada mereka yang ingin memahami dan menjalinkan hubungan erat serta memupuk semangat kerjasama dengan rakyat serta pemerintah di sekitar kawasan Selat Melaka.



Y.A.B. DATO' SERI UTAMA DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri Malaysia

Sekapur Sirih

Y.A.B. KETUA MENTERI MELAKA

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan tahniah kepada Y.B. Datuk Haji Abdul Aziz bin Omar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan GAPENA yang mengambil daya usaha menerbitkan buku Pertemuan Selat Melaka ini dengan jayanya.

Pertemuan Selat Melaka yang diadakan buat pertama kalinya pada 27-30 Ogos 1997 adalah satu projek Perdana Kerajaan Negeri Melaka yang dirangka melalui program dan gagasan Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 9 September 1996 di Pusat Ekspo Ayer Keroh, Melaka.

Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama IKSEP dan GAPENA telah memelopori Pertemuan Selat Melaka dan diharapkan pertemuan seperti ini diteruskan oleh Negara atau propinsi sekitar Selat Melaka. Kita amat gembira sekali pertemuan yang diadakan di Melaka mendapat sambutan dari 10 gabenor dan wakilnya serta propinsi Daerah Istimewa Aceh pula sanggup menjadi tuan rumah Pertemuan Selat Melaka yang kedua pada 1998.

Sokongan dari negara-negara ASEAN, khususnya propinsi di sekitar Selat Melaka ini bersesuaian dengan objektif Pertemuan Selat Melaka, iaitu:

- (i) Untuk membina dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama ekonomi, sosial dan diplomatik antara negara dan propinsi-propinsi rumpun Melayu selaras dengan semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA.
- (ii) Sebagai usaha merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk mengembalikan kegemilangan Melaka dalam konteks Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya dan Wawasan 2020.

Adalah menjadi harapan saya agar buku Pertemuan Selat Melaka yang memuatkan kertas-kertas kerja yang memaparkan gagasan dan wawasan yang mendasari, semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA, akan menjadi panduan utama dan rujukan kepada semua pihak, terutama pemimpin negara, ahli ekonomi dan usahawan-usahawan, tokoh akademik, pemimpin belia, budayawan dan sebagainya.

Akhir sekali, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyelenggarakan Pertemuan Selat Melaka sehingga berjaya menerbitkan gagasan dan wawasan pertemuan ini dan dalam bentuk buku, terutama sekali Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), dibawah pimpinan Encik Mohd. Jamil Mukmin dan Gabungan Persatuan Penulis Malaysia (GAPENA) dipimpin Profesor Emeritus Tan Sri Pendita Dr. Ismail Hussein dan Profesor Madya Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar yang bertindak bagi menentukan konsep dan perancangan Pertemuan Selat Melaka dan menyelenggarakan buku ini.



Y.A.B. DATUK SERI ABU ZAHAR BIN HJ. ISNIN
Ketua Menteri Melaka

Kata-Kata Aluan

Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA

Selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan cemerlang (dalam merealisasikan Gagasan Wawasan 2020 yang dicetuskan oleh Y.A.B. Datuk Seri Utama Dr. Mahathir bin Mohamad), maka Kerajaan Negeri Melaka telah menyambut seruan tersebut dengan berusaha menggabungkan pembangunan ekonomi dengan pembangunan sosiobudaya.

Gagasan Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya ini, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Seri Abu Zahar bin Hj. Isnin untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah Bandaraya Bersejarah dan Negeri Berbudaya yang mempunyai kekuatan dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik dan sosial.

Pertemuan Selat Melaka yang telah diadakan pada 27-30 Ogos 1997 di Melaka merupakan salah satu program pengisian gagasan Melaka Bandaraya Bersejarah di Negeri Berbudaya.

Pertemuan Selat Melaka tersebut mampu membina dan menggerakkan lagi hubungan kerjasama ekonomi, sosial dan diplomatik antara negara dan propinsi-propinsi rumpun Melayu serantau selaras dengan semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA. Negeri Melaka yang telah dipilih sebagai Sekretariat Pertemuan Selat Melaka akan melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin.

Atas rasa tanggungjawab inilah maka Kerajaan Negeri Melaka menerbitkan buku Pertemuan Selat Melaka bagi dijadikan rujukan dan panduan.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Y.Bhg. Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar yang berjaya menyelenggarakan buku ini sehingga diterbitkan. Semoga buku ini akan dapat memberikan manfaat kepada semua pembacanya termasuk saudara-saudara kita di Indonesia, Brunei, Thailand, Filipina dan Singapura.

Sekian, Wassalam.



DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
merangkap
Pengerusi Bersama
Sekretariat Pertemuan Selat Melaka.

PENGENALAN

PERTEMUAN Selat Melaka (PSM) yang berlangsung pada 27-30 Ogos 1997 di Ayer Keroh, Melaka, telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Buat pertama kalinya perhimpunan pemimpin dan rakyat di sekitar Dunia Melayu berjaya mempertemukan golongan pemerintah, golongan ekonomi, golongan budaya dan intelektual serta dihadiri sembilan Gabenor di Melaka.

Kerajaan Negeri Melaka selaku tuan rumah dan GAPENA amat berpuas hati PSM dengan pencapaian yang diperolehi. Ia sesuai sekali dengan objektif PSM untuk membina dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama ekonomi, sosial dan diplomatik antara negara dan propinsi-propinsi rumpun Melayu selaras dengan semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA. Kerajaan Negeri Melaka pula berusaha merealisasikan gagasan Melaka Bandaraya Bersejarah dan Negeri Berbudaya dengan mempertemukan semua golongan dari propinsi-propinsi yang pernah berhubungan dengan bekas Kerajaan Melayu Melaka seperti Aceh, Sumatera Utara, Riau, Sumatera Barat, Jambi, Jawa, Kalimantan, Thailand, Brunei Darussalam dan Singapura.

Usaha untuk mengumpulkan tokoh dan pemimpin tertinggi seperti gabenor, reaktor, ahli ekonomi dan budaya ini merupakan program yang telah dirancang sejak tahun 1984. Lembaga Bahasa Melayu Melaka telah mencadangkan PSM sejak tahun 1985. Ini adalah ekoran dari lawatan Ketua I LBM ke Riau, Padang, Jambi dan Palembang, bersama ahli Jawatankuasanya iaitu Hj. Baharam Azit dan Hj. Md. Dali Alias. Lawatan mereka itu dalam rangka kegiatan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka dan telah menerbitkan monograf Sejarah di Selat Melaka.

Cadangan PSM mendapat sokongan kuat dari Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh di bawah pimpinan Bapak Prof. Ali Hasjmy dan beberapa kawan di Indonesia.

Gagasan untuk mengadakan PSM ini telah dicadangkan kepada Kerajaan Negeri Melaka dan Ketua Dua telah bertindak mewakili GAPENA dalam menentukan konsep dan perancangan bagi mempertemukan golongan pemerintah, usahawan dan budayawan sekitar Selat Melaka. Cadangan telah disambut baik oleh (Allahyarham) Datuk Seri Mohd. Zin bin Hj. Ab. Ghani, bekas Ketua Menteri Melaka pada penghujung tahun 1996.

Kerajaan Negeri Melaka memandang serius PSM dan bertindak menghantar rombongan diketuai oleh Ketua Menteri sendiri menjemput gabenor-gabenor seperti Riau, Sumatera Barat dan Sumatera Utara pada bulan Mac 1997.

Atas minat Y.A.B. Datuk Seri Abu Zahar bin Hj. Isnin, Ketua Menteri Melaka yang ke-8, cadangan PSM diteruskan dan beliau tetap memberi sokongan padu. Seramai 300 peserta yang hadir, dari 10 propinsi Indonesia. Peserta dari Singapura, Brunei, Mindanao dan Thailand juga ikut hadir bagi menjayakan PSM yang dirasmikan oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Acheh yang menyokong kuat bagi mengadakan PSM, telah bersetuju menjadi tuan rumah PSM, pada 1998. Kerajaan Negeri Melaka pula telah diberi tanggungjawab mengwujudkan Sekretariat PSM dengan kerjasama GAPENA dan keahlian dari propinsi-propinsi dan negara di sekitar Selat Melaka.

Gabenor Acheh yang turut hadir pada pertemuan sehingga hari penutup berasa gembira dan telah mengerahkan ahli-ahli rombongannya agar bersiap sedia dari sekarang bagi menjayakan PSM di Aceh pada 1998.

Seminar di Pertemuan Selat Melaka telah membincangkan 21 kertas kerja yang mewakili propinsi dan negara ASEAN. Perbincangan dibahagikan kepada 7 Tajuk Utama pada 28 dan 29 Ogos 1997 di Dewan Paradise Malacca Village, Ayer Keroh Melaka.

Sesi Pertama membincangkan Tajuk Utama Peranan Selat Melaka Dari Segi Sejarah dan dipengerusikan oleh Dato' Omar Hj. Hashim, Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia. Dalam sesi ini Prof. Datuk Dr. Mohd. Yusoff Hashim membentangkan Kertas Kerja bertajuk Selat Melaka: GAPURA SEJARAH ALAM MELAYU manakala Prof. Dr. Teuku Ibrahim Alfian membentang kertas kerja bertajuk 'Peranan Selat Melaka Dari Segi Sejarah'.

Sesi Kedua membincangkan Tajuk Utama Pembangunan Sosiobudaya di Sekitar Selat Melaka dan dipengerusikan oleh Prof. Emiritus Tan Sri Pendita Dr. Ismail Hussein, Ketua Satu GAPENA. Dalam sesi ini, kertas kerja dibentangkan oleh Prof. Emiritus Datuk Dr. Mohd. Taib Osman (Malaysia), Dr. Yusmar Yusof (Riau), Prof. Dr. Abdullah Hassan (Malaysia) dan Tan Sri Kra Datu Teungku H.A. Hasjmy (Acheh).

Sesi Ketiga membincangkan Tajuk Dasar Pembangunan Ekonomi Serantau dan Sekitar Selat Melaka dan dipengerusikan oleh Tan Sri Arshad Ayub. Dalam sesi ini, Kertas Kerja dibentangkan oleh Prof. Dr. Dayan Dawood (Acheh); Drs. Hj. Rustam Abrus (Riau); Dr. Ahmad E. Alontor (Mindanao); Dr. Zazarnual Anuar (Medan); Suhaimi Salleh (Singapura) dan Datuk Khalid Brahim (Malaysia).

Sesi Keempat membincangkan tajuk Dasar Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik. Dalam sesi ini, seramai empat kertas kerja dibentangkan oleh Prof. Madya Mohamad Abu Bakar (Malaysia); Zainal Arifin (Indonesia); Dato' Abd. Majid Ahmad Khan (Ketua Pengarah ASEAN) dan T.Y.T. Pengeran Setia Negara Hj. Mohd. Yusuf bin Pengiran Hj. Abdul Rahim (Brunei).

Sesi Kelima membincangkan Tajuk Dasar Peranan Generasi Muda Dalam Hubungan Serantau dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Anuar Hj. Tahir, Pengarah Eksekutif Yayasan Salam. Kertas Kerja dalam sesi ini dibentangkan oleh Prof. Madya Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar (Malaysia); Ahmad Idris Waruwit (Thailand); Erman Syamsuddin (Sumatera Barat); Dato' Suhaimi Ibrahim (Malaysia) dan Raja Roslan (Malaysia).

Ekoran dari sesi Diskusi Bengkel 1 dan 2 yang dipengerusikan oleh Y.B. Datuk Wira Abdul Rahman bin Jamal, satu Resolusi yang dinamakan PERISYTIHARAN PERTEMUAN SELAT MELAKA telah dibaca serta diserahkan oleh Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar, selaku Pengerusi Resolusi dan Kertas Kerja kepada Y.A.B. Datuk Seri Abu Zahar bin Hj. Isnin, Ketua Menteri Melaka di Majlis Penutupan Pertemuan Selat Melaka pada 29 Ogos 1997.

Bagi pihak Jawatankuasa penerbitan buku ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka, IKSEP dan GAPENA yang telah memberikan kerjasama erat bagi melicinkan penerbitan buku ini, pembentang-pembentang kertas kerja dan semua pihak yang telah berusaha sehingga buku diterbitkan terutama kepada Jawatankuasa Penerbitan Buku ini, yang dipengerusikan oleh Hj. Mohd. Jamil Mukmin, Sdr. Hazal Hasan (penyelaras), Sdr. Hamed Adnan (penyunting/prof), Hj. Rosman dan Hj. Roslan serta kakitangan Percetakan Surya.

PROF. MADYA DATUK DR. ABDUL LATIFF ABU BAKAR
*Pengerusi Jawatankuasa Kertas Kerja dan Resolusi
Pertemuan Selat Melaka 1997.*

INSTITUT KAJIAN SEJARAH DAN PATRIOTISME MALAYSIA (IKSEP) - SEPINTAS LALU

1. Latar Belakang

1.1 IKSEP telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Mesyuarat MMKN bil. 5/94 pada 23 Februari 1994 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan dan merupakan sebuah syarikat yang tidak mencari keuntungan. IKSEP mula beroperasi pada 1 Jun 1994. Pelancaran rasmi IKSEP telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka bersama perasmian Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia pada 16 Ogos 1994 di Dewan Hang Jebat Pusat Ekspo, Ayer Keroh, Melaka. Idea penubuhan ini lahir setelah menyedari bahawa masih ramai rakyat negara terutamanya golongan muda yang tidak menghayati secara mendalam tentang sejarah warisan bangsa dan juga ramai yang tidak mempunyai semangat penghayatan patriotisme yang tulen kepada tanahair. Langkah ini adalah sebagai menyahut gelombang era globalisasi masa kini. Di samping itu juga, adalah tidak dapat dinafikan bahawa sejarah boleh dijadikan iktibar bagi mendidik masyarakat masa kini dan masa hadapan supaya mereka lebih mempunyai semangat dan penghayatan patriotisme yang tinggi kepada negara. Penubuhan IKSEP ini juga adalah selaras dengan resolusi Konvensyen Melaka Dalam Warisan Dunia yang telah diadakan pada bulan April 1993 di Melaka.

1.2 Bersempena dengan pelancaran IKSEP ini juga dari bengkel IKSEP telahpun diadakan pada 15 Ogos 1994 diikuti oleh Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia yang diadakan pada 16-18 Ogos 1994 bertempat di Air Keroh Country Resort, Melaka. Bengkel IKSEP dan Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia ini telah dihadiri oleh para akademik dan para

sarjana-sarjana dan bidang-bidang ilmu, wakil-wakil dari Persatuan Sejarah Malaysia dan negeri-negeri. Wakil-wakil dari agensi kerajaan, badan-badan sukarela, pihak swasta dan lain-lain. Bengkel IKSEP dan Konvensyen ini telah sebulat suara menyokong penuh penubuhan IKSEP ini. Persatuan Sejarah Malaysia juga telah menyokong penuh penubuhan IKSEP ini.

- 1.3 Kerajaan Persekutuan telah mengiktiraf IKSEP melalui surat Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri kepada Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Zin bin Hj. Ab. Ghani, Ketua Menteri Melaka bertarikh 13 Jun 1995.

2. Konsep

- 2.1 Pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu (intergrasi), berdaya saing dan maju, beretika tinggi dan berakhlak mulia, boleh bekerja dan hidup bersama sebagai satu bangsa Malaysia merupakan sebahagian daripada 9 cabaran yang harus dihadapi dalam wawasan 2020. Kita mahu Malaysia wujud sebagai sebuah negara maju yang mempunyai identitinya yang tersendiri. Oleh itu, pemupukan semangat patriotisme yang tinggi harus dilakukan ke dalam sanubari setiap individu rakyat Malaysia agar matlamat wawasan 2020 dapat direalisasikan.
- 2.2 Dalam era globalisasi masa kini, dunia telah menjadi begitu kecil dengan kecanggihan teknologi informasi sehingga menjadi tidak lebih daripada sebuah 'desa sejagat' @ 'global village'. Masyarakat bangsa Malaysia tidak ada pilihan, selain daripada menjadi sebahagian daripada komuniti dunia dan berusaha mengenal dan menguasai kecanggihan teknologi moden serta turut menyumbang terhadap pertumbuhan peradaban dunia moden. Dengan lain perkataan, bangsa Malaysia mestilah disejagatkan. Oleh itu, peningkatan

semangat patriotisme di kalangan generasi muda menjadi lebih penting bagi menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar. Bagi menghadapi era globalisasi tersebut, persediaan yang rapi perlu dilakukan agar bangsa Malaysia yang dilahirkan adalah bangsa Malaysia yang tulen, mempunyai semangat taat setia yang tidak berbelah bagi kepada agama, bangsa dan negara. Sehubungan dengan ini, badan profesional seperti IKSEP ini adalah perlu bagi membantu menangani isu ini.

3. Objektif

- 3.1 Mengkaji dan mencungkil ciri semangat patriotisme yang perlu dipupuk ke dalam sanubari rakyat Malaysia.
- 3.2 Mengkaji dan menyebarkan semangat patriotisme menerusi pelbagai bidang dan disiplin ilmu dari masa ke semasa demi kepentingan umat dan kedaulatan agama, bangsa dan negara.
- 3.3 Mencari dan mencungkil ciri-ciri relevan diterapkan ke dalam jiwa bangsa Malaysia dan disepakati bersama, tanpa melebur identiti umat Islam, tanpa membunuh rasa cinta dan solidarita (Ukhuwwah Islamiyyah) sesama umat dan tidak usah sampai mengikis rasa tanggungjawab membela nasib warga seagama.
- 3.4 Aspek dan nilai sejarah serta peradaban daripada tamadun dunia dan tanahair berguna untuk memantapkan lagi semangat patriotisme di kalangan generasi muda khususnya dan di kalangan rakyat negara Malaysia umumnya.
- 3.5 Menjadi badan penasihat dan petunjuk kepada kerajaan, agensi-agensi swasta dan badan-badan sukarela mengenai corak dan ciri-ciri patriotisme yang harus mereka praktikkan serta jenis kegiatan harus mereka ikuti yang mendorong ke arah percetusan semangat patriotisme.

4. **Kenyataan Misi IKSEP**

“Untuk menjadikan IKSEP sebuah badan yang kukuh dan berkesan dalam membuat kajian tentang semangat patriotisme dan menerapkan penghayatan semangat patriotisme atau setia negara ke dalam sanubari setiap rakyat Malaysia agar kedaulatan dan maruah agama, bangsa dan negara terjamin.”

5. **Rasional**

Dari segi pengertian seperti inilah maka suatu kewajaran dapat ditampilkan mengapa IKSEP sesuai ditubuhkan dengan matlamat dan peranan yang mungkin boleh dapat kita pastikan. Di antara lain ialah :

- a. Menyemaikan kesedaran bahawa sejarah adalah satu disiplin ilmu yang dinamik. Fakta sejarah perlu ditonjolkan sebagai wadah untuk dapat iktibar, dorongan, pengkayaan semangat di peringkat individu dan masyarakat, di samping sarjawajat, khususnya dari segi tradisi dan budaya bangsa kita.
- b. Fungsi untuk melibatkan diri dalam segala arena dan hal ehwal antarabangsa setelah memahami bahawa sejarah dan peradaban Malaysia merupakan sebahagian daripada totalitas sejarah dan peradaban dunia.
- c. Berperanan untuk memberikan makna (meaning) yang sebenar dan setulen mungkin apakah yang dimaksudkan dengan sejarah itu. Istilah ‘kefahaman’ sejarah dalam IKSEP di sini nampaknya relatif. Bahawa sejarah adalah suatu disiplin pendidikan yang mempunyai kaedah tersendiri untuk menganalisis dan boleh memberikan makna terhadap segala kehidupan zaman silam. Makna ini disentisiskan untuk kehidupan masa kini dan masa akan datang.
- d. Dengan itu sejarah menjadi suatu mekanisme dan unsur penyedaran yang berterusan masa lepas dan masa kini, tidak terputus.

- e. Menanamkan secara total dan serius bahawa sejarah merupakan suatu proses evolusi peradaban manusia yang kesinambungan sifatnya, tetapi sentiasa mengalami perubahan dan bersaling kait di antara satu sama lain. Kefahaman terhadap proses evolusi ini penting. Ianya boleh menjadi rangka kerja (frame work) untuk kita merangka sesuatu pada masa kini dari segi strategi, bagi masa hadapan.
- f. Dengan fakta sejarah yang pelbagai ragam, IKSEP harus bersikap selektif dengan menumpukan kepada fakta sejarah yang murni, positif dan cemerlang sifatnya di dalam evolusi peradaban manusia.
- g. Sentiasa menyedarkan bahawa sejarah adalah suatu proses tesis yang sentiasa mencari kebenaran dan ketulusan, berasaskan fakta dan bukti sahih. Memahami tentang kebenaran masa silam boleh memupuk sifat jati diri, identiti masyarakat, semangat kewarganegaraan dalam usaha membina keperibadian bangsa Malaysia.
- h. Tanggungjawab menanamkan sikap toleransi dalam kepercayaan beragama, semangat sivik yang tinggi, kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat, sifat kreatif hasil pengetahuan masa lalu dan sepertimana yang dialami peradaban manusia masa silam.
- i. Untuk mentakrifkan sejarah sebagai suatu disiplin ilmu sains sosial yang boleh dimanfaati untuk kehidupan manusia, khususnya di Malaysia, di dalam kerangka minda Melayu - yang baik dijadikan teladan; yang buruk jangan dicontohi.

6. Struktur Organisasi

Pada masa ini, IKSEP mempunyai seorang Pengurus Besar, dua orang pegawai dan 6 orang kakitangan. IKSEP ditadbirkan oleh satu Lembaga Pengarah dengan dibantu oleh satu panel Penasihat dan Forum Intelektual Sejarah dan Patriotisme (FISAP).

7. Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah adalah merupakan kuasa tertinggi IKSEP yang menentukan dasar, program dan lain-lain yang berkaitan dengan IKSEP. IKSEP mempunyai seramai 7 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abu Zahar bin Hj. Isnin, Ketua Menteri Melaka.

8. Panel Penasihat

Panel ini ditubuhkan oleh IKSEP adalah sebagai "Kumpulan Think Tank" IKSEP. Panel ini akan berjumpa sekurang-kurangnya empat kali setahun mengadakan 'brain storming session' membincangkan isu-isu semasa mengenai kenegaraan, politik, sosio ekonomi dan isu-isu antara-bangsa yang berasaskan sejarah.

Kumpulan ini juga membuat resolusi-resolusi yang relevan yang boleh dijadikan asas bagi menyediakan dasar-dasar dan program-program IKSEP. Kumpulan ini dianggotai 32 orang ahli yang terdiri daripada para akademik, para intelektual, anggota profesional, ahli politik, wakil-wakil kerajaan, institusi pengajian tinggi, pihak swasta, pertubuhan sukarela dan lain-lain.

9. Program-Program IKSEP

9.1 Penyelidikan

Salah satu program IKSEP yang penting ialah membuat penyelidikan yang berkaitan dengan sejarah dan juga bidang-bidang lain yang dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia. Antara penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh IKSEP ialah Adat istiadat Masyarakat Melayu Melaka, Kajian Tokoh-tokoh Negeri Melaka dan Kajian Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri. Kini, IKSEP sedang merancang untuk melaksanakan penyelidikan-penyelidikan secara lebih komprehensif khususnya mengenai semangat patriotisme.

9.2 Seminar

Satu lagi program IKSEP yang terpenting adalah mengadakan konvensyen, seminar, simposium dan bengkel dalam bidang-bidang tertentu yang selaras dengan objektif IKSEP. Setengah-setengah seminar diadakan secara usahasama dengan pihak jabatan-jabatan kerajaan, NGO, swasta dan sebagainya.

Kerajaan Negeri Melaka telah memberi kepercayaan kepada IKSEP untuk menjadi Urusetia kepada teras Bersatu dan Bersetia sempena pengisytiharan Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya. IKSEP telah berjaya melaksanakan beberapa program bagi merealisasikan gagasan Melaka sebagai Negeri Berbudaya. Antara program-program teras Bersatu dan Bersetia ialah pameran menyertai program sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah dan sebagainya.

Antara seminar yang telah dijalankan oleh IKSEP ialah Seminar Kebangsaan Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan, Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia, Seminar dan Bengkel Adat-Istiadat Melayu Melaka, Pertemuan Selat Melaka, Syarahan Tun Perak, Kuliah Keilmuan, Seminar Adat Istiadat Serantau, Seminar Masyarakat Mapan, Simposium Patriotisme Malaysia dan Kem Patriotisme. IKSEP turut terlibat mengadakan pameran-pameran berkenaan dengan sejarah dan semangat patriotisme.

9.3 Latihan

IKSEP juga mengadakan latihan-latihan khusus dan praktikal bagi mewujudkan kader-kader yang akan memantapkan lagi semangat dan penghayatan patriotisme di kalangan rakyat negara ini. Antara latihan yang telah diadakan ialah pelaksanaan Kem Patriotisme pada 24 - 27 Mei 1996 di Institut Kepimpinan Belia Negara, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Kem Patriotisme II pada 22 Mei - 5 Jun 1997 di Kem Bina Negara, Ulu Kenas, Kuala Kangsar, Perak.

9.4 Penerbitan

IKSEP juga telah menerbitkan buku-buku dan risalah-risalah hasil kajian-kajian di dalam bidang-bidang tertentu. Kertas-kertas kerja konvensyen/seminar juga dibukukan. Di samping itu, IKSEP juga menerbitkan jurnal/majalah, buletin, risalah dan lain-lain mengikut keperluan dan kesesuaian. Antara penerbitan yang telah dilaksanakan oleh IKSEP ialah Buku Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, Akhbar Suara Melaka, buku Adat-Istiadat Masyarakat Melayu Melaka, Buku Tun Perak : Dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa, Buku Kesultanan Melayu Melaka : Pentadbiran Kuno atau Moden?, Buku Sejarah Selat Melaka dan kini Buku Pertemuan Selat Melaka : Ke Arah Merealisasikan Semangat IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA. Dalam tempoh terdekat ini, IKSEP akan menerbitkan Jurnal IKSEP, Buletin IKSEP, Buku Tokoh-tokoh Negeri Melaka dan Karya Agung Klasik Sulalatus-Salatin atau Sejarah Melayu.

Akhir sekali, saya bagi pihak Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana telah berjaya melaksanakan program Pertemuan Selat Melaka yang telah diadakan pada 27 - 30 Ogos 1997 bersama dengan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Y.Bhg. Prof. Madya Datuk Abdul Latiff bin Abu Bakar kerana telah menyelenggarakan buku ini sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Diharapkan sokongan dan komitmen daripada semua pihak dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

Wassalam.

MOHD. JAMIL BIN MUKMIN

Pengurus Besar

Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia



Ucapan Ketua Menteri Melaka



UCAPAN DI UPACARA PERASMIAN PERTEMUAN SELAT MELAKA

Assalamualaikum w.b.t.

Yang berusaha saudara pengerusi majlis, Yang Mulia Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Al-Haj bin Syed Mahmud Shahabudin, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan-tuan Yang Terutama Duta-duta Besar, Gebenor-gabenor dari Wilayah Autonomi Mindanao, Filipina, Propinsi Sumatera Selatan, Riau, Sumatera Barat, Jambi, Lampung, Aceh, Kalimantan Barat dan Jogjakarta, Y.B. Datuk Hj. Abd. Nasir Manap, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Y.B. Datuk Wira Abdul Rahman Jamal, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil Kerajaan Negeri.

Y.Bhg. Prof. Tan Sri Ismail Hussein, Ketua I, GAPENA, ketua-ketua jabatan, pembentang-pembentang kertas kerja dan para peserta dari Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei Darussalam, Singapura dan negeri-negeri di Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Syukur alhamdulillah, kerana dengan limpah kurniaNya kita semua dapat berhimpun beramai-ramai di dewan yang mulia ini. Saya di sini, sukacita menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka

yang sudi hadir untuk membuka program Pertemuan Selat Melaka ini dengan rasminya. Saya juga, selaku ketua kerajaan Negeri Melaka mengucapkan "selamat datang" kepada Tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor dari Wilayah Autonomi Mindanao Filipina, propinsi-propinsi Sumatera Selatan, Riau, Sumatera Barat, Jambi, Lampung, Aceh, Kalimantan Barat dan Jogjakarta. Tidak lupa juga, saya sukacita mengalu-alukan kehadiran para pembentang kertas kerja, ahli-ahli panel, pengerusi sesi dan para peserta dari Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei Darussalam, Singapura dan wakil dari negeri-negeri di Malaysia. Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian sudah pasti akan mempererat lagi hubungan persaudaraan dan diplomat di antara negara-negara di rantau ini dan di antara sesama kita. Saya berkeyakinan penuh, perhimpunan kita pada hari ini dan esok akan dapat menghasilkan manfaat kepada semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Program Perdana Pertemuan Selat Melaka yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP) dan Persatuan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) ini adalah kesinambungan daripada gagasan "Melaka Bandaraya Bersejarah" yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Datuk Seri Utama Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi pada tahun 1989 dan "Melaka Negeri Berbudaya" yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1996. Program ini juga diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia yang ke-40.

Sebagaimana yang sedia kita maklum, Selat Melaka mempunyai sejarah yang lama. Selat Melaka bukannya pemisah, tetapi adalah tempat pertemuan di antara negara-negara di rantau ini, terutama sekali di antara negara serumpun dan sebudaya. Selat Melaka juga adalah tempat pertemuan pedagang-pedagang, dan seterusnya tempat pertembungan tamadun Timur dan Barat.

Sejarah tamadun di Selat Melaka telah mula muncul dalam abad yang ke-7 lagi, iaitu dalam zaman Kerajaan Srivijaya, kemudian diikuti oleh Kerajaan Majapahit dalam abad ke-12 dan seterusnya mencapai kemuncak keagungannya dalam zaman kerajaan Melayu Melaka dalam

abad ke-15 dan awal ke-16. Dalam tempoh ini, Melaka menjadi pusat perdagangan, bukan sahaja untuk negara-negara di Nusantara, tetapi juga dari negara-negara Arab, India, Burma, Indonesia, Siam (Thailand) dan Negeri China. Melaka juga telah menjadi pusat penyebaran Islam dan ilmu pengetahuan di rantau ini. Kemudian dalam akhir abad ke-16 hingga ke-19, Selat Melaka telah menjadi perebutan kuasa-kuasa Barat, iaitu Portugis, Belanda dan Inggeris dengan Melaka terus menjadi tumpuannya.

Sejarah hubungan yang erat di antara negara-negara serantau ini pada zaman silam telah dipupuk semula dan dipereratkan lagi setelah kita mencapai kemerdekaan. Perhubungan erat ini telah kita bina bersama melalui gagasan ASEAN. Begitu juga perhubungan melalui kerjasama ekonomi yang telah pun kita jalin bersama melalui IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA. Program Pertemuan Selat Melaka yang diadakan hari ini dan esok adalah kesinambungan daripada kerjasama di dalam ASEAN dan juga kerjasama ekonomi wilayah, sebagaimana yang telah saya sentuh di atas.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Malaysia seperti juga negara-negara lain yang sedang membangun, berhasrat untuk menjadi negara maju. Y.A.B. Datuk Seri Utama Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menetapkan tahun 2020 untuk Malaysia menjadi negara maju. Malaysia hari ini sedang membangun dengan pesatnya dan dijangka akan terus menikmati pertumbuhan ekonomi 8.0% pada tahun 1997 ini. Malaysia juga menikmati guna tenaga penuh (*full employment*) dan kadar inflasi yang rendah, iaitu kurang daripada 3%.

Dalam konteks pembangunan ekonomi negeri Melaka pula, kerajaan negeri telah menetapkan tahun 2010 untuk menjadi negeri maju, iaitu 10 tahun lebih awal dari matlamat negara tahun 2020. Kerajaan negeri turut akan menjadikan Melaka negeri perindustrian dan destinasi pelancongan utama negara dan antarabangsa. Sektor pertanian juga akan dinaikkan taraf dengan meningkatkan nilai tambah serta pendapatan dengan pengeluaran lebih berkualiti dan berteknologi tinggi untuk memenuhi permintaan semasa dan masa hadapan.

Bagi memastikan rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih baik, Kerajaan Negeri Melaka akan terus menyediakan kemudahan-kemu-

dahan sokongan yang secukupnya termasuk kemudahan sosial, pembangunan sumber manusia, infrastruktur dan pendidikan. Kerajaan negeri turut mengambil kira pembangunan ekonomi dan fizikal seiring dengan pembangunan psikologi, spiritual dan moral supaya selaras dengan matlamat dalam *Total Development* dalam Wawasan 2020. Segala perancangan dan pelaksanaan pembangunan negeri Melaka selaras dengan matlamat negara untuk membina sebuah negara bangsa yang mapan, berdaya saing dan dapat menimbulkan semangat kecintaan yang tinggi kepada negeri Melaka khususnya dan Malaysia amnya. Kadar pertumbuhan ekonomi negeri Melaka sebanyak 9.2% pada tahun 1996 telah berjaya menduduki tempat kelima selepas Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Kedah amatlah membanggakan kita. Malah kadar 9.2% tersebut mengatasi kadar pertumbuhan ekonomi negara, iaitu sebanyak 8.0%.

Dengan kestabilan ekonomi negeri ini, diharapkan Pertemuan Selat Melaka ini akan dapat mewujudkan kerjasama ekonomi di antara negara serantau. Antara kerjasama yang telah dibuat ialah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di dalam bidang ekonomi dan sosiobudaya, di antara agensi-agensi Kerajaan Negeri Melaka dan propinsi-propinsi yang berkaitan baru-baru ini. Diharapkan kerjasama ini dapat diteruskan kepada negara serantau yang lain seperti Thailand, Filipina, Singapura dan Brunei.

Proses globalisasi dunia pada abad ini dan abad 21 menyebabkan negara-negara di dunia saling bergantung. Dunia kini dianggap sebagai sebuah "desa sejagat" (*global village*). Tiada lagi negara yang boleh terus wujud secara terpencil dan persendirian kerana segala aspek ekonominya, industri, perkhidmatan, sosiobudaya dan taraf hidup terangkai ke dalam ekonomi negara lain, terutama ekonomi negara-negara jirannya. Rangkaian itu berlaku dalam bentuk pemindahan modal pelaburan, barangan dan perkhidmatan, buruh, firma dan juga teknologi malahan tidak kurang juga ideologi dan kebudayaan. Perkembangan teknologi informasi yang pesat di dunia masa ini menyebabkan dunia dianggap "tidak bersempadan" (*borderless*). Oleh hal yang demikian, bagi menghadapi gelombang globalisasi ini, kita perlu mengadakan pertemuan dan persidangan seperti Pertemuan Selat Melaka ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya difahamkan bahawa seramai 400 orang peserta menghadiri Pertemuan Selat Melaka ini, dan ini termasuklah peserta-peserta dari Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei Darussalam dan Singapura. Saya juga difahamkan bahawa sebanyak 30 kertas kerja utama di dalam bidang ekonomi dan sosiobudaya akan dibentangkan oleh para cendekiawan, ahli-ahli pendidik, diplomat dan lain-lain dari rantau ini. Saya harap para peserta pertemuan atau persidangan ini akan mengambil peluang untuk mencari mekanisme bagi mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama yang sedia terjalin di dalam bidang ekonomi dan sosiobudaya. Saya juga difahamkan bahawa para pemimpin Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Kamar Dagang dan Industri Indonesia, dan wakil-wakil dari Singapura, Filipina, Thailand dan Brunei Darussalam juga hadir bagi membincangkan kerjasama serantau dalam bidang perindustrian dan perdagangan. Saya berharap Pertemuan Selat Melaka yang julung-julung kali diadakan ini akan dapat menghasilkan resolusi-resolusi yang bernas, praktikal dan akan dapat dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir sekali, rasanya tidak lengkap ucapan ini sekiranya saya tidak merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang bekerja keras melaksanakan Pertemuan Selat Melaka ini. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jentera Pertemuan Selat Melaka ini yang diketuai oleh Y.B. Datuk Wira Abdul Rahman bin Jamal, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Terima kasih khususnya saya ucapkan kepada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) yang diketuai oleh Prof. Tan Sri Ismail Hussein yang menjadi nadi dalam menjayakan program perdana ini. Di samping itu juga, saya mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensi yang telah memberi kerjasama dari segi tenaga dan kewangan seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Melaka, Perbadanan Muzium Melaka, Akademi Seni Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Cawangan Melaka, Jabatan Penerangan Melaka, RTM, pihak media dan lain-lain yang tidak dapat disebutkan satu-persatu di sini.

Sebelum mengundurkan diri, saya sekali lagi menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka kerana telah sudi melapangkan masa hadir untuk merasmikan Pertemuan Selat Melaka ini. Kepada Tuan Yang Terutama Bapak-bapak Gabenor dan para peserta semua, saya berharap semuanya di dalam keadaan yang sihat, selesa dan gembira semasa berada di Melaka. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga kerja-kerja kita yang murni ini diberkati Allah.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

*Kuning emas masakanya padi,
Mawar merah dalam jambangan;
Terima kasih daun keladi,
Budi tuan jadi kenangan.*

UCAPAN DI UPACARA PENUTUP PERTEMUAN SELAT MELAKA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang berusaha saudara pengerusi majlis, Tuan Yang Terutama Duta-duta Besar, Tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor propinsi-propinsi Republik Indonesia, Y.B. Datuk Haji Nasir bin Haji Manap, Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka, Y.B. Datuk Wira Abdul Rahman bin Jamal, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Y.B. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Y.Bhg. Prof. Tan Sri Ismail Hussein, Ketua 1 GAPENA, Ketua-ketua Jabatan, pembentang pembentang kertas kerja dan para peserta dari Indonesia, Filipina, Thailand, Brunei Darussalam, Singapura serta negeri-negeri di Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Syukur alhamdulillah, kerana dengan limpah kurniaNya kita semua dapat berhimpun sekali lagi, beramai-ramai di dewan yang mulia ini. Di sini saya dengan segala sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Gabenor-gabenor dari Wilayah Autonomi Mindanao, Filipina, Propinsi-propinsi Sumatera Selatan, Riau, Sumatera Barat, Jambi, Lampung, Aceh, Kalimantan Barat dan Jogjakarta, para pembentang kertas kerja dan hadirin sekalian kerana telah sudi meluangkan masa yang begitu berharga untuk hadir menjayakan program pertemuan Selat Melaka ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian bukan saja mempereratkan lagi perhubungan persaudaraan dan diplomatik di antara negara di rantau ini dan sesama kita, tetapi apa yang dicambahkan di dalam perbincangan-perbincangan sepanjang dua hari ini dapat meningkatkan lagi kesejahteraan dan kebajikan umat Melayu keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Walaupun saya tidak berkesempatan menghadiri perbincangan-perbincangan yang dijalankan sejak semalam, namun percayalah saya tetap mengikutinya. Malah saya berasa amat kagum dan terharu apabila

* Pada 29 Ogos 1997, jam 8.30 malam di Paradise Malacca Village, Ayer Keroh, Melaka.

meneliti kertas-kertas kerja yang dibentangkan kerana kandungan-kandungannya bukan saja membuka mata, tetapi juga memberi keinsafan betapa masih banyak lagi yang perlu kita lakukan untuk memperkukuh kedudukan bangsa Melayu. Apa yang lebih mengharukan lagi ialah usaha mengangkat martabat Melayu dan menjadikan diri bangsa yang hebat, bermaruah dan disegani oleh bangsa lain, selepas ini akan lebih terancang dan bersepadu dengan komitmen yang serius daripada semua pihak di rantau ini.

Umat Melayu di Selat Melaka tidak akan bergerak bersendirian lagi. Seperti kata Erman Syamsuddin dari Kantor Wilayah Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Sumatera Barat bahawa dalam menghadapi era global dengan masyarakatnya yang medunia, suatu bangsa, betapa pun majunya, tetap tidak akan mampu hidup sendiri. Setiap negara memiliki berbagai-bagai keterbatasan (sumber alam atau sumber manusia). Dengan demikian hubungan saling ketergantungan antara satu negara dengan yang lain menjadi bahagian dari proses alamiah dalam peristiwa kehidupan berbangsa dan bernegara. Ketergantungan dalam konteks ini bukan mengurangi upaya pemandirian suatu bangsa, tetapi suatu kenyataan yang harus difahami oleh penduduk dunia yang hidup pada era yang sama.

Pada pertemuan ini, marilah kita rangsangkan satu kekuatan yang ada pada umat Melayu, iaitu semangat bergotong-royong. Semangat ini di kalangan umat Melayu di Selat Melaka akan memungkinkan wujudnya suatu masyarakat Melayu Baru yang mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain.

Saya juga tertarik dengan ajakan Dr. Yusmar Yusuf dari Universitas Riau untuk 'bermimpi melintas tahun cahaya, berencana dalam ukuran mil (*miles*) dan laksanakan selangkah demi selangkah'. Sesungguhnya, inilah yang kita lakukan menerusi pertemuan sulung ini. Dr. Yusmar mencetuskan gagasan betapa Malaysia moden adalah sebuah negara 'daun pintu' bagi Alam Melayu. Katanya jika daun pintu ini robek dan rebah, alam Melayu berikut isinya, terkapar dan punah. Beliau takut negeri Melayu akan berganti wajah secara demograsif, tinggal geofisik tanpa roh Melayu. Kegusaran ini dijawab oleh Drs. Rustam S. Abrus, wakil Garbenor Riau yang mahu menjadikan Selat Melaka halaman bermain anak serantau. Kata Drs. Rustam, melalui sisi pintu yang

kuatlah, pertahanan dan ketahanan negara akan terjamin. Untuk mengukuhkan pintu-pintu itu hanya dapat dilakukan melalui penguatan atau penguahan (*empowering*) ekonomi masyarakat yang berada di sekitar sempadan atau kawasan penyangga sempadan. Jika tidak, kawasan ini akan menjadi kantung yang teramat rawan bagi gerak pembangunan serantau.

Malah sekarang ini pun, negara-negara Asean khususnya di sekitar rantau Selat Melaka telah pun menjadi mangsa kapitalis-kapitalis Barat yang mengikut kata-kata Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Utama Dr. Mahathir bin Mohamad, "orang-orang kaya yang mencuri dari orang miskin untuk menjadi lebih kaya". Kejatuhan terus matawang negara-negara kita sekarang ini adalah satu bentuk penjajahan ekonomi oleh kuasa-kuasa asing dalam usaha mereka untuk menghancurkan kestabilan ekonomi dan politik rantau ini. Kerana itu, sekiranya dulu Selat Melaka telah menjadi saksi akan perjuangan yang heroik daripada bangsa-bangsa di Asia Tenggara melawan bangsa-bangsa penjajah yang memang telah semenjak lama tertarik untuk menguasai bahagian dunia yang amat menarik ini, menerusi Pertemuan Selat Melaka ini kita memantapkan kembali persaudaraan serumpun kita, kita tebalkan semangat gotong-royong dan kita perkukuhkan setiap 'pintu' di rantau ini supaya tidak mudah dirobekkan oleh musuh-musuh kita. Sesungguhnya Selat Melaka harus menjadi halaman bermain anak serantau dan bukan tembok penghalang yang menyekat gerak. Konflik terbuka dalam era kerjasama serantau haruslah kita hindari supaya tidak lagi berlaku pasang surut hubungan sesama kita. Kita juga perlu mengelakkan konflik autistik kerana konflik ini amat susah diungkai, terasa ada, terungkap tidak.

Saya juga bersetuju dengan saranan Dr. Abdullah Hassan dari Malaysia betapa bangsa Melayu perlu membina ilmu dan pemikiran pribumi bagi menghadapi asakan cabaran alaf baru. Dalam konteks ini, saya menyarankan supaya kita membina koridor-koridor ilmu bangsa Melayu Selat Melaka sebagaimana kita telah mewujudkan koridor-koridor ekonomi menerusi IMS-GT, IMT-GT, BIMP-EAGA dan sebagainya. Melalui koridor ilmu ini pula, kita merancang supaya bahasa Melayu menjadi *lingua franca* dunia Melayu besar.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Pada hemat saya Pertemuan Selat Melaka yang sulung ini telah berjaya, hasil daripada sokongan dan dorongan kuat tuan-tuan jua dan ia suatu yang teramat malang sekiranya pertemuan seperti ini tiada susulan. Inilah yang saya khuatiri sewaktu kami mula-mula merencanakan pertemuan ini. Alhamdulillah, hasil daripada pencambahan gagasan yang bernas lagi hebat. Wilayah istimewa Aceh telah terpanggil untuk menjadi tuan rumah kepada Pertemuan Selat Melaka pada tahun 1998. Tahniah dan syabas saya ucapkan dan insya-Allah Melaka akan terus memberi sokongan yang padu pada pertemuan itu.

Kerajaan Negeri Melaka berharap resolusi pertemuan ini dapat diteliti dan dilaksanakan gagasannya, terutama mewujudkan perhubungan ekonomi dan sosiobudaya, sesuai dengan semangat dan falsafah ASEAN, BIMP-EAGA, IMT-GT dan IMS-GT.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekali.

Hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk mengangkat martabat bangsa Melayu amatlah besar. Pertemuan Selat Melaka ini hanyalah pembuka selera saja. Kami sedang merancang untuk menganjurkan Festival Budaya Melayu Antarabangsa dan Expo Perdagangan pada 1998 menjelang Sukan Komanwel yang akan diadakan di Malaysia. Menerusi festival ini nanti, negeri Melaka berharap dapat menampilkan kegemilangan kebudayaan dan kehebatan ekonomi bangsa Melayu serantau. Pada kesempatan ini, saya mengundang Negeri-negeri Selat mengambil bahagian dan turut menjayakan Festival Budaya Melayu Antarabangsa dan Expo Perdagangan ini. Kita juga sedang merancang untuk mewujudkan sebuah kota budaya yang bertaraf antarabangsa. Saya juga berharap untuk mendapatkan sokongan semua pihak dalam menjayakan program ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang bekerja keras melaksanakan Pertemuan Selat Melaka ini. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jentera Pertemuan Selat Melaka ini. Terima kasih khususnya saya ucapkan kepada Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) yang diketuai oleh Prof. Tan Sri Ismail Hussein yang menjadi nadi di dalam menjayakan program perdana ini. Saya berharap pertemuan ini menjadi

kenangan manis dan membuka lembaran baru perhubungan serantau secara bersepadu. Saya berharap semua peserta dapat menggarap amanat, nasihat serta pandangan yang tercambah di sepanjang pertemuan ini seterusnya dilaksanakan demi kesejahteraan dan kebajikan bangsa Melayu.

Saya akhiri ucapan ini dengan pantun lama,

*Kalau ada sumur di ladang,
Bolehlah kita menumpang mandi;
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita bertemu lagi.*

*Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti;
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.*

Sesungguhnya yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T. dan sekiranya terdapat sebarang kekurangan sepanjang penganjuran Pertemuan Selat Melaka yang julung kali diadakan, ia adalah daripada kelemahan diri kami sendiri. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga kerja-kerja kita yang murni ini diberkati Allah. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya menyempurnakan penutup Pertemuan Selat Melaka ini. Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

KENANGAN PERTEMUAN SELAT MELAKA



Gambar T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Y.A.B. Ketua Menteri Melaka bersama-sama dengan Gabenor dan wakil-wakil serta pembentang kertas kerja selepas Majlis Perasmian Pertemuan Selat Melaka pada 28 Ogos 1997 di Paradise Malacca Village, Ayer Keroh, Melaka.



Sejarah



SELAT MELAKA: GAPURA SEJARAH ALAM MELAYU

*Datuk Dr. Muhammad Yusoff Hashim**

"Bagaikan Selat Semenanjung Melayu dan Selat Melaka itu melintang antara Samudera India dan Laut Tiongkok. Dari dulu kala, Negeri Melayu dan Selat Melaka menjadi pintu gerbang yang menguasai lalu lintas antara India dan 'Barat Jauh' pada satu pihak, dan Tiongkok dan Indonesia pada lain pihak".

(Negeri Melayu adalah Jambatan dari Lalulintas Bangsa-bangsa, Penerbitan Djambatan, Djakarta/Amsterdam, 1952, viii)

"Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice.
As far as from Malacca, and from Malacca to China,
and from China to the Moluccas, and from the Moluccas to Java,
and from to Malacca (and) Sumatera, (all) is in our power".

(Armando Cortesao (ed.), The Suma Oriental of Tome Pires, London, 1944, 287)

GEOGRAFI memang kerap mempengaruhi perkembangan sejarah. Tanah-tanah sesuatu kawasan, landskap dan kesuburan atau

* Beliau adalah Profesor dan Ketua Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

kegersangan kawasan tersebut, permukaan darat, laut dan perairannya, malah faktor cuaca, tiupan dan gerakan angin juga mempengaruhi tindak-tanduk manusia untuk sekaligus mendasari arus, arah dan riak perkembangan sejarah sesuatu masyarakat dan kawasan sejarah tertentu. Ciptaan sains dan teknologi masyarakat berkenaan juga, yang sama-sama menyumbang kepada perkembangan sejarahnya adalah tindakbalas daripada alam sekelilingnya, di samping diperkuat oleh tabi'i dan naluri masyarakat tersebut.

Latar belakang dan gejala alam inilah yang menjadi antara faktor utama menentukan warna-warna sejarah Alam Melayu dan Selat Melaka, baik dulu, mahupun sekarang, baik di peringkat tempatan, kebangsaan, mahupun di tahap rantau dan antarabangsa. Kajian mutakhir menunjukkan, peranan ekonomi Selat Melaka dan perairan sekitarnya menjadi cukup penting mulai awal kedua abad ke-5 (Peter Bellwood, *Man's Conquest of the Pacific*, 1978). Peranan ini berikutan keadaan sejarah sebelumnya, apabila hubungan kemanusiaan penduduk tempatan dengan orang luar rantau telah pun terjadi dan perkembangan sejarah berikutnya adalah kesinambungan daripada sejarah yang telah pun terjadi sejak era awal Masihi lagi, mencakupi politik, kegiatan ekonomi dan perkembangan kebudayaan serta kepercayaan keseluruhannya. Walau apa pun dimensi sejarah yang kita dekati, baik pendekatan, kronologi mahupun *thematic*, kerana kedudukannya yang begitu strategik, maka Selat Melaka mempengaruhi perkembangan sejarah persekitarannya pada tiga peringkat, iaitu sejarah tempatan (Malaysia dan Indonesia), sejarah serantau, peringkat antarabangsa.

Potensi ekonomi yang dihasilkan oleh rantau alam dan gugusan kepulauan Melayu yang ribuan jumlahnya itu telah menarik pedagang dari Timur Laut Hindi dan pedagang dari China. Hasil bumi yang bermutu (seperti emas dan bijih), hasil rotan dari rimba, akar-bahar dan teripang dari laut yang amat diminati pedagang China dan diusahakan oleh Orang-Laut, pada awal Masihi, membawa kepada pertembungan tiga kalangan masyarakat pedagang dari India, China dan Alam Melayu. Komunikasi laut dengan penggunaan teknologi perkapalan, menyebabkan pertembungan ini kian bertambah rancak untuk masa-masa berikutnya.

Produk memerlukan permintaan. Perubahan sejarah politik Tanah Besar China juga mempengaruhi aliran dan riak ekonomi Alam Melayu.

Dengan bangkitnya Dinasti Sung (420-478M) dan permintaan yang kian meningkat oleh China untuk komoditi dari Asia Barat, perkapalan Melayu menjadi cukup penting. Teknologi perkapalan canggih China ke seberang laut hanya bermula abad ke-8 dan ke-9. Sebelum itu, komoditi dari Parsi dan Barat Teluk Benggala dibawa ke China menerusi Selat Melaka dengan menggunakan kapal-kapal Melayu dengan pengertian nakhoda masing-masing (F. Hirth & W. Rockhill, (eds.), *Chau Ju-Kua on the Chinese and Arab Trade*, 1914, 31). Faktor penggunaan Selat Melaka secara aktif juga didorong oleh masalah penggunaan jalan darat, sutera tanah besar Asia.

Seperti mana selat-selat lain dunia yang penguasa selat berkenaan meraih segala potensi ekonomi dan politik yang boleh didatangkan olehnya, kegunaan aktif Selat Melaka bagi perdagangan maritim zaman awal membawa bangkitnya kuasa Srivijaya dan bandar-pelabuhan Langkasuka (G. Coedes & L. C. Damais, "*Srivijaya, History, Religion & Language of an Early Malay Polity*", *JMBRAS*, 20, 1992), kuasa politik Melayu terawal dan terunggul yang berjaya membentuk sebuah empayar sekitar Selat Melaka. Keunggulan *thalasokrasi* yang merujuk kepada potensi ekonomi, hasil laluan perdagangan-laut dan hasil mentah yang dikeluarkan rantau sebelah sini, menyebabkan kuasa Melayu ini berpengaruh hingga ke utara Laut Jawa dan bertahan sehingga abad ke-11. Sumber ketatanegaraannya boleh dinukil sebahagian daripada prasasti Telaga Batu dan Boom Baru, Palembang. Zaman kemuncaknya, malah konsep perajaan bukan saja di-rujuk dan berteraskan kosmos-Melayu, bahkan diserapi pula pengaruh luar-rantau yang berasaskan kosmologi Hindu-Buddha, dibuktikan dari salah sebuah wajah *avalokitesvara* di kalangan pemerintahnya.

Terbukalah rantau ini kepada pengaruh kebudayaan asing dan terjadilah rasionalisasi kebudayaan, kepercayaan, sistem dan hala-cara bernegara (*statecraft*), undang-undang tradisional, dan sebagainya suatu proses evolusi mengambil tempatnya. Proses dan perubahan sejarah serta fenomena kemasyarakatan di persekitaran Selat Melaka tidak berakhir setakat itu. Dalam kerangka tamadun, kebudayaan Melayu terus berkembang, termasuk bahasanya. Hatta, selepas kemalapan kuasa Srivijaya, Selat Melaka terus menjadi penghubung, dalam konteks geografinya, di antara pedagang China, Jepun dan Kemboja, dengan pedagang pelbagai bangsa dari India, Parsi dan Arab. Kemuncak kegemilangan ekonomi dan

penguasaan bidang ini dibuktikan dengan banggunya beberapa entreport Melayu di rantau ini. Wujud pula berikutnya masyarakat yang kosmopolitan coraknya. Selat Melaka dan persekitarannya terdedah kepada internasionalisme.

Tradisi agung dan tamadun Melayu diteruskan dengan kebangkitan kuasa Singapura selama hampir 200 tahun (T.Iskandar, *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, 1996, 112-115 yang juga mengambil peluang dengan potensi ekonomi Selat Melaka hingga ke Selat Singapura, dan yang akhirnya bertembung dengan kuasa Siam pula. Era-era Selat Melaka muncul dengan bangkitnya kuasa politik Melayu-Islam pertama, Pasai, dari abad ke-13 hingga ke-14, di samping penglibatan langsung kuasa Jawa Majapahit yang kian mengasak ke utara Selat Melaka, (A.H.Hill, "Hikayat Raja-raja Pasai", *JMBRAS*, 33, ii,1960). Zaman gerhana Pasai pula nantinya pada awal pertama abad ke-15 diambil alih oleh Melaka. Berkembanglah pula tradisi agung Melayu-Islam-Melaka.

Kuasa Pesisir Melayu Sekitar Melaka

Kewujudan, perkembangan dan kebangkitan Melaka sebenarnya 'ulangan semula' tradisi Srivijaya, yang secara kebetulan merupakan warisan langsung leluhur Parameswara. Zaman pemerintahan tiga raja pertama Melaka merupakan era kewujudan dan pengukuhan. Sehingga awal pertama abad ke-16, Melaka mengalami pula era pengembangan dan keemasan. Melaka, seperti mana tradisi kekuasaan Melayu sebelum dan sezamannya tidaklah gemilang tanpa usaha. Eksploitasi ekonomi, sumber tenaga manusia, kepakaran dan keintelektualan maritim digemblengkan. Kemuncak pengeksplotasian inilah muncul dalam bentuk penguasaan seluruh jalan utama laluan perdagangan dari utara ke selatan Selat Melaka, lantas menjadikannya 'gerbang' laluan dagang ke seluruh gugusan Pulau Melayu dan ke Laut China Selatan, hingga ke China dan Jepun. Politik-politik Melayu utama seperti Siak, Kampar, Inderagiri, Rokan, Kepulauan Riau, seluruh Semenanjung Malaysia, dikuasai, bukan saja untuk hegemonia kuasa, malah yang mendasarinya adalah keperluan ekonomi dan sumber tenaga manusia.

Amalan ketatanegaraan Melayu prakolonial, budaya berpolitik untuk menggerak dan melaksanakan kuasa serta pentadbiran, bahasa

Melayu sebagai lingua-franca, kewujudan pedagang Melayu di kalangan tokoh nakhoda, kiwi dan maula-kiwi, penyerapan Islam dalam tradisi ketatanegaraan dan sistem masyarakat, polemik agama dan tradisi berkarya, kesemuanya dalam lingkungan pengukuhan dan pengembangan tamadun setempat dan serantau, adalah di Melaka.

Referensi Khusus Sejarah Melaka Abad Ke-15 Dalam Pensejarahan Selat Melaka Awal

Tradisi sejarah dan persekolahan Melaka serta kesultananannya tidak dimulakan dengan suatu kekosongan. Pada dasarnya, prinsip sejarah dan perspektif persejarahan ini banyak berlandaskan dan berlatarbelakangkan tradisi persejarahan Selat Melaka dan sekitarnya khususnya, serta tradisi persejarahan Alam Melayu umumnya. Kedua-dua tradisi ini pula saling bertalian dan berkait dengan perubahan sejarah politik serta ekonomi di luar rantau ini khususnya negeri China, Timur Tengah dan India. Agama Islam dan unsur-unsur kebudayaan setempat pula didapati menjadi ejen pencorak yang paling utama dan berkesan, untuk mewarnai dan membentuk tradisi serta sejarah Melaka. Agama Islam telah mencorakkan pelbagai institusi kemasyarakatan.

Berdasarkan keterangan di atas, maka konsep penubuhan, perkembangan dan pengekaln Kesultanan Melayu Melaka, yang selama seabad lebih itu perlu dilihat dari dua konteks, tetapi dalam suatu garis perspektif persejarahan yang selari. Pertama, melihat tradisi Melaka dari konteks persejarahan tempatan bagi sebuah negara, iaitu Malaysia sekarang.

Konteks yang pertama, iaitu persejarahan serantau termasuk dalam konteks tradisi, proses serta fenomena dan perkembangan sejarah dan hal ehwal sejarah dan budaya rantau Alam Melayu ini serta kaitannya dengan perkembangan sejarah dan ekonomi di China, Timur Tengah dan India. Sejarah itu berkembang mengikut peredaran zaman, iaitu dimulakan dengan perkembangan sejarah pada zaman antah-berantah, hinggalah pada awal abad ke-15 (atau penghujung abad ke-14), lalu diikuti seterusnya oleh zaman-zaman selepas itu hinggalah sekarang. Sekiranya mengikut perspektif sejarah, perkara ini boleh membentuk dan meninggalkan suatu tradisi temurun di kalangan rumpun bangsa Melayu di sekitar Selat Melaka hingga ke utara perairan Pulau Jawa. Dalam hubungan ini,

batasan wilayah dan geopolitik seperti yang disaksikan pada hari ini, tidak boleh untuk dijadikan perhitungan dan tidak timbul dalam ruang konsepsi tentang rumpun bangsa. Oleh sebab itu, persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16, perlu dikaji berdasarkan konteks tradisi proses serta fenomena dan perkembangan sejarah serantau, khususnya di persekitaran Selat Melaka dan di perairan Pulau Jawa. Oleh itu, tradisi tersebut sepanjang abad ke-15 dan abad ke-16 merupakan sebahagian daripada keseluruhan tradisi persejarahan dan kebudayaan Melayu di rantau ini. Tradisi ini menjadi 'jambatan penyambung' yang menghubungkan tradisi persejarahan sebelumnya dengan tradisi persejarahan selepasnya, dalam perspektif warisan sejarah tadi.

Oleh itu, hal ini mesti dirujuk dan didasar kepada faktor kesinambungan terhadap persejarahan dan kebudayaan Melayu serantau. Kesinambungan kedua-dua aspek inilah yang menyumbangkan suasana bagi kemunculan dan kekalannya Melaka sebagai suatu entiti politik. Entiti dan tradisi ini seterusnya diwarisi pula oleh kerajaan dan Kesultanan Johor-Riau selepas tahun 1511.

Konteks yang kedua pula berdasarkan realiti sejarah yang kesannya wujud hingga sekarang. Konteks ini mungkin bertentangan dengan konteks yang pertama. Konteks yang pertama telah pun terjadi dan berlaku pada masa lalu. Dalam konteks yang kedua ini batasan wilayah dan geopolitik menjadi petanda kriteria penting kerana persejarahan dan budaya rumpun Melayu persekitaran selat dipisahkan secara politik oleh pembatasan wilayah dan geografi. Oleh sebab itu, tradisi Melaka dan konsep kemelakaan dalam persejarahan Malaysia menjadi sempit dan amat menjurus. Konteks yang kedua ini terpisah daripada konteks kenegaraan, Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, konteks ini patut dibincangkan dalam ruang persejarahan, perkembangan dan perubahan serta dinamisme kebudayaan, politik Melayu di Malaysia sahaja.

Kewujudan Melaka sebagai suatu entiti politik dan kerajaan memberi pengertian sejarah yang cukup besar dan bermakna dalam persejarahan Malaysia. Malah ada sarjana dipelbagai peringkat institusi pendidikan negara yang kerap menyarankan bahawa persejarahan negara harus bermula dengan tradisi Melaka. Walau bagaimanapun, perlu di-tegaskan bahawa tradisi Melaka pada abad ke-15 itu sendiri sebenarnya adalah penerusan tradisi dan kesinambungan sejarah budaya-politik Alam Melayu.

Sekiranya kita merujuk pada kajian terdahulu dan penulisan ilmiah masa tentang persejaraan silam rantau budaya alam Melayu ini, pendapat tersebut memang beralasan. Dalam hubungan ini, hasil kajian para sarjana awal seperti G. Coedes, H.J. de Graaf, W.P. Groeneveldt, J.C. van Leur, J.L. Moens, B.J.O. Shrieke, Muhamaad Yamin, Slamet Mulyono, C.C. Berg, Sartono Kartodirdjo, R.M.Ng Poerbathjaraka, J.G. de Casparis, W.F. Stutterheim, P. Wheatley, J.J. Krom dan O.W. Wolters.¹ Dalam penulisan dan hipotesis masing-masing adalah berkaitan. Suatu hal yang cukup menarik dan meyakinkan ialah semua sarjana ini merujuk dan berpandukan sumber-sumber awal yang terdiri daripada pelbagai jenis tulisan dan secara lisan seperti bahan kertas dan bukan kertas (batu-batu bersurat dan prasasti, arkeologi dan puing-puing, tradisi-tradisi hikayat, geografi setempat, serta laporan para pengembara dan pedagang asing dari Timur dan Barat).

Dalam percubaan dan usaha untuk menghubungkan tradisi dan pola persejaraan awal Semenanjung Tanah Melayu dan Gugusan Kepulauan Melayu dengan persejaraan tanah besar Asia Tenggara, maka penulis seperti G. Coedes, P.Wheatley, D.G.E. Hall dan N.J.Krom merujuk pada pengaruh dan perkembangan budaya serantau yang berlanjutan kepercayaan daripada pengaruh Hindu-Buddha yang menular ke kawasan ini. Mereka ini juga merujuk pada laporan sumber-sumber China awal daripada Dinasti Tang dan Dinasti Han (dokumen jenis ini amat wajar untuk menjadi bahan rujukan tentang masa dan zaman berkenaan). Ini kemudian disokong oleh puing dan kesan arkeologi yang terdapat di Siam dan di Semenanjung Vietnam. Dari awal Masihi

¹Rujuk G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Honolulu 1968; H.J. de Graff, "Gusdri Pandji Sakti", dalam *TBG*, LXXXIII, 1949; H.J. de Graff, "Resensi Karya Soemarsaid Martoeno, State and Statecraft in Old Java", dalam *BKI*, 125, 1969; J.J. de Graff, *Geschiedenis van Indonesie*, 's-Gravenhage, Bandung, 1949; H.J. de Graff, *Awal Kebangkitan Mataram, Masa Pemerintahan Senapati*, Grafiti Press dan KITLV, Jakarta, 1985; J.L. Moens, "Ciwijaya, lava en Kataha", dalam *TBG*, LXXVII, 1937; B.J.O. Shrieke, *Sociological Studies*, Amsterdam, 1955-1957 (2 jilid); C.C. Berg, "Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, (ed), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Ithaca, 1965; C.C. Berg, *De Middle-Javaanche Historische Traditie*, Hall, (ed), *Historical Writing on the Peoples of Asian Historians of Southeast Asia*, London, 1962; W.F. Stutterheim, *A Javanese Period in Sumatran History*, Soerakarta, 1929; W.F. Stutterheim, *Leeboek der Indische Cultuurgeschiedenis*, Den Haag-Batavia, 1932; Slamet Mulyono, *Sriwidjaja, Arnoldus, Flores*, (Tanpa tahun: Slamet Mulyono, *A Story of Majapahit, Singapore*, 1976; Slamet Mulyono, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta, 1981; J.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*, 's-Gravenhage, 1931; J.C. Van Leur, *Indonesian Trade and Society*, van Hoeve, Bandung-The Hague, 1955; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce. A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, 1967.

sehingga sebelum abad ke-5, peranan pengemudian dan jalan di perairan Selat Melaka (apakah nama Selat Melaka sebelum munculnya Melaka?) belumlah begitu penting untuk menjadi laluan antarabangsa dan laluan bagi para pedagang asing. Pada masa itu, kawasan di persekitaran Segenting Kra disebut sebagai jalan perdagangan yang paling utama bagi menghubungkan di antara Timur dan Barat.

Jalan perdagangan yang begitu jauh, iaitu di antara Timur dengan Barat memerlukan pusat persinggahan sama ada di persisir atau di daratan. Pusat persinggahan adalah tempat sama ada untuk menukar barang perdagangan (kemudian fungsi tarafnya akan berkembang menjadi sebuah entreport) pusat untuk mengumpul dan mengeluarkan bahan mentah dan komoditi tempatan, atau setakat menjadi pusat persinggahan (transit) bagi memperoleh dan memenuhi segala keperluan perjalanan atau perdagangan. Pusat persinggahan ini akan semakin berfungsi dan berkembang, lalu menjadi bandar-bandar perdagangan. Perkembangan ekonomi di pusat persinggahan tersebut akan mewujudkan kuasa dan politik. Gabungan antara peranan ekonomi dengan peranan politik yang semakin kukuh dan mantap (dengan wujudnya pemegang kuasa dan pemilik wibawa politik seperti ketua, kedutaan dan raja serta berbagai-bagai konsep, tradisi dan falsafah tentang institusi dan organisasi berkerajaan dan perajaan setempat, membolehkan pusat persinggahan itu berkembang sehingga ke status negara kota. Sekiranya pusat persinggahan itu terletak di persinggahan, pusat itu akan dinamakan sebagai bandar pelabuhan².

Keistimewaan dan kekuatan negara kota atau bandar pelabuhan adalah disebabkan kedudukan geografi yang strategik, iaitu di sepanjang jalan perdagangan antarabangsa. Untuk terus kekal negara kota atau bandar pelabuhan itu amat bergantung pada kegiatan perdagangan dan perniagaan dari luar. Keadaannya lebih terjamin dan menguntungkan sekiranya di situ terjadi eksploitasi tanah untuk matlamat pertanian, pengeluaran hasil bumi atau pengeluaran bahan mentah laut (ikan, obor-obor atau agar-agar dan hidupan laut). Apabila institusi kerajaan dan pemerintahan menjadi teguh, organisasi masyarakat akan menjadi semakin kompleks (dengan tarafnya pada masa itu). Ia akan menjadi tumpuan

²Ada sarjana yang menamakannya pula sebagai 'kota pelabuhan'. Lihat H.J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud, *Kerajaan-kerajaan Islam di Jawa, Peralihan dari Majapahit ke Mataram*, Grafiti Press, Jakarta, 1985, hlm. 18.

orang asing seperti para pedagang, santeri, pendakwah dan penghijrahan juga berlaku. Di situ jugalah berkembang agama-agama di dunia.³

Bagi bandar-bandar jenis ini kekayaan dan keutuhan ekonomi akan menjadi faktor kekuatan dan hegemonia politik. Pada prinsipnya, sumber ekonomi didapati daripada berbagai-bagai jenis cukai perdagangan. Ini diperkuat dengan perolehan hasil uftian, sekiranya bandar tersebut adalah kuasa penakluk. Semakin banyak didapati hasil percukaian, 'pembezaan dan uftian', semakin kukuhlah ekonomi dan semakin teguh pula kedudukan politik dan ketenteraan (dari segi keperluan, penanggungan dan penyaraan tenaga manusia) di bandar-bandar tersebut. Selain itu, keluasan dan banyak kawasan dan bandar perdagangan yang dikuasai oleh sesuatu pemegang kuasa bandar tersebut juga akan menjadi faktor kekuatan dan hegemonia politik. Oleh itu, biasanya sesebuah negara kota yang terkuat dari segi politik dan ketenteraan (kerana besarnya saiz tenaga manusia yang boleh dimobilisasikan untuk peperangan, dalam konsep Thai tradisional disebut *phrai*)⁴ akan cuba menguasai (melalui penaklukan) negara kota yang lebih kecil dan lemah, istimewanya negara kota yang memiliki strategi perdagangan dari segi jalan perdagangan, dan yang berpotensi dari segi pengeluaran hasil.

Pusat pemerintahan selalunya bertapak di tempat sumber dan kuasa penaklukan itu bermula. Di sini jugalah lazimnya tempat organisasi pentadbiran beroperasi di peringkat pusat dan di tahap kawasan takluk. Dalam konteks hubungan dua hala untuk mengekalkan penguasaan dan penaklukan ini, ia bergantung pada setakat dan selama mana pihak yang ditakluk itu sanggup mengakui kedaulatan, ketuanan dan kepatuhan terhadap pihak penakluk. Ia juga bergantung pada sejauh mana kuasa pusat berupaya untuk melaksanakan dan mengekalkan *status quo* kuasanya sebagai penakluk terhadap pihak yang ditakluk tadi menerusi operasi ketenteraan atau manipulasi politik. Konsep politik penaklukan yang dimaksudkan di sini mestilah dibezakan dengan konsep penjajahan pada abad ke-19 dan abad ke-20 di Asia Tenggara.

³Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972.

⁴Akin Rabibhadana, *The Organisation of Thai Society in the Early Bangkok Period, 1782-1873, Cornell-Thailand Project, No. 74, Thaca, 1969*; Muhammad Yusoff Hashim, (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur, 1980, hlm 425-26.

Fenomena pengakuan tradisional terhadap pihak penakluk hanya dilambangkan menerusi penghantaran ufti yang berkala dan kesediaan pihak yang ditakluk itu menyahut kehendak kuasa pusat dalam hal-hal yang berkaitan dengan keperluan dan penggunaan tenaga manusia seperti untuk peperangan, pertahanan, pembinaan kubu dan istana. Pengakuan tradisional juga dilambangkan pada kesanggupan pihak yang ditakluk untuk menyediakan dan membekalkan berbagai-bagai peralatan material kepada kuasa induk dan kuasa ketuanan seperti makanan, alat pengangkutan dan senjata apabila diperlukan. Sekiranya taraf ekonomi dan pemilikan tenaga manusia oleh pihak yang ditakluk mengatasi pihak penakluk, maka keadaan yang sebaliknya sering terjadi. Oleh itu, hubungan antara dua pihak ini sentiasa dan hanya terjadi, dan berada dalam suatu ikatan dan tahap politik yang longgar.

Pengawasan dan penguasaan secara tidak langsung negara kota dan bandar pelabuhan yang banyak dalam sebuah lingkungan geopolitik yang luas, menggambarkan suatu 'persatuan' negara kota (*agglomeration of city states*) di sesuatu rantau yang diterajupolitikkan oleh sebuah kuasa pusat dan penaung yang kuat pada sesuatu zaman. Unsur politik seperti ini, secara disadari atau tidak, akan membawa kepada pembentukan sebuah empayar.

Kekekalan dan hegemonia politik empayar ini terletak pada kekuatan dan kebolehan untuk mengekalkan penundukan serta penguasaan kawasan takluk. Pelaksanaan politik terhadap kawasan takluk dilakukan secara prinsip langsung atau tidak langsung. Kelangsungan selalunya, walaupun bukan mesti direalisasikan menerusi perkahwinan kerabat antara istana pusat dengan istana pihak yang tertakluk atau yang dinaungi perkahwinan politik namanya. Sebab pengawasan dan penguasaan jalan perdagangan, sama ada darat atau laut adalah amat penting bagi pengawasan dan pengekalan *status quo* ekonomi, maka bandar pelabuhan dan negara kota yang terdapat di sepanjang jalan perdagangan itulah yang menjadi prioriti pengawasan politik dan fizikal.

Sekiranya ia berada di pesisiran sebagai pelabuhan perdagangan, maka ciri dan fungsi utama bagi bandar pelabuhan seperti ini ialah "..... tempat-tempat penarikan beca dan cukai terhadap barang-barang yang lewat, yang dilakukan oleh penguasa-penguasa tempatan. Hal ini disebut *pabean* bandar (an) atau *rangkah* jika didirikan di jalan-jalan urat nadi

perdagangan".⁵ Kawasan pedalaman yang berpotensi ekonomi, hasil galian atau pertanian, dihubungkan ke bandar pelabuhan di persisir melalui sungai. Ini logik. Dari segi geografi hampir semua kawasan tanah besar Asia Tenggara dan Gugusan Kepulauan Melayu dipenuhi dengan sungai yang boleh menjadi alat komunikasi antara pedalaman dan persisiran. Malah di Malaysia, faktor sungai jugalah yang menjadi asas pembentukan geopolitiknya.⁶ Begitu jelas keadaannya, sehingga ada pelawat-pelawat asing pada zaman awal yang melawat sekitar muara sungai di Sumatera memikirkan bahawa Sumatera terdiri daripada penyatuan pulau-pulau kerana 'dipisahkan' oleh sungai-sungai yang besar. Ada yang mengandaikan bahawa Sumatera dipisahkan dari Pulau Jawa oleh Sungai Sunda bukan Selat Sunda. Oleh itu, pengembara Barat pada abad ke-14, iaitu Marco Polo pula menamakan Sumatera sebagai 'Lesser Jawa'.⁷

Naik dan turun empayar-empayar ini teruji dengan keupayaannya menyatukan negara kota yang ditakluki atau dinaungi. Penarikan dan nekad membebaskan diri daripada 'ikatan' kuasa pusat oleh negara kota yang ditakluki menjadi tanda kepada kemerosotan kuasa dan keporak-perandaan empayar. Sebaliknya zaman keagungan empayar ditunjukkan dengan kebolehnya mengawal bersungguh-sungguh (*to exert control*) secara politik suatu kawasan taklukan atau naungan yang luas. Ini adalah tahap kekemuncakan politik. Pada tahap inilah kebudayaan, kesenian, bahasa dan kesusasteraan menjadi segera; persoalan metafizik dan agama menjadi kukuh; serta berbagai-bagai unsur pengaruh luar meresap dan bertapak.

Faktor luar yang menjadi dasar kepada kemerosotan atau keruntuhan sebuah kuasa politik yang besar ialah penggunaan dan fungsi jalan perdagangan di laut yang semakin kurang; kegiatan di pelabuhan dagang semakin merosot; dan penggunaan jalan perdagangan (darat dan laut) di sesuatu rantau politik didapati terus menurun. Kegiatan perdagangan asing untuk datang ke pelabuhan dagang tadi terus berkurangan, atau disebabkan oleh peralihan jalan perdagangan. Faktor-faktor ini sebenarnya merupakan antitesis terhadap kemunculan dan kegemilangan sesebuah empayar tadi.

⁵H. J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud, *op.cit.* hlm xv.

⁶Khoay Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 1850-1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu, Kuala Lumpur, 1984, hlm 1-26.*

⁷Marco Polo, *The Travels of Marco Polo, Great Britain, Penguin Books Ltd., 1980, hlm 256-258.*

Oleh itu, faktor ekonomilah yang menjadi induk kepada politik dan proses politik empayar-empayar ini.

Pembentukan jalan perdagangan di bahagian rantau Nusantara secara langsung membentuk suatu rangkaian jalan perdagangan di laut antarabangsa. Oleh itu, rantauan laut Nusantaralah yang menghubungkan lalu lintas di antara Timur (China dan Jepun) dengan Barat (India, Timur Tengah, Itali dan seterusnya ke Eropah). Hubungan jalan perdagangan ini sungguh erat, sehingga Tome Pires mengatakan bahawa peranan penting ekonomi Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 yang telah membangkit dan menyuburkan kegiatan perdagangan Eropah, "Who ever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice".⁴

Peranan dan kedudukan Selat Melaka semakin penting apabila dikaitkan pula dengan kedudukannya sebagai 'gerbang' yang menghubungkan di antara dunia luar dengan kawasan perairan Gugusan Kepulauan Melayu, mengarah ke selatan. Secara relatifnya, ia juga menggiatkan kegiatan ekonomi kawasan ini dalam soal pemasaran dan perdagangan berbagai-bagai jenis hasil pertanian mentah (yang paling utama ialah rempah dan lada) ke peringkat antarabangsa. Dan secara relatif jugalah ia menjadi faktor kepada kemunculan dan kenaikan puluhan negara kota dan bandar pelabuhan di Pulau Jawa (yang menjadi 'gerbang' hubungan luar kuasa-kuasa setempat Jawa Timur dan Airlangga pada abad ke-11, Kediri dan Singosari pada abad ke-9 hingga abad ke-13. Majapahit pada abad ke-13 hingga sekitar abad ke-16 yang pada abad ke-15 dan abad ke-16 dan selepasnya membentuk entiti politiknya sendiri seperti di Demak, Tuban, Grisek, Rembang, Ciri, Surabaya, Borneo Selatan dan Brunei, lantas ke Sulu dan Sulawesi. Pertembungan perdagangan di antara Timur dengan Barat telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di pesisir Nusantara menjadi tumpuan para saudagar setempat dan asing. Oleh itu, wujudlah sebuah bandar kosmopolitan. Ini menjadi ciri yang standard dalam corak dan sejarah kemasyarakatan bandar pelabuhan di Nusantara.

Akibat terlalu bergantung pada jalan perdagangan di laut untuk matlamat perdagangan, maka negara kota ini (sama ada sebagai pusat persinggahan, pemindahan, pengendalian barang dagangan entreport, pengumpulan bahan dagangan pembekal dan pengeluar hasil-hasil

⁴Armando Cortesao (ed). *The Suma Oriental of Tome Pires, 1944, hlm 287.*

tempat atau pengimport dan pengedar komoditi barang dagangan dari luar) amat sensitif dengan suasana laut dan jalan perdagangan yang ada di hadapannya.⁹ Kemunculan dan kehancuran; kegemilangan dan kemalapan negara kota ini menjadi makmur. Sebaliknya apabila lembab dan kurang pedagang ini yang datang, akan menjadikan negara kota ini malap dari segi ekonomi dan akhirnya sosiopolitik.

Apabila membicarakan soal sosiopolitik, maka peranan kedutaan antara kuasa pusat bagi empayar kelautan ini dengan kuasa tradisional China, haruslah dikaitkan sama. Ia berhubung dengan dasar laut dalam amalan perdagangan kerajaan China yang berselindung di sebalik sistem uftian. Apabila dasar luar dalam sistem ini dikuatkuasakan, para pedagang Cina hanya digalakkan untuk berdagang ke bandar-bandar pelabuhan yang 'dilindungi' oleh kerajaan China. Ini hanya berlaku setelah penguasa bandar-bandar ini atau pemerintah negara-negara China di Peking. Ini selalunya dilambangkan menerusi dua episod sejarah, iaitu dengan penghantaran siri-siri misi dan rombongan kedutaan daripada pemerintah tempatan kepada Maharaja China bagi mengakui ketuanan mereka. Sebaliknya, kerajaan China mengiktiraf pula secara *de jure* pemerintah tempatan ini dengan penghantaran pelbagai hadiah yang simbolik seperti loceng, sutera, kain kuning, dan payung kuning. Episod-episod ini memberikan segala kepentingan politik kepada kerajaan-kerajaan tempatan tadi, di samping kepentingan dan keuntungan ekonomi yang cukup pasti.¹⁰

Pedagang-pedagang dari kerajaan tempatan yang mempunyai pertalian politik dengan kerajaan China sahaja dibenarkan untuk masuk ke China. Dan hanya bandar-bandar pelabuhan di Nusantara yang telah menjalin hubungan politik dengan China yang akan didatangi oleh para pedagang China. Oleh itu, kegiatan pedagang di bandar-bandar pelabuhan seperti itu akan bertambah rancak.

Kita menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat bagi menjelaskan tentang hal tersebut. Permasalahan sumber sering menyebabkan pengkaji menjadi kelam-kabut dan kerap mengakhirkkan

⁹O. W. Wolters, *Early Indonesian Commerce...* (halaman yang berkenaan); *Orang Laut* disebut sebagai memainkan peranan utama untuk mengumpulkan bahan-bahan mentah bagi komoditi dagang ini. Rujuk D. Sopher, *The Sea Nomads*, No. 5, Singapore, 1965.

¹⁰P. Wheatley, *The Golden Khersonese, Kuala Lumpur, 1961*, hlm 273; P. Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, hlm 85. Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, 1982, hlm 20-34.

pendekatannya menerusi," ...only by supposition and informed suggestions", seperti yang dilakukan oleh G.Coedes yang mengkaji tajuk ini. Alternatif lain ialah dengan merujuk pada sumber China tradisional daripada beberapa dinasti awal mereka. Sumber Dinasti Sung, Dinasti Sui, Dinasti Tang, Dinasti Ming contohnya, menyebut kerajaan-kerajaan tua yang dipastikan wujud di sekitar Semenanjung Tanah Melayu seperti Langkasuka (sekitar Utara Semenanjung) pada abad ke-6. *Ch'ih-tu* (Tanah Merah) di Kelantan, *Tan-Tan* (Besut, Terengganu) dan *Lo-Yuen* (di Johor). Kerajaan-kerajaan setempat yang mempunyai, "... well ordered governments"¹¹ ini dilapor oleh sumber China sebagai saling menghantar hadiah dan misi muhibah ke China, mulai sepanjang abad ke-7 hingga pada abad-abad yang berikutnya. Hubungan kedutaan ini memberi manfaat pada bidang-bidang ekonomi dan politik tempatan.

Bertentangan dengan dasar ini ialah dasar perdagangan bebas. Pedagang China berhak untuk datang ke mana sahaja bandar pelabuhan yang diminati, tanpa larangan dan tempat perlindungan kerajaan. Fenomena ini sering mengancam pola perdagangan menerusi sistem uftian, khususnya di negara-negara kota yang kononnya dilindungi oleh China. Setelah negara kota itu menjalankan usaha pertukaran misi kedutaan, mereka dapat pula menikmati kepentingan ekonomi. Perubahan pola ini akan mengancam kuasa kelautan pusat. Dengan meningkatnya kegiatan perdagangan di bandar-bandar pelabuhan yang dikuasai kelautan pusat itu. Dalam konteks inilah peranan pokok Orang Laut amat penting. Semacam paksaan. Orang Laut bertugas untuk mengarahkan kapal-kapal pedagang asing supaya menjurus dan bertumpu ke pelabuhan kuasa pusat, bukan ke pelabuhan takluk.

Mulai abad ke-5 keperluan perairan di sekitar Nusantara yang merujuk pada lalu lintas Selat Melaka dan Laut China Selatan mula memainkan peranan. Ia berkait dengan meningkatnya permintaan bahan-bahan mentah dari Nusantara bagi pasaran dunia.

Funan, Langkasuka, Kan-t'o-li Dan Sriwijaya

Daripada sumber awal China dari zaman Dinasti Han (abad ke-2) sumber dari India Selatan dan dari prasasti kuno, dapat dipastikan bahawa kerajaan di selatan Semenanjung Asia Tenggara yang muncul menerusi

¹¹Barbara Watson Andaya, *op.cit.* hlm 22.

kepentingan ekonomi, lalu mendapat manfaat untuk matlamat politik ialah empayar tua Funan. Funan muncul dalam ruang kepentingan ekonomi dan geografi lalu membentuk perspektif sejarah mengikut lunas dan ciri-ciri di atas. Mengikut landasan ruang dan perspektif sejarah inilah juga didapati kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar pelabuhan yang besar di Nusantara ini muncul dan berkembang.

Funan wujud dari abad pertama hingga abad ke-6 Masihi dan mencapai zaman kemuncaknya pada sekitar abad ke-3. Kerajaan Funan berpusat di Wadhapura (wilayah Timur Kampuchea sekarang). Empayar Funan berkembang dari *Go Oc - Eo* (bandar pelabuhannya yang utama) ke negara-negara kota di *Kolo* (Burma Timur sekarang.) *Tambralingga, P'an P'an, Tun Sun, Kataha* dipastikan meliputi kawasan-kawasan serantau, iaitu Kedah, Kelantan, Senggora (Songkhla), Nakhon Si Tammarat (Ligor) dan Patani. Bandar persisir *Go Oc - Eo* dihubungkan ke Wadhapura oleh Tassik Tonle dan Sungai Mekong. Sumber-sumber China pada abad ke-3 mendakwa bahawa Funan juga berjaya menaungi Langkasuka yang muncul di sekitar abad ke-2. Ini menyebabkan hampir seluruh bahagian Utara Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah naungan Funan. Dakwaan ini berdasarkan sumber China dan Arab pada abad ke-7 yang mengatakan bahawa empayar kecil Langkasuka ini termasuklah seluruh muara Sungai Terengganu, Kedah, Kelantan, Patani, Telubin dan Senggora.¹²

Di sekitar kawasan-kawasan inilah terletak jalan perdagangan yang menghubungkan di antara Timur dengan Barat. Dengan keupayaan menakluk dan menaung kawasan-kawasan tersebut bermakna Funan dapat menguasai dan mengawal suatu rentasan geografi yang besar dan luas, iaitu dari bahagian timur Telok Benggala menganjur ke seluruh jalan perdagangan di Telok Siam dan Semenanjung Vietnam. Seperti Funan, Langkasuka juga terbentuk daripada penguasaan suatu kawasan yang luas yang meliputi seluruh Utara Semenanjung Tanah Melayu. Langkasuka berjaya menghubungkan suatu jalan perdagangan di antara Pantai Barat dengan Pantai Timur Utara Semenanjung sebelum ia menjadi naungan Funan.¹³

¹²P. Wheatley. *The Golden Khersonese*, hlm 257, peta 42.

¹³P. Bellwood, *Man's Conquest of the Pacific: The Prehistory of Southeast Asia and Oceania*, Auckland, 1978; A. Lamb, "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlements in North Malay and Southern Thailand", dalam *Federation Museum Journal, New Series*, 6, 1961. Hikayat Merong Mahawangsa menyebut bahawa petempatan asal 'Langkasuka' ialah di pesisir utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pengasasnya ialah Raja Merong Mahawangsa. Disebut bahawa Langkasuka menjadi tumpuan pada pedagang dan santeri, "datang berniaga ke dalam negeri itu". Siti Huwa Saleh, (ed). *Hikayat Merong Mahawangsa, Kuala Lumpur, 1970*, hlm 13-14.

Kemerosotan kedua-dua empayar ini adalah akibat kemalapan peranan negara-negara kota dan bandar-bandar pelabuhan dalam bidang ekonomi perdagangan. Ini adalah kesan langsung akibat merosotnya peranan jalan perdagangan di kawasan sekitar timur Telok Benggala apabila dikatakan bahawa mulai dari abad ke-5, Selat Melaka dan Selat Sunda mula menjadi rentasan dan laluan laut bagi pedagang Timur dan Barat. Ia juga berkait dengan permintaan dunia bagi bahan-bahan mentah dari Nusantara yang semakin memberangsangkan. Sementara itu, barang-barang dagangan dari Timur, khasnya dari China merupakan komoditi mewah bagi pasaran Nusantara. Barangan dari India dan Timur Tengah pula mempunyai nilai barangan import dan jenama yang bernilai di rantau ini.

Sumber China pada abad ke-5 dan abad ke-6 Masihi (daripada Dinasti Sung dan Dinasti Liang) mengatakan bahawa sebuah pertempatan yang bernama *Kan-t'o-li* yang terletak di Tenggara Sumatera,¹⁴ mengambil peluang dengan keperluan jalan perdagangan di Selat Melaka serta kemunculan pola perdagangan yang baru ini. *Kan-t'o-li* didakwa sebagai berjaya untuk menguasai sebahagian besar dari muara-muara sungai di sepanjang pantai Timur Sumatera sehinggalah ke Pantai Timur dan Pantai Barat semenanjung Tanah Melayu. *Kan-t'o-li* merupakan sebuah kuasa kelautan Melayu yang pertama muncul secara langsung daripada peluang sosioekonomi dan jalan perdagangan laut yang muncul ketika itu. Kelahiran *Kan-t'o-li* menandakan kemalapan wibawa politik dan keunggulan ekonomi Funan dan Langkasuka. *Kan-t'o-li* menggantikan kedua-dua kuasa ini. *Kan-t'o-li*lah yang dianggap memberi jalan ke arah kemunculan kerajaan Sriwijaya.

Melalui prasasti-prasasti yang terdapat di Telaga Batu, Kedukan Bukit dan Talang Tuwo di Palembang dan melalui interpretasi yang dibuat oleh G.Coedes menerusi sumber-sumber China dari abad ke-7 hingga abad ke-9 daripada Dinasti Tang tentang hal ini dinyatakan bahawa pada abad ke-7, kuasa Melayu ini telah pun berwibawa politik, berinstitusi, dan berkerajaan.¹⁵ Dengan berpusatkan geopolitik Palembang, Jayanasa - seorang

¹⁴Tempatnya dikatakan terdapat di sekitar Jambi, bermuarakan Sungai Batang hari. Lihat N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*, hlm 112; G.Coedes, "A Possible Intrepretation of the Inscription of Kedukan Bukit (Palembang)", dalam J.Bastin and R.Roolvink, (eds) *Malayan and Indonesian Studies*, Kuala Lumpur, 1964.

¹⁵G.Coedes, *ibid.*, Disebut oleh sumber China daripada Dinasti Sui (590-618 T.M.) yang dipetik oleh P.Wheatley, me-nge-nai pemerintah Chih-tu bahawa. "The king sits on a three-tiered couch, facing north and dressed in rose-coloured cloth, with a chaplet of fold flowers and necklaces of varied jewels. Four damsles attend on his right hand and on his left and more than a hundred soldiers mount guard". Lihat P.Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm 28, 254, 255.

penguasa politik yang sama ada terpengaruh dengan gagasan politik dan tradisi sejarah serta ekonomi kerajaan-kerajaan besar yang mendahuluinya, iaitu Funan dan Langkasuka. Jayanasa mula mengembangkan pengaruh politiknya dengan menguasai dan menakluk kawasan yang strategik dari segi pengawalan jalan perdagangan laut. Ini meliputi juga Selat Sunda. Dengan pengawalan ini bermulalah suatu era baru prasejarahan Melayu sekitar Selat Melaka, apabila penguasa-penguasa politik selepas Jayanasa terus menguasai kawasan-kawasan jalan perdagangan yang strategik ini dan membentuk sebuah kuasa laut Thalassocracy. Sebuah empayar kelautan Melayu, dengan bertulang-belakangkan tenaga manusia dan kemahiran pelbagai suku, Orang Laut pun wujud. Ini mungkin merupakan suatu pola dan tradisi persejarahan yang baru dalam Melayu. Tetapi masih dalam ruang dan konteks kerantauan serta kesinambungan tradisi dan penerusan pola persejarahan bagi zaman-zaman sebelumnya seperti Funan dan Langkasuka. Faktor sosioekonomi yang berdasarkan keperluan, kewujudan dan penggagasan politik telah berulang semula.

Sriwijaya menjadi sebuah empayar Melayu. Pada zaman kemuncaknya dalam abad ke-11, Sriwijaya disebut menguasai jalan perdagangan dan jalan laut yang cukup luas, iaitu dari kawasan Gerahi di timur Teluk Benggala menganjur ke Selat Sunda di selatan, lalu menguasai seluruh geopolitik tradisional pantai timur Sumatera, seluruh Thai Selatan, Semenanjung Tanah Melayu dan barat laut Gugusan Kepulauan Melayu. Sriwijaya yang berpusat di Palembang, kemudian berpindah ke Jambi juga berjaya menundukkan kuasa-kuasa setempat dan bandar-bandar pelabuhan yang lebih kecil. Proses dan pola politik serta penguasaan jalan perdagangan laut oleh Sriwijaya ini berlarutan hingga abad ke-13.

Sejarah Melayu, satu daripada sumber peribumi telah menerapkan dengan bersungguh-sungguh tradisi Palembang dan sosiobudaya kepalembangan (unsur mitos dan anasir alam yang ghaib) berhubungan dengan asal usul dan salasiah raja-raja Melaka pada abad ke-15. Mukadimah tentang jurai dan tradisi asal usul ini yang diterapkan dalam teks tersebut atau apa saja unsur *literary fictionality* tentang hal ini, bukanlah disengajakan seperti yang sering didakwa kerana perawi atau penyusunan teks tersebut bukan seorang yang jahil atau buta sejarah. Perawi atau penyusunan tersebut sebenarnya memahami dan tahu tradisi kepalembangan yang disebut mendahului tradisi Melaka adalah manifestasi dari proses dan haRikat

sejarah Sriwijayalah yang dimaksudkan oleh penyusun atau perawi tersebut. Dengan itu dakwaan bahawa tradisi Sriwijaya pada mulanya berpusatkan Palembang adalah sah.

Secara aksen (*folk etimology* atau *accent*), sumber China menyebut Sriwijaya sebagai *San-fo-che* atau *Che-li-fo-che*. Sumber Arab menyebutnya sebagai *Sarbazza* atau *Sribuzza* dan diperintah oleh Maharaja Zabej atau Zabag. Tentulah Muara Sabak atau Sebak yang bersungaikan Batang Hari yang disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai Muara Batang (bukan Tatang seperti yang ditranskripsikan) yang dimaksudkan oleh sumber Arab itu. Dari Palembang, kemudian di Jambi dijalankan organisasikan politik dan pergerakan serta penggembelengan tenaga Orang Laut bagi menguasai dan mengawal seluruh jalan perdagangan sepanjang Selat Melaka, Selat Singapura hingga ke Laut China Selatan.

Kebangkitan Sriwijaya boleh dikaitkan secara relatif dengan kegiatan perdagangan di luar Nusantara yang aktif dengan kegiatan dan pemasaran barang-barang mentah dari Nusantara. Di China, zaman Dinasti Tang dari abad ke-7 hingga abad ke-8 dan zaman Khalifah Abbasiyah pada abad ke-8 hingga abad ke-13, kegiatan perdagangan dua hala Timur dan Barat melalui perairan Nusantara adalah cukup giat. Secara tradisi, hubungan perdagangan Selatan India dengan kawasan perairan Melayu telah lama berjalan.

Arah ke selatan di Pulau Jawa, muncul pula beberapa buah kerajaan tua pra-Islam yang diketahui dimulakan dengan kerajaan Jawa Timur dan Jawa Tengah pada abad ke-9. Ini diikuti pula oleh kebangkitan kerajaan Kediri, antara tahun 850 hingga tahun 1222, kerajaan Singosari antara tahun 1222 hingga tahun 1290 dan kerajaan agung Majapahit antara tahun 1293 hingga lebih kurang tahun 1520. Walaupun masyarakat dalam kerajaan ini bercorak *agro basis*, namun hubungan luar dari Pulau Jawa memerlukan pengawalan dan penggunaan beberapa buah bandar pelabuhan di utara pulau tersebut. Maka persekitaran Laut Jawa hingga ke selatan Selat Melaka, tetap merupakan unsur laluan perairan yang penting untuk kerajaan-kerajaan ini, khususnya yang berhubung dengan keperluan sosioekonomi. Kegiatan pengawalan laut bagi matlamat ekonomi dan kegiatan ketenteraan yang serupa, menyebabkan kedua-dua kuasa ini, iaitu Jawa di Pulau Jawa dan Melayu di Sriwijaya bertembung. Perebutan laluan perairan sering terjadi, menyebabkan berlakunya persaingan politik dan

budaya. Malah kebangkitan dan kekuatan angkatan laut Majapahit sering dikaitkan dengan salah satu faktor kemalapan kuasa Sriwijaya.

Apabila Kartanagara dari Kerajaan Singosari mengagaskan konsep Pra-Melayu pada tahun 1275 dalam usaha untuk membina sebuah barisan dan penyatuan politik Jawa Melayu dalam sebuah rantau politik, perairan dan budaya yang serupa dan sejiran, maka beliau menundukkan Jambi dalam usaha untuk menanamkan pengaruh politik Jawa di Sumatera. Adityawarman yang berdarah Jawa-Melayu itu, kemudiannya menjadi penegak daulat dan pendiri kerajaan Minangkabau di Pagar Ruyung.

Menjelang pertengahan abad ke-13, kegemilangan Sriwijaya mulai luntur. Selain faktor dalaman, faktor luar juga turut memberikan kesan yang besar terutama faktor yang berkaitan dengan hal ehwal dan keperluan jalan perdagangan Selat Melaka. Jalan perdagangan yang menjadi tunggak ekonomi dan politik Sriwijaya mula diancam oleh kerajaan Chola dari India. Bandar-bandar pelabuhan di bawah penguasaan Sriwijaya diserang kerana kejayaan Sriwijaya menguasai dan mengawal Selat Melaka, dan ini telah menggugat perdagangan India. Keadaan ini bertambah rumit kerana perubahan dasar perdagangan China, zaman Dinasti Sung dan Monggol pada abad ke-12 hingga abad ke-14. Pelaksanaan perdagangan luar yang berselindung di sebalik sistem uftian yang selama ini amat memberi manfaat kepada ekonomi dan didakwa sebagai cukup menguntungkan dari segi politik serta pengiktirafan Sriwijaya telah dibatalkan dan diubah kepada dasar perdagangan bebas tanpa perlindungan. Perubahan dasar ini membolehkan para pedagang China bebas berniaga di bandar pelabuhan yang diminati mereka, tidak semestinya ke Palembang atau Jambi sahaja. Ini menyebabkan kemerosotan Palembang dan Jambi. Fenomena perdagangan sedemikian tentulah semakin mengancam wibawa dan kuasa pusat Sriwijaya.

Pada tahap kegemilangan kuasa kelautan Sriwijaya di sekitar Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan, kerajaan Jawa tua abad ke-13 dan abad ke-14 melihat kegemilangan ini sebagai satu faktor yang cukup menggugat terutama dari segi pengawalan jalan perdagangan laut. Dalam usaha untuk mengawal jalan ini, maka kerajaan Singosari dan Majapahit berikhtiar untuk menundukkan dan meletakkan Sriwijaya ke taraf yang lebih rendah dari segi fungsi ekonomi dan ketenteraan laut.

Maka tercetuslah gagasan politik dan ekspedisi Pra-Melayu tadi. Ia dianggap para sarjana masa ini sama ada sebagai suatu peperangan terbuka terhadap sebuah kuasa serantau tetapi merupakan jiran yang cukup mengancam, ataupun suatu gagasan dan rancangan imperialistik tradisional Jawa,⁶ yang berselindung di sebalik kalimat dan slogan 'gabungan suci' bagi menyatukan kuasa politik Jawa-Melayu. Pada prinsipnya gagasan ini mempunyai matlamat politik, iaitu untuk menguasai suatu kawasan geopolitik yang luas dan matlamat ekonomi yang besar bagi mengawal jalan perairan yang amat strategik dan menguntungkan di antara Pulau Jawa dengan kawasan luar, manakala Selat Melaka dapat dianggap sebagai 'gerbang' ke perairan Nusantara.

Proses yang saling berkait ini memberikan kesan terhadap hubungan politik dan budaya Jawa-Melayu yang mungkin tidak disengajakan, bukan sahaja dengan istana dan penguasa pusat di Palembang atau Jambi, malah di semua bandar pelabuhan yang ditakluk oleh Sriwijaya. Proses ini sekurang-kurangnya berlaku melalui hubungan kekeluargaan, iaitu menerusi perkahwinan kerabat keraton Jawa dengan istana Melayu sejak abad ke-9 lagi. Dan apabila Tome Pires merujuk pada seni dan unsur perwayangan Melaka pada abad ke-16 yang dikatanya terpengaruh dengan seni corak Jawa, maka ini sebenarnya terjadi akibat proses hubungan dan penjalaran budaya serantau, iaitu dari Pulau Jawa mengarah ke sekitarnya, tetapi terletak di suatu rantau budaya yang serupa.

Dalam abad ke-13 juga, kuasa tradisional Siam, iaitu Sukhotai menerusi Ligor, mula menular ke Selat Melaka hingga ke selatan Selat Singapura, dalam gagasan diplomatik dan matlamat ekonomi yang serupa. Gagasan ini dilanjutkan sehingga pada masa kegemilangan Dinasti Ayuthia dalam tahun 1350-an. Mereka mendakwa dan menuntut ufti dari bandar-bandar pelabuhan Melayu Semenanjung, yang sebelum itu di bawah taklukan Sriwijaya. Suasana politik di sekitar Selat Melaka semakin kompleks, sehingga menjadi Melayu-Jawa-Siam. Ini belum termasuk unsur China dari tentera laut Dinasti Yuen atau Monggol (Kublai Khan) yang disebut dan didakwa merancang untuk menguasai seluruh

⁶D.G.E.Hall, *History of Southeast Asia, London, 1947, hlm 71, N.J. Krom, Hindoe Javaansche...; M.D. Mansoer, et al. (ed). Sejarah Minangkabau, Bhrutara, Djakarta, 1970, hlm 51-52; C.C. Berg, "The Javanese Picture of The Past", dalam Soedjatmoko, (ed), op.cit., hlm 99. Sumber Jawa, Nagarakartagama, menyebut ekspedisi tentera laut Jawa ini termasuk juga ke Borneo Selatan dan Pahang*

Sebagai mana hal tradisi asal usul yang lepas, pengarang atau perawi Sejarah Melayu sedar akan proses dan pola politik yang telah terjadi puluhan tahun sebelum pengarangnya. Dalam mentakrifkan bahagian awal sejarah Melaka yang membentuk episod-episod yang menjadi latar belakang kepada sejarah ini dapat kita lihat bagaimana Jawa Majapahit dan Siam Sukhotai serta Ayuthia diterap sebagai unsur sejarah yang utama, tetapi dicernakan menerusi naratif-anekdot-sejarah yang sering membingungkan pembaca. Unsur ini disebut sebagai unsur politik luar yang dasar, yang sering diterap menerusi ciri-ciri *animosity*, dalam masa pemerintahan raja-raja Melaka di Singapura dan di Melaka pada awal abad ke-15. Ini wajar dan mempunyai kesan kesejarahannya kerana lanjutan tradisi persejaraan Selat Melaka yang telah sebenarnya terjadi, dan mereka merupakan kuasa-kuasa asing yang menjadi penyaing bagi kuasa Melayu, yang mungkin merupakan sisa-sisa tokoh dan kuasa politik Sriwijaya. Kesemuanya menjadi latar belakang kepada penubuhan Melaka. Parameswara terus didaulati sebagai pemerintah Melayu yang sah oleh suku-suku Orang Laut dalam lingkungan budaya politik, unsur manusia dan tenaga politik yang amat dasar menegakkan kedaulatan Sriwijaya dahulu. Tenaga ini sekarang berpindah dan bergerak ke Singapura untuk sementara (lebih kurang lima tahun, kata Tome Pires), kemudian menгарah, menegak dan kekal terus di Melaka selama seabad lebih.

Di Melaka, bekas 'ahli politik' Melayu dari Palembang atau Jambi (sekarang yang menuani Jawa Majapahit, lanjutan Jawa Singosari) dan Singapura, berjaya mengekalkan identiti politik Melayu temurun dan tradisi politik kemelayuan, sebagai melanjutkan tradisi politik tanah asal mereka dari pesisir timur Sumatera itu. Oleh itu, dari segi konsep dan tradisi persejaraan, ia bukanlah suatu persejaraan baru dalam lingkungan sosiologi politik dan kebudayaan Melayu di Selat Melaka, malah merupakan penerusan dan kesinambungan proses politik dan tradisi persejaraan Melayu Selat Melaka. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan wibawa dan kuasa (dalam konteks semangat kebangkitan semula wibawa dan kuasa Sriwijaya) dan setakat perubahan geopolitik serta geografi yang berlainan tetapi berada dalam lingkungan perairan dan rantau budaya yang serupa.

¹⁷D G E. Hall, *ibid.*, hlm 74-75

Dari Melaka, tradisi persejaraan ini diteruskan di Johor-Riau, diselangi oleh suatu tempoh peralihan dalam usaha mencari tapak geopolitik yang baru di Johor Lama pada abad ke-16.

Oleh itu, dari segi perspektif, sepanjang abad yang pertama hingga abad ke-16 Masihi, suatu tradisi dan proses persejaraan yang berhubung dengan kebangkitan dan kemerosotan kuasa-kuasa politik ini dapat dilihat. Ia terjalin dalam suatu rantaian 'naik-turun' atau 'pasang-surut' tradisi. Maknanya, secara umum kemunculan dan kebangkitan sesebuah kuasa itu, menyusuli kemunduran dan kemalapan sebuah kuasa yang lain, tetapi terletak dalam sebuah rantau atau pinggiran rantau budaya yang serupa. Kebangkitan *Kan-t'o-li* adalah susulan daripada kemerosotan kuasa Funan, menerusi proses dominasi politik. Kebangkitan Sriwijaya dilihat sebagai susulan peranan sosioekonomi *Kan-t'o-li* yang semakin pudar. Kebangkitan Majapahit juga merupakan proses penyusulan, setelah lemah dan tumbangny kuasa-kuasa Singosari dan Kediri. Kebangkitan Melaka adalah penerusan daripada pudar dan lenyapnya tradisi Palembang dan Jambi yang menjadi penguasa induk bagi Sriwijaya. Dan seterusnya, kemunculan kerajaan Melayu Johor Lama menjadi faktor pewarisan bagi kerajaan dan tradisi Melayu di Melaka yang telah diduduki oleh kuasa asing yang bukan Melayu.

Ada sarjana yang mengistilahkan bandar-bandar pelabuhan dan negara kota ini sebagai *fluid cities*. Bandar-bandar wujud mengikut pertumbuhan ekonomi dan wibawa politik bandar pelabuhan atau negara kota yang lain. Ciri ini wujud kerana kemunculan mereka berkaitan dengan pola sosioekonomi dan penggunaan jalan perdagangan yang menjadi asas ekonomi masing-masing, sama ada di darat ataupun di laut.

Dalam konteks persejaraan Selat Melaka selepas abad ke-5 khususnya, fenomena sejarah ini berlaku disebabkan faktor keperluan dan kepentingan perdagangan serta permintaan bahan mentah dari Nusantara yang semakin meluas. Permintaan yang besar ini menjadikan perairan Selat Melaka sebagai jalan perdagangan yang penting bagi kegiatan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Daripada proses dan fenomena sosioekonomi seperti inilah, maka kesan dan perubahan politik serta persejarahannya dapat dilihat. Kerajaan-kerajaan dan kuasa tua ini tumbuh di pesisiran. Pusat pemerintahan kadangkala terletak di kawasan pedalaman, tetapi dihubungkan secara langsung oleh saluran sungai muara,

tempat terletakinya sebuah bandar pelabuhan. Dari sinilah proses pengukuhan terjadi. Mereka mula bergiat menundukkan kawasan-kawasan yang penting dari segi ekonomi, untuk mengawal jalan perdagangan di samping mewujudkan monopoli ke atas bahan-bahan mentah dan bahan galian di kawasan yang ditakluk. Keluasan kawasan taklukan, naungan dan pengaruh politik kerap menjamin kebesaran dan kemantapan sebuah kuasa. Keluasan ini juga di kemuncak dengan pembentukan dan kewujudan sebuah entiti dan status politik yang bercorak empayar. Maka muncullah empayar Funan, empayar kecil Langkasuka, empayar Sriwijaya, empayar Melaka dan empayar Johor-Riau. Kesemuanya terletak dalam suatu kawasan geografi yang berjiran dan dalam kawasan perairan yang serantau.

Pengulangan dan Penerusan Tradisi

Mulai tahun 1400 (atau sekitar 1390-an), rentak sejarah ini berulang lagi. Pusat politik Melayu di Selat Melaka bergerak dari pesisir timur Sumatera ke pesisir barat Semenanjung Tanah Melayu dan menjurus ke Melaka. Selari dengan corak pengaliran tadi, Melaka sebenar telah mengambil alih peranan sosioekonomi dan politik Palembang-Jambi yang telah pudar dan tidak berfungsi lagi itu. Malah tradisi persejaraan Melaka selama seabad lebih itu adalah pengulangan semula tradisi persejaraan Sriwijaya. Cuma faktor asas yang menjadi tunggak pengubahan kedua-dua kuasa *thalassocracy* Melayu dalam lingkungan kedinamikan budaya serantau dan seperairan ini, iaitu faktor agama Islam.

Dalam konteks dan proses budaya politik serta fenomena sejarah serantau yang berlegar di Selat Melaka itulah kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 muncul dan membangun. Proses dan babak-babak sejarah yang terdahulu terjadi hingga abad ke-14 berterusan lagi. Kali ini penerusan serta kelanjutan ini terjadi di Melaka pula. Malah semangat politik dan tradisi sosiobudaya Sriwijaya itulah yang mempengaruhi penubuhan dan pembentukan Melaka, dari sebuah petempatan kecil yang didiami oleh suku Orang Laut, berkembang menjadi sebuah empayar seperti pengalaman Palembang-Jambi dahulu. Tambahan pula tokoh yang mengasaskan Melaka adalah keturunan darah dan kerabat langsung dari Palembang, dan berkaitan pula dengan kekerabatan Jawa semenjak tahap-tahap

kegemilangan Singosari pada abad ke-13 lagi.

Selepas tahun 1511, fenomena dan tradisi persejarahan Melayu dan Kesultanan Melayu Melaka ini diterus dan dilanjutkan pula ke Johor Lama-Riau. Kedaulatan kesultanan dan institusi berkerajaan masih dikekalkan walaupun tertakluk kepada keperluan dan kehendak semasa. Maka wujudlah beberapa pengubahan dan pelbagai variasi, tetapi masih dalam landasan tradisi yang serupa. Setakat contoh asas dapat dilihat gelaran Sri Biji Diraja yang menjadi timbalan kepada Laksamana di Melaka, diubah kepada gelaran Seri Bija Wangsa, di Johor bukan setakat menjadi timbalan Laksamana malah ditugaskan untuk mengawal keselamatan raja (pengawal peribadi sultan). Peranan politik dan wibawa Bendahara (tidak seperti tradisinya di Melaka), terutama zaman Laksamana Tun Abdul Jamil.¹⁴ Ini terjadi kerana hal-chwal peperangan, pengawalan laut dan perairan yang terdapat di sekitar empayar Johor pada abad ke-17 dan abad ke-18, menjadi permasalahan politik dan kewibawaan yang amat menonjol. Penglibatan kuasa-kuasa Jambi, Aceh dan Portugis menjadi latar belakang kepada masalah ini.

Masih banyak kerajaan tempatan dan bandar pelabuhan di sekitar Selat Melaka yang menjadi gerbang kepada jalan perairan ke Barat dengan pengairan Gugusan Kepulauan Melayu, yang terus mendaulati dan bertuankan Kesultanan Johor-Riau pula. Kelanjutan dan pengekalan ini bukan sahaja terjadi dalam bentuk penerusan dan tradisi budaya yang penting dan menonjol ialah nasab keturunan kerabat Melaka yang memerintah itu sendiri. Pengaruh dan fungsi soal kenasaban ini (yang secara salasilahnya berakhir pada tahun 1699, setelah mangkat Sultan Mahmud II) begitu kuat sehingga apabila perawi *Hikayat Siak* di Sumatera, pada abad ke-19, telah berusaha untuk mencipta kedaulatan raja Kecil dari Siak secara karangan dan bertulis, bukan secara lisan semata-mata. Dia menghubungkan terus nasab dan salasilah tokoh dari Minangkabau ini dengan keperibadian Sultan Mahmud II Johor, secara pengzuriatan

¹⁴Pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim Syah sekitar tahun 1670-an, Laksamana inilah yang berjaya menangkis serangan tentera Jambi, memulihkan kegiatan perdagangan Johor dan mengangkat semula taraf politik Johor di alam Melayu. Pada ketika Sultan Mahmud Syah ibni Sultan Ibrahim masih kecil, baginda diriba oleh bondanya, anak Laksamana. Dan keluarga Laksamana sendiri yang memutuskan perbicaraan negeri di balairung, bukan Bendahara yang sepatutnya berbuat demikian, menurut istiadat dan tradisi pemerintahan Melayu. Lihat Barbara Watson Andaya, *op.cit.*, hlm 73-74. Leonard Y Andaya, *The Kingdoms of Johor 1641-1728*, hlm 63.

keturunan. Walau apa pun tanggapan ilmiah kita tentang aspek kreativiti dan komposisi hikayat yang bercorak sejarah ini, namun dakwaan ini adalah suatu bukti fenomena sejarah mengenai konsep persejarahan dalam hubungan kekerabatan dan *legitimacy* temurun serta pendaulatan antara pemerintah Melayu Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 dengan sekalangan pemerintah Melayu di sekitar pesisiran Selat Melaka.

Demikianlah keadaannya sebab masyarakat Melayu tradisional (masa kini juga?) kelihatannya dogmatik dan amat taksud dengan keturunan dan unsur pengsalasilahan.¹⁹ Salasilah dan nasab mempunyai hikmat dan peranan yang tersendiri. Ia berfungsi dalam ruang budaya politik Melayu, khususnya dalam penciptaan wibawa dan politik setempat. Maka, semangat kewibawaan kesultanan dan prinsip kedaulatan raja-raja Melaka tadi nampaknya terus wujud hingga pada abad ke-19, apabila *Hikayat Siak* dikarang atau dirawikan, manakala realiti semangat ini pula direalisasikan pada tahap pertama dan kedua abad ke-18, dengan penampilan tokoh Raja Kecil yang berjiwa besar itu. Semangat ini tidak lenyap sehingga tahun 1511. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan fizikal dan perubahan geografi, apabila istana, pusat dan sumber wibawa serta kuasa harus bertapak. Dari abad ke-7 hingga abad ke-18, pertapakan wibawa dan kuasa pusat dalam ruang lingkup empayar Melayu ini bermula di *Kan-t'o-li*, diikuti oleh Palembang dan Jambi, kemudian ke Singapura, berpindah ke Melaka dan bertahan kemudiannya di Johor Lama.

Di Johor, sejarah berulang semula. Banyak unsur persejarahan Melayu dikekalkan mengawal kawasan strategik yang menjadi jalan perdagangan di rantau ini dan juga jalan perdagangan antarabangsa menjadi warisan tradisi dalam hal-ehwal perekonomian. Kawasan yang mengandungi pemerintahan setempat dan bandar-bandar pelabuhan ini terus menjadi bahagian geopolitik dalam keseluruhan empayar tersebut. Tenaga berbagai-bagai suku Orang Laut memang amat penting untuk menjadi tentera di laut. Di samping tenaga Orang Laut, tenaga penghulu, batik dan sakai dari darat yang digabungkan sejak abad ke-7 dahulu masih lagi digunakan,

¹⁹ Seperti fenomena tuntutan yang terjadi sekarang, di Melaka dan Sabah. Pihak-pihak yang mendakwa dan menuntut perwarisan kesultanan negeri-negeri ini, menampilkan naskhah salasilah dan jurai keturunan kerabat(?) masing-masing, di samping alat-alat kebesaran yang diwarisi seperti keris, sundang, tekpi dan sebagainya.

dikekalkan dan mempunyai kepentingan politik.

Konsep bandar pelabuhan dan pelabuhan dagang bagi Johor sebenar dan taklukannya masih diteruskan. Dengan sendirinya, sejak zaman tradisi lagi gelaran Syahbandar dan peranan serta konsep kesyahbandaran masih terus berfungsi. Bahasa Melayu seperti yang diamalkan di Melaka masih kekal menjadi *lingua franca*. Jika bukan bahasa ini, (dengan pelbagai sifat klasik dan keprotoan serta kuno), bahasa apakah yang digunakan di bandar-bandar pelabuhan Melayu sebelum era Melaka?

Konsep perajaan dalam institusi dan organisasi berkerajaan adalah berlanjutan. Konsep ini berteras dan berbudayakan semangat dan kepercayaan turun-temurun, yang didakwa sebagai cukup suci dan kudus kerana tidak pernah dipersoalkan. Raja yang bertakhta (ditabal dan dilantik setelah dipilih mengikut adat resam, biasanya dimasukkan unsur politik istana) dianggap sebagai, "...the source of both order and prosperity in society...provided the ancho...image of bounded and concentrated energy"²⁰ yang secara *hypothetical* disembah setelah didaulatkan, adalah penerusan tradisi pendaulatan Melayu Melaka, Singapura dan Palembang. Ia tidak pernah disangsikan. Hanya Bendahari Sang Rajuna Tapa di Singapura dan Laksamana Megat Sri Rama di Johor pada tahun 1699 telah mempersoalkan dan berasa sangsi terhadap kedaulatan raja Melayu ini. Seperti Hang Kasturi (atau Hang Jebat?) di Melaka, soal peribadi lebih banyak mendorong dan menjadi faktor tindakan mereka, bukan didorong dan digalakkan oleh faktor institusi dan organisasi. Ia dikira terencil sebab Bendahari Sang Rajuna Tapa, Laksamana Megat Seri Rama dan Hang Kasturi tidak mempunyai pengikut. Tindakan mereka tidak diikuti oleh orang Melayu malah tindakan antidaulat itu lenyap di celah-celah resam yang teguh dan hapus ditelan tradisi serta tidak diterima oleh institusi dan konvensi.

Kesinambungan dan Perubahan

Sejarah terus berkembang. Unsur-unsur sejarah semakin mengalami perubahan dalam proses penerusan dan pengembangan tadi mengikut

²⁰S Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D. Cornell University, 1975, hlm 15.

rentak masa dan suasana. Tetapi tradisi persejarahan dikekalkan. Pengawalan jalan perdagangan laut masih berfungsi. Tetapi mulai abad ke-17 ia tidak lagi menjadi hak monopoli empayar Johor-Riau sahaja menerusi sistem Persetiaan Belanda, kuasa Melayu ini terpaksa berkongsi jalan perdagangan ini dengan Belanda untuk menghadapi saingan dengan kuasa-kuasa Aceh dan Jambi yang mempunyai matlamat ekonomi yang sama.

Mulai tahun 1720-an, tenaga Orang Laut tidak lagi berfungsi sebagai angkatan laut kerana kehadiran orang Bugis yang bukan sahaja handal mengenai selok-belok laut, malah pintar dan pakar pula dalam hal-ehwal politik. Konsep kerajaan dan tradisi kuasa kelautan melayu tetap kekal, tetapi peranan dan tokoh yang melaksanakannya berpindah daripada Orang Laut kepada orang Bugis. Apabila Raja Kecil terlibat dalam kancah politik di Johor akibat terjadinya penularan kegiatan ekonomi dan perdagangan orang Minangkabau dari timur pantai Sumatera ke kawasan rantau barat Semenanjung Tanah Melayu (dengan meningkatnya kegiatan dagangan emas, lada dan bijih dari Jambi, Inderagiri, Siak dan Rokan) menjadi cukup serius, maka perpecahan pengaruh politik empayar Melayu yang akhir ini mula kelihatan. Keretakan dari segi geopolitik juga makin jelas. Kawasan-kawasan taklukan Johor kini terbahagi tiga, iaitu pertama di bawah pengaruh Melayu Johor; kedua Melayu Bugis; dan ketiga Melayu Minangkabau.

Namun begitu, semangat kedaulatan dan kedudukan perajaan Melaka terus hidup. Pada tahun 1719, Raja Kecil telah berikhtiar untuk merebut takhta kerajaan Johor dengan mendakwa bahawa beliau adalah bernasab dan berketurunan langsung daripada raja-raja Melaka, iaitu zuriat Sultan Mahmud II.²¹ Beliau menafikan kedaulatan Sultan Abdul Jalil (yang setakat berdarah Bendahara sahaja), dalam usaha mencari kebenaran dan mengesahkan dakwaan dan tuntutan takhta tadi. Nyatalah hingga ke tahap tersebut kedaulatan raja-raja Melaka masih berfungsi, bersemangat dan terus mempunyai hikmat politiknya lagi.

Apabila orang Bugis memelopori kerajaan dan kesultanan

²¹Virginia Matheson, (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur, 1982, hlm 44-47; Hikayat Siak, (Cod. Or. 7304, Sn H. 78) hlm 405-407, Aturan Setia Bugis dengan Melayu atau Hikayat Raja-Raja Riau, (Cod. Or. 1724(2), hlm 5-7; Hikayat Johor serta Pahang (MS.No. JQ Mal. 3), Perpustakaan Universiti Singapura, hlm 7-8.

Selangor pada tahun 1750-an, pemerintahannya, iaitu Raja Lumut mendapat restu dan daulat dari istana Perak kerana hanya kerabat Perak sahajalah yang kekal, menasabi salasilahnya, mereka mengaitkan salasilah dan kekerabatan mereka dengan salasilah dan kekerabatan Melaka abad ke-15, walhal telah diketahui bahawa tidak ada hubungan kekeluargaan kerabat antara kerabat Melaka dengan kerabat Bugis. Jalinan kekerabatan dan salasilah hanya terjadi mulai tahun 1720-an, iaitu menerusi perkahwinan dengan kerabat pemerintahan Johor-Siak, sedangkan kekerabatan dan nasab salasilah pemerintah Johor-Siak ketika itu telah pun putus dari nasab salasilah kekerabatan Melaka selepas tahun 1966. Jelaslah bahawa pengaruh kedaulatan dan unsur yang mengesahkan pemerintahan Melaka di rantau perairan Melayu ini begitu kuat sehingga ia bukan sahaja mempengaruhi kepercayaan dan ingatan orang Melayu dari empayar Johor dan taklukannya, malah berkesan dan mendapat pengiktirafan politik dari suku Minangkabau dan Bugis. Oleh itu, kekudusannya dapat dikekalkan. Walau bagaimanapun, ada sarjana yang menyebut fenomena ini hanya merupakan, "...remembered in tradition".²²

Begitulah keadaannya kerana perajaan tadi menjadi mekanisme politik yang amat dasar dan pokok dalam mencipta sistem-sistem berkerajaan, organisasi pemerintahan dan falsafah politik masyarakat Melayu keseluruhannya pada masa itu.

Demikianlah juga dengan konsep perajaan Melayu dalam institusi berkerajaan dan organisasi pemerintahan tadi. Apabila berlakunya perubahan sistem kepercayaan dalam agama, iaitu daripada pengaruh agama Hindu-Buddha kepada pengaruh Islam, maka berubahlah konsep mengenai perajaan, iaitu yang berhubung dengan mitos salasilah raja-raja dan kepercayaan suci turun-temurun untuk matlamat politik dan pembinaan daulat. Tradisi dan kepercayaan asal-usul seseorang pemerintah yang kerap dihubungkan dengan spiritualisme dewa-dewi Hindu dan Buddha Padmapani dalam tradisi perajaan Sriwijaya, telah bertukar kepada bentuk tradisi Islam. Ia dikaitkan pula sama ada dalam bentuk sinkritisme atau panduan pengaruh (seperti yang digambarkan oleh *Hikayat Aceh* dan *Hikayat Seri Rama* yang menemukan Shiva dengan Nabi Allah Adam), atau ditukarkan secara total dengan tradisi Islam seperti

²² Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor* . . . hlm 189; naskah Keringkasan Sejarah dikarang oleh Tengku Mohd. Salleh, Lingga, tahun 1930

kisah Iskandar Zulkarnain, Nabi Allah Sulaiman dan Nabi Allah Khidir. Perubahan tradisi seperti ini dirujuk dari teks dan etos kepengarangan serta kreativiti *Hikayat Raja-Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Siak, Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis*. Konsep "zuli'llahi-fi'l-alam" (ganti Allah dalam dunia)²³ mengambil-alih konsep "dewa-raja" tradisi perajaan Hindu-Buddha. Kalimat keramat, "Kutukan Sang Dewata Mulia Raya" dalam konsep daulat-derhaka dalam dunia politik berkerajaan Melayu totok berubah menjadi kalimat "dilaknati Allah". Di samping itu terdapat gabungan dan pencernaan dengan kepercayaan dan kalimat setempat seperti "ditimpa atau dimakan sumpah bisa kawi, tiada selamat sampai anak cucu, seperti tembatu dibelah..."²⁴

Dimensi sejarah Selat Melaka berhubung dengan perkembangan sejarah serantau Alam Melayu kian bertambah luas dan kompleks selepas 1511. Malah sekiranya sahah dakwaan Tome Pires, khusus dalam dimensi ekonomi, bahawa barang siapa dapat menguasai Melaka (perlu dibaca juga sebagai Selat Melaka) boleh mencekik perdagangan Venice di Eropah, adalah testimoni kepada betapa signifikan dan pentingnya perairan dan strategiknya Selat yang menjadi perantara perdagangannya di sekitar Selat Melaka, Portugis berjaya menjelajah kepulauan Melayu sehingga ke Ternate dan Tidore. Selat Melaka selepas itu menjadi pula "gerbang" kepada kuasa-kuasa Barat. Suatu warna sejarah baru diberikan pula ke atas rantau ini.

Kehadiran Portugis bukan sahaja memberikan kesan kepada sistem perdagangan tradisi, malah secara langsung membabitkan pula sistem hubungan serantau di kalangan pemegang kuasa dan politik Melayu. Perang tiga-penjuru, Johor-Acheh-Portugis selama berpuluh-puluh tahun sepanjang penghujung abad ke-16 dan awal abad ke 17, mengocak keheningan Selat Melaka. Selari dengan matlamat memburu "gold", dan "glory", kegiatan "Gospel" membawa kepada pengenalan Kristianiti ke rantau ini, suatu elemen baru dalam pengalaman kepercayaan manusia yang mula tersemai. Portugislah yang didakwa peneroka elemen dan fenomena sejarah ini. Barangkali di atas premis inilah Adam Smith

²³ Virginia Matheson, (ed), op.cit., hlm 94. Dalam suatu perjanjian setia antara Raja Pagaruyung dengan pengikutnya, serta Raja Johor dengan rakyatnya, Raja Ali Haji memetik bunyi sumpah setia tersebut seperti berikut, "Barang siapa anak Minangkabau yang di dalam pertuwaran Johor, hendaklah mengikut perintah Johor. Barang siapa tidak mengikut, dimaka sumpah besi kawi, tiada selamat sampai kepada anak cucunya".

menampilkan kenyataannya, "The discovery of America and that of a passage to the East Indies by the Cape of Good Hope are the two greatest and most important events recorded in the history of mankind", (Nature and Causes of the Wealth of Nation, London, 1905, 193). Tentunya East Indies yang dimaksudkan secara siratan di sini patut dibaca sebagai "...passage to the Malay Archipelago by the Straits of Malacca", sebagai ekstensinya.

Kewajaran kenyataan Adam Smith memang boleh dipertahankan. Betapa potensi ekonomi dan sumber kekayaan yang boleh diberikan oleh Kepulauan Melayu (komoditi lada, rempah dan segala hasil-mahsul yang dibekal daripadanya) dan betapa perairan rantau ini menjadi laluan perkapalan utama untuk penjelajahan ekonomi ke timur-jauh hingga melibatkan perdagangan China dan Semenanjungnya, menyebabkan persekitaran Selat Melaka terdedah dengan seluas-luasnya kepada aktiviti kelautan kuasa-kuasa Barat lain. Aktiviti "Dutch Seaborne Empire" telah dimulakan seawalnya sewaktu Van Heemskirk dan rombongannya berjaya membuka jalan menjelajah "Dutch East Indies" tahun 1602. Bercakaran pula kuasa Eropah baru ini dengan Portugis apabila Van Heemskirk mendirikan faktornya di Kedah, Jacob Buiszen mendarangi Batu Sawar di Johor dan S. Van der Hagen mula membedek-bedek Melaka dari tangan Portugis.

Bermulanya era penguasaan Belanda (VOC) ke atas laluan perdagangan rempah di perairan Melayu ialah tahun 1641 apabila ia berjaya menduduki Melaka dari tangan Portugis dan seterusnya berpangkalan di situ dan kemudiannya beranjak pula ke Betawi. Dengan melaksanakan "Sistem Kontrak Belanda" kuasa peribumi melaksanakan prinsip suai-faedah-menerima mereka sebagai rakan-perdagangan, tetapi menolak mereka sekiranya kepentingan dagang dan politik mereka terganggu. Ini terjadi di Johor, Aceh, Perak, Siak, Bengkalis, Palembang dan sejauhnyanya ke Sulawesi Selatan.

Sejarah membuktikan, dalam konteks hubungan antarabangsa, perubahan (terutamanya politik dan ekonomi) yang terjadi di luar negara atau rantau kelak menjadi tindak balas rantaian kepada negara dan rantau lain. Proses dan meletusnya revolusi dan industri di Eropah membawa kesan langsung ke atas perairan Melayu dan mencorakkan destinasi sejarah peribuminya. Kegiatan dagang British yang dimulakan dengan aktiviti

country tradersnya membawa kepada aktiviti yang begitu cergas di Selat Melaka. Pendudukan F. Light di Pulau Pinang 1786, aktiviti S.Raffles di Singapura mulai 1819, termeterainya Persetiaan London (British-Belanda) 1824, membawa kesan ekonomi dan kegiatannya ke atas perekonomian pribumi, malah membawa impak politik yang begitu besar artinya di dalam pensejarahan rantau utara Alam Melayu.

Mulai abad ke-19, era penjajahan mula cergas. Baik Belanda ke atas Nusantara, Inggeris di Tanah Melayu, Sarawak dan British North-Borneo dan Sepanyol di Filipina, penjajahan ekonomi dan politik membawa kesan sampingan ke atas mental, intelektual, bahasa, kebudayaan, pendidikan dan pelbagai lagi resam-hidup. Menjelang penghujung abad ke-19 dan awal kedua abad ke-20, proses dekolonialisme, protes-protes terhadap Barat, nasionalisme dan kemerdekaan pula menunjangi corak dan warna sejarah persekitaran Selat Melaka.

- Penguasaan dan ketuanan Melayu di Singapura, selama kira-kira dua abad pra era-Melaka abad ke-15 patut dikaji dan dipugas dari sumber-sumber sejarah yang mungkin ada.
- Bahasa Melayu telah menjadi *lingua-franca* sejak pra era-Melaka abad ke-15 lagi.
- Aktiviti maritim di persekitaran Selat Melaka membawa pulangan ekonomi yang cukup berpotensi. Aktiviti inilah yang mencorakkan sejarah rantau ini, sejak zaman awal sehingga ke abad ke-20.
- Penglibatan dan kebolehan pribumi dalam aktiviti pra era-penjajahan, yang kemudiannya dipencilkan oleh penjajah Barat perlu dan wajar dikaji secara ilmiah.
- Proses rasionalisme dalam kebudayaan persekitaran Selat Melaka tanpa merubah nilai pokok dan totok pribumi.

PERANAN SELAT MELAKA DARI SEGI SEJARAH

*Dr. Teuku Hj. Ibrahim Alfian**

TELAH kita maklumi bahawa Selat Melaka adalah salah satu selat yang posisinya amat strategik di dunia, oleh sebab Selat Melaka merupakan jalan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Asia Timur dengan Asia Selatan, Asia Barat dan Eropah, terlebih-lebih lagi setelah Terusan Suez dibuka pada tahun 1689. Itulah sebabnya berbagai-bagai negara seperti Kerajaan Melaka, Siam, China, Portugis, Aceh, Belanda, Ingeris berupaya menguasai Selat yang merupakan urat nadi antara Timur dengan Barat.

Wilayah Asia Tenggara, yang di dalamnya berada Selat Melaka, menurut sejarahwan Belanda J.C. Van Leur terbahagi atas dua kategori, iaitu pertama, wilayah-wilayah yang relatif banyak penduduknya yang didukung oleh hasil tanaman padi seperti Jawa, Cambodia, Siam Tengah, dan Delta Mekong serta kedua, wilayah-wilayah dengan penduduk yang relatif sedikit, terutama di tepi-tepi pantai yang hidup dari hasil laut dan perdagangan antara dunia luar dengan penduduk-penduduk di pedalaman. Di wilayah-wilayah ini terdapat sumber-sumber alam, antara lain emas dan timah, serta hasil-hasil hutan seperti damar, dan juga pelbagai jenis rempah-rempah yang amat diperlukan, tidak saja oleh wilayah-wilayah yang termasuk kategori pertama, tetapi juga oleh China, India, Asia Barat dan Mediterranean.

Di sekitar Selat Melaka terbentuklah bandar-bandar pantai sebagai pusat perdagangan dan di sana para pedagang dari berbagai-bagai penjuru membeli barangan dari Cina untuk dibawa ke pelabuhan-pelabuhan di Samudera Hindia dan Asia Barat, begitu pula sebaliknya. Mereka menggunakan bandar-bandar pantai itu sambil menunggu angin monsun yang akan membawa mereka ke Timur atau ke Barat bersama barang-barang perniagaan mereka. Sekurang-kurangnya pada abad pertama Masihi wilayah-wilayah yang termasuk dalam Malaysia sekarang telah mengadakan hubungan dagang dengan pantai-pantai Cina dan

* Beliau adalah Profesor dan Ketua Jurusan Ilmu-ilmu Humaniora, Universiti Gadjah Mada, Indonesia

dengan pelabuhan-pelabuhan dagang terkemuka di Samudera Hindia (Alastair Lamb, 1965: 101).

Pada abad ke-7 sampai abad ke-13 di belahan Barat Nusantara berdirilah Kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang yang menguasai hampir seluruh Sumatera dan Tanah Melayu, dan juga bahagian-bahagian dari pulau Kalimantan. Untuk menghadapi Sriwijaya sebagai empayar maritim yang menguasai jalur perdagangan Trans-Asia di Selat Melaka dan yang telah bersatu dengan kerajaan Sailendra di Jawa Tengah, Kerajaan Sriwijaya pada abad XI.

Sekitar tahun pertama abad XV Parameswara, keturunan Wangsa Sriwijaya mendirikan Melaka yang segera dapat menggantikan kedudukan Sriwijaya di Selat Melaka. Pada tahun 1403, Maharaja Cina mengetahui daripada peniaga Muslim yang datang dari Propinsi Gilan di Utara Persia bahawa ada negara yang letaknya sangat strategik di Selat Melaka yang menguasai jalan perdagangan ke India. Maharaja Cina mengutus Yin Ch'ing ke Melaka untuk menyampaikan hadiah Maharaja China kepada Raja Melaka oleh sebab China juga menaruh perhatian besar terhadap Selat Melaka. Raja Melaka sangat piawai dalam menjalankan diplomasi sehingga dengan mendapat pengakuan daripada China terhadap Melaka, Siam tidak berani melanggar Melaka untuk dapat menguasai Selat yang begitu penting itu. Pada tahun 1504 utusan Raja Melaka dengan ditemani oleh Yin Ch'ing mengunjungi Peking dan sejak itu China dengan rasmi mengakui Melaka sebagai sebuah negara (kuo). Melaka adalah negara yang pertama diakui oleh Maharaja China, kemudian baru Jepun pada tahun 1406, Brunei pada tahun 1408 dan Chochin pada tahun 1616.

Dalam masa 1/3 pertama abad ke-15 bolehlah dikatakan bahawa Melaka dijadikan tempat untuk memperbaiki kapal-kapal Cina (*kuan-ch'ang*), menjadi depot China di pintu gerbang untuk menuju Lautan Hindi. Keamanan Melaka menjadi lebih terjamin sehingga Siam dan Majapahit tidak berani mengusik kedudukan Melaka. Setelah tahun 1435 ketika Dinasti Ming tidak melibatkan diri dalam perdagangan, Melaka dapat menguasai dengan sepenuhnya Selat Melaka secara efektif sebagai jalur perdagangan antarabangsa. Melaka menjadi pusat perdagangan antarabangsa dan menjadi empayar yang besar dan menguasai seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Kepulauan Riau,

sebahagian besar pantai Timur Sumatera, seperti Jambi, Siak dan Inderagiri.

Sebagai sebuah empayar kelautan, Melaka sungguh-sungguh menguasai Selat Melaka dengan antara lain mengisytiharkan berlakunya Undang-undang Melaka yang di dalamnya tercantum Undang-undang Laut Melaka. Bahagian pertama Undang-undang Laut membicarakan tentang peranan nakhoda dan pegawai dalam kapal, sedangkan bahagian kedua hal-hal yang berkaitan dengan langkah-langkah keselamatan dalam kapal, tugas anak kapal, penyewaan dan penumpangan kapal dagangan dan lain-lain. Bahagian ketiga membicarakan antara lain, bahawa harta yang ditemui di laut adalah menjadi milik nakhoda kapal, dan bahagian keempat menerangkan tentang kuasa nakhoda yang boleh membunuh orang yang berniat jahat atau melawannya atau nakhoda mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman sesuai dengan peraturan yang telah ditetapkan. (Ismail Hamid 1987: 226). Begitu pentingnya Undang-undang Melaka yang untuk pertama kalinya diciptakan di Dunia Melayu itu sehingga lahirlah berbagai versi berdasarkan Undang-undang Melaka itu di kerajaan-kerajaan seperti Kedah, Patani, Johor, Pahang, Riau, Pontianak, Brunei dan Aceh (Liaw Yock Fang 1983: 180-1). Dr. Meilink-Roelofs, seorang pakar Sejarah Perdagangan Asia berbangsa Belanda, berpendapat bahawa Undang-undang Laut Melaka telah memberikan keamanan dan perlindungan kepada pedagang-pedagang Melaka pada abad XV dan sebagai akibatnya Kota Melaka menjadi sangat makmur kerananya. (Meilink-Roelofs 1962: 24).

Pada tahun 1510 Portugis menghambat kemajuan perdagangan orang-orang Islam menduduki Goa di India. Betapa pentingnya Melaka sebagai pusat perdagangan dan Selat Melaka sebagai jalur perdagangan antarabangsa, Portugis di bawah Alfonso d' Albuquerque mara ke Selat Melaka dan berhasil menakluk Melaka pada bulan Ogos 1511. Para pedagang Islam yang berada di Melaka menyingkir dan sebahagian daripada mereka melanjutkan usaha di Aceh Darussalam.

Kemajuan perdagangan membuat Aceh menjadi kerajaan yang berhasil menguasai Selat Melaka sebelah barat yang menurut pihak Portugis membahayakan kedudukannya. Itulah sebabnya pada tahun 1521 Portugis menyerang Aceh tetapi tidak berhasil. Malah pada tahun 1524 Aceh berhasil mengusir Portugis dari Pedir. Ketika Sultan

Alauddin Ria'ayat Syah naik takhta pada tahun 1537, Aceh ingin membebaskan Selat Melaka daripada Portugis dengan menyerang Kota Melaka, tetapi tidak berhasil. Demikian pula serangan berikutnya pada tahun 1539 dan tahun 1547 juga mengalami kegagalan.

Kerajaan-kerajaan Melayu juga berikhtiar untuk menguasai Melaka seperti Perak, Pahang dan Johor dengan dibantu oleh Jepara pada tahun 1551; tetapi juga tiada membuahkan hasil. Keadaan yang demikian dialami pula oleh Aceh dalam serangannya ke Melaka antara tahun 1558 hingga tahun 1575. Ketika Aceh menyerang Portugis di Melaka pada tahun 1568 dengan 20,000 orang pasukan termasuk 400 orang Turki; pihak Portugis dapat mempertahankan Melaka. Portugis bernasib baik kerana dalam setiap serangan Aceh ke Melaka bantuan dari kerajaan-kerajaan Melayu tidak diperolehi pihak Aceh. Ketika Sultan Iskandar Muda naik takhta pada tahun 1607, baginda terus berusaha dengan menyerang Portugis di Melaka berkali-kali akan tetapi juga tiada berhasil.

Selanjutnya ketika kekuatan Aceh telah menurun setelah mangkatnya Sultan Iskandar Muda pada tahun 1637 dan Portugis mulai lemah, Belanda yang telah berkali-kali gagal merebut Melaka dari tangan Portugis untuk menguasai perniagaan di Nusantara berhasil menduduki Melaka pada tahun 1641.

Pihak Belanda meluaskan perdagangannya di Tanah Melayu dengan cara membuat perjanjian perdagangan dengan Raja-raja Melayu seperti Kedah, Perak dan Selangor yang kaya akan bijih timah. Adapun isi perjanjian tersebut adalah semua kapal yang berlayar melalui perairan Melaka harus mendapat izin daripada pihak Belanda. Akan tetapi negeri-negeri Melayu terus juga berdagang dengan peniaga-peniaga yang datang dari Jawa, Aceh, Bengkulu, Surat dan Pantai Koromandel.

Pada abad ke-18, Belanda menghadapi tentangan daripada orang-orang Bugis yang mulai datang dari berbagai-bagai penjuru Nusantara sebagai akibat perang saudara yang berlangsung di Makassar pada akhir abad ke-17. Setelah mereka memiliki kekuatan di Selangor dan Linggi dan setelah orang-orang Bugis dapat memegang tampuk kekuasaan di Johor, keadaan politik di Selat Melaka mulai berubah. Di samping mempunyai pengalaman dalam bidang perdagangan orang-orang Bugis adalah ahli-ahli pelayaran yang handal dan mereka tidak mahu menghormati perjanjian perdagangan antara Belanda dengan Raja-raja Melayu. Timbullah konflik

antara Belanda dan pihak Bugis untuk menguasai Selat Melaka. Salah satu konflik itu ialah serangan Yang Dipertuan Muda Raja Haji dari Riau ke Teluk Ketapang Melaka pada tahun 1784. Raja Haji syahid dalam pertempuran itu dan selanjutnya Belanda dapat menguasai Riau pada tahun itu juga.

Setelah Francis Light dari British East India Company pada bulan Ogos 1786 berhasil menguasai Pulau Pinang dari Sultan Kedah, Inggeris mulai menguasai Selat Melaka, lebih-lebih lagi setelah Inggeris dapat mengambil alih Melaka dari tangan Belanda pada tahun 1795. Pada tahun 1824 dicapai kata sepakat antara Inggeris dan Belanda yang dikenali dengan Traktat London untuk membahagi tanah jajahan mereka di Asia Tenggara. Salah satu keputusannya adalah Melaka dengan rasmi diserahkan oleh Belanda kepada Inggeris sedangkan Inggeris menyerahkan Bengkulu kepada Belanda. Pihak Belanda tidak akan membuka tempat di Semenanjung Tanah Melayu dan tidak akan menandatangani sebarang perjanjian dengan Raja-raja Melayu. Demikian pula British tidak akan membuka sebarang tempat dan tidak akan mengikat perjanjian di antara lain di selatan Selat Singapura.

Sejak itu Selat Melaka sampai pendudukan Jepun berada di dalam kekuasaan Inggeris dan Belanda; dan setelah Jepun kalah, Selat Melaka kembali berada di bawah Belanda dan Inggeris sehingga tahun 1949 dan 1957. Selat Melaka sangat penting pula kedudukannya dalam Perang Kemerdekaan Indonesia. Para pedagang dan para pejuang harus menembusi *blokade* Belanda untuk dapat mengeksport getah dan kopra serta membawa masuk senjata api, tekstil, jentera dan sebagainya dari pelabuhan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura ke wilayah-wilayah Republik Indonesia di Sumatera.

Salah satu tonggak sejarah yang penting dalam hubungan antara Malaysia dan Indonesia terjadi ketika Presiden Suharto mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia pada tanggal 17 Mac 1970. Pada waktu itu ditandatangani perjanjian mengenai batas laut Selat Melaka antara dua negara pantai Malaysia dan Indonesia; iaitu mulai dari Selatan One Fathom Bank yang berada di Kelang sampai ke Selat Durian Singapura. Pada bulan April 1972 dicapai persetujuan antara Malaysia dan Indonesia untuk melindungi penghidupan penduduk di wilayah-wilayah pantai Selat Melaka.

Pada bulan Januari tahun 1961 Indonesia menjadi anggota badan

khas Perikatan Bangsa Bersatu (United Nations), iaitu Inter-Governmental Maritime Consultative Organization (IMCO). Singapura menjadi anggota pada bulan Januari 1966 dan Malaysia pada bulan Julai tahun 1971. Dalam sidang Sub-Committee on Safety on Navigation bulan Disember 1967 ada dua cadangan yang dibahas yang menyangkut Selat Melaka dan Selat Singapura kerana dengan adanya kapal-kapal tangki besar yang membawa minyak mentah melalui kedua-dua selat itu.

Usul pertama datang daripada pemerintah Singapura yang berisi perlunya alat-alat bantu navigasi yang lebih sempurna di selat-selat yang berkaitan agar memudahkan transit dengan aman bagi kapal-kapal tangki yang besar-besar. Usul kedua disampaikan oleh Pemerintah Jepun yang dalam pengantar cadangannya dikemukakan bahawa Jepun adalah salah satu antara negara utama yang mempunyai banyak jumlah tangki yang besar-besar dan dengan sendirinya sangat berkepentingan untuk dapat ditentukan jalur pelayaran di Selat-selat Melaka dan Singapura. Berdasarkan kenyataan ini, Jepun mengusulkan agar IMCO mengadakan konsultasi dengan pemerintah-pemerintah yang berkaitan untuk menetapkan jalur-jalur pelayaran di selat-selat itu dan mengambil langkah yang diperlukan dalam kaitan dengan penentuan jalur-jalur pelayaran itu. Kemudian Jepun membuat rekomendasi agar diadakan *survey* hidrografik dan agar ditambah pula penempatan alat bantu navigasi.

Pada 16 November 1971 di Kuala Lumpur, Singapura dan Jakarta dikeluarkan pernyataan bersama secara simultan bahawa Pemerintah Malaysia, Singapura dan Indonesia menyetujui diteruskan *survey* hidrografik. Dalam pernyataan ketiga itu disebutkan pula bahawa:-

- (i) Ketiga-tiga pemerintah bersetuju bahawa keselamatan navigasi di Selat-selat Melaka dan Singapura adalah tanggungjawab negara-negara pantai yang berkenaan.
- (ii) Ketiga-tiga pemerintah bersetuju terhadap perlunya kerjasama ketiga-tiga pemerintah dalam hal keselamatan navigasi di kedua-dua selat.
- (iii) Ketiga-tiga pemerintah bersepakat bahawa sebuah badan kerjasama untuk mengkoordinasikan langkah bagi keselamatan navigasi di Selat Melaka dan Selat Singapura perlu dibentuk secepat mungkin dan badan yang demikian harus terdiri daripada hanya ketiga-tiga negara pantai yang berkenaan.

(Michael Leifer, *International Straits of the World* 1978:48).

Pada bahagian kedua pernyataan bersama itu dikemukakan pula bahawa:

- (iv) Ketiga-tiga pemerintah juga sepakat bahawa masalah keselamatan navigasi dan persoalan internasionalisasi kedua-dua selat itu adalah dua isu yang terpisah.
- (v) Pemerintah Republik Indonesia dan Malaysia bersetuju bahawa Selat Melaka dan Selat Singapura bukanlah selat-selat internasional yang sesuai dengan prinsip *inocent passage*. Pemerintah Singapura mencatat posisi Pemerintah Republik Indonesia dan Malaysia dalam hal ini.

(Michael Leifer, 1979: 48).

Melihat kerjasama yang amat erat antara Malaysia dan Indonesia dalam hal mengelola Selat Melaka, yakinlah kita bahawa pengembangan wilayah-wilayah sekitar Selat Melaka dalam bidang ekonomi, kebudayaan dan sebagainya akan berjaya bagi kemajuan dan kemakmuran Malaysia dan Indonesia. Hal ini telah terbukti dalam sejarah Selat Melaka pada abad ke-15 ketika hubungan agama, kebudayaan, ekonomi dan politik antara Kerajaan Samudera Pasai di Aceh Utara dan Kerajaan Melaka di Tanah Melayu berlangsung dengan amat erat. Selat Melaka pada masa itu memasuki zaman gemilang serta berada dalam keadaan aman dan damai.

Kegemilangan akan berulang kembali di sekitar Selat Melaka lebih-lebih lagi jika projek sambungan Pendekat Antara Nusa (*Span Project*), iaitu pembangunan jambatan dari Teluk Binjai ke Rumpat sepanjang 6 km dan selanjutnya disambung melalui jalan darat melingkar sejauh 47 km dan dari Pulau Rumpat melintasi Selat Melaka menuju Malaysia sejauh 42 km segera dapat dibina.



Sosiobudaya



PEMBANGUNAN SOSIOBUDAYA DI SEKITAR SELAT MELAKA

Datuk Dr. Mohd. Taib Osman

Pengenalan

WALAUPUN dari segi rujukan geografi dikatakan Selat Melaka, pada realitinya perbincangan terhadap pembangunan sosiobudaya rantau itu melingkungi daerah yang lebih luas. Mungkin yang romantik melihat Selat Melaka sebagai terusan air yang menyambungkan umat Melayu berdasarkan peristiwa-peristiwa silam sejarah, tetapi gambaran ini juga kurang tepat kerana berdasarkan pelbagai faktor, baik penulisan sejarah masa lampau walaupun pentas pembangunan masa kini, wilayah menghubungkan umat Melayu meluas hingga ke Laut China Selatan, Selat Makassar dan Selat Sunda. Sebagai pintu masuk ke wilayah Melayu juga, ianya mirip kepada pelayaran dari sebelah barat. Dalam masa peradaban "Constellation" Kesultanan-kesultanan Melayu berlangsung, yang kebetulannya semasa dengan berkembangnya Islam di rantau ini, antara abad 12 dan 19 Masihi, wilayah yang bergolak dengan peristiwa-peristiwa sejarah zaman itu jauh melampaui Selat Melaka dari segi geografi. Dan 100 tahun, daripada pertengahan abad 19 hingga pertengahan abad 20, kuasa-kuasa kolonial yang mendominasi rantau ini juga pengantaraannya lebih jauh daripada cuma Selat Melaka. Begitu juga

* Beliau adalah Profesor Emeritus dan Karyawan Tamu Berita Harian.

pada penghujung abad 20 ini dalam masa nasib umat Melayu di daerah ini ditentukan oleh kuasa-kuasa anak negeri sendiri, pentasnya melampaui Selat Melaka.

Pembangunan sosiobudaya dengan sendirinya menyatakan kepada kita bahawa ianya tidak lepas daripada perancangan pemerintahan-pemerintahan yang berkuasa di rantau ini. Pembangunan di Sumatra harus berpandu kepada perancangan seperti REPELITA yang dirancang di Jakarta. Begitu juga pembangunan bahagian-bahagian negara Malaysia yang di pesisir Selat Melaka adalah sebahagian daripada perancangan Kuala Lumpur yang meliputi bahagian-bahagian yang dibasahi Laut China Selatan seperti Kelantan, Sabah dan Sarawak. Tetapi tidak ada yang dibiarkan tumbuh sendiri seperti enau dalam belukar kerana perkataan pembangunan sendiri mengandaikan sesuatu yang dibangunkan secara sedar.

Tetapi harus ditarik perhatian di sini bahawa walaupun pembangunan diwujudkan secara sedar, dirancang dengan rapi, serta matlamatnya dijelaskan, hasil tidak semestinya seratus peratus seperti yang dirancang. Sebabnya ialah pembangunan dalam apa aspek sekalipun melibatkan manusia. Pembangunan sains dan teknologi umpamanya tidak terhad kepada benda yang hendak dihasilkan, faktor manusia yang turut serta menghasilkannya boleh menentukan sama ada ianya gagal atau berjaya.

Pembangunan sosiobudaya tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan-pembangunan aspek-aspek lain, seperti pembangunan ekonomi, pembangunan perdagangan, pembangunan industri, pembangunan sains dan teknologi dan sebagainya, tetapi pembangunan sosiobudaya saya anggap penting kerana ia lebih melibatkan manusia sebagai penggerak bagi pembangunan-pembangunan lain itu. Sebenarnya banyak perkara yang boleh dibicarakan di bawah pembangunan sosiobudaya ini, tetapi seperti biasa, kita harus menjuruskan kepada satu-satu persoalan yang jitu lagi relevan.

Bagi kertas ini saya memilih perubahan sosiobudaya yang dialami penduduk asli rantau ini sebagai latar kepada pembangunan sosiobudaya menjelang abad ke 21. Perubahan sosiobudaya ini berlaku terus menerus dalam sejarah manusia, semua pada tiap-tiap perenggan merupakan interaksi antara tenaga-tenaga sedia ada dengan tenaga-tenaga dari luar, dan coraknya berubah-ubah. Pembangunan sosiobudaya

masa kini mestilah bersandarkan kepada perancangan-perancangan rasmi yang dilakar oleh kerajaan seperti Rancangan-Rancangan Lima Tahun Kerajaan Malaysia atau Repelita oleh Kerajaan Indonesia dan dilihat sejauh mana penerimaan dan kesannya kepada penduduk rantau ini.

Perubahan Sosiobudaya Sebagai Latar

Pemerintahan kolonial Inggeris dan Belanda di rantau ini secara langsung telah membawa perubahan sosiobudaya kepada penduduk asli setempat. Politik Melayu yang merupakan kesultanan-kesultanan yang bertaburan di Alam Melayu, baik secara ruang mahupun secara waktu sejak kira-kira abad 21 Masihi, malah dengan wujudnya pemerintahan kolonial yang *defacto*. Politi kolonial telah meninggalkan kebanyakan penduduk asli dalam keadaan yang tidak banyak berubah daripada kedudukan mereka dahulu dalam politik Melayu yang bersidat feudal. Walaupun tulisan orang seperti Abdullah Munshi menampilkan gambaran bahawa politik kolonial telah menjamin kedudukan sosial rakyat biasa dengan kebebasan yang tertakluk kepada undang-undang iaitu berbanding dengan penindasan orang-orang besar Melayu, kita dapati selepas merdeka, sebenarnya kuasa-kuasa kolonial telah tidak berbuat sesuatu yang benar-benar meningkatkan kedudukan sosioekonomi penduduk asli.

Perubahan sosiobudaya tetap berlaku, bukannya secara langsung dibawa oleh kuasa-kuasa kolonial, tetapi dengan perantaraannya sahaja. Tenaga yang membawa perubahan ialah apa yang telah berkembang di dunia dalam abad 20 dan tempiasnya sampai juga kepada anak-anak jajahannya. Tumpuan pemerintahan kolonial ialah pembangunan ekonomi, sementara pembangunan sosiobudaya adalah sampingan sahaja, jikalau tidak merupakan perhitungan bagi memesatkan pertumbuhan ekonomi kolonial. Pendidikan sebagai salah satu ciri penting dalam pembangunan sosiobudaya sangat ketara dari segi ini. Pengalaman orang Melayu di bawah pemerintahan Inggeris sangat membantutkan pertumbuhan intelek mereka, kerana dasar pendidikan kolonial bagi orang Melayu bermatlamat menjadikan mereka lebih baik sebagai petani dan nelayan daripada ibu bapa mereka.

Tidak secara langsung kita diberitahu bahawa dari segi ekonomi anak-anak tempatan dibiarkan berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti ekonomi tradisi, atau secara sedikit-sedikit dalam sistem ekonomi

kolonial jikalau menguntungkan atau tidak merugikannya. Pembukaan ladang-ladang dan perlombongan-perlombongan besar adalah untuk mengisi kilang-kilang di Eropah yang bahan-bahan hasilnya pula mendapat pasaran di tanah-tanah jajahan. Untuk menangani ladang-ladang dan perlombongan-perlombongan ini buruh-buruh asing dari negeri China dan India telah dibawa masuk dengan banyaknya. Faktor ini telah mencorakkan politik kolonial apabila bandar-bandar dan pelabuhan-pelabuhan menjadi kosmopolitan, dan membawa perubahan besar sosiobudaya yang kemudiannya harus diwarisi oleh politi negara-negara yang dibebaskan daripada telunjuk penjajah. Mungkin senario di wilayah Indonesia berbeza sedikit, tetapi saya kira pembangunan sosiobudaya penduduk asli juga serupa, tidak banyak peluang menyertai pembangunan sosioekonomi kolonial Belanda. Tetapi sampingan daripada perubahan yang dibawa oleh kuasa kolonial terkesan juga pada anak negeri.

Kemerdekaan telah membawa perubahan yang radikal kepada penduduk rantau ini, kerana kepimpinan masyarakat yang membawa kemerdekaan bukannya daripada golongan yang berkuasa dalam politik Melayu sebelum penjajahan. Baik di Indonesia mahupun Malaysia dan Filipina, walaupun terdapat pemimpin baru itu berlatarkan politik lama, tetapi perjuangan dan kepimpinan mereka sesuai dengan tuntutan zaman dan negara-negara mereka yang merdeka. Perubahan, baik ekonomi mahupun sosiobudaya, bukan sahaja sebagai respons kepada dunia di sekitar, dan ini mempengaruhi arah yang diambil oleh masing-masing pemimpin, tetapi juga tuntutan dari dalam negara masing-masing. Pergolakan politik mahupun arus ekonomi dunia mempunyai pengaruh ke atas perubahan sosiobudaya negara-negara rantau ini. Persaingan antara Blok Barat dan Blok Timur yang berlaku hingga ke dekad lapan puluhan meninggalkan kesan hingga mencorakkan struktur sosiopolitik Indonesia kini. Di Malaysia pula, persaingan itu tidak mendatangkan kesan yang besar terhadap struktur sosiopolitiknya, tetapi tuntutan dari dalam untuk mengimbangkan kedudukan sosioekonomi penduduk peribuminya dengan penduduk pendatang telah menjadi fokus program-program kerajaan membawa pembangunan negara melalui rancangan-rancangan seperti Pembangunan Luar Bandar, Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Jangka Panjang Pembangunan II (1991-2000). Di Filipina, pemberontakan orang Islam di Selatan Filipina dan pemberontakan golongan kiri mencerminkan kedua elemen ini, iaitu pengaruh politik

dunia dan tuntutan dalaman. Keduanya membawa dan mencorakkan arah perubahan di negara itu.

Pembangunan Sosiobudaya Hingga Penghujung Abad Ke-20

Di bawah pemerintahan sendiri, kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Barisan Nasional (dulu Perikatan) dengan komponen parti-parti terbesarnya mewakili kaum-kaum Bumiputera, Cina dan India, telah membawa Malaysia sepanjang 40 tahun ini ke arah pembangunan pelbagai aspek. Walaupun di sini ditumpukan kepada pembangunan sosiobudaya, seperti ditekankan dalam Bahagian 1, di atas, ianya tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan aspek-aspek lain, seperti ekonomi ataupun teknologi. Oleh kerana ia melibatkan manusia sendiri, maka pembangunan sosiobudaya bagi penduduk di luar sistem pusat kolonial sangat terhad dan penduduk peribumi Malaysia. Kebanyakannya jatuh dalam kategori ini. Keutamaan telah diberi untuk pembangunan sektor pendidikan, bukan sahaja dari segi meningkatkan lagi pendidikan masyarakat peribumi yang telah tertinggal jauh ke belakang hasil daripada polisi pemerintahan kolonial, tetapi dilihat sebagai adat pembangunan bangsa atau "nation building".

Bagi matlamat pertama bukan sahaja secara fizikal sekolah-sekolah di luar bandar ditambah bilangannya, bahkan diatur sedemikian rupa supaya anak-anak peribumi yang miskin diluar bandar mendapat peluang melanjutkan pelajaran di sekolah-sekolah lebih baik di bandar. Dengan mengadakan sekolah-sekolah berasrama penuh dengan kelengkapan dan pengajaran yang setanding dengan sekolah-sekolah di bandar, mutu pelajaran anak-anak peribumi meningkat maju. Penubuhan universiti-universiti baru dan penghantaran penuntut-penuntut yang berpotensi keluar negeri melipatgandakan lagi pengeluaran golongan profesional dan terpelajar peribumi. Program-program ini adalah "social engineering" bagi mengimbangi bukan peribumi, tetapi bertujuan mengelakkan bahaya keretakan sosial seperti yang berlaku pada 13 Mei 1969. Polisi ini telah dapat menjamin kestabilan masyarakat Malaysia, satu ciri penting bagi pertumbuhan ekonomi yang menguntungkan semua pihak, terutama kaum-kaum pendatang yang sudah memang sedia menampilkan diri dengan dasar terbuka pemerintahan kolonial.

Pembangunan sosiobudaya tidak lepas daripada peningkatan

keperluan asas insan dari aspek kerohanian. Pendidik bagi mengisi keperluan fizikal sahaja tidak mencukupi, maka rancangan-rancangan Lima Tahun Kerajaan Malaysia lazimnya mengimbangi tuntutan fizikal tadi dengan kerohanian. Rancangan Malaysia Ketujuh (1997-2000) bukan sahaja menekankan perimbangan antara "aspek kebendaan dan kerohanian", bahkan mengingatkan pendirian agama yang ekstrim akan menjejaskan pembangunan. Agama terutama Islam, tidak berkomplik dengan pembangunan sains dan teknologi (hal.4). Perhatian terhadap agama tidak terhad kepada sistem pendidikan sahaja, bahkan Islam sebagai agama rasmi Malaysia diberi dorongan dan sokongan oleh kerajaan, terutama kerajaan-kerajaan negeri seperti mengikut perlembagaan negara.

Pembangunan sosiobudaya seperti yang dinyatakan oleh Rancangan-rancangan Lima Tahun Kerajaan Malaysia juga dapat diperhatikan daripada gagasan-gagasan meningkatkan perkhidmatan kemasyarakatan daripada satu masa kepada satu masa. Pertambahan kemudahan masyarakat seperti hospital, jaringan lebuh raya (walaupun bertol dan kadang-kadang menimbulkan protes), ataupun keselamatan awam mungkin merupakan yang fizikal, tetapi yang lebih penting dan bersifat abstrak yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah seperti perancangan-perancangan meningkatkan "kualiti hidup" (hal. 28). Termasuk ke dalam aspek ini seluruh spektrum daripada yang kelihatan jelas matlamatnya seperti rancangan pengurangan kemiskinan atau ketidaksamaan pendapat, Program Pembasmian Rakyat Termiskin dan Pembangunan Sumber Manusia melalui peningkatan sistem pendidikan (hal. 14-15,21), hinggalah kepada yang matlamatnya dicapai secara tidak langsung, seperti pemeliharaan alam sekitar yang tidak tercemar, menggalakkan nilai-nilai sosial tertentu seperti bertoleransi, berdaya tahan, berintegrasi, masyarakat penyayang dan lain-lain (hal. 30).

Dalam usaha-usaha ini, yang beberapa sahaja dapat diterakan di sini, yang menonjol sekali bagi saya apabila meninjau dokumen rasmi kerajaan seperti Rancangan Malaysia Ketujuh, ialah perhatian yang diberi kepada "social engineering" yang menjamin kestabilan masyarakat di Malaysia. Politik Kolonial telah mewariskan negara Malaysia corak masyarakat yang berbilang kaum, berbilang budaya dan berbeza kedudukan sosioekonomi yang tidak berimbang. Walaupun matlamat perancangan kerajaan menyentuh tiap-tiap warganya supaya segala

manfaat dirasa bersama, tetapi kesamarataan tadi terpaksa melalui langkah-langkah yang memperkukuhkan tempat-tempat yang tidak kukuh atau retak dalam rangkaian itu. Maka itu tidak dapat dielakkan jikalau kaum-kaum bumiputera mendapat layanan istimewa dalam perancangan-perancangan itu, seperti misalnya meningkatkan "hak milik equity" bagi mereka melalui peringkat-peringkat seperti pendidikan sosial serta akti-viti yang boleh menjana pendapatan, kerana golongan bumiputera berkedudukan terendah dari segi pendapatan masyarakat Malaysia mengikut kaum (hal. 50). Pembangunan sosiobudaya yang sukar di Malaysia terpaksa mengambil perhatian tentang perimbangan dalam konteks corak politiknya sebagai negara yang merdeka.

Menarik sungguh faktor ini kerana dalam Repelita VI iaitu rancangan lima tahun pembangunan Indonesia bagi period 1994/5 - 1998/9, soal imbang menampakkan dasar yang sedikit berbeza, kerana matlamat imbang ditujukan bukan antara kumpulan, tetapi lebih ditumpukan kepada wilayah. Memetik Chapter III daripada *Indonesia Net, Indonesia Today* "there are various inequities that still must be resolves, such as the gap between regions, between the western urban and rural areas...". Soal imbang ini pada dasarnya ialah pengagihan kekayaan negara kepada warga negara secara saksama. Maka itu berkaitan dengan matlamat menghapus kemiskinan di kalangan penduduk yang terpaksa mengalami perubahan sosiobudaya dalam masa pemerintahan kolonial. Pembangunan sosiobudaya seperti yang dirancang oleh kerajaan Malaysia atau pemerintahan Indonesia terpaksa dari awal memberi perhatian kepada peningkatan kesempurnaan hidup penduduk peribuminya, iaitu menghapus penyakit yang berleluasa, iaitu kemiskinan. Penurunan kadar kemiskinan di Indonesia daripada 70 juta dalam tahun 1970 kepada 25.9 juta pada tahun 1993 merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan.

Meninjau kenyataan *Repelita VI*, pembangunan sosiobudaya di Indonesia pada dasarnya sama dengan Rancangan Malaysia Ketujuh, walaupun ianya terpaksa berbeza kerana *magnitudenya* yang berganda lebih besar di Indonesia dan konteksnya berlainan sekali. Namun penumpuan terhadap peningkatan pendidikan, bukan sahaja dari segi saiz tetapi kualiti juga supaya sesuai dengan tuntutan masa kini, penekanan kepada sains dan teknologi, peningkatan perkhidmatan masyarakat seperti kesihatan dan kebajikan, pembangunan desa dan pembasmian

kemiskinan di luar dan dalam bandar, dan pelbagai lagi. Seperti di Malaysia, ada yang jelas kelihatan dan ada yang cuma dapat dilihat secara tidak langsung, iaitu lebih abstrak. Indonesia misalnya sampai menekankan soal kebangsaannya, dan tidak salah jikalau dikatakan dasar perancangannya ialah identiti serta kesahihan kebangsaannya. Memetik *Indonesia Net, Indonesia Today*, "The increasing role of the industrial sector in development will bring changes in values that will cause social problems. As industrialisation and modernization proceed, efforts to maintain and develop appropriate social institutions and preserve culture must be intensified to ensure that rapid industrialisation and greater openness to the global economy will not adversely affect national identity and unity and will not endanger national stability". Seperti dikatakan di atas, pembangunan sosiobudaya tidak lepas daripada pembangunan sosioekonomi, *maka timbul persoalan dasar di sini, sejauh mana perubahan sosioekonomi yang bermula daripada pengenalanan ekonomi kolonial dulu yang mengakibatkan perubahan di kalangan penduduk rantau ini dapat mengekalkan "national identity and unity" itu?*

Bagi Indonesia "national identity and unity" dicerminkan oleh lambangnya "Bhinneka tunggal Eka" serta didasari Pancasila dan perlembagaan 1945. Walaupun terbahagi kepada pelbagai suku dan budaya dari Sabang ke Marauke, segala yang peribumi Indonesia dianggap sebagai pemberi identiti Indonesia, sementara Pancasila dan Perlembagaan 1945 adalah dasar bagi kesatuan negaranya. Bagi Malaysia, Rukun Negara bolehlah dianggap sebagai falsafah negara, dan konsep kebudayaan kebangsaan tahun 1971 boleh dianggap sebagai dasar memberi identiti kebangsaan Malaysia.

Kita telah menyentuh sedikit tentang pembangunan ekonomi yang mempengaruhi pembangunan sosiobudaya, dan tidak syak lagi daripada dulu hingga sekarang, kegiatan ekonomi sangat rapat hubungannya dengan aspek sosiobudaya dan pertaliannya adalah simbiotik. Namun kegiatan ekonomi boleh menukar corak sosiobudaya, seperti ekonomi tradisi politik kesultanan Melayu Melaka yang bersandarkan laut dan laluannya mempunyai corak sosiobudayanya sendiri. Tetapi apabila dasar ekonomi kolonial menukar kegiatannya kepada ekonomi daratan dan mata wang di rantau ini, dan menukar corak ekonomi kapal asap dan wap untuk pembukaan pelabuhan-pelabuhan yang lebih canggih

melayani ekonomi pasaran, maka corak sosiobudaya penduduk rantau ini juga berubah.

Namun aspek-aspek simbolik budaya seperti adat resam, adat istiadat, kesenian mahupun kepercayaan adalah elemen-elemen yang lambat sekali berubah sehingga penghujung abad 20 ini. Seperti yang dicerminkan oleh Rancangan Malaysia Ketujuh atau Repelita VI, terdapat ciri-ciri budaya tradisi masih mahu diperkukuhkan sebagai memenuhi tuntutan rohaniah. Rancangan Malaysia Ketujuh seperti yang diperuntukkan pada perenggan 1.81 memberi perhatian kepada aspek ini seperti "menghayati dan mengekalkan warisan seni budaya" disamping menggalakkan aktiviti-aktiviti seni baru seperti "muzium, opera dan orkestra seni tari". (hal. 29) Repelita VI pula melihat pembentukan kebudayaan Indonesia sebagai memperkukuhkan mana yang baik daripada yang baru. "Cultural enrichment must include creation of modern and independent attitudes through absorption of science and technology, while simultaneously filter... out negative influences from other cultures resulting from global communication" (Chap IV). Pembangunan bahasa dan kesusasteraan termasuk "proper usage of Bahasa Indonesia", perkembangan kesenian daerah pemuliharaan tradisi dan tapak-tapak sejarah serta pemeliharaan warisan-warisan kebudayaan adalah antara yang dimaktubkan dalam perancangan Repelita VI.

Sebagai rumusan dapat dikatakan pembangunan sosiobudaya di rantau ini dalam pertengahan kedua abad ke-20 ditangani oleh kerajaan negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan. Namun dalam merancang pembangunan apapun, bukan sahaja warisan zaman kolonial, bahkan warisan zaman kolonial, harus diperhitungkan, walaupun perkiraan tuntutan sezaman yang lebih mencorakkan pembangunan di rantau ini.

Pembangunan Sosiobudaya Rantau Ini Dalam Abad Ke 21

Laluan untuk pembangunan sosiobudaya rantau ini sudah ada dengan wujudnya kerjasama ekonomi antara wilayah-wilayah yang berjiran seperti IMS-GT yang melibatkan Indonesia, Malaysia dan Singapura; IMT-GT yang merangkumi Indonesia, Malaysia dan Thailand; atau BIMP-EAGA yang melibatkan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Pertumbuhan Segi Tiga (Growth Triangles) atau Pertubuhan Wilayah

merancang dan melaksanakan matlamat ekonomi, terutama perdagangan. Namun pembangunan ekonomi jikalau tidak diikuti serta dengan sosio-budaya akan menghasilkan pembangunan fizikal tanpa jiwa yang menimbulkan banyak masalah sosial. Bahkan, Kuala Lumpur, mahupun di tempat-tempat lain yang telah membangun kerana kepesatan kegiatan ekonominya, kesan-kesan sampingan yang tidak diinginkan timbul kerana kurangnya perhatian diberi kepada pembangunan sosiobudaya yang lebih tertumpu kepada kebahagiaan material. Maka itu sementara itu bangunkan dari segi ekonomi dan pasaran fizikal dalam wilayah-wilayah yang dikatakan segi-segi tiga atau wilayah pertumbuhan tadi, kita jangan lupa memberi perhatian kepada pembangunan sosiobudaya kerana ia akan membangun penduduk asli tempatan yang telah terkesampingan dalam pembangunan ekonomi kolonial. Warisan kolonial telah membahagi kita kepada negara-negara yang bersempadankan politik, dan sekarang kita mula mahu kembali kepada keadaan dalam sejarah politik Melayu, iaitu kebebasan berniaga, berhijrah dan menuntut ilmu di bawah ulama-ulama yang besar.

Walaupun tiap negara mempunyai rancangan seperti Rancangan Malaysia VII atau Repelita VI yang meliputi wilayah masing-masing, ada baiknya jika apa yang terkandung pada rancangan-rancangan itu dimasukkan juga dalam perancangan kerjasama antara wilayah itu. Dari segi pendidikan dan latihan misalnya, manfaat akan sampai kepada penduduk tempatan jikalau pembangunan ekonomi menyediakan latihan atau kursus untuk penduduk tempatan bagi mengisi keperluan industri yang didirikan. Industri pelancongan dan perhotelan, contohnya, tidak perlu mendapat serta mendatangkan pekerja luar, walaupun warga negara sendiri untuk mengisi keperluan industri itu, jikalau disyaratkan latihan diadakan bagi penduduk asli wilayah itu.

Tuntutan ekonomi bagi mengisi tenaga kerja dan tuntutan sosial yang lain seperti meningkatkan "quality of life" juga harus dimasukkan ke dalam rancangan pembangunan, kalau tidak bandar-bandar yang akan wujud dalam wilayah-wilayah pertumbuhan itu akan menjadi pusat-pusat mencari hiburan atau mencari wang semata-mata.

Ada kemungkinan pusat-pusat yang tumbuh kerana melayani ekonomi seperti terdirinya kilang-kilang dan pusat-pusat perdagangan akan menarik penghijrahan penduduk-penduduk luar daripada wilayah itu. Dalam konteks kerjasama wilayah, modal dan kepakaran bagi

industri itu sahaja patut dibenarkan masuk dari luar negara di mana satu-satu projek itu dijalankan, tetapi dari segi pembangunan tenaga kerja dan kepakaran, tidak harus didatangkan dari luar. Penduduk dari luar wilayah, walaupun dari negara yang sama, tidak harus juga digalakkan. Dengan cara ini bukan sahaja pembangunan sosioekonomi, bahkan pembangunan sosiobudaya, akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan. Dengan pendekatan sedemikian kerjasama antara wilayah dapat membangunkan satu-satu daerah di rantau ini yang diketahui umum, sebagai kantong-kantong kemiskinan. Lagipun pembangunan bersepadu, baik dari segi antara negara mahupun daripada segi antara sektor ekonomi dengan sosioekonomi, dapat mengelakkan masalah-masalah yang sering timbul di sempadan perairan antara negara-negara ini, seperti penyeludupan pendatang-pendatang haram, penyeludupan barang-barang perdagangan, mencero bohi zon-zon ekonomi eksklusif, rompakan dan pelanunan ataupun pelarian daripada cukai antara negara.

Politik kolonial telah mewariskan rantau ini, atau persekitaran Selat Melaka mengikut tema seminar ini, dengan sempadan-sempadan yang memisahkan antara satu negara dengan yang lain. Dan ini kita telah teruskan selama setengah abad kurun ke-20 ini dengan mengawal sempadan-sempadan itu dengan bersungguh-sungguh. Tetapi pada penghujung abad 20 ini, dengan dipelopori sektor ekonomi, sempadan-sempadan itu dirobahkan sedikit, walaupun identiti masing-masing negara tetap utuh dan dijaga. Keperluan imigresen tetap seperti disediakan, tetapi perhubungan bertambah terbuka. IMS-GT, IMT-GT atau BIMP-EAGA adalah wahana integrasi secara idea, tetapi haluan kedua Singapura-Johor yang baru siap dan jambatan menghubungkan Malaysia-Indonesia yang baru-baru ini dipersetujui Bapak Presiden Soeharto ber-corak fizikal. Walaupun ini dilihat sebagai manifestasi pembangunan menghadapi abad 21 daripada perspektif politik dan ekonomi, tetapi tanpa diikuti sertakan dengan pembangunan sosiobudaya yang berfokuskan insan itu sendiri, pembangunan politik dan ekonomi akan menjadi sesuatu yang mekanikal tanpa jiwa.

Mungkin apa yang dikonsepsikan sebagai wilayah sekitar Selat Melaka tidak lagi begitu bermakna sekarang kerana cabaran globalisasi abad ke-21 menuntut realiti yang setimpal. Perhubungan Melaka dengan Sumatera seperti yang didefinisikan oleh Selat Melaka tidak lagi menjadi relevan dengan kehidupan kita sekarang, kerana pertumbuhan yang

meliputi seluruh Asia Tenggara, iaitu Asean, adalah satu-satunya wahana yang dapat menempatkan wilayah kita Asia Tenggara di pentas dunia yang global. Pembangunan sosiobudaya hendaklah berlaku disamping pembangunan politik ekonomi yang difokus Asean sekarang, kerana hendak bersaing di pentas dunia abad ke-21 kita perlu pengekalan dan kemantapan sosial. Sekretariat Asean, misalnya, telah mempelopori projek kajian sosiobudaya yang dianggap strategik dari segi pembangunan iaitu projek "Asean Cultures: Strategic Studies" dan seminar-seminar yang disyorkan di bawahnya membincangkan bukan sahaja pelbagai aspek budaya dan persoalannya masa kini, iaitu Dr. Chandra Muzaffar, telah mengemukakan gagasan kenapa Asean memerlukan satu perancangan sosial ("Why Asean needs a Social Plan"-NST, Ogos 11, 1997"). Pendek kata pembangunan sosiobudaya kini, iaitu pembangunan masyarakat dan insan yang menganggotainya, telah mula mendapat perhatian dalam rancangan-rancangan yang pada mulanya bercorak politik dan ekonomi semata-mata.

Rujukan

1. Unit Perancang Ekonomi, Rancangan Malaysia Ketujuh, Percetakan Kerajaan Malaysia, 1966.
2. Indonesia Net, Indonesia today, REPELITA VI (Indonesia sixth five year development plan 1994/5 - 1988/95) (Internet).
3. Asean COCI, *Cultures in Asean and the 21st Century*. Singapore: NUS, 1966.
4. Chandra Muzaffar, "Why Asean Needs A Social Plan", *New Straits Times*, August 11, 1997.

PEMBANGUNAN SOSIOBUDAYA DI SEKITAR SELAT MELAKA -PANDANGAN INDONESIA

Maswadi Rauf*

Pendahuluan

SELAT Melaka telah menjadi perhatian masyarakat dunia semenjak lama. Kelihatannya perhatian masyarakat dunia tidak akan berkurang pada masa-masa yang akan datang. Hal ini disebabkan lokasi selat tersebut strategis yang menjadikannya sebuah jalur pelayaran yang amat penting bagi setiap negara yang menggunakan laut sebagai sarana pengangkutan. Jalur lain yang melewati Lautan Hindi di sebelah barat Pulau Sumatera bukanlah alternatif yang menarik kerana di samping lautnya yang ganas, jarak dan waktu tempuhnya adalah lebih besar sehingga tidak menguntungkan.

Letak Selat Melaka yang strategis juga disebabkan jalur laut tersebut menghubungkan negara-negara dan kawasan penting di dunia. Jepun, Cina dan Hong Kong adalah beberapa contoh wilayah penting yang terletak di sebelah timur Asia yang harus menggunakan Selat Melaka apabila hendak belayar ke wilayah Asia Selatan, Timur Tengah, Afrika dan Eropah. Oleh sebab itu tidak menghairankan apabila Selat Melaka merupakan salah satu jalur pelayaran yang terpadat di dunia, tidak hanya sekarang tetapi juga pada masa lalu. Pada masa akan datang, laut tetap menjadi sarana pengangkutan penting, selama itu pula Selat Melaka merupakan salah satu selat terpenting di dunia.

Daya tarik Selat Melaka dan kepentingan negara-negara besar terhadap selat tersebut membuat kawasan di sekitar selat itu berada dalam keadaan yang rawan. Meskipun penjajahan secara fizikal tidak lagi merupakan cara untuk menguasai negara dan kawasan lain dan konflik bersenjata secara terbuka antara negara tidak lagi popular, sebaliknya cenderung mendapat celaan yang tajam dari dunia internasional, masih terlihat adanya kecenderungan daripada berbagai-bagai negara yang berkepentingan dengan Selat Melaka untuk mempertahankan

*Beliau adalah Profesor dalam ilmu politik di FISIP dan Pembantu Dekan I di fakulti yang sama, di Universiti Indonesia.

kepentingan mereka daripada tindakan-tindakan yang dapat merugikan mereka. Dunia yang semakin saling tergantung dan kepentingan negara-negara di sekitar Selat Melaka (terutama Malaysia, Singapura dan Indonesia) untuk mempertahankan jalan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, mereka membuat negara-negara tersebut "terpaksa" melakukan kompromi dengan kepentingan-kepentingan negara besar.

Di samping itu, penggunaan Selat Melaka oleh kapal-kapal tangki raksasa (*super tanker*), kemungkinan terjadinya pencemaran laut oleh tumpahan minyak dan lewatnya kapal-kapal perang bertenaga nuklear tentu saja dapat mengganggu negara-negara di sekitarnya yang dapat menyalut konflik dan polemik internasional. Kejahatan di laut dan kecelakaan pelayaran dengan mudah terjadi kerana padatnya jalur laut Selat Melaka yang juga menimbulkan masalah keamanan bagi negara-negara di kawasan Selat Melaka.

Selat Melaka yang selalu ramai itu tentu saja mendatangkan keuntungan kepada negara-negara di kawasan tersebut. Pertumbuhan Singapura dan Malaysia serta Indonesia (dalam hal ini Pulau Batam dan sekitarnya) sangat erat kaitannya dengan pelayaran Selat Melaka. Pada masa-masa akan datang, keberhasilan negara-negara di sekitar Selat Melaka dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi ditentukan antara lain oleh keberhasilan menarik manfaat yang lebih besar dari pada keberadaan Selat Melaka dan mengurangi dampak negatif yang ditimbulkan oleh pelayaran di kawasan tersebut.

Pembangunan fizikal dan ekonomi yang dilakukan oleh Malaysia, Singapura dan Indonesia di wilayah masing-masing disebabkan antara lain oleh pengaruh pelayaran yang ramai di Selat Melaka. Pembangunan tersebut juga bertujuan untuk menarik keuntungan sebesar-besarnya daripada pelayaran di kawasan Selat Melaka. Usaha-usaha ini dapat saja menghasilkan persaingan antara ketiga-tiga negara tersebut. Apabila ini terjadi yang rugi adalah negara-negara itu sendiri. Oleh sebab itu diperlukan kerjasama yang lebih erat di antara negara-negara yang berada di kawasan Selat Melaka, termasuk Myanmar dan Thailand.

Pembangunan Sosiobudaya

Pembangunan sosiobudaya adalah sebahagian daripada usaha sesebuah negara untuk meningkatkan kesejahteraan rakyatnya, baik secara

material mahupun spiritual. Usaha pembangunan ini memerlukan perencanaan dan koordinasi yang baik serta dana yang tidak sedikit. Kerjasama internasional merupakan salah satu mekanisme yang dapat melancarkan pembangunan sosiobudaya. Peningkatan kesejahteraan rakyat adalah tuntutan yang harus terlaksana mengingat semakin maknurnya bangsa-bangsa lain di negara-negara industri. Kemajuan yang dialami bangsa-bangsa lain dengan segera diketahui dan dilihat melalui informasi yang disampaikan oleh media massa menghasilkan peningkatan tuntutan bangsa-bangsa di Dunia Ketiga terhadap peningkatan kesejahteraan rakyat.²

Salah satu reaksi Indonesia terhadap perkembangan perdagangan dan pelayaran di kawasan Selat Melaka adalah pembangunan Pulau Batam semenjak awal dasawarsa 1970-an. Pemerintah Indonesia melihat peluang untuk memanfaatkan alur pelayaran di Selat Melaka. Letak Pulau Batam yang tepat berada di jalur pelayaran tersebut dapat dimanfaatkan untuk pengembangan kemudahan transportasi laut dan udara di Pulau Batam dan diharap akan mampu memberikan alternatif baru bagi segala kemudahan yang telah tersedia di Singapura sehingga kemudahan-kemudahan yang ada di Pulau Batam dapat menampung kegiatan-kegiatan perdagangan dan transportasi yang tidak dapat diberikan oleh Singapura ataupun yang tidak akan menggunakan fasilitas-fasilitas di Singapura.

Yang tidak kalah pentingnya ialah pembangunan pusat-pusat industri di Pulau Batam. Kemudahan pelayaran dan penerbangan yang terbuka luas ke pelbagai penjuru dunia dengan adanya pelayaran internasional di Selat Melaka dan kemudahan perhubungan udara yang moden (baik di Batam sendiri mahupun di Singapura) mendorong dikembangkannya kawasan industri di pulau tersebut. Oleh sebab itu tidak menghairankan apabila Pulau Batam berkembang dengan pesat. Dalam waktu kurang lebih dua dasawara, pulau yang tadinya hanya dihuni oleh beberapa keluarga nelayan sekarang telah berubah menjadi kawasan dagang dan industri yang ramai dan padat. Para tenaga kerja yang akan bekerja di pelbagai industri dan para pedagang yang melihat adanya peluang untuk mengembangkan usaha di Pulau Batam telah

²Dasar pemikiran seperti ini telah dirumuskan oleh Daniel Lerner dalam karyanya yang klasik dan terkenal *The Passing of Traditional Society: Modernizing the Middle East*. (New York: The Free Press, 1958)

datang dalam jumlah besar.

Sekarang ini, Pulau Batam telah berubah menjadi wilayah perdagangan dan industri yang masih terus berkembang pesat. Masalah-masalah yang biasa dihadapi kota-kota besar seperti kumuh, pencemaran lingkungan, keterbatasan tanah, penggusuran, peningkatan jenayah, penggunaan dadah dan kejahatan seksual telah pun dialami oleh masyarakat di Pulau Batam. Para pekerja kilang dan industri serta pramuniaga yang datang dari berbagai-bagai daerah di Indonesia dalam jumlah yang besar merupakan masalah tersendiri bagi Pulau Batam. Keterbatasan kemudahan umum seperti perumahan murah, air bersih, sekolah dan perkhidmatan kesihatan merupakan masalah sosial yang sukar diatasi.

Pembangunan sosiobudaya terakhir yang berkembang pesat di Pulau Batam ialah industri pariwisata. Antaranya pembangunan hotel dan sarana rekreasi seperti lapangan golf dan kemudahan perhubungan, perdagangan dan industri. Langkah selanjutnya yang ditempuh oleh pemerintah Indonesia adalah memperluas wilayah pariwisata ke Pulau Bintan yang berada di sebelah barat Pulau Batam. Pembangunan kawasan wisata di Pulau Bintan bahkan lebih besar daripada yang telah ada di Pulau Batam sehingga dianggap kawasan wisata terbesar di dunia.³ Pengembangan kemudahan pariwisata di Bintan dimungkinkan oleh tersedianya tanah yang cukup luas di bahagian utara pulau tersebut. Penduduk yang mendiami wilayah itu tidak padat dan sebahagian besar tanah merupakan wilayah kosong yang tidak dimanfaatkan ataupun kebun rakyat yang tidak produktif. Melihat peluang yang amat bagus untuk pelaburan, tidaklah terlalu sulit bagi pemerintah Indonesia untuk mendapat para pengusaha besar yang bersedia menanamkan modal mereka di Pulau Bintan.

Tentu saja projek pembangunan besar-besaran seperti yang dilakukan di utara Bintan menimbulkan masalah sosial. Masalah ganti rugi kepada penduduk yang tanahnya diambil oleh projek tersebut masih tetap belum diselesaikan. Apabila kekecewaan penduduk setempat tidak dapat direndam, diperkirakan bahawa masalah sosial di sana akan semakin membimbangkan. Masalah tenaga kerja juga perlu diperhatikan di sini. Ada kecenderungan bahawa projek-projek pembangunan kurang mampu menyerap tenaga kerja yang berasal dari penduduk setempat.

³Lihat surat khabar *Republika*, 18 Juni 1996, h. 13.

Para pengusaha lebih suka mendatangkan para pekerja dari daerah-daerah lain yang memang telah merupakan tenaga trampil dan berpengalaman. Akibatnya banyak warga masyarakat setempat yang tetap menjadi penganggur meskipun terdapat projek pembangunan dalam skala besar di sekitar tempat tinggal mereka. Apabila masalah ketenagakerjaan ini tidak ditanggung lagi, dikhawatirkan bahawa pembangunan kemudahan pariwisata di Bintan utara ini akan menimbulkan masalah sosial yang gawat.

Pembangunan kemudahan pariwisata di Batam dan Bintan bertujuan terutama untuk menampung para pelancong yang berasal dari Singapura dan Malaysia (Johor). Keterbatasan pariwisata di negara lain dengan daya tarik yang berbeza mendorong para pelancong untuk datang ke Batam dan Bintan. Meskipun kemudahan rekreasi di Bintan belum selesai semuanya, namun parawisata telah berdatangan dalam jumlah yang besar, terutama pada akhir bulan. Kemudahan pengangkutan laut yang teratur dan menyenangkan antara kedua-dua negara tersebut dengan Batam dan Bintan serta jaraknya yang cukup dekat dengan waktu tempuh pelayaran feri yang tidak lama (30 - 60 minit) membuat parawisata kedua-dua negara itu tertarik untuk mengunjungi wilayah Indonesia tadi.

Pembangunan sosiobudaya yang terjadi di Batam dan Bintan adalah produk internasional. Ertinya pembangunan tersebut tidak akan terjadi jika kedua-dua pulau tersebut tidak berdekatan dengan Selat Melaka, Singapura dan Malaysia. Oleh sebab itu beralasan pula untuk mengatakan bahawa masalah-masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Batam dan Bintan sebagai akibat daripada pembangunan tersebut adalah masalah internasional yang memerlukan perhatian dan kepedulian Singapura dan Malaysia. Para pengusaha Singapura yang terlibat dalam pelaburan di Batam dan Bintan jelas telah menikmati keuntungan. Sayugianya mereka juga memperhatikan dampak negatif yang timbul sebagai akibat dari pembangunan fizikal tersebut.

Salah satu bentuk perhatian dan kepedulian tersebut adalah keikutsertaan Singapura dan Malaysia dalam mengulangi masalah sosial yang timbul di Batam dan Bintan, serta pulau-pulau lainnya yang nanti akan dikembangkan dalam rangka pengembangan wilayah Indonesia di sekitar Selat Melaka. Meskipun yang bertanggungjawab sepenuhnya dan yang memegang inisiatif untuk mengatasi masalah-masalah sosial tersebut adalah pemerintah Indonesia (baik pada tingkat pusat mahupun daerah), pemerintah dan pelbagai lapisan masyarakat di Singapura dan Malaysia perlu terlibat secara langsung dalam pengulangan masalah sosial tersebut. Antara lain ialah dengan memberi masuk pemecahan

masalah-masalah sosial dan pencegahan terjadinya masalah-masalah tersebut pada masa yang akan datang. Pengusaha yang berasal dari kedua-dua negara itu yang bekerja dan menanamkan modalnya di pulau tersebut dapat membantu mengurangi masalah-masalah sosial dan bersikap peduli terhadap masalah itu. Oleh sebab itu kerjasama negara-negara yang terletak di sekitar Selat Melaka untuk mengatasi masalah-masalah di negara masing-masing yang timbul sebagai akibat dari keberadaan Selat Melaka adalah cara yang paling tepat.

Langkah selanjutnya yang diambil oleh negara-negara Selat Melaka dalam membangun wilayah tersebut dalam suatu bentuk kerjasama ialah mengadakan apa yang disebut sebagai segi tiga pertumbuhan (*growth triangle*). Model pembangunan seperti ini melibatkan tiga negara yang terletak dalam suatu kawasan yang berdekatan dan bersentuhan secara geografik sehingga kerjasama dapat dijalankan dengan baik kerana mudahnya hubungan antara negara tersebut. Letak yang berdekatan menghasilkan masalah dan kepentingan yang sama sehingga kendala yang ada dapat diatasi secara bersama-sama yang memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk saling memahami secara lebih baik kerana saling berkunjung telah berlangsung sejak lama dan budaya pihak lain telah dikenal secara baik. Pemahaman budaya dapat melancarkan kerjasama antara negara.

Pertumbuhan pesat yang terjadi di Pulau Batam dan Bintan telah mendorong munculnya segi tiga pertumbuhan Batam-Singapura-Johor yang melibatkan tiga negara: Indonesia, Singapura dan Malaysia. Model pembangunan yang didasarkan atas segi tiga pertumbuhan ini diharapkan akan lebih memacu pembangunan di ketiga wilayah dengan adanya koordinasi yang lebih baik oleh para pejabat pemerintahan ketiga setiap negara. Koordinasi ini akan melancarkan kerjasama sehingga kekuatan-kekuatan suatu wilayah akan dapat dimanfaatkan oleh yang lain. Dengan demikian idea segi tiga pertumbuhan diharapkan mampu mengembangkan prinsip saling membantu dan saling mengisi sehingga potensi yang tadinya masih kecil atau bahkan tidak sama sekali dapat dikembangkan demi kesejahteraan masyarakat di kawasan tersebut.

Model segi tiga pertumbuhan seperti itu dengan segera menjadi popular dan ingin ditiru oleh kawasan-kawasan lainnya. Oleh sebab itu muncul berbagai segi tiga pertumbuhan baru seperti Indonesia-Malaysia-Singapura Growth Triangle (IMSGT) yang melibatkan ketiga-tiga negara dalam skala kerjasama pembangunan yang lebih luas dengan mengikut

sertakan lebih banyak daerah di negara masing-masing. Sebagai contoh, apabila dalam Segitiga Pertumbuhan Batam-Singapura-Johor yang terlibat di pihak Indonesia barulah Batam, IMSGT melibatkan propinsi Sumatera Barat dan propinsi Riau secara keseluruhan. Masih di kawasan ini, muncul pula idea Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMTGT) yang melibatkan beberapa propinsi Indonesia lainnya; yakni Sumatera Utara dan Aceh. Di bahagian timur Indonesia mulai ramai dibicarakan Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Filipina sedangkan di bahagian selatan muncul idea Segitiga Pertumbuhan Ambon-Darwin-Kupang.

Apabila kerjasama pembangunan antara Indonesia dan Singapura dalam pengembangan Batam dan Bintan telah mencapai hasil konkrit dengan berkembangnya kedua-dua kawasan tersebut, idea segi tiga pertumbuhan yang ramai dibicarakan barulah sampai pada tahap pemikiran atau perencanaan. Kelihatannya semua pihak yang terlibat mendukung sepenuhnya idea tersebut dan tidak ada pihak yang menentang. Namun realisasi idea tersebut masih belum terlihat. Jadi, idea yang bagus masih memerlukan waktu yang cukup lama untuk dapat direalisasikan kerana langkah-langkah konkrit yang melibatkan dan menguntungkan semua pihak masih memerlukan perbincangan lebih lanjut.

Projek besar yang dikira akan mempengaruhi kawasan Selat Melaka pada masa yang akan datang ialah pembangunan projek gas bumi secara besar-besaran oleh pemerintah Indonesia di Pulau Natuna yang memakan dana berjuta-juta dolar Amerika. Pulau Natuna terletak tidak jauh dari pintu masuk dan keluar jalur laut Selat Melaka di Laut China Selatan. Lalu lintas laut akan semakin ramai oleh kapal tangki raksasa setelah gas bumi mulai dihasilkan. Sebahagian darinya akan menggunakan jalur laut Selat Melaka. Faktor keamanan jalur laut tersebut akan menjadi semakin rawan. Kepentingan ekonomi Indonesia yang besar yang terkandung dalam projek Natuna tersebut akan menjadikan kepulauan Natuna sebagai daerah penting sehingga tindakan-tindakan pengamanan akan semakin ketat di kawasan tersebut. Tindakan-tindakan ini dapat menimbulkan kekhuatiran negara lain di sekitarnya. Tentu saja kerjasama yang dilandasi oleh saling pengertian antara negara-negara yang berkepentingan memainkan peranan yang amat penting di sini.

Projek Natuna dapat menyumbangkan sesuatu kepada peningkatan hubungan sosiobudaya di kawasan Selat Melaka apabila tenaga kerja yang direkrut, terutama diambil dari negara-negara yang terletak di

sekitar Selat Melaka, baik pada tingkat pengurusan mahupun pada peringkat pekerja lapangan. Tenaga asing yang berasal dari luar kawasan ini perlu dibatasi untuk memberikan kesempatan yang lebih besar bagi para pekerja yang berasal dari kawasan ini. Dengan demikian projek Natuna dapat *melting pot* bagi bangsa-bangsa di sekitar Selat Melaka yang akan berujung pada semakin eratnya hubungan dan kerjasama antara bangsa-bangsa tersebut.

Semangat Kerjasama Kawasan Serantau

"Kerjasama" adalah idea yang harus mendasari setiap kegiatan di kawasan Selat Melaka. Hal ini disebabkan kemampuan dan potensi negara-negara di kawasan tersebut yang masih terbatas. Penyatuan berbagai-bagai potensi yang masih terbatas akan menghasilkan kekuatan yang besar untuk menghadapi kekuatan dan pesaing dari luar kawasan. Pengembangan kerjasama di kawasan Selat Melaka adalah suatu yang *feasible* kerana sejarah telah membuktikan bahawa bangsa-bangsa yang berada di kawasan tersebut berasal dari rumpun bangsa yang sama dengan budaya yang sama pula. Faktor budaya ini merupakan modal yang penting bagi pengembangan kerjasama dalam segala bidang di kawasan Selat Melaka.

Sejarah menunjukkan bahawa para penduduk di sepanjang perairan Selat Melaka telah menjalin hubungan yang erat semenjak lama. Mahathir Mohamad dalam karyanya yang terkenal itu bahkan menulis bahawa bahagian selatan Semenanjung Malaya yang berbukit-bukit tidak dipilih sebagai tempat pemukiman oleh para pemukim Melayu pertama dahulu. Daerah selatan itu baru berkembang setelah orang-orang Sumatera dan Jawa datang dan berdiam di sana.⁴ Para pendatang ini dengan cepat berasimilasi dengan penduduk setempat. Mereka berubah menjadi orang Melaka dan menyerap budaya Melayu meskipun beberapa aspek dari budaya asli mereka masih tetap dipertahankan, seperti di kalangan keturunan Jawa umpamanya.

Indonesia memproklamkan kemerdekaannya pada tahun 1945 yang menjadikan wilayah Sumatera yang juga mencakup pulau-pulau di kepulauan Riau sebagai wilayah Republik Indonesia (RI). Semenjak itu Sumatera secara politik terpisah dari Semenanjung Malaya. Meskipun begitu, hubungan budaya dan sosial antara kedua-dua daerah tersebut

⁴Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma* (Singapore : Federal Publications, 1977), h. 21.

tidak terputus. Ini adalah salah satu penyebab daripada berbagai-bagai dilema yang dihadapi oleh penduduk di kedua-dua tepi Selat Melaka tersebut.

Sebelum proklamasi kemerdekaan RI, perpindahan dan kunjungan warga masyarakat dari wilayah kepulauan Riau ke Singapura dan Semenanjung Melayu, atau sebaliknya, adalah hal yang mudah dilakukan tanpa dilengkapi dokumen-dokumen yang rumit. Bagi mereka, perpindahan tempat tersebut adalah kunjungan sosial tanpa mempersoalkan masalah-masalah politik. Demikian pula halnya dengan perpindahan barang-barang. Bagi penduduk kepulauan Riau dan pesisir timur Pulau Sumatera, membawa barang-barang dagangan ke Singapura dan Semenanjung Malaya adalah perdagangan biasa. Setelah Indonesia merdeka, perpindahan barang seperti itu yang tidak dilengkapi surat-surat seperlunya adalah penyeludupan yang memberi saksi hukum bagi pelakunya. Gejala inilah yang menyebabkan sulitnya pembasmian penyeludupan di kawasan Selat Melaka.

Secara tradisional, orientasi penduduk di pantai timur Sumatera dan kepulauan Riau adalah kepada Singapura dan Semenanjung Malaya. Sebelum kemerdekaan Indonesia, adalah hal yang wajar apabila para penduduk di pantai timur Sumatera dan Kepulauan Riau menyekolahkan anak-anaknya ke Singapura atau Kuala Lumpur. Apabila mereka merantau, salah satu tujuan utama Semenanjung Malaya. Oleh sebab itu tidak menghairankan apabila Semenanjung Malaya dibanjiri oleh para pendatang dari Sumatera. Kemerdekaan Indonesia mengubah hal tersebut. Secara bertahap, orientasi penduduk di pantai timur Sumatera dan Kepulauan Riau beralih ke Jawa. Semenjak dasawarsa 1960-an, penduduk di kawasan Sumatera itu dengan bangga akan bercerita tentang anak-anaknya yang bersekolah di Yogyakarta. Tidak ada lagi cita-cita untuk menyekolahkan anak-anak mereka ke Kuala Lumpur atau Singapura. Demikian juga halnya dengan daerah tujuan pemukiman yang baru. Kuala Lumpur dan daerah sekitarnya tidak lagi disebut-sebut sebagai tempat yang akan dituju. Lagi-lagi pulau Jawa dan kota-kota besar di Sumatera telah menjadi tempat tujuan yang baru.

Meskipun begitu, perasaan sebagai bangsa serumpun tidaklah menghilang walaupun ada perbezaan-perbezaan politik di antara mereka. Hal ini dibuktikan oleh betapa cepatnya penghentian konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia yang dicanangkan oleh Presiden Soekarno pada awal dasawarsa 1960-an. Setelah Presiden Soekarno dibuat tidak

berdaya oleh Surat Perintah 11 Maret 1966 (Super Semar), pemerintah Indonesia segera mengambil langkah-langkah untuk menghentikan permusuhan itu. Sambutan yang baik diberikan oleh pemerintah Malaysia.⁵ Konfrontasi berhasil dihentikan dengan cepat meskipun Soekarno masih menjabat sebagai Presiden (yang telah dibatasi kekuasaannya oleh Super Semar). Disebabkan adanya latar belakang hubungan historis dan kultural yang panjang, segala kepahitan yang dihasilkan oleh konfrontasi dapat cepat dilupakan dan hubungan bersahabat segera dimulai kembali.

Semangat saudara serumpun yang ditunjang oleh kesedaran akan adanya kepentingan yang sama dan kedudukan yang setara alam dunia internasional telah menjadi sumber bagi keberhasilan ASEAN (Association of Southeast Asian Nations) dalam membina kerjasama di kawasan Asia Tenggara. Dapat dikatakan bahawa ASEAN adalah salah satu kerjasama dan organisasi internasional yang paling berhasil di dunia sebagaimana ditunjukkan oleh keberhasilan yang dicapai dalam berbagai-bagai kegiatannya. Yang juga penting di antara sekian banyak keberhasilan ASEAN ialah berkembangnya apa yang disebut sebagai semangat ASEAN (*ASEAN Spirit*) yang dilandasi oleh keinginan untuk mencapai kebaikan bersama melalui musyawarah dan solidaritis di antara negarane-negara anggota ASEAN. Keberhasilan-keberhasilan ini dapat menjadi motivasi bagi terbentuknya kerjasama dalam pelbagai kegiatan yang lebih konkrit dan melibatkan kawasan yang lebih terbatas yang hasilnya dapat dirasakan secara langsung oleh para penduduk di kawasan bersangkutan.

Salah satu masalah sosial yang muncul hasil daripada kehidupan bertetangga adalah masalah tenaga kerja haram dari Indonesia yang bekerja di Malaysia. Daya tarik di kalangan rakyat Indonesia untuk bekerja di Malaysia terletak pada gaji yang jauh lebih tinggi daripada gaji yang diterima di Indonesia untuk pekerjaan yang sama dan persamaan budaya dan agama yang memudahkan mereka untuk beradaptasi dengan masyarakat setempat. Barangkali persamaan budaya dan agama memainkan peranan yang lebih penting di sini kerana para pendatang dari Indonesia berasa *at home* di Malaysia. Banyak tempat lain yang juga menjanjikan gaji yang besar, seperti Singapura dan Hong Kong. Namun

⁵Untuk memperoleh gambaran tentang usaha-usaha penghentian konfrontasi dan masalah-masalah politik yang berkaitan dengannya, lihat antara lain Michael Leifer, *Politik Luar Negeri Indonesia* (Jakarta: Gramedia 1986), h. 153-160.

masalah bahasa dan agama menjadi kendala. Oleh sebab itu tidak menghairankan apabila Malaysia menjadi negara penerima tenaga kerja Indonesia dalam jumlah terbesar.

Masalah tenaga kerja dapat menyebabkan terganggunya hubungan antara negara, seperti yang ditunjukkan oleh kuasa Singapura-Filipina sebagai akibat daripada kematian pembantu rumah yang berasal dari Filipina di Singapura. Sejauh ini hubungan Indonesia dengan Malaysia belum pernah terganggu oleh kuasa tenaga kerja gelap ini meskipun banyak kejadian negatif dan tindakan kriminal yang melibatkan tenaga kerja Indonesia di Malaysia. Di samping itu, jumlah tenaga kerja Indonesia di Malaysia adalah juga cukup banyak sehingga mencapai angka jutaan. Adanya sikap yang saling mengerti dan menahan diri pada kedua-dua belah pihak merupakan faktor penyebab daripada tidak adanya gangguan yang ditimbulkan oleh kuasa tenaga kerja ini terhadap hubungan Indonesia-Malaysia.

Penutup

Selat Melaka yang telah menarik perhatian bangsa-bangsa di dunia sepanjang sejarah umat manusia merupakan rahmat Tuhan yang amat berharga bagi negara-negara yang terletak di sekitarnya. Betapa tidak, jalur laut itu telah memberikan manfaat yang amat besar bagi kesejahteraan penduduk yang bermukim di sepanjang selat tersebut. Singapura adalah negara pertama di kawasan tadi yang pandai memanfaatkan Selat Melaka. Negara-negara lain seperti Indonesia dan Malaysia juga mempunyai niat yang sama dengan mengikuti jejak negara pulau tersebut.

Sejarah menunjukkan bahawa Selat Melaka telah diwarnai terutama oleh hubungan yang bersahabat antara negara-negara yang terletak di kawasan tersebut. Pada masa lalu, jarang sekali terjadi peperangan antara sesama kerajaan di kawasan itu; justeru Selat Melaka telah menjadi saksi akan perjuangan yang heroik daripada bangsa-bangsa di Asia Tenggara melawan bangsa-bangsa penjajah yang memang telah semenjak lama tertarik untuk menguasai bahagian dunia yang amat menarik ini. Meskipun kemudian bangsa-bangsa penjajah dapat menguasai kawasan tersebut, arus kemerdekaan yang mengalir deras setelah berakhirnya Perang Dunia II memberikan kesempatan kepada bangsa-bangsa Asia Tenggara untuk menuntut dan memperoleh kemerdekaan.

Hubungan sosiobudaya di antara penduduk yang bermukim sepanjang Selat Melaka telah berlangsung semenjak lama kerana mereka memang mempunyai budaya yang sama. Yang memisahkan mereka ialah terbentuknya negara-negara moden yang berdaulat yang batas-batasnya ditentukan oleh negara penjajah. Namun demikian ikatan budaya dan rasa setiakawan di antara mereka tidaklah hilang. Solidaritis sebagai bangsa serumpun tetap tumbuh. Ini adalah dasar yang bagus bagi terciptanya kerjasama di antara negara-negara di kawasan Selat Melaka.

Kerjasama adalah cara terbaik bagi negara-negara di kawasan Selat Melaka untuk memperkuat diri dan meningkatkan kesejahteraan rakyat masing-masing. Dasar sosiobudaya bagi kerjasama itu telah tumbuh secara alami dalam kurun waktu yang panjang. Sepantasnya apabila para pemimpin bangsa-bangsa di kawasan Selat Melaka melanjutkan kerjasama yang telah terbina secara alami melalui kerangka kerjasama yang formal dan melembaga agar gerak maju negara-negara Asia Tenggara tidak menghadapi kendala.

SELAT MELAKA: TEMASYA MINDA DALAM LINTAS TAHUN CAHAYA

Dr. Yusmar Yusuf*

Eksordium

TAHUN Cahaya, sebuah ukuran tahun atau kurun waktu yang teramat panjang dan berkelebat cepat bagai "kilat" pada siang hari. Melihat Selat Melaka dari kenestapaannya, ia bakal menjadi simbol kelelahan sejarah; imej yang kalah. Namun, jika dilihat dari sisi keranggian, dan peranannya yang kalau boleh dibonsaikan laksana "parit kecil", tempat kanak-kanak bermain jong, wangkang dan perahu, dia berada dalam kemasan yang serba romantis. Kenestapaan sejarah, kita lupakan sejenak. Keperkasaan Portugis, Belanda dan Inggeris yang pernah meng-hanyutkan berkubik-kubik derai air mata dan kepiluan anak watan di kedua-dua sisi pantai (Tanah Semenajung dan Sumatera) kita hiburan dalam sebuah *adagium futurum* yang bernada positif: *dream in light year, plan in miles, walk step by step*: "Bermimpilah melintas tahun cahaya, rencanakan dalam ukuran bath dan laksanakan selangkah demi selangkah."

Hari ini dan di sini, kita hanya punya satu tugas. Sebuah tugas gergasi iaitu: Bermimpi dalam satu tahun cahaya. Hari ini kita yang berada di sini adalah segerombolan kafilah yang memiliki mimpi dan punya bakat untuk bermimpi. Tapi mimpi apa? Berwarna atau hitam putih? Mimpi yang kita cipta dan yang akan kita cerna, tidaklah diikat oleh sebuah waktu kalendar. Tapi kita bermimpi dalam relung sirkular.

Kita ingin meletakkan mimpi yang kukuh bagi masa depan pada sebuah landasan (*platform*) yang kawi. Kawi di atas gelora ombak utara selat Melaka yang tenang bagai air tasik waktu musim timur tiba. Maknanya, kita ingin menyiapkan sebuah mimpi eskatologis bagi manusia Melayu serantau - khususnya yang berada di cekung Melaka - yang suatu ketika mungkin bergelora, membunuh dahsyat untuk melawan

* Beliau adalah Ketua Pusat Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Universiti Riau, Indonesia.

cabaran dan mengisi kekosongan peluang yang ada di sekitar kita (wajah tremendous budaya Melayu). Namun kita dapat pula bertindak "sendu", gemulai-ramah dan terbuka, tidak *jinggoism*, tetapi mampu memperhatikan sisi moderasi wajah budaya Melayu yang dialirkan dalam tradisi berabad silam dan telah menjadi umbi kebudayaan serantau (wajah budaya Melayu).

Pijakan dasar yang perlu didudukkan dalam masalah ini ialah:

1. Bagaimana kita mempersepsi atau mencitra "ruang terhampar" bernama Selat Melaka;
2. Bagaimana kita meletakkan peranan profesional (*role taking*) Selat Melaka dalam kerjasama serantau;
3. Bagaimana masa depan Selat Melaka dari segi kepemilikan (*owner ship*), apakah kita sedia berkompromi untuk saling berkongsi dan berbagai peranan dengan negara-negara dominan yang bakal merecup pada masa depan?;
4. Bagaimana kita mempersepsi landskap dua sisi pantai Selat Melaka yang secara tetorial dimiliki oleh dua negara yang berbeza dalam orientasi pemerintahan.
5. Bagaimana kemampuan kita untuk menjadikan "ibu kota spiritual" bagi bangsa Melayu besar ini tanpa pertimbangan macam-macam, seperti phobia masa lalu, dialektika sejarah dan lain-lain.
6. Bagaimana intervensi untuk memperkecilkan - kalau boleh, menghilangkan phobia dan trauma dialektika itu di antara negara-negara serantau yang kita nisbatkan sebagai negara Melayu induk.

Selat Melaka: Sebuah Jambatan Budaya

Mohammad Yamin, yang pernah bermimpi serentak untuk membangunkan Pan-Melayu bersama Ibrahim Yaacob (Malaysia) dan Woncaslao Q. Vinzon (Filipina) pada awal abad 20 ini, memberi sebuah gelaran yang romantik pada Selat Melaka: corong masuk ke Kepulauan Melayu dan Tanah Semenanjunglah batang lehernya. Ungkapan ini dilaungkan pada dekad ketiga abad dua puluh (tahun 30-an).

Menjelang penutup abad, saya pernah meletupkan sebuah

ungkapan bahawa Malaysia moden adalah negara "daun pintu" bagi Alam Melayu. Jika daun itu robek dan rebah, Alam Melayu berikutan isinya, terkapar dan punah. Negeri Melayu akan berganti wajah secara demografis. Tinggal geofizik, tanpa roh Melayu. Kemampuan untuk memperkuatkan posisi Malaysia dan kawasan sekitar "corong dunia Melayu" (pantai Sumatera) menjadi kata kunci yang tidak dapat ditawar-tawar lagi (*conditio sine qua non*) bahkan *conditio per quam*, sebab hidup ertinya bergaul dan mengkomunikasikan rencana dan hasil pergaulan tersebut.

Memperkuatkan "bangunan" sebuah jambatan bukanlah perkara mudah. Sejarah mencatat "jalur sutera" yang tertimbus masa yang begitu panjang dan tinggal kenangan, berakhir menjadi "artefak". Berbeza dengan jalan yang direntas untuk membuka negeri yang jauh berdasarkan ruang hodologis, maka Selat Melaka menjadi jalur alami dan berdenyut dari zaman ke zaman hingga ke hari ini. Peranan fungsional yang dimainkannya tidak kenal henti, hingga memasuki peranan yang terlalu kritis; yakni menyediakan lalu lintas senjata pemusnah manusia dan lalu-lalang kapal selam negara ada kuasa.

Jika gerakan membuka ruang hodologis menghasilkan berjenis-jenis jalan, maka jalan yang direntas menjadi dan menjelma wujud dalam sejarah seperti jalan sutera, jalan garam, jalan perang, dan jalan ziarah. Selat Melaka kontemporari, menggerakkan semua jenis jalan ruang hodologis, baik bagi bangsa yang berada di sisi timur dan selatan Selat Melaka. Selain berfungsi sebagai jambatan kerjasama kebudayaan bagi rumpun Melayu serantau, ia sekaligus menjadi jalan sutera, jalan garam, dan jalan ziarah.

Persepsi ruang menjadi penyelarasan bagi pemahaman kita bersama tentang makna Selat Melaka sebagai jambatan budaya yang menjadi penghubung sesama negara Melayu induk. Sebab, jikalau salah kemas, bererti kita mulai "memulaukan" masyarakat Melayu yang sejak dulu adalah generasi yang "seperut" yang pergi-pulang secara ulang-alik antara daratan Semenanjung-Tanah Sumatera. Hal ini dapat dirujuk dari pemberian nama-nama tempat yang disinggahi atau nama kampung yang ada di pesisir timur Sumatera dengan barat pantai Semenanjung. Nama-nama satuan geografis dan nama kampung ini memperlihatkan gerakan yang resiprokal masyarakat Melayu yang ada di kedua-dua sisi selat ini. Jika di Semenanjung ada Kampung Sebauk, sebaliknya di Riau juga ada

Serdang, Benut, Kampar, Air Molek, Air Hitam dan lain-lain. Demikian pula dengan satuan geografis yang dilantun dan makna simbolik seperti nama teluk (Belanga) dan tanjung (Katung) dan sungai-sungai, juga memperlihatkan alur sejarah dan yang sejalan pada kedua-dua sisi dataran pantai Selat Melaka.

Di sinilah mulai perbincangan aspek sejarah sebagai sebuah ilmu menjadi penting. Sebab, sejarah hilir mudik, sejarah ulang-alik menyeberang kedua-dua sisi selat ini bukanlah deretan angka almanak yang menjadikan sejarah anak negeri kedua-dua daratan pantai, tercuit dalam peristiwa angka kalendar semata-mata. Tetapi, ada falsafah yang menggelayut dari suatu peristiwa (*pre and post event*) yang tidak pernah diungkai. Untuk mengungkapkannya diperlukan telah ada falsafah sejarah yang mempertanyakan aspek "mengapa" sebuah peristiwa itu terjadi. Bukan sejauh mana peristiwa itu terjadi.

Orang Melayu di Malaysia hanya bersibuk ria dan berkuat menulis, menggali dan mensosialisasikan kepada generasi muda mereka dengan sejarah sebagai peristiwa yang tidak lagi menjawab dan mengungkap pertanyaan "mengapa" sebuah peristiwa. Mereka dimabukkan dalam sebuah wacana yang terlalu tertakrif pada ikat simpul kebangsaan (sejarah nasional Malaysia). Demikian pula dengan saudara-saudara mereka di dataran timur pantai Sumatera "dimabukkan dengan ungkai sejarah" yang bertolak pada satu sumbu: perjuangan kebangsaan yang berawal dari Jawa. Jadilah, kepungan-kepungan dan tembok yang kita bangun dalam benak generasi kita dalam memahami sejarah dan lintas peristiwa yang tidak pernah menjawab aspek "mengapa" suatu peristiwa itu terjadi.

Iniilah yang berlaku pada generasi kita pada saat ini. Mereka buta geografis, mereka "pekak" dan bisu-gagu akan sejarah dalam ekosistem terdekat bernama sejarah kitaran Selat Melaka. Akhirnya muncullah pandangan pejoratif terhadap bangsa serumpun pada aras informasi dan sekaligus tertanam pada aras intelektual generasi muda kita semua, bahawa Selat Melaka itu adalah sebuah sudut buana yang terlalu jauh untuk dirempuh (bagi orang Indonesia). Demikian pula bagi generasi muda Malaysia kini, muncul tertanam dan dibajakan saban detik di benak mereka. Setiap ada gelombang manusia yang menyeberang dengan kolek, pedewak, nadir, pompong bahkan kapal pesiar sekalipun

dari dataran pantai Sumatera, mereka dianggap sebagai bangsa kuli, manusia kelas dua. Bahkan muncul ungkapan stereotaip menggerunkan untuk menyebut gelombang orang yang menyeberang itu dengan ungkapan Indon; ledah, kasar dan kelas pariah. Catatan capaiannya hanya kalah sedikit dengan sebutan kata "Bangla" untuk rombongan "pariah", pencari nafkah dari Bangladesh.

Mengapa ini terjadi tidak pernah mahu difahami oleh kedua-dua bangsa yang mengaku dirinya saat ini sebagai bangsa moden. Kita terkepung dalam penjara yang kita bangunkan sendiri bernama penjara: kebisuan sejarah, terutama sejarah Selat Melaka.

Jika masa kolonial selat ini memainkan fungsi romantis bagi anak negeri di kedua-dua dataran pantainya, masa kemerdekaan, selat ini menjadi ajang sergas, medan caci-maki, arena kecurigaan, kawasan sumpah-seranah, yang berujung pada peristiwa konfrontasi Indonesia-Malaysia. Kita tidak akan kembali dan pulang pada alamat yang sama: Selat Melaka sebagai sebuah alamat perang. Kita akan bermimpi dan membangun mimpi menjadikan Selat Melaka sebagai sebuah alamat fasifis, alamat kerjasama serantau, alamat saling berbagi sedih dan duka, berbalas ria dan sukacita.

Masa depan Selat Melaka harus diemban dalam konsep *nubuat/profetik/* dan *sunatullah*. Bagaimanapun dataran Selat Melaka adalah sebuah ekosistem yang tidak tergantung oleh ekosistem mana pun jika dia hilang dari permukaan sejarah, atau dari permukaan peta anak watan Melayu. Di sebuah kawasan yang berwujud sebuah biotob semula jadi yang diamanahkan kepada bangsa Melayu yang terkenal moderasi, terbuka itu untuk menguruskannya demi lalu lintas ruang hodologis maha luas. Jika Selat ini dititipkan kepada bangsa Slavia (misalnya) belum tentu fungsi dominannya sebagai "parit" pelayaran internasional akan berfungsi dengan baik sebagaimana kita lihat saat ini. Dia mungkin akan berwajah gergasi penjaga gerbang, sementara orang luar harus membayarnya dengan darah dan air mata.

Disebabkan dia menghubungkan dua dunia dan sumbu peradaban timur-barat, Selat Melaka menjadi amanah buat bangsa Melayu yang bermastautin di Kepulauan Melayu/-Nusantara/-Keupayaan untuk memeliharanya, menghiasnya, menindik dan mempalis agar ia tetap gagah, sasa, ranggi dan tampan.

Mempalis dan menghias selat ini tidak terbatas menggali dan revitalisasi segala sumber daya hayati yang dimiliki oleh selat ini, tetapi juga harus memberi daya ungkit dengan tetap mengacu pada platform sejarah yang kawi, sehingga persoalan "mengapa" peristiwa-peristiwa dan rentetan kejadian besar dan gergasi yang belum terjawab selama ini dapat mulai diansur melalui tapak kajian ke belakang, untuk melihat hari ini dan keterhubungannya pada masa depan.

Jika tidak, selat ini hanya berwujud sebagai fisiografis atau jengkal geografis semata-mata, tidak memiliki makna geostrategis, geokultural, geoeconomis dan geoadministratif negara-negara Melayu induk moden. Selat yang ada kini telah memiliki "biografi" yang panjang dalam dimensi yang disebutkan tadi hingga ke hari ini. Persoalan besar bagi bangsa Melayu yang dilayani dan melayani Selat Melaka selama ini, apakah kita sanggup menjaga dan mengisi selat ini dalam roh dan *spirit* Melayu dan tetap mempertahankannya dari segi kepemilikan dan penguasaan aset yang terhampar dan terbenam di selat ini.

Di sini, perlu digurat kerjasama budaya yang lebih realistik dan mengacu pada hamparan sejarah sebuah landas falsafah, melihatnya sebagai gejala kekinian dan keterhubungannya pada masa depan. Mampukah kita bertanya pada tingkat pertanyaan retorik begini "Apakah Selat Melaka pada masa depan tetap menjadi bahagian fizikal negeri Melayu?" Persoalan besar yang mulai harus dikemas adalah memberi dan mengungkit kesedaran anak serantau dalam melihat Selat Melaka sebagai sebuah parit bagi kanak-kanak Melayu bermain jung dan wangkang. Di sini perlu diisi kerjasama dalam bentuk kajian dan sosialisasi sejarah Selat Melaka sebagai bahagian dari korpus Melayu Nusantara yang diajar di sekolah-sekolah.

Selama ini, sisi ini hanya secuil dalam sejarah yang diajarkan dan ditulis oleh pakar kedua-dua negara (Indonesia dan Malaysia). Selain ini, perlu pula difikirkan pembangunan koridor dunia Melayu yang diimpikan yang berkedudukan di kedua-dua daratan pantai Selat Melaka. Hal ini tetap dengan mengetepikan aspek phobia sejarah dan gagap hubungan serumpun yang pernah mengganggu anak-anak serantau Selat Melaka.

Jaringan kerjasama antara institusi kebudayaan yang ada di celah selat ini makin ditingkatkan dalam bentuk yang realistik, baik institusi pemerintahan, mahupun swasta untuk lebih memberi erti pada pakatan

yang siap menarah zaman ke depan. Memperbesar jarak jangkau penghargaan karya kreatif melintas kedua-dua sisi Selat Melaka, misal dalam bentuk Melaka Price bagi para penggiat dan pelaku kesusasteraan serumpun dan sains-teknologi serumpun. Selain itu, memberi daya ungkit yang bersifat strategis kepada komuniti orang terasing dan memperlakukan kerjasama silang dengan kekayaan pengalaman yang pernah dilakukan oleh negara-negara yang dianggap berhasil dalam menaikkan aras kehidupan masyarakat terasing (*indigenous community*). Sebab, persoalan yang dihadapi mereka adalah wajah ketololan bangsa Melayu bahagian dari residu budaya yang bakal masuk dalam dosa kebudayaan yang kita buat hari ini dan bakal menjadi putik yang pedih bagi masa depan dan tetap tercatat dalam sejarah kecatatan Alam Melayu.

Melayu Membuana

Terma *global tribe* bukanlah sebuah terma baru dan serba asing dari alam dan manusia Melayu. Terma ini telah menadi dalam kesepakatan dagang bangsa Melayu dengan bangsa-bangsa kitaran Asia Timur dan Timur Tengah. Bagi saya, terma ini hanya sebuah peristiwa pengulangan, yang disebabkan oleh kelalaian kita selama ini untuk menjawab seluruh peristiwa yang terjadi yang tidak dijawab dengan pertanyaan mengapa. Dan itu pula persoalan terma sejarah yang sampai ke benak kita hari ini dan kini.

Itulah tugas mimpi yang kita bangun hari ini untuk menjawab segala persoalan kebudayaan tidak mengacu pada "apa" yang terjadi dan "bagaimana" dia terjadi. Itulah kacamata sejarah yang meminjam kacamata simpati. Sebenarnya kita menginginkan kaca empati dalam memahami persoalan kebudayaan. Sebab, fenomena kemanusiaan bukanlah wakil dari peristiwa supernatural yang meluncur dari langit atau bukan pula fenomena natural yang muncul dari bumi dan dari laut atau dipetik dari pohon. Tetapi, fenomena kemanusiaan adalah fenomena budaya dan dia harus dijawab dengan kebudayaan itu sendiri. Penanaman kesedaran; sebuah kunci mengokah lintas tahun cahaya.

HUBUNGAN SOSIOBUDAYA NEGARA SERANTAU DAN SEKITAR SELAT MELAKA

*Abdullah Hassan**

Bahasa, Pemikiran Dan Survival Bangsa Melayu

BANGSA yang maju itu tidak perlu mempunyai sumber ekonomi yang lumayan. Bangsa yang maju itu adalah bangsa yang mempunyai kepustakaan yang besar dan pemikiran yang pelbagai dan kreatif. Pemikiran yang kreatif itu mencipta idea kreatif bagi mendapatkan dan mengolah sumber bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat penuturnya. Negara-negara kecil seperti Belanda, Belgium, Norway, Sweden, Denmark, Switzerland, Taiwan dan Hong Kong mempunyai bilangan rakyat yang kecil berbanding dengan India, Pakistan, Bangladesh, Mexico dan lain-lain. Malah India mempunyai lebih banyak ahli sains berbanding dengan negara-negara kecil tadi. Tetapi, kenapakah India, Pakistan dan Bangladesh tidak semaju negara-negara kecil tadi? India, Pakistan dan Bangladesh tidak mempunyai kepustakaan dan pemikiran sendiri. Tidak ada kepustakaan ilmu yang besar seperti dalam bahasa negara kecil itu. Mereka belajar dalam bahasa Inggeris, oleh sebab itu tidak perlu membina kepustakaan dalam bahasa sendiri. Apabila mereka mencipta ilmu, mereka juga menyumbang kepada kepustakaan Inggeris. Kepustakaan dalam bahasanya sendiri tinggal dalam kemiskinan.

Ada hubungan yang rapat antara bahasa dengan pemikiran sesuatu bangsa. Hubungan ini bertambah signifikan apabila kita melihat ada bukti yang menunjukkan perkaitan antara bahasa pengantar pendidikan dengan pembinaan pemikiran kreatif sesuatu bangsa. Kertas ini akan melihat perkara ini sebagai isu yang diberi perhatian demi membina pemikiran Melayu supaya dapat menyaingi pemikiran bangsa lain yang mengongsi wilayah ekonomi pinggir Asia Pasifik ini.

**Beliau adalah Profesor Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Petaling Jaya, Selangor*

Pendidikan Untuk Membangunkan Ekonomi

Ada perkaitan antara tahap dan pemerataan pendidikan dengan tahap perkembangan ekonomi negara. Perkembangan ekonomi negara berlaku pesat setelah sebahagian besar rakyat negara menerima pendidikan, terutama sekali pendidikan tinggi. Fenomena ini dapat berlaku dengan adanya dasar pendidikan yang membolehkan pendidikan sampai kepada rakyat umum. Strategi yang membolehkan pendidikan sampai kepada rakyat yang dahulunya tidak tersentuh oleh pendidikan di Indonesia dan Malaysia, ialah menggunakan bahasa Melayu untuk menyampaikan pendidikan dari sekolah rendah hingga ke universiti. Dasar ini telah melahirkan jumlah rakyat yang menerima pendidikan tinggi dari kalangan rakyat yang dahulunya terhalang daripada menerima pendidikan kerana pendidikan menengah dan tinggi hanya disampaikan dalam bahasa Belanda dan Inggeris. Rakyat yang berilmu pendidikan inilah yang membangunkan ekonomi negara. Di samping itu, rakyat yang terdidik melalui bahasa Indonesia dan Melayu ini telah menjadi lebih memahami antara satu sama lain menimbulkan rakyat yang hidup aman, manakala rakan-rakan kita yang menyampaikan pendidikan melalui bahasa bekas penjajah masih mengalami pergolakan ekonomi dan politik.

Bukti perkaitan pendidikan dengan pembangunan ekonomi negara dapat dilihat berlaku di negara-negara lain seperti Korea, Jepun, Taiwan, Thailand dan lain-lain. Tetapi, bukti yang nyata ialah yang dihasilkan oleh United States Census Bureau for the Department of Education pada tahun 1995. Kajian ini dilakukan dengan menemuduga pekerja di 3,000 syarikat perniagaan. Hasilnya menunjukkan bahawa peningkatan taraf pendidikan pekerja menghasilkan dua kali ganda keuntungan dalam pekerjaan mereka daripada peningkatan alat dan mesin yang bernilai lebih kurang sama. Ini ditunjukkan dengan kadar bahawa peningkatan 10 peratus dalam pencapaian pendidikan menyebabkan lebih 8 peratus pertambahan produktiviti. Manakala, 10 peratus peningkatan alat dan mesin hanya menghasilkan 3 peratus peningkatan produktiviti.

Pendidikan merupakan satu-satunya cara kita menjamin dapat meningkatkan kekayaan ekonomi, memberi pendidikan, perumahan, kesihatan dan kesejahteraan kepada rakyat. Ini bermakna, pendidikan ialah faktor penentu dalam membina kekayaan ekonomi bagi menjamin

kualiti dalam kehidupan. Untuk membolehkan pendidikan sampai kepada rakyat, faktor bahasa penyampai adalah kritikal. Ia kritikal dalam dua pertimbangan. Pertama, bahasa yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan itu ialah bahasa rakyat terbanyak demi menjamin pemerataan pendidikan. Sebarang bahasa asing pinjaman akan hanya dimengerti oleh sekumpulan elit sahaja. Kedua, bahasa penyampai pendidikan itu dapat meningkatkan atau menghalang kreativiti pemikiran rakyat. Pendidikan melalui bahasa peribumi dapat mengekalkan keaslian pemikiran yang kreatif, manakala bahasa asing akan hanya melahirkan pemikiran tertawan. Pemikiran tertawan ini akan menjadi budaya pinggir kepada budaya bahasa pinjaman itu, dan hilang ciri kreativiti aslinya.

Bahasa Melayu Mengekalkan Keaslian Pemikiran

Apabila kita menggunakan bahasa Melayu untuk menyampaikan pendidikan, kita akan meruntuhkan kepungan bahasa yang mengongkong ilmu. Kita akan mengisi pemikiran Melayu itu dengan ilmu yang bebas daripada budaya pemikiran bahasa pinjaman tersebut. Bahasa pinjaman akan membina pemikiran yang akan berkiblat kepada bahasa itu. Keaslian pemikiran Melayunya pun mungkin hilang. Sepandai-pandai orang Melayu yang belajar melalui bahasa pinjaman itu tidak akan mampu membina pemikiran seasli penutur kandung bahasa itu. Golongan masyarakat yang dididik melalui bahasa pinjaman akan membina pemikiran pinggir kepada pemikiran masyarakat bahasa pinjaman itu. Pemikiran pinggir ini juga menjadi pinggir kepada pemikiran bangsanya sendiri. Pemikiran demikian juga akan mencurigai pemikiran bangsanya sendiri. Pemikiran pinggir ini akan kehilangan keaslian dan kreativiti.

Kita dapat melihat bahawa negara-negara yang menggunakan bahasa peribumi sebagai bahasa pengantar pendidikan dapat mengekalkan keaslian dan kreativiti pemikirannya. Negara Jepun menerima pendidikan Barat. Jepun meniru Barat, tetapi Jepun masih Jepun. Dari segi budaya ia masih Jepun. Pentadbirannya, perdagangannya, sains dan teknologinya antara yang terbaik di dunia. Keaslian pemikirannya jelas. Orang Jepun mungkin bercelana dan berkemeja, tetapi kenakalan remaja seperti di Barat hampir tidak ada. Inilah jatidiri Jepun. Timbul

daripada keaslian pemikirannya. Pemikiran asli yang dikekalkan melalui pendidikan dalam bahasa ibundanya.

Kebebasan Belajar Dan Membina Pemikiran Pribumi

Bagaimanakah pemimpin Jepun membina generasi Jepun moden yang berpemikiran Jepun asli? Pemimpin Jepun yang memulakan pembaharuan pada zaman Meiji. Yukichi Fuzukawa, berkata Jepun hendaklah belajar daripada Barat untuk maju. Count Omare pula berkata Jepun mesti kekal; Jepun untuk Jepun - dalam laporannya mengenai pendidikan dalam buku *Japan by Japanese*. Jepun mahu belajar dari Barat, tetapi mahu mengekalkan kebebasan belajar ilmu pengetahuan. Bebas menurut rangka pemikiran Jepun. Dengan demikian Jepun mengekalkan keaslian pemikiran mereka.

Untuk menyampaikan ilmu kepada rakyatnya, Meiji memilih bahasa paling luas digunakan. Jepun mempunyai empat peringkat bahasa: bahasa diraja, bahasa samurai, bahasa pedagang, dan bahasa petani dan wanita. Meiji memilih bahasa petani dan wanita untuk menyampaikan ilmu, sebab bahasa itulah yang paling luas penyebarannya. Dari segi bahasa pengantarnya pula, mereka menggunakan bahasa Jepun yang dituturkan oleh petani dan wanita, iaitu bahasa yang paling rendah. Sistem ejaannya pun tidak wujud. Ejaan *hiragana* dan *katakana* dibentuk; satu untuk perkataan Jepun dan satu lagi untuk perkataan pinjaman. Huruf kanji (Cina) masih dikekalkan. Apabila timbul masalah sebutan, Jepun memutuskan supaya sebutan menurut sebutan penutur bahasa petani dan wanita itu digunakan. Oleh sebab itu, tidak timbul kesukaran belajar dan menggunakan bahasa Jepun dalam bidang ilmu.

Pada hari ini kita dapat melihat bagaimana Jepun telah menyerap pendidikan Barat sepenuhnya, tetapi keaslian pemikirannya masih kekal. Kita melihat kreativitiya meningkat. Mereka menyerap ilmu Barat, tetapi berhasil mencipta barangan Jepun: televisyen Jepun, kamera Jepun, kereta Jepun, jam Jepun dan lain-lain. Kita dapat melihat betapa mereka menjadi kreatif kerana tidak terkongkong dalam pemikiran budaya lain. Pemikiran Jepun menjadi dominan. Pemikiran Jepun dapat menggunakan ilmu sains untuk membina barangan yang diperlukan. Misalnya, Jepun membina periuk nasi automatik. Jepun membina traktor kecil

untuk sawahnya, dan banyak lagi. Bangsa Asia lain yang memakan nasi ramai. Misalnya India, Bangladesh, Pakistan dan Sri Lanka. Oleh sebab mereka tidak menerima pendidikan dalam bahasa ibundanya, kreativiti pemikiran mereka tidak timbul walaupun negara-negara ini mempunyai banyak ilmuan yang bijak-bijak. Barangan yang dicipta oleh Jepun itu tidak pun menggunakan ilmu dan teknologi tinggi. Tetapi mereka belajar ilmu dengan bebas dan tidak mengikut kerangka pemikiran bahasa pinjaman. Dengan itu mereka mengekalkan keaslian dan kreativiti pemikirannya.

Inilah keaslian pemikiran yang telah dapat dibina di Indonesia dan Malaysia yang telah mencipta pemikiran Melayu yang kreatif. Pemikiran Melayu yang kreatif mencipta barangan seperti Ramly Burger, Proton, Mustika Ratu, rokok kretek dan berbagai-bagai macam ubatan tradisional. Thailand juga menyampaikan pendidikannya dalam bahasa ibunda dan pemikiran orang Thai kekal asli dan kreatif. Begitu juga Korea, China, Taiwan, Hong Kong dan Malaysia. Malah seluruh pinggir Asia Pasifik adalah kawasan yang giat membangun ekonominya. Inilah juga kawasan yang menggunakan bahasa pinjaman untuk menyampaikan pendidikan tidak dapat menyaingi kepesatan ekonomi bangsa-bangsa yang pemikirannya asli.

Hubungan antara pendidikan yang disampaikan melalui bahasa peribumi dengan kejayaan ekonomi adalah suatu bukti yang nyata. Ia adalah hubungan sebab akibat.

Membina Ilmu Dan Mengimport Ilmu

Kekuatan pemikiran sebuah bangsa ditentukan oleh sebesar mana ilmu dan teknologi yang ada di dalam bahasa itu dan sebesar mana keputus-takaan yang ada dalam bahasa itu. Dalam hal ini, pemikiran Melayu itu mempunyai wilayah yang melampaui sempadan politik negara-negara dan daerah orang Melayu, ia merangkumi pemikiran seluruh manusia yang menuturkan bahasa Melayu. Sebarang ilmu yang tercipta dalam bahasa itu akan membantu membina pemikiran penutur bahasa itu. Dalam hal ini kita mesti juga terbuka kepada ilmu dari luar. Di sinilah terletaklah kepentingan bahasa asing untuk mengimport ilmu dan teknologi. Ilmu boleh diimport melalui apa bahasa sekalipun, tetapi ilmu

dan teknologi yang diimport itu hendaklah disebarkan kepada rakyat melalui bahasa ibunda kita, Bahasa Melayu. Inilah yang berjaya dilakukan oleh Jepun, Korea, Cina, Thailand, Indonesia termasuklah Malaysia, Filipina, India, Ghana dan Nigeria yang mempunyai banyak ilmu yang mampu mengimport ilmu melalui bahasa pinjaman dan ilmu itu sahaja. Ilmu tidak dapat disampaikan kepada rakyat umum. Kita dapat melihat negara ini tidak dapat membangun walaupun ada ramai ilmu yang bijak di negara-negara ini. Bahasa pinjaman yang digunakan mereka tidak difahami oleh rakyat.

Kita perlu menguasai sebanyak mungkin bahasa asing untuk tujuan berkomunikasi dan mengimport ilmu. Telah dikatakan bahawa bahasa pinjaman akan mengepung ilmu. Ini bermakna kita hendaklah mengisi pemikiran Melayu dengan ilmu. Dua langkah dapat dilakukan. Pertama, para ilmuwan menterjemah atau mengadaptasi ilmu yang terkandung dalam bahasa-bahasa lain. Kedua, para ilmuwan menuliskan ilmu yang dicipta mereka di dalam buku. Ini bermakna kita perlu serius meningkatkan industri perbukuan, sama ada dalam bentuk buku tradisional atau elektronik. Langkah-langkah untuk mewujudkan prasarana industri perbukuan, iaitu kemahiran mengarang, menyunting, membuat grafik, membuat filem, mencetak dan menjilid hendaklah dijalankan. Agensi-agensi berkenaan dalam jentera kerajaan hendaklah menjayakan tugas ini.

Bahasa Mengekalkan Dan Menyatukan Budaya

Bahasa bukan hanya setakat memberikan identiti kepada bangsa dan budaya para penuturnya. Ia lebih daripada itu. Bahasa ialah pembetung yang di dalamnya terkandung konsep-konsep, nilai-nilai dan idea-idea yang diwarisi oleh bangsanya. Bahasa ialah kenderaan yang memikirkkan suatu kebudayaan dari satu generasi kepada generasi akan datang. Bahasa juga menentukan pemikiran dan oleh itu nasib serta survival sesuatu bangsa.

Malik Bennabi ialah seorang tokoh sejarah dan sosiologi yang terkenal pada abad ini. Beliau banyak menulis tentang kesan penjajahan bahasa yang berlaku selepas tamatnya penjajahan politik di negara-

negara Islam. Menurut beliau, kebanyakan negara bekas tanah jajahan Eropah terus mengekalkan kehadiran bahasa penjajah masing-masing, sehingga mewujudkan gejala bilingualisme di kalangan elit intelektual, politik dan pentadbiran negara-negara itu. Di dalam bukunya *Masalah Idea Dalam Dunia Islam* beliau mengatakan "....bilingualisme akan mencipta kesan-kesan yang sangat bertentangan dengan kebudayaan kebangsaan."

Secara ringkasnya, Malik Bennabi mengatakan penggunaan bahasa-bahasa bekas penjajah di kalangan masyarakat Islam telah mencipta gejala-gejala baru yang bersifat struktural dalam pemikiran dan budaya masyarakat Islam, iaitu terciptanya idea-idea yang asing kepada budaya pribumi. Menurut beliau gejala bilingualisme mengenakan pengaruhnya kepada elit intelektual masyarakat Islam melalui bahasa pengantar universiti. Pada peringkat tersebut idea-idea asing diimport dengan tepat seperti yang dilakukan oleh Ali Abdul Razik, bekas penuntut Al-Azhar yang kemudiannya melanjutkan pengajiannya di Universiti Oxford. Melalui karyanya *Islam dan Prinsip-prinsip Pemerintahan*, Razik mengatakan Islam hanyalah suatu ajaran agama, spiritual dan moral, dan ia tidak ada kaitan dengan soal-soal politik dan pemerintahan. Memang demikianlah idea Barat yang sebenar, dan begitulah ia diterjemahkan dengan tepat oleh Razik dan diimport ke dalam dunia pemikiran Islam.

Di dalam sesetengah masyarakat Islam, bilingualisme mencipta perpecahan yang luas dan mendalam. Perpecahan itu berlaku di semua peringkat: atas, pertengahan dan bawah. Di dalam masyarakat-masyarakat terdapat dua elit; satu elit berbahasa kolonial dan satu lagi elit berbahasa pribumi. Di peringkat bawah terdapat dua masyarakat yang juga menuturkan dua bahasa yang berbeza, satu bahasa kolonial dan satu bahasa pribumi dan kedua-duanya tidak dapat hadir bersama dalam satu budaya.

Menurut Malik Bennabi, apabila kita mengucapkan pemikiran-pemikiran kita dengan menggunakan bahasa asing, pemikiran kita itu boleh menjadi buta budaya sendiri, malah ada kalanya boleh mengkhianatinya.

Masyarakat Dan Idea

Mengikut Malik Bennabi lagi, sesuatu bangsa gagal membangun bukan kerana ia tidak memiliki sumber-sumber pembangunan seperti tanah dan sumber alam, sebaliknya kerana bangsa itu tidak mempunyai banyak idea. Faktor kekurangan idea tergambar apabila bangsa itu tidak berupaya menggunakan sumber-sumber yang ada padanya, dan tidak berupaya pula mencipta sumber-sumber baru. Kekurangan idea juga tergambar pada cara-cara bagaimana sesuatu bangsa itu menyatakan masalah-masalah yang dihadapinya atau malah pada cara bagaimana ia tidak berupaya langsung untuk menyatakan apakah masalah-masalah tersebut, dan ini berlaku apabila bangsa tersebut hilang semangat untuk menangani masalah-masalah itu.

Sesuatu bangsa tidak berupaya mencipta banyak idea apabila semangat kreativitinya pupus. Idea-idea adalah alat untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh bangsa itu dari semasa ke semasa. Cara ia menyatakan masalah menentukan bagaimana masalah itu dapat atau tidak dapat diselesaikan. Tanpa kreativiti, cara masalah itu dinyatakan pun tidak kreatif, oleh itu masalah tersebut tidak dapat diselesaikan secara kreatif. Kegagalan itu menyebabkan bangsa itu hilang semangat untuk terus berdaya usaha bagi mencari penyelesaiannya. Padahal kemajuan sesuatu bangsa ditentukan oleh berapa banyak masalah yang berjaya diselesaikan oleh bangsa tersebut.

Kreativiti Dan Pemikiran Asli

Pemikiran asli ialah pemikiran yang berupaya mencipta idea-idea asli, iaitu idea-idea yang belum pernah didengar atau dicipta sebelumnya. Tetapi idea yang bersifat asli sahaja belum cukup. Idea-idea itu hendaklah sesuai dengan keadaan dan berguna kepada masyarakat. Idea untuk membunuh rumput dengan cara menanam lalang di tempat di mana rumput tumbuh mungkin merupakan suatu idea asli, tapi ia belum tentu sesuai, apatah lagi berguna.

Setiap bangsa memiliki pemikiran asli masing-masing, tetapi pemikiran asli tersebut hilang apabila pemikiran itu dikuasai oleh bahasa asing. Bangsa Melayu mempunyai pemikiran asli, tetapi pemikiran asli

itu hilang apabila pemikiran Melayu dikuasai oleh bahasa Inggeris. Inilah yang berlaku kepada kreativiti bangsa India apabila mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengucapan intelektual mereka. Bandingkan dengan kejayaan bangsa Jepun mengekalkan kreativiti pemikiran aslinya apabila mereka terus menggunakan bahasa mereka sebagai bahasa pengucapan intelektual mereka.

Apabila sesuatu bangsa menggunakan bahasa asing sebagai alat pengucapan intelektualnya, maka pemikiran bangsa itu akan menjadi perluasan sahaja kepada pemikiran asal bahasa asing tersebut, iaitu sebuah pemikiran pinggiran. Ia tidak menjadi sebahagian daripada pemikiran pusat bahasa yang dipinjam. Ia menjadi pemikiran sampingan sahaja. Sebagai contoh, pemikiran cerdik pandai India yang kini menggunakan bahasa Inggeris sebagai alat pengucapan intelektual mereka, maka pemikiran mereka menjadi pemikiran pinggiran kepada pemikiran Inggeris. Sebagai pemikiran pinggiran, ia sebenarnya merupakan suatu pemikiran tertawan dan tidak akan berdaya melepaskan dirinya daripada belunggu pemikiran Inggeris itu. Pemikiran tertawan tidak berupaya menjadi kreatif. Ia menjadi konsumer sahaja kepada produk-produk mental dan fizikal keluaran pemikiran Inggeris.

Skenario Wilayah Asia-Pasifik Menjelang Abad Ke-21

Rantau Asia-Pasifik ialah rantau yang pasti menjadi pusat ekonomi dunia abad ke-21. Dari segi bangsa dan bahasa, rantau Asia-Pasifik dikongsi oleh empat bangsa, iaitu empat pemikiran utama: Cina, Jepun, Korea dan Melayu. Bangsa dan pemikiran Cina mempunyai dua kekuatan dari segi jumlah manusianya, dan jaringan perniagaan antara komuniti Cina diaspora di semua pusat ekonomi rantau ini, iaitu Beijing, Hong Kong, Taipei, Singapura, Jakarta, Bangkok, Kuala Lumpur, Manila dan Taiwan. Bahasa dan pemikiran Jepun dan Korea mempunyai kekuatan pada bahasa sains dan teknologinya dan mendominasi sektor pembuatan.

Di manakah kekuatan bangsa dan pemikiran Melayu dalam masyarakat Asia-Pasifik yang bakal menjadi pusat ekonomi dunia abad depan? Kekuatan bangsa Melayu ada pada dua perkara: pertama pada bilangan manusianya yang berjumlah hampir 300 juta, dan kedua pada potensi pemikiran bangsa Melayu itu sendiri. Potensi pemikiran seluruh

masyarakat yang menuturkan bahasa Melayu inilah yang menjadi aspek kritikal untuk survival bangsa Melayu itu? Bahasa Melayu supra yang menjadi bahasa pengantara kita akan menjadi wahana membina pemikiran asli bangsa-bangsa yang menuturkan bahasa Melayu. Pemikiran asli akan menjamin kreativitinya subur, tidak tertawan oleh mana-mana budaya lain.

Menggunakan sebuah bahasa Melayu supra akan menjamin satu pemikiran kolektif yang besar. Besar sahaja tidak cukup. Ia mesti pelbagai. Sebesar-besar pemikiran India, ia tidak pelbagai seperti pemikiran Israel, Belanda, Sweden, Norway, Taiwan dan lain-lain. Terlalu banyak pemikiran yang bertindih atau serupa di kalangan penuturnya. Ini tidak membantu memajukan masyarakat penuturnya. Hanya pemikiran yang pelbagai ini yang membantu membangunkan masyarakat penuturnya.

Oleh sebab itu, matlamat perancangan bahasa bukan sekadar merancang ejaan, sebutan, kamus, istilah dan tatabahasa sahaja. Usaha itu adalah tahap pembinaan alat-alat semata-mata. Matlamat usaha perancangan bahasa ialah membina kepustakaan dalam bahasa Melayu melalui penciptaan ilmu dan teknologi sendiri dan juga meminjam daripada bahasa lain. Kepustakaan inilah yang akan mengisi pemikiran Melayu.

Bahasa Melayu Untuk Wilayah Melayu Besar

Kita perlu merancang bahasa Melayu supaya menjadi *lingua franca* dunia Melayu besar. Apabila kita merancang bahasa Melayu untuk wilayah Melayu besar, kita bermaksud merancang supaya penutur-penutur bahasa-bahasa di wilayah ini dapat meningkatkan saling pemfahamannya terhadap bahasa Melayu (MT). Ini dapat dilakukan dengan menggalakkan penutur bahasa MR meminjam kosa kata bahasa MT secara aktif. Lebih banyak kata bahasa MT dipinjam, lebih tinggilah perfahaman terhadap bahasa MT, dan juga di antara bahasa-bahasa di wilayah Melayu besar.

Konsep saling pemfahaman itu ialah keadaan apabila penutur bahasa MR dapat memahami bahasa MT dan bahasa-bahasa MR lain dengan mudah sebab adanya pertindihan kosa kata yang banyak. Lagi banyak pertindihan dari segi kosa kata, maka lebih tinggilah peringkat

saling pemfahamannya. Katakanlah apabila kata *prestasi* dipinjam oleh semua bahasa MR daripada bahasa MT, maka ia akan difahami oleh pendengar dan pembaca bahasa Melayu di seluruh wilayah Melayu Besar. Perancangan bahasa untuk wilayah Melayu Besar bermaksud mewujudkan keadaan begini yang berleluasa.

Pendekatan Semula Jadi

Dalam melaksanakan langkah-langkah ini, kita akan mengeksploit fitrah semula jadi bahasa. Oleh sebab tujuan perancangan bahasa itu ialah menentukan arah suatu perubahan bahasa, maka kita akan memulakan perancangan ini dengan melihat apakah yang mendorong perubahan bahasa berlaku secara semula jadi. Apakah perubahan bahasa yang berlaku secara semula jadi itu?

Sebelum sarjana perancangan bahasa mencipta teori perancangan bahasa, bahasa pernah berubah dengan sendiri. Ia berubah secara semula jadi. Bahasa Melayu meminjam begitu banyak kosa kata daripada Sanskrit, iaitu bahasa tinggi pada zaman Melayu Hindu (*suami, isteri, syurga, neraka, dll*). Kemudian bahasa Melayu meminjam daripada Arab (*akhir, zaman, fardhu, peduli, zohor, Ahad, dll*), dan Inggeris (*get, but, motokar, basikal, lori, dll*). Proses peminjaman ini berlaku secara semula jadi, tanpa dirancang oleh sesiapa.

Perancangan bahasa yang dijalankan akan berjaya apabila apa yang dilaksanakan itu seialiran dengan perubahan dan kemahuan semula jadi dalam masyarakat itu (Fasold 1984). Fitrah semula jadi bahasa ialah bahasa rendah akan meminjam daripada bahasa tinggi. Ini bermaksud, bahasa MR akan lebih mudah meminjam daripada bahasa MT. Perancangan yang mengambil kira fitrah semula jadi bahasa seperti ini adalah menggunakan mekanisme semula jadi bahasa untuk menghasilkan akibat yang dirancang.

Untuk merancang bahasa Melayu bagi wilayah Melayu Besar, kita mengenal pasti empat perkara yang perlu diberi tumpuan:

1. Unsur yang akan dipromosikan (kosa kata, imbuhan, ayat);
2. Ranah penggunaan (periklanan, persuratkhabaran, penyiaran, pendidikan, perniagaan, perhubungan diplomatik, dll);

3. Wahana prasarana (buku, akhbar, kamus, filem, video, internet dll); dan
4. Pengguna (rakyat, pendidik, wartawan, usahawan, peniaga, pegawai kedutaan, pelancong, pendakwah, novelis).

Oleh sebab fenomena meminjam kosa kata itu semula jadi dalam bahasa Melayu, maka kertas ini mengusulkan bahasa MR di wilayah Melayu Besar meminjam kosa kata daripada bahasa MT. Kosa kata menjadi unsur utama yang dikenal pasti untuk disebarluaskan di kalangan penutur bahasa MR. Apabila semua MR di wilayah Melayu besar berbuat begini, kita akan mendapati bahawa peringkat saling perfahaman terhadap bahasa Melayu akan meningkat.

Unsur bahasa yang hendak disebarluaskan. Satu daripada hubungan yang merapatkan bahasa Indonesia dan Malaysia ialah peminjaman kata. Di antara kata-kata yang dipinjam ialah: *prestasi, dampak, ciplak, torbos, terowong, pelesir, pelopor* dan banyak lagi. Oleh sebab itu, bahasa MR tidak perlu mencari perkataan baru untuk melabel konsep-konsep ini. Lebih banyak kata yang dipinjam, lebih tinggi tahap saling pemahaman akan wujud. Sehingga sekarang sudah beribu-ribu jumlah kata Indonesia yang telah dipinjam masuk ke dalam bahasa Melayu. *Dictionary of Comparative Malay-Indonesian Synonyms*, susunan Leo Suryadinata dan Abdullah Hassan, menyenaraikan hampir 4,500 kata Indonesia yang bersinonim dengan kata bahasa Melayu. Kamus ini mengandungi kata-kata Indonesia dan Melayu yang sering ditemui oleh pengguna kedua-dua bahasa. Banyak di antaranya yang sudah dipinjam ke dalam bahasa Melayu dan yang lainnya dimengerti oleh penutur bahasa Melayu.

Projek kamus tiga bahasa antara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia adalah salah satu daripada projek yang akan memberi sumbangan besar kepada penyebaran kosa kata seperti yang saya utarakan. Apabila selesai, sumbangannya kepada penyebaran kosa kata dan bahasa Melayu di Nusantara akan dapat direalisasikan.

Proses peminjaman dari bahasa Indonesia ke bahasa Melayu lebih aktif berlaku daripada bahasa Melayu ke bahasa Indonesia. Ini menunjukkan bahawa di antara dua buah bahasa itu, bahasa Indonesia dianggap lebih tinggi. Ini menyebabkan bahasa Melayu meminjam daripada bahasa Indonesia. Proses peminjaman yang sama berlaku juga pada

bahasa Melayu Brunei Darussalam dan Singapura.

Unsur bahasa yang perlu dipinjam oleh bahasa MR daripada bahasa MT ialah kosa kata untuk konsep-konsep ilmu, komunikasi umum. Malah, apabila timbul sahaja keperluan untuk mencipta atau meminjam suatu kata daripada bahasa asing, semaklah dahulu kosa kata bahasa Indonesia dan bahasa Melayu atau bahasa MT. Katakanlah kita mahu meminjam kata *character*. Gunakanlah *watak*. Ia akan lebih mudah diserap dan dimengerti oleh mana-mana bahasa MR adalah semula jadi. Ia berlaku dengan sendiri. Suatu usaha yang searah ini akan mempercepat dan memperluas peminjaman kosa kata MT ke dalam kosa kata MR. Sebagai contoh, sekiranya mana-mana bahasa MR memerlukan istilah untuk *latest, mass media, journalist, performance, impact, universal* dan lain-lain, maka ambillah kata-kata dalam bahasa Indonesia dan Malaysia iaitu *mutakhir, media massa, wartawan, prestasi, dampak* dan *sejagat*. Apabila bahasa-bahasa MR ini menggunakan kata-kata ini, maka lama-kelamaan bahasa MR itu akan mempunyai banyak pertindihan kosa kata dengan MT. Ini akan memudahkan komunikasi di antara penutur bahasa-bahasa tersebut.

Apabila peminjaman ini dilakukan dengan sistematis, dan menggunakan mekanisme yang sudah wujud dalam bahasa itu, maka peringkat saling pemfahaman juga akan meningkat. Penutur-penutur bahasa MR itu dengan sendirinya merasa lebih rapat kepada penutur bahasa MT, dan bahasa MR lain yang menggunakan kata itu. Unsur bahasa yang dikenal pasti untuk disebarluaskan kepada penutur-penutur bahasa-bahasa MR secara terancang ialah kosa kata bahasa MT.

Ranah bahasa yang hendak dibangunkan. Untuk memudahkan juga proses peminjaman kata dari bahasa MT ini berlaku, kita tentukan juga ranah kosa kata yang akan dipinjam. Ranah bermaksud bidang penggunaan bahasa, seperti bahasa dalam periklanan, kewartawanan, penyiaran, pendidikan, perniagaan, pentadbiran, ilmu dan lain-lain. Penentuan ranah bahasa ini akan membantu proses memilih kosa kata yang dikehendaki. Kita dapat menentukan kosa kata yang kita perlukan menurut bidang ilmunya seperti biologi, kimia, pediatrik dan lain-lain. Kosa kata menurut bidang ilmu ini amat mudah didapati. MABBIM, iaitu badan yang menguruskan istilah ilmu di Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia menyediakan senarai istilah yang lengkap.

Hingga kini hampir setengah juta istilah atau kosa kata bidang ilmu telah dicipta. Mana-mana penutur bahasa MR dapat dilengkapi dengan istilah ini dengan mudah dan murah. Penentuan ranah lain seperti akhbar, iklan, muzik akan juga membantu supaya penutur bahasa MR itu dapat memberi tumpuan kepada sumber yang relevan sahaja. Bantuan yang diberi juga akan menjadi relevan.

Wahana prasarana. Apabila kita menggalakkan peminjaman kosa kata daripada bahasa MT oleh bahasa MR, kita perlu menyediakan sumber prasarana lengkap supaya proses peminjaman itu berlaku dengan mudah. Keadaan ini akan wujud apabila penutur bahasa MR itu didedahkan kepada sumber yang menjadi prasarana perancangan seperti akhbar, majalah, buku, kamus, senarai istilah, filem, internet dan video. Yang penting ialah, penyebaran sumber dapat berlaku dengan mudah. Sebarang sumber mestilah dapat dicapai oleh penutur bahasa MR dari mana-mana sahaja. Pendedahan kepada sumber bahasa MT ini perlu sampai kepada semua penutur bahasa-bahasa MR hanya apabila mereka dapat terdedah kepada bahasa MT. Ini akan membolehkan mereka menemui kata-kata yang dapat dipinjam ke dalam bahasa MR.

Pada masa ini akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* sudah pun dimasukkan ke dalam internet. Ia dapat dicapai oleh pembaca seluruh dunia melalui internet. Umpamanya dalam *Utusan Malaysia* 13 Mac 1996 terdapat kata pelarasan gaji 'salary adjustment'. Penutur bahasa MR di Mindanao atau di Selatan Thailand, atau di mana-mana sahaja dapat meminjam kata pelarasan itu untuk 'adjustment'. Dalam keluaran yang sama terdapat kata *globalisasi, konsep, aktivis, kurikulum, era, eksklusif, linguistik, kes, relevan* dan *teori*. Kata-kata ini tidak perlu diterjemahkan lagi. Mana-mana bahasa MR dapat meminjam kata-kata ini dengan mengekalkan makna yang sama. Tidak perlu lagi meminjam daripada bahasa Inggeris. Apabila bahasa MR menggunakan kata-kata ini, bertambahlah bilangan kosa kata yang bertindih dengan bahasa MT. Peringkat saling pemahaman bahasa MR itu akan bertambah. Pengguna bahasa MR juga akan mengenali kata-kata itu apabila ditemui dalam bahasa MT kelak.

Sumber ini tidak perlu disebarikan melalui saluran elektronik. Sumber bercetak biasa juga akan memberi kesan yang sama. Di samping kata-kata daripada sumber bahasa Inggeris itu, ada banyak kata daripada

bahasa Melayu sendiri. Sumber prasarana lain seperti buku ilmu, novel, makalah, jurnal akan memberi kesan yang sama. Kamus-kamus ekabahasa dan dwibahasa (MT ke MR atau MR ke MT) amatlah berguna bagi menyemak makna bagi menentukan sama sesuatu kata itu dapat dipinjam atau tidak.

Agen pengembangan. Fungsi agen pengembangan bahasa penting. Agen-agen ini dapat membantu menjalankan aktiviti bagi meningkatkan pertemuan penutur bahasa MR dengan MT. Dalam pertemuan-pertemuan begini, penutur bahasa MT dan MR ini akan saling terdedah kepada individu yang terlibat dalam penggunaan bahasa yang aktif. Mereka akan dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan peminjaman. Di Indonesia ada Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Brunei Darussalam dan Malaysia mempunyai Dewan Bahasa dan Pustaka masing-masing, dan Singapura mempunyai Majlis Bahasa Melayu.

Di samping itu terdapat maktab, universiti, penerbit, persatuan-persatuan penulis yang menjadi agen kepada pembinaan bahasa. Agen-agen ini terlibat secara aktif dengan proses peminjaman kata-kata daripada bahasa-bahasa lain. Agen-agen ini juga akan dapat membantu menyediakan kata-kata yang diperlukan dalam bahasa MR. Dewan Bahasa dan Pustaka (Malaysia) dan Pustaka Bahasa (Indonesia) akan dapat menghantarkan senarai kata untuk bidang-bidang ilmu bila-bila diperlukan. Ia juga dapat membantu dalam melatih penutur bahasa MR untuk sesuatu kemahiran, seperti pembinaan istilah, penyusunan kamus, menyunting, dan menerbitkan majalah. Mana-mana badan daripada wilayah bahasa MR yang memerlukan kakitangannya dilatih dalam sesuatu bidang kemahiran akan dapat memanfaatkan kerjasama dengan mana-mana agen di atas. Langkah DBP Malaysia mengadakan memorandum persefahaman dengan Mindanao State University adalah suatu contoh yang baik ke arah ini. Melalui kerjasama demikian, bahasa MR akan dapat memanfaatkan kepakaran dalam bahasa MT.

Di samping agen-agen kerajaan terdapat pula badan-badan cendekiawan seperti GAPENA, Sekretariat Melayu Antarabangsa. Persatuan Iranun Sabah, Persatuan Penterjemah Malaysia, Persatuan Linguistik Malaysia yang juga aktif dalam membangunkan bahasa MT. Persatuan-persatuan ini mempunyai rakannya di semua negara, termasuk negara penutur bahasa MR. Pertemuan seperti ini, Simposium Dunia Melayu

adalah satu contoh di mana kerjasama serantau kebahasaan dan kebudayaan dapat dilaksanakan. Melalui pertemuan-pertemuan seperti ini, penutur-penutur bahasa MT dan MR akan bertembung dan berkenalan. Usaha yang dijalankan oleh GAPENA untuk menjayakan simposium ini adalah suatu usaha yang jelas membantu ke arah menjayakan perancangan bagi membina bahasa Melayu dalam wilayah Melayu Besar. Badan-badan seperti DBP, MABBIM, MAESTRA, GAPENA dan pergerakan yang seperti itu dapat digunakan untuk mengembangkan Dialek Melayu supra ini.

Penutur MR Yang Menjadi Sasaran.

Individu-individu yang menjadi sasaran perancangan bahasa ini ialah guru, profesor, pelajar, wartawan, pengarang, editor, penerbit, pendakwah, novelis, pengacara radio dan tv, seniman, penyanyi, pemuzik, penyair, penulis skrip drama dan teater, pemimpin rakyat, imam, kadi dan siapa sahaja yang sentiasa aktif menggunakan bahasa.

Oleh sebab individu-individu ini pernah berfungsi dalam mengubah bahasa, maka hakikat ini juga dapat kita eksplot untuk merancang bahasa. Individu-individu ini hendaklah didedahkan kepada sumber-sumber bahasa MT dengan meluas. Di samping mereka menjadi sasaran penyebaran sumber prasarana, mereka juga dapat menjalani rancangan-rancangan pertukaran, latihan dalam perkhidmatan, lawatan sambil belajar, persidangan, dan lain-lain. Badan-badan seperti DBP dan Pusat Bahasa akan dapat menampung rakan-rakan dari penutur bahasa MR untuk melawat dan berlatih di institusi masing-masing. Universiti dan kolej dapat saling bertukar profesor dan pelajar, di samping bahan kepustakaan. Ahli perkamusan dan istilah dapat dilatih di DBP atau Pusat Bahasa. Novelis dan editor dapat saling mengunjungi. Segala aktiviti ini dapat dilakukan secara peribadi atau secara terancang di antara agen-agen tertentu. Apabila ini dapat dilakukan, pendedahan individu daripada bahasa MR itu kepada bahasa MT akan bertambah luas. Keadaan ini akan menjadi pemangkin dalam mempercepat dan memperluaskan peminjaman kata-kata daripada bahasa MT ke dalam bahasa MR.

Ramalan Hasil Perancangan Bahasa Melayu Serantau

Apabila penutur-penutur bahasa MT dan MR mempunyai banyak kata yang bertindih dan mudah difahami antara satu sama lain, maka ini akan memapatkan jurang psikologi di kalangan mereka. Mereka akan berasa senasib, seasal dan serumpun. Apabila ini berlaku, perancangan bahasa Melayu untuk wilayah Melayu Besar ini berjaya. Wujudnya wilayah Melayu Besar ini akan memantapkan identiti Melayu di Nusantara dan menyatukan minda penutur bahasa Melayu ini untuk pembangunan bersama.

Belajar Daripada Pengalaman Sarjana Islam

Ilmuan-ilmuan Islam melakukan suatu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana bangsa lain sebelumnya, iaitu pendemokrasian ilmu pengetahuan. Mereka menggalakkan semangat mencari ilmu kepada barang siapa yang berminat. Mereka mempamerkan dan menerangkan alat-alat yang dicipta mereka dan gunakan untuk membuat kajian dan penyelidikan. Mereka membuka perpustakaan-perpustakaan awam. Mereka yang memiliki perpustakaan peribadi juga membenarkan orang awam menggunakannya. Malah perpustakaan-perpustakaan itu di buka kepada para ilmuan daripada negara-negara bukan Islam dan dengan demikian perpustakaan-perpustakaan itu menjadi perpustakaan antarabangsa. Mereka sangat menghormati orang-orang yang berilmu dan sangat menyanjungi ilmu pengetahuan. Mereka mendirikan ratusan pusat pengajian tinggi kerana tersangat mahukan orang ramai mendapat peluang belajar pelbagai ilmu. Dalam abad ke-9 dan ke-10, hartawan-hartawan Islam mewakafkan sekolah-sekolah dan perpustakaan untuk orang awam. Raja-raja Islam mendirikan sekolah di setiap bandar dan kampung-kampung kecil, sehingga tidak ada kanak-kanak Islam yang tidak boleh membaca dan mengira. Kurikulum sekolah rendah meliputi mata pelajaran membaca, menulis, mengira, sains, geografi, sejarah dan lain-lain.

Orang-orang Islam adalah bangsa pertama yang mencipta konsep pendidikan universal. Sekolah-sekolah dibina dalam satu kawasan dengan masjid. Setiap sekolah disediakan perpustakaan sendiri.

Para ilmuan Islam menggunakan ilmu-ilmu yang diimport dari luar, terutamanya dari Yunani, untuk tujuan-tujuan praktikal, suatu hal yang tidak dilakukan oleh bangsa-bangsa lain. Oleh sebab para ilmuan Islam cuba menyelesaikan masalah-masalah praktikal, usaha itu menyebabkan mereka mencipta kaedah-kaedah penyelidikan yang bersifat empirikal dan eksperimental. Sebelumnya, bangsa-bangsa lain mengembangkan ilmu pengetahuan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan. Mereka tidak menganggap ilmu pengetahuan perlu digunakan untuk memperbaiki kehidupan manusia. Orang-orang Islamlah yang mula-mula menjadikan manusia sebagai matlamat ilmu pengetahuan. Dengan demikian, mahu tidak mahu, para ilmuan Islam perlu menggabungkan tradisi ilmu Yunani yang bersifat spekulatif itu dengan aktiviti eksperimental dan empirikal yang dicipta mereka.

Dalam menjalankan kegiatan eksperimen, para ilmuwan Islam membebaskan diri daripada kongkongan dogma dan kepercayaan. Ini berlainan dengan apa yang diamalkan di Eropah di mana orang-orang bijak pandainya berfikir untuk membuktikan ajaran-ajaran dan dogma-dogma waktu itu adalah benar. Para ilmuan Islam memasuki setiap bidang ilmu untuk mencari pengetahuan. Mereka mengembangkan ilmu-ilmu yang ada dan mencipta cabang-cabang ilmu baru yang belum ada sebelumnya. Mereka bergiat dalam bidang-bidang filologi, sejarah, historiografi, undang-undang, sosiologi, kesusasteraan, etika, falsafah, teologi, perubatan, matematik, logik, seni, astronomi, botani, fizik, senibina, seramik dan macam-macam lagi.

Zaman kegemilangan ilmu sains dalam Islam berlaku antara 750M hingga 1350M. Pada kala itu dunia Eropah masih berada dalam zaman kegelapan yang disebut Middle Ages. Eropah hanya bangun dan mencipta Renaissance antara 1400M hingga 1600M. Orang-orang Islam mengimport ilmu-ilmu terbaik yang diciptakan oleh bangsa-bangsa lain sebelum mereka. Ini mereka lakukan melalui aktiviti terjemahan, kemudian mereka mengembangkan lagi ilmu-ilmu itu. Antara ilmu asing yang mereka import ialah falsafah, perubatan, matematik dan teknologi dari tradisi Yunani; matematik, perubatan dan kesusasteraan dari India; sains, kesusasteraan dan agama dari Parsi; dan ulasan-ulasan terhadap sains dan falsafah Yunani oleh orang-orang Syria.

Tradisi membuat penyelidikan yang penuh kesabaran adalah

ciptaan ahli-ahli sains Islam. Mereka mencipta teknik-teknik penyelidikan secara teliti dan lama. Mereka merakamkan hasil-hasil pemerhatian daripada ujikaji yang dilakukan mereka. Mereka mengembara untuk mengumpulkan data-data yang besar supaya dapat dilakukan kerja-kerja klasifikasi dan kategorisasi.

Ahli-ahli sains Islam adalah lebih praktikal apabila berfikir. Mereka tidak menolak kegunaan spekulasi, tetapi mereka juga tahu batasan-batasan kegunaan spekulasi. Mereka menguji kebenaran spekulasi melalui ujikaji. Teknik berfikir dengan cara menggunakan ujikaji diistilahkan sebagai berfikir secara induktif. Ahli-ahli sains Islam adalah pencipta kaedah penyelidikan sains dengan menggunakan pengamatan dan ujikaji, suatu kaedah yang tidak pernah diketahui sebelumnya. Mereka mencipta kaedah eksperimen objektif kerana mahu memperbaiki teknik-teknik spekulatif Yunani yang tidak tepat.

Mulai abad kesepuluh, di kalangan orang Islam muncul golongan yang disebut *as-salaf*. Golongan *as-salaf* menyerang dan akhirnya mereka berjaya menamatkan tradisi pemikiran saintifik yang telah mencipta kemajuan sains luar biasa pada waktu itu. Kepada golongan *as-salaf*, sumber segala ilmu pengetahuan adalah al-Quran dan Sunnah. Tidak ada sumber lain selain dari itu. Segala persoalan hanya dapat diselesaikan dengan kembali kepada kedua-dua sumber tersebut. Golongan ini menolak sama sekali penggunaan akal dan logik sebagai sumber ilmu pengetahuan. Mereka menolak taqlid dan ijmak. Mereka memusuhi pengaruh pemikiran asing dan mereka secara terang-terangan memusuhi para ilmuan Islam yang mengembangkan pemikiran falsafah Yunani.

Selepas kebangkitan golongan *as-salaf* jumlah sekolah dan madrasah naik, tetapi kemajuan sains turun menjunam-junam. Ini kerana sekolah-sekolah dan madrasah-madrasah itu didirikan oleh para pemimpin mazhab waktu itu dan digunakan untuk tujuan mengembangkan ajaran mazhab masing-masing. Sekolah-sekolah itu mengajarkan kurikulum yang ditumpukan pada pengajaran ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab. Para pengasas sekolah-sekolah itu menolak sebarang inovasi. Mereka menentang pendidikan sekular dan memulaukan para ilmuan yang kreatif. Mata-mata pelajaran sains, ilmu-ilmu sosial dan falsafah tidak dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah-sekolah mereka. Dengan demikian, putuslah sejarah perkembangan tradisi pemikiran

saintifik yang telah dibina selama lebih 400 tahun. Ini terjadi dalam abad kesebelas hingga abad ketiga belas.

Pada waktu peristiwa itu berlaku, dunia Barat sedang terburu-buru menterjemahkan hasil-hasil karya saintifik ilmuan Islam ke dalam bahasa Latin. Semasa sekolah-sekolah Islam membuang kurikulum universal, Eropah mula membina universiti-universiti yang mengajarkan hasil-hasil kreatif saintis Islam itu. Berkat manfaat ilmu-ilmu itu, Eropah berjaya mencipta Renaissance pada abad keempat belas dan lima belas.

Tentera Mongol di bawah pimpinan Halaku Khan berjaya menakluki kota Baghdad pada 1258 dan itulah pukulan maut kepada perkembangan sains Islam. Bangsa Mongol membakar beratus-ratus perpustakaan yang terdapat di kota itu, termasuk Baitul-Hikmah, perpustakaan terbesar yang didirikan oleh Khalifah al-Makmun. Mereka menggunakan buku-buku di dalam perpustakaan-perpustakaan itu sebagai kayu api untuk membakar bangunan-bangunan perpustakaan tersebut. Nasib yang serupa dialami oleh semua perpustakaan di seluruh dunia Islam dari Samarkand ke Bukhara dan ke Baghdad. Perpustakaan-perpustakaan di Sepanyol dibakar menjadi abu apabila raja-raja Kristian berjaya menjatuhkan kerajaan Islam pada tahun 1492. Suatu tamadun yang berjaya melahirkan ahli-ahli sains yang lebih besar daripada ahli-ahli sains Yunani seperti Aristotle, Ptolemy, Euclid, Galen dan lain-lain, ternyata tidak berdaya upaya menyelamatkan perpustakaan-perpustakaannya daripada serangan bangsa-bangsa yang otaknya tidak berisi banyak ilmu.

Ahli-ahli sains Islam hanya berjaya menjadi ahli-ahli sains dan kejayaan mereka itu berhenti di situ. Mereka tidak menjadi pakar teknologi. Mereka tidak memanfaatkan ilmu-ilmu sains yang mereka temui. Makanya, tamadun Islam tidak melahirkan ahli-ahli jurutera dan ahli-ahli senibina. Ahli-ahli sains Islam berjaya mencipta kaedah-kaedah dan teknik-teknik berfikir yang berguna untuk menemui pelbagai ilmu pengetahuan sains, tetapi mereka tidak mencipta kaedah-kaedah dan teknik-teknik berfikir yang berguna untuk memanipulasi pengetahuan dan maklumat sains menjadi teknologi. Tanpa teknologi, apakah daya mereka untuk menentang serangan bala tentera bangsa-bangsa yang lebih besar dan berani, meskipun lebih bodoh daripada orang-orang Islam sendiri. Ahli-ahli sains Islam memiliki ilmu kimia, matematik dan fizik

yang termaju, tetapi mereka tidak mencipta senjata baru. Tentera Islam terus menggunakan senjata tradisional: pedang dan anak panah. Pada zaman kegemilangan Islam, ilmu sains maju jauh ke depan, tetapi teknologi terus tidur. Entah mengapa, tamadun intelektual Islam tidak terfikir untuk memanfaatkan pengetahuan yang begitu kaya untuk mencipta alat-alat baru, biarpun yang mudah-mudah.

Kegiatan ahli-ahli sains Islam terbatas pada penyelidikan sains asasi di mana tujuan penyelidikan sains adalah demi kemajuan sains itu sendiri. Ahli-ahli sains Islam tidak pernah menciptakan apa yang pada masa ini dikenali sebagai penyelidikan pembangunan. Penyelidikan sains asasi tidak mempunyai matlamat menghasilkan output yang konkrit. Matlamat akhir penyelidikan sains asasi ialah memahami alam semula jadi, bukan mencipta benda-benda yang berguna kepada manusia. Ahli-ahli sains Islam membuat penyelidikan kerana mereka didorong oleh perasaan ingin tahu yang amat sangat. Mereka tidak berminat mencari ilmu pengetahuan yang boleh dipergunakan bagi menyelesaikan bermacam-macam masalah praktikal kehidupan sehari-hari.

Pemikiran teknikal ialah pemikiran yang digunakan untuk menukar sains menjadi teknologi. Di satu pihak pemikiran saintifik menghasilkan huraian-huraian berkenaan alam semula jadi, di satu pihak lain pemikiran teknikal menghasilkan ciptaan-ciptaan baru yang belum pernah dibuat sebelumnya. Pemikiran sains adalah pada asasnya pemikiran deskriptif; manakala pemikiran teknikal adalah asasnya pemikiran kreatif.

Pemikiran teknikal tidak pernah dikembangkan oleh tamadun Yunani mahupun tamadun Islam. Tamadun Yunani mengembangkan pemikiran logikal dan spekulatif. Tamadun Islam mengembangkan pemikiran saintifik yang menggunakan spekulasi dan pembuktian melalui eksperimen, oleh itu ahli-ahli sains Islam mendirikan *observatorium* dan makmal-makmal sains.

Pemikiran eksperimental adalah komponen penting dalam pemikiran teknikal. Meskipun ahli-ahli sains Islam telah mendirikan pemikiran eksperimental, tetapi pemikiran itu ditujukan kepada matlamat membuktikan bahawa spekulasi-spekulasi saintifik mereka adalah benar. Tradisi intelektual Islam tidak menggunakan pemikiran eksperimental untuk tujuan-tujuan kreatif. Mereka tidak menyedari bahawa pemikiran

eksperimental adalah umpama pisau dua mata, di mana ia boleh menghasilkan penemuan-penemuan sains dan pada waktu yang sama ia boleh digunakan untuk menghasilkan ciptaan-ciptaan teknikal. Dengan hal yang demikian, ahli-ahli sains Islam hanya berjaya mencipta inovasi-inovasi dalam ilmu sains, tetapi tidak mencipta inovasi dalam ilmu teknologi. Pisau dua mata itu hanya digunakan sebelah sahaja oleh ahli-ahli sains Islam. Visi yang satu lagi tidak pernah diketahui, apatah lagi disedari manfaatnya oleh mereka. Oleh hal yang demikian, ahli-ahli sains Islam tidak mencipta apa yang disebut penyelidikan pembangunan, iaitu jenis-jenis penyelidikan eksperimental yang bertujuan mencari aplikasi bagi ilmu-ilmu sains tulen. Teknik-teknik berfikir yang digunakan dalam penyelidikan pembangunan adalah berlainan daripada teknik-teknik berfikir yang digunakan di dalam penyelidikan asasi. Teknik-teknik berfikir pembangunan itulah yang menciptakan kepakaran teknologi. Kepakaran itulah yang berguna bagi menciptakan pelbagai rekaan. Tanpa mencipta tradisi penyelidikan pembangunan, ahli-ahli sains Islam tidak berupaya menghasilkan inovasi-inovasi teknikal.

Zaman kegemilangan sains Islam berlaku dalam masa lebih empat ratus tahun. Jumlah ilmu yang terkumpul sepanjang zaman itu bukan kepalang banyaknya. Perpustakaan Khalifah Al-Hakim I di Kaherah dikatakan menyimpan 1,600,000 buku. Perpustakaan Khalifah Al-Hakim di Kordovo menyimpan 600,000 buah buku. Perpustakaan Khalifah Al-Aziz dikatakan menyimpan 600,000 buah buku. Dengan ilmu pengetahuan yang begitu banyak, ahli-ahli sains Islam masih tidak dapat mencipta budaya teknologi kerana mereka tidak mencipta dan mengembangkan teknik-teknik pemikiran teknikal dan kreatif. Selama lebih 400 tahun, ratusan pemikiran genius Islam gagal menghasilkan ciptaan-ciptaan teknikal, bukan kerana otak mereka tidak cukup tajam, tetapi kerana otak-otak yang tajam itu tidak mencipta alat-alat berfikir yang diperlukan untuk menghasilkan teknologi. Teknologi ialah alat-alat dan teknik-teknik yang berfungsi untuk mengembangkan keupayan manusia. Termasuk di dalam definisi ini ialah semua konsep dan ilmu pengetahuan yang digunakan pada alat-alat dan teknik-teknik tersebut. Definisi ini mengutamakan aspek kepakaran. Sains ialah sumber kepakaran yang paling utama.

Proses penciptaan kreatif menghasilkan inovasi. Invensyen ialah

hasil praktikal daripada proses inovasi. Inovasi dihasilkan melalui gabungan ilmu pengetahuan dan kreativiti. Inovasi ialah proses yang membolehkan hasil-hasil inovasi dihantar ke pasaran.

Keagungan sains dalam zaman keagungan Islam lampau tidak dilanjutkan kepada tahap penciptaan teknologi. Ahli-ahli sejarah Barat pernah mengatakan zaman kegemilangan sains orang-orang Islam, sekali terpuak tidak akan bangkit lagi. Rasional yang dikemukakan mereka ialah setelah perpustakaan-perpustakaan mereka habis dibakar oleh musuh, orang-orang Islam melakukan kesilapan yang lebih besar, iaitu mereka tidak membina kembali perpustakaan-perpustakaan mereka. Mereka lupa kepustakaan ialah asas kebangkitan mana-mana peradaban ilmu. Tanpa perpustakaan milik sendiri, tidak ada generasi yang dapat mendirikan pemikiran peradabannya sendiri.

Universiti Sebagai Pencipta Ilmu Dan Teknologi Pribumi

Kreativiti dan inovasi adalah faktor kritikal dalam perkembangan pendidikan. Universiti akan berusaha untuk mendapat tempat dan pengiktirafan di antara rakan-rakan mereka melalui bandingan kursus, pemeriksa dan penilai luar, pemeriksaan standard dan lain-lain. Universiti baharu akan menggunakan tenaga pengajar dari universiti sudah mantap untuk menjadi penilai dan penasihat. Dari segi ini, universiti tidak boleh lari dari hakikat kita meniru universiti lain. Walau bagaimanapun, nama sesebuah universiti akan hanya berkembang apabila ia mampu menghasilkan ilmu dan teknologi sendiri. Ini ialah salah satu daripada tugas universiti, di samping mengajarkan ilmu, ia juga menjana ilmu.

Oleh sebab itu, kemampuan sesebuah universiti yang kreatif dan inovatif adalah utama. Bagaimanakah sebuah universiti dapat mencapai hasrat ini. Bagaimana ia dapat berkembang daripada sebuah universiti yang hanya meniru daripada universiti Barat dalam mengajarkan dan menyampaikan ilmu, menjadi sebuah universiti yang dapat mencipta ilmunya sendiri. Itulah menjadi hasrat utama sebuah universiti. Menghasilkan ilmu dan teknologi sendiri, untuk memperbaiki kualiti kehidupan menjadi kritikal. Sekaligus universiti itu akan mendapat pengiktirafan daripada universiti-universiti lain. Nama-nama baik

sebagai pencipta ilmu akan menarik pelajar dan sarjana luar untuk datang. Apabila ilmu dan teknologi dapat dicipta, barulah ia mempunyai sesuatu yang khusus untuk dijual. Bukan hanya sekadar membungkus semula ilmu dari mana-mana universiti barat untuk dijual semula.

Apabila kita menghantar pelajar kita ke Jepun atau Korea, kita menghantar mereka untuk mempelajari ilmu dan teknologi yang wujud di sana. Bagaimana kedua-dua negara ini melahirkan apa yang dikatakan ilmu dan teknologi sendiri. Satu daripada faktor yang membolehkan ilmu dan teknologi ini berkembang ialah ilmu yang disampaikan dalam bahasa sendiri. Ia bebas daripada kongkongan pemikiran asing. Ada banyak contoh yang dapat kita gunakan bagaimana pemikiran bahasa pribumi ini dapat mengolah ilmu yang diimport dari luar untuk menghasilkan teknologi sendiri. Kenapa Jepun kreatif. Kenapa India tidak? Kenapa Nigeria, Ghana, tidak sekreatif Indonesia dan Thailand menggunakan maklumat untuk menyelesaikan masalah dan memperbaiki kehidupan?

Membina Budaya Ilmu Menurut Acuan Melayu

Dunia moden adalah dunia yang berdasarkan ilmu dan teknologi. Penguasaan kedua-dua bidang ini menentukan nasib sesuatu bangsa dan negara. Tanpa memiliki ilmu dan teknologi yang dicipta sendiri sesuatu bangsa hanya menjadi konsumer kepada ilmu dan teknologi asing dan dengan hal yang demikian ia berada di bawah kelas kasihan kekuasaan bangsa-bangsa yang mencipta ilmu dan teknologi itu. Kita perlu membina pemikiran saintifik di kalangan ilmuan kita. Pemikiran saintifik ialah pemikiran yang digunakan untuk menemui ilmu-ilmu pengetahuan berkenaan alam semula jadi, manakala teknologi ialah hasil manipulasi kreatif ke atas pengetahuan ilmu tersebut untuk mencipta proses-proses, alat-alat dan produk-produk bagi memenuhi keperluan manusia.

Ilmu dan teknologi adalah dua perkara yang tidak bebas budaya. Dalam erti kata yang lain, unsur-unsur budaya menunjukkan pengaruhnya ke atas ciri-ciri ilmu dan teknologi yang dicipta oleh ahli-ahli ilmu dan pakar-pakar teknologi yang menganuti budaya tersebut. Demikian pula sebaliknya, ilmu dan teknologi menunjukkan pengaruhnya ke atas budaya yang menggunakan ilmu dan teknologi tersebut.

Gagasan Agenda Ilmu Malaysia mula-mula dikemukakan oleh

Profesor Dr. Shahrir Mohd. Zain (1995). Beliau mendefinisikan ilmu Malaysia sebagai ilmu yang berdasarkan sumber-sumber tempatan, bagi memenuhi keperluan-keperluan tempatan dan dengan mengambil kira isu-isu kritikal tempatan. Seterusnya beliau mengemukakan langkah-langkah yang diperlukan untuk membolehkan terciptanya ilmu Malaysia yang berdasarkan acuan tempatan. Beliau mencadangkan supaya Malaysia mengeluarkan kumpulan saintis yang besar yang dilatih dengan menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Menurut beliau penggunaan bahasa Melayu akan dapat menyampaikan nilai-nilai budaya kebangsaan sekaligus dengan latihan saintifik yang diajarkan kepada mereka.

Visi untuk mencipta masyarakat Melayu yang berdaya saing dalam alaf akan datang, strategi-strategi berikut dilaksanakan demi melahirkan manusia Melayu yang berilmu dan berteknologi untuk mendominasi hidupnya dan tidak didominasi oleh pemikiran bangsa lain.

1. Mengajarkan sains dengan menggunakan bahasa Indonesia dan Melayu sebagai bahasa pengantar. Strategi ini adalah untuk memastikan nilai-nilai yang terkandung di dalam bahasa tersebut akan diasimilasikan ke dalam pemikiran para pelajar itu dan seterusnya akan menjadi pedoman kepada mereka dalam praktik ilmu yang akan dijalankan mereka nanti.
2. Menambahkan jumlah pelajar yang berfikiran kreatif belajar dalam jurusan sains. Strategi ini adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar sains itu menjadi pakar-pakar teknologi yang mampu melahirkan pelbagai invensi dan inovasi.
3. Kursus berfikir secara umum dan berfikir secara saintifik dan teknikal secara khusus diajarkan sebagai satu kemahiran di dalam institusi pendidikan bagi menjamin manusia Melayu ini dapat mengolah ilmu yang dipelajarinya menjadi teknologi bagi meningkatkan kesejahteraan hidupnya.
4. Supaya pemikiran Melayu dapat menerima sains dengan lebih pantas, maka agensi berkenaan dalam kerajaan Malaysia dan Indonesia digesa mengambil langkah-langkah untuk memajukan industri perbukuan. Sarjana Indonesia dan Malaysia akan bergabung untuk membina kepustakaan dalam bahasa Melayu. Langkah mengimport ilmu daripada bahasa asing juga dilaksanakan.

PERANG KEMERDEKAAN DI ACEH ADALAH PERANG SABIL YANG TERLAMA DALAM SEJARAH DUNIA

*Tan Sri Kra Datu Teungku H. A. Hasjmy**

Apa sebab kamu tidak mau berperang di jalan Allah,
untuk membebaskan rakyat tertindas, yang terdiri dari pria, wanita dan balita,

Dengan suara sayup mereka berdoa:

Oh Tuhan, bebaskanlah kami dari negeri yang dikuasai

penguasa durjana ini,

kirimkan kepada kami,

seorang wali sejati,

hantarkan kepada kami

seorang pembela kesatria!

(An Nisa)

Jangan dianggap mati,

Meski nyatanya demikian,

Jangan ragukan kekasih hati,

Ada firman Tuhan.

Jangan sebutkan mati,

Meski nyawa sudah tiada,

Dia hidup di sisi Ilahi,

Senantiasa bersukaria.

(Ali Imran 169-170)

Telah berlalu suatu zaman,

Zaman emasnya Selat Melaka:

Di kiri kanan tebingnya,

Berdiri negara-negara berdaulat

Yang menjadi tuan negeri sendiri,

Buminya subur, rakyatnya makmur,

Angkatan perangnya kuat,

Siap mengempur musuh keparat.

Tetapi, zaman emasnya itu

Dirampas penjajah barat Kristian,

Dunia Melayu Raya menderita,

Dirampas kedaulatannya,

Diperbudak rakyatnya

Dirampok kekayaannya.

Jangan berduka, mereka pun menderita,

"Kalau kamu menderita sengsara,

Merekapun, kafir durjana itu,

Pernah merasa derita serupa,

Hari-hari Kami gulirkan

Antara penghuni bumi ini,

Allah ingin mengetahui siapa

Yang beriman di antara kamu,

Sebahagian kamu ditafsirkan syahid,

Allah tidak menyukai

Orang-orang yang durjana,"

(Ali Imran, 160)

* Allahyarham adalah bekas Ketua Ulamak Indonesia Daerah Istimewa Aceh/Ketua Lembaga Adat Dan Kebudayaan Aceh dan Direktur Yayasan Pendidikan Ali Hasjmy.

Berperang Di Jalan Allah

SETELAH seluruh Indonesia dapat ditakluk Penjajah Belanda, bangsa penjajah itu meminta agar Sultan Aceh bersedia menyerahkan Kerajaan Aceh Darussalam menjadi tanah jajahan Belanda. Sultan Aceh yang hanya tunduk kepada Allah Yang Maha Kuasa, dengan tegas menolak tuntutan keji Belanda, seperti yang pernah saya tulis dalam buku *Apa Sebab Rakyat Aceh Sanggup Berperang Puluhan Tahun Melawan Agressi Belanda*.

Setelah terjadi beberapa kali surat-menyurat yang tegang di antara Sultan Kerajaan Aceh Darussalam dengan Komisaris Pemerintahan Belanda Nieuwenhuijen yang berlindung di atas kapal perang *Itadel van Antwerpen*, maka surat "Pernyataan Perang" Belanda kepada Kerajaan Aceh yang telah ditulis pada tanggal 26 Mac 1873, disampaikanlah kepada Sultan pada tanggal 1 April 1873. Pernyataan selengkapnya berbunyi: ¹

Komisaris Gubermen Hindia Belanda untuk Aceh: Menimbang bahawa bagi gubermen Hindia Belanda terpikul kewajiban untuk membersihkan segala rintangan dalam memelihara kepentingan umum atas perniagaan dan pelayaran di kepulauan Hindia Timur; Bahawa kepentingan umum itu telah terganggu oleh berlanjutnya pertentangan antara sesama negeri rantau takluk Aceh, di antaranya ada yang telah datang meminta bantuan Gubermen Hindia Belanda, tetapi masih saja belum bisa diberikan; Bahawa keinginan yang berulang-ulang dikemukakan oleh Gubermen supaya keadaan sedemikian jangan terjadi lagi dan keinginan supaya ditentukan kedudukan Aceh dalam hubungan yang lebih tepat kepada Gubermen Hindia Belanda, tetapi selalu saja terhambat oleh keengkaran dari pihak pemerintah Kerajaan Aceh dan oleh kelengahan kerajaan itu untuk memelihara ketertiban dan keamanan yang diperlukan dalam daerah takluknya;

Bahawa percubaan untuk keperluan itu telah disambut dengan amat curang di kala Gubermen Hindia Belanda sedang didekati dengan maksud membina perhubungan lebih akrab dengan Aceh;

Bahawa telah diminta penjelasan kepada Sultan Aceh, mula-mula dengan surat tanggal 22 bulan ini sesudah itu pada

tanggal 24 hasilnya tidak hanya tidak diberikan sama sekali penjelasan itu, tetapi juga telah tidak membantah segala apa yang didakwakan dalam surat itu dan lebih dari itu pula telah digiatkan mengumpul apa saja untuk mengadakan perlawanan;

Bahawa dengan itu tidak bisa lain ertinya selain bahawa Aceh menentang Gubermen Belanda dan sikap permusuhanannya semula hendak dipertahankannya;

Bahawa kerana itu pemerintahan kerajaan Aceh telah bersalah melanggar perjanjian yang sudah diikatnya dengan Gubermen Hindia Belanda bertanggal 30 Mac 1857 tentang perniagaan, perdamaian dan persahabatan, yang kerana itu menyakinkan bahawa pemerintah kerajaan tersebut tidak dapat dipercayai;

Bahawa permintaan Hindia Belanda dalam keadaan sebagai ini merasa tidak mungkin lagi mempertahankan kepentingan umum sebagai yang diperlukan demi keamanan sendiri di bahagian utara Sumatera, apabila tidak diambil tindakan kekerasan. Dengan ini, atas dasar wewenang dan kekuasaan yang diberikan kepadanya oleh pemerintah Hindia-Belanda, ia atas nama pemerintah, menyatakan perang kepada Sultan Aceh. Dengan pernyataan ini setiap orang diperingatkan terhadap beradanya mereka di bawah akibat perang dan kewajiban yang harus dipenuhi dalam perang.

Termaktub di kapal perang Citadel van Antwerpen yang berlabuh di Aceh Besar, pada hari Rabu tanggal 26 Mac 1873, (Tertanda) Nieuwenhuijzen,

Disalin sama bunyinya: Sekretaris d/p komisaris pemerintah untuk Aceh (Tertanda) Cantervisser.

Sebenarnya sejak semula pemerintah kerajaan Aceh telah meyakinkan bahawa pemerintah kolonial Belanda telah siap untuk menjajah Aceh, kalau mungkin dengan gertak, tetapi ternyata bahawa Aceh tidak dapat ditakluk hanya dengan gertak sambal, terbukti daripada kandungan surat Sultan yang terakhir kepada komisaris Nieuwenhuijzen, yang antara lain berbunyi: ²

"Surat yang telah kita kirimkan pada hari Ahad yang baru lalu telah diberi tanggal hari bulan, hanya kerana kesilapan belaka. Mengenai dengan permakluman yang dimaksud dalam surat kita

itu, isinya tidak lain daripada mengemukakan bahawa dari pihak kita tidak ada tumbuh sedikit pun keinginan untuk merobah hubungan persahabatan yang sudah diikat. Sebab kita hanya seorang miskin dan muda dan kita sebagai juga Gubermen Hindia Belanda, berada di bawah perlindungan Tuhan Yang Maha Esa. Akhirul kalam kita sampaikan kepada tuan-tuan sekaliannya. Termaktub pada 1 hari bulan Safar 1290 (1 April 1873)".

Isi surat Sultan ini yang bunyinya seakan-akan terasa lembut, tetapi pada hakikatnya adalah suatu pernyataan keteguhan hati dan iman seorang Muslim sejati, yang hanya mengakui "kekuasaan dan perlindungan", Tuhan semata, seperti yang terpancar jelas dari kalimat-kalimat : "..... dan kita sebagai juga Gubermen Hindia Belanda, berada di bawah perlindungan Tuhan Yang Maha Esa."

Kalimat-kalimat itu sasaran utamanya ditujukan untuk menolak dengan tajam surat komisararis Nieuwenhuijzen bertanggal 27 Mac 1873, yang antara lain berbunyi "Andainya seri paduka tuanku tidak bersedia mengakui kedaulatan raja Belanda atas negeri Aceh, maka dengan tidak dapat ditarik kembali lagi akan dipertimbangkanlah berlangsungnya penyerangan....".¹

Kalau komisararis Nieuwenhuijzen dapat menyedari api yang menyala dalam kelemahan-lembutan surat Sultan itu, yang melukis keteguhan iman rakyat Aceh akan berjihad fisabilillah untuk mempertahankan kedaulatan negaranya, pasti dia akan menurunkan niat agresinya kepada Aceh.

Ketaksanggupan Nieuwenhuijzen memahami apa yang tersirat daripada surat Sultan itu telah menjerumuskan seldadu-seldadu sebangsanya atau antek-anteknya ke dalam neraka dunia sepanjang Belanda menjajah Aceh, seperti yang dapat kita baca dalam buku-buku sejarah.

Agresi Belanda yang pertama di bawah pimpinan Major Jeneral Kohler dengan kekuatan 168 orang perwira dan 3800 seldadu Belanda dan sewaan, yang dilakukan pada pagi hari tanggal 10 Muharram 1290 (5 April 1873), telah dihancurlumatkan oleh angkatan perang Aceh yang gagah berani, sehingga setelah 18 hari bertempur dengan sia-sia, sisa-sisa

seldadu-seldadu Belanda lari puntang-panting ke kapalnya, dengan meninggalkan sekian banyak bangkai seldadunya yang mati sementara bangkai panglima Major J.H.R. Kohler pada tanggal 15 April 1873 masih sempat dilarikan ke kapal, sedangkan komisaris Nieuwenhuijzen, setelah melemparkan seldadu-seldadunya ke dalam neraka dunia terus lari menyelamatkan diri ke Pulau Pinang dengan kapal perang Citadel van Antwerpen, iaitu pada tanggal 1 April 1873 setelah dia menyampaikan kepada Sultan "penyataan perang 26 Mac 1873".⁴

"Penyataan Perang 26 Mac 1873", selain telah memusnahkan puluhan ribu seldadu-seldadu Belanda dan sewaan, juga telah menampilkan ke arena dunia internasional mujahid-mujahid dan pahlawan-pahlawan perang Aceh yang kenamaan, seperti Teungku Tjhik Muhammad Saman Tiro, Teuku Panglima Polem, Teuku Lung Bata, Teuku Umar Johan Pahlawan, Tjut Nyak Dhien, Tjut Meutia, Panglima Nyak Makam, Teungku Haji Muhammad yang lebih terkenal dengan nama Teungku Tjhik Pante Kulu dan masih terlalu banyak lain-lainnya untuk disebut.

Kalau Pernyataan perang 26 Mac 1873 tidak ada, tentu 50 tahun perang Aceh lawan Belanda tidak ada pula, dan kalau perang Aceh lawan Belanda tidak ada, tentu Teungku Tjhik Pante Kulu tidak akan muncul sebagai "Penyair Perang Terbesar di dunia dengan karya sasteranya *Hikayat Prang Sabi*.

Hikayat Prang Sabi

Mungkin ada pertanyaan, apa sebab rakyat Aceh sanggup berperang puluhan tahun lamanya (sekitarnya 80 tahun) melawan penjajahan Belanda? Jawabnya singkat dan sederhana, iaitu kerana ajaran Islam yang telah mendarah daging dalam diri orang Aceh melarang mereka tunduk kepada orang kafir. Maka, untuk mengghairahkan rakyat Aceh berperang melawan kaum penjajah, para ulama yang sasterawan tampil mengarang sejumlah karya sastera perang, yang sangat tinggi nilai seninya. Yang sangat terkenal, ialah *Hikayat Prang Sabi*, karangan Teungku Syeikh Muhammad, yang terkenal dengan lakab Teungku Chik Pante Kulu.

Hikayat Prang Sabi terdiri dari empat kisah, iaitu:

1. Kisah Pasukan Gajah.

2. Kisah Sa'ad Salmy.
3. Kisah Budak Mati Hidup Kembali.
4. Kisah Ainul Mardiyah.

Yang paling terkenal ialah Kisah Ainul Mardiyah. Di bawah ini, akan saya turunkan sekelumit lukisan tentang *Hikayat Prang Sabi*:

Setelah selesai meyakinkan pembacanya bahawa mati adalah hal yang tidak dapat dielakkan, tiap yang hidup mesti mati kecuali Allah, maka pengarang melukiskan betapa bahagianya orang yang mati dalam peperangan melawan Belanda, perang kemerdekaan, perang suci membela agama. Digambarkan, bahawa seorang pahlawan yang syahid belum akan roboh tubuhnya ke bumi, sebelum dara-dara syurga sampai untuk memangku badannya terkapar berlumuran darah itu:

Menurut kata Pesuruh Allah,
 Tubuhmu yang tertembak berlumuran darah,
 Tidak akan terkapar rebah,
 Kecuali dalam pangkuan Ainulmardiyah.³

Sebelum datang dara rupawan,
 Tubuh pahlawan roboh tiada,
 Dara senyum mengulur tangan,
 Barulah jasad terhantar bahagia.

Dara berlumba menadah tangan,
 Jemput junjungan kekasih hati,
 Dalam pangkuan gadis rupawan,
 Nyawa di badan keluar sendiri.

Melayanglah nyawa alhamdulillah,
 Lafaz bahagia tidak terkata,
 Yang mengetahui hanya Allah,
 Betapa mujahid mendapat pahala.

Saudaraku teungku hulubalang,
 Janganlah ragu diam membisu,
 Sayang adik mati di ladang,
 Rindukan abang di medan kuru.

Entah tidak kembali pulang,
 Rindu memendam di dalam hati,
 Entah tewas di medan perang,
 Jemput pulang bawa kembali.

Untuk memperhebat tekad juang, dan untuk lebih memperdalam rasa cinta di medan perang serta tidak ingin pulang, maka pengarang menekankan bahwa orang-orang yang syahid di medan perang bukanlah mati, tetapi namanya hidup abadi:

Jangan katakan mati,
Mujahid yang tewas di medan perang *
Mereka hidup bahagia,
Bermandikan rahmat Tuhan.
Jangan di anggap mati,
Meski nyatanya demikian,
Jangan ragukan kekasih hati,
Ada firman Tuhan. *

Jangan sebutkan mati,
Meski nyawa sudah tiada,
Di sisi Ilahi ia abadi,
Senantiasa bersuka ria.

Demikian mulianya di sisi Tuhan,
Tiada di sini umpama yang sama,
Mana di mana cuba bandingkan,
Wahai budiman resapkan di jiwa.

Kalau begitu saudaraku sayang,
Di medan perang hidup dan mati,
Cinta kampung, sayang halaman,
Kikis habis di dalam hati.

Anak dan isteri tercinta,
Tiada mengapa tinggal di dunia,
Di sana menanti bidadari syurga,
Dara-dara usia sebaya.
Orang dahulu waktu berperang,
Cinta harta tiada lagi,
Nyawa dan badan segala barang,
Nyerah semua rela di hati.

Mengapa kita, saudaraku sayang,
Ragu hati pergi berperang,
Begitu kasihnya Tuhan Penyayang,
Patutkah kita berhati bimbang?

Akhirnya sebagai mukadimah daripada *Hikayat Prang Sabi* yang dikarangnya, Teungku Tjihik Pante Kulu berdoa kepada Allah, memohon keteguhan hati dan ketetapan iman, dalam berjihad memerangi kafir Belanda:

Oh, Illahi Mahakuasa,
Wahai Pengampun segala dosa,
Beri hatiku tetap membaja,
Memerangi harbi kafir Belanda.⁹
Wahai adinda muda belia,
Mengapa bermuram diam membisu,
Mari serahkan nyawa dan harta,
Biaya perang di medan kuru.¹⁰

Sungai Kalkausar bening airnya,
Untuk Muhammad kurnia Illahi,
Nabi pusakakan kepada umat,
Yang berkhidmat dalam perang suci.

Kisah Ainul Mardiyah

Kisah Ainul Mardiyah adalah cerita fiksiyen yang inti perkhabarannya dijalin berdasarkan ajaran-ajaran al-Quran dan Al-Hadis. Ia terjadi pada zaman Madinah, zaman Rasul telah memindahkan pusat perjuangan kaum Muslimin dari Mekah ke Yastrib yang kemudian berubah nama menjadi Madinah Rasul, yang sekaligus menjadi ibu kota daulah Islamiyah negara Islam.

Setelah izin perang didapati Rasul daripada Allah, 11 sebagai akibat daripada kekejaman dan kezaliman kafir Quraisy dan kafir-kafir lainnya semakin menjadi-jadi, maka terjadilah peperangan. Antaranya Perang Badar Kubra, Perang Uhud, Perang Khandak, Perang Hunain, Perang Hudaibiyah, Perang Tabuk dan sebagainya.¹² Dalam masa terjadinya pelbagai peperangan pada zaman setelah Rasul, Teungku Tjihik Pante Kulu melukiskan sebuah kisah yang sangat menarik dan merangsang perang, iaitu Kisah Ainul Mardiyah yang ringkasnya sebagai berikut:

Dalam rangka melaksanakan panggilan jihad yang telah diizinkan Allah, seorang ulama berpengaruh, Abdul Wahid

namanya, mengadakan dakwah perang di sekitar Madinah. Dalam diskusi mengenai jihad "fisabilillah", di mana hadir banyak pemuda yang masih remaja, Abdul Wahid menjelaskan tujuan perang suci dalam Islam dengan mengemukakan ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis, yang diselang-seli dengan pembacaan ayat-ayat jihad, qital, dengan suara yang merdu. Pembantunya, seorang pemuda yang berusia 20 tahun tampil ke depan menanyakan penjelasan kepastian tentang pahala orang mati syahid di medan perang. Setelah mendapat penerangan-penerangan yang memuaskan, maka anak tersebut terus mendaftarkan diri untuk ikut ke medan jihad bersama Abdul Wahid. Pemuda ini adalah yatim-piatu, yang sejak beberapa tahun yang lalu telah ditinggalkan oleh ayah dan ibunya. Kedua-dua ibu bapanya telah pulang ke Rahmatullah dengan meninggalkan harta kekayaan yang agak lumayan kepadanya.

Menjelang hari berangkat yang telah ditetapkan, pemuda itu terus mempersiapkan dirinya dengan membeli segala macam kelengkapan perang untuk dirinya sendiri, bahkan juga untuk teman-temannya yang lain yang tidak berkemampuan, sehingga kekayaan yang ditinggalkan oleh ayahbondanya habis semuanya. Tibalah hari keberangkatan pasukan Islam yang dipimpin oleh Abdul Wahid. Pemuda itu meminta agar ia boleh berangkat di barisan terdepan, yang berangkat mendahului yang lain sekira satu hari perjalanan. Permintaan itu dikabulkan oleh Abdul Wahid. Dengan semangat jihad yang bernyala-nyala pemuda itu berangkat ke medan perang. Sesampainya pada suatu tempat pemberhentian untuk istirahat sambil menunggu induk pasukan bersama panglimanya Abdul Wahid, barisan depan itu berhenti dan pemuda itu pun tertidur dengan nyenyak kerana keletihan. Setelah tertidur lama, maka dia pun tersentak bangun. Sambil mengusap-usap matanya ia terus menangis tersedu-sedu, sementara mulutnya mengucapkan pelan-pelan kata-kata "Ainul Mardliyah" berulang-ulang dan terus-menerus. Teman-temannya tercengang kehairanan melihat kelakuan pemuda yang demikian rupa. Ditanyakan sebab mengapa dia menangis demikian rupa dengan menyebut-nyebut tiada henti-hentinya nama "Ainul Mardliyah", namun dia tidak mau menjawab kecuali terus gelisah dan menangis.

Sewaktu pemuda itu dalam keadaan demikian rupa, Abdul Wahid pun sampailah ke tempat itu seraya menanyakan

gerakan yang telah terjadi. Setelah didengar suara gurunya, maka pemuda itu terus membuka matanya dan berhenti daripada menangis. Dengan takzim dia mencium tangan gurunya Abdul Wahid, seraya diceritakannya mengapa dia berkeadaan demikian. Diceritakannya, bahawa pada waktu sedang tidur nyenyak dia bermimpi seakan-akan berjalan ke suatu taman yang indah sekali, yang belum pernah dilihatnya. Dia masuk ke dalam taman yang indah permai itu, di mana bunga-bunga mengembang harum aneka warna, dan di tengah-tengahnya mengalir sungai yang bening airnya, berpantai perak dan bertebing cuaca. Dia berjalan di sepanjang sungai, di mana dilihatnya dara-dara bidadari syurga, baik yang sedang berjemur di pantai, yang sedang mandi di air bening ataupun yang sedang bercengkrama di bawah pohon-pohon yang merimbun dan berbuah ranum.

Pada waktu pertama kali dia menjumpai kumpulan dara-dara yang cantik rupawan itu, ghairah cintanya marak menyala dan dicubalah hendak menawarkan kasihnya kepada bidadari itu. Dengan halus mereka menolak, dengan keterangan bahawa mereka itu hanyalah dayang-dayang belaka daripada tuan puteri yang sedang beristirahat dalam khemahnya jauh di depan. Pemuda itu berjalan terus sambil berfikir, bahawa kalau dayang-dayang sudah demikian cantiknya, bagaimana pula rupanya tuan puteri itu sendiri. Dia berjalan terus dan tiap-tiap sebentar berjumpa pula sekumpulan dara seperti yang pertama tadi, yang rupanya masih juga dayang-dayang, belum lagi dijumpainya tuan puteri sendiri.

Akhirnya ia sampai di suatu tempat, baik sungainya, tamannya dan apa saja jauh lebih sempurna daripada yang terdahulu, terutama sekali dara-daranya. Setelah berbalas-balas pantun dengan dara-dara yang sedang berjemur di pantai, ditunjukinya khemah di mana tuan puteri sedang beristirahat. Kedatangan pemuda itu diberitakan kepada tuan puteri, yang nampak-nampaknya tuan puteri pun sudah lama memendam rindu tidak tertahan lagi. Pemuda itu masuk ke istana yang disongsong oleh tuan puteri sampai di pintu.

Diceritakan pula bagaimana mesranya perjumpaan dengan tuan puteri yang bernama Ainul Mardiyah, pertemuan yang sangat romantis. Setelah lama berbual-bual, berbalas-balas pantun, maka pemuda itu pun diserang rindu yang tidak terkendalikan lagi, sehingga dengan serta-merta dicubanya hendak

memeluk dan mencium tuan puteri yang rupawan itu. Tetapi, tangan Ainul Mardiyah yang lembut halus menolak dada beliau kita, dengan ucapan: "Adinda hanya berhak dimiliki oleh pemuda yang mati syahid di medan perang melawan kafir." Dengan tolakan tangan yang halus lembut itu, pemuda itu tersedar daripada tidur dan mimpi nikmatnya. Demikian ceritanya pada Abdul Wahid.

Setelah itu, pasukan Islam yang dipimpin Abdul Wahid itu terus berangkat menyongsong musuh, sehingga terjadilah pertempuran yang sangat sengit, di mana pemuda beliau itu berperang luar biasa tangkas dan beraninya, dan akhirnya syahidlah dia... dan arwahnya disambut Ainul Mardiyah serta dibawanya ke syurga...

Demikian ringkasnya *Kisah Ainul Mardiyah!*

Seperti telah diterangkan, semuanya dilukiskan dengan puisi yang indah sekali. Pada fasal-fasal berikutnya akan saya turunkan sebahagian daripada terjemahan puisi itu.

Dibandingkan dengan ini,
Yang lalu itu tiada erti,
Indahnya tiada terperi,
Ciptaan Ilahi Mahasuci.

Arwah melayang rasa-rasanya,
Demikian peri wahai ya saidi,
Ciptaan Tuhan merindu rupa,
Lazat rasa tiada khali.

Entah nada suara biola,
Entah lagu buluh perindu,
Entah irama suling rebana,
Tiada di sini rupa laku.
Dayang-dayang cantik rupawan,
Badan ramping gempal berisi,
Intan pudu pakaian di badan,
Cincin berlian pakai di jari.

Menyanyi ria berdendang sayang,
Elok budi dayang puteri,
Berjalan gontai sedap dipandang,
Kaya Tuhan Rabbuljali...

Balai kaca emas tempawan,
Tempat dayang bermain ria,
Asyik masyuk mabuk kepayang,
Senyum bermain di bibirnya.

Kemudian, selain menceritakan betapa rindu mengamuk di dalam hatinya, juga dikisahkan bahawa setelah dayang-dayang tuan puteri melihatnya, disapalah dengan salam ta'zim, dan kemudian diceritakan kepada tuan puteri di istana tentang kedatangannya itu:

Alhamdulillah kurnia Illahi,
Pahlawan kami telah tiba.
Dayang-dayang longlai berlari,
Pada puteri laporkan berita.
Lihat wahai puteri andalan.
Jodoh tuan kemala negeri,
Itu di taman muda pahlawan,
Rindu dendam di dalam hati.

Rupa cantik indah gemilang,
Kalah bulan dan matahari,
Kami ini mabuk kepayang,
Rindu terpendam di dalam hati.

Benar rupa tiada bertara,
Demikian cantiknya muda pahlawan.
Demi puteri mendengar kata,
Tunduk hati memuji Tuhan.

"Alhamdulillah puji dan puja,
Rahmat kurnia Illahi Rabbi,"
Bangkit dari dibawa cinta,
Memandang belia di taman sari.
Layang mata lewat jendela,
Lihat hamba bermenung sendiri,
Demi kami berperang pandang,
Rasa hilang nyawa di badan.

Setelah diceritakan seakan-akan nyawanya telah hilang dan badannya sudah tidak berdaya lagi, maka ditambahnya lagi bahawa

setelah dia mendengar tuan puteri Ainul Mardiyah memuji Tuhan dan menyapa mengucapkan selamat datang kepadanya, terasalah nyawanya datang kembali:

“Ya Allah Tuhan Penyayang,
Maha sempurna kurnia-Mu ini,
Jodohku kekasih sayang,
Kemala negeri telah kembali.

Cinta melanda pantai hatiku,
Panah rindu mengamuk di dalam,
Kini kami sudahlah bertemu,
Kekasihku datang bawakan manikam.
Sampailah saat kandaku datang,
Kurnia Engkau, wahai Ilahi,
Kemudian sapa kepada dagang,
Aduhai kakanda mainan hati.

Engkau sayang taruhan jiwaku,
Kenangan kalbu siang dan malam,
Bertahun masa dimabuk rindu,
Kini baru berpadu azam.

Mari ke mari buah hatiku,
Takhta tersedia untuk kakanda,
Silakan tuan memadu rindu,
Pahala bagi mujahid setia.

Setelah itu, dilukiskannya kepada Abdul Wahid betapa terharu perasaannya mendengar tegur sapa tuan puteri yang suaranya laksana buluh perindu, rohnya seakan keluar, matanya berkunang-kunang, lemah segala sendi anggota, telah hilang keseimbangan dalam dirinya; benar-benar dia berasa tidak sedarkan dirinya lagi, bagaikan pengsan, hatta dia sadar kembali waktu suara puteri yang merindu merayunya lagi:

Aduhai kakanda kemala hati,
Mujahid sejati kekasih Allah,
Hatiku ghairah mari kemari,
Adik menanti berhati gelisah.

Ke mari sayang ke atas peraduan,
Bantal tilam emas bersuji,
Silakan mari kakandaku tuan,
Cinta bergelut di dalam hati.

Malu mengapa kemala negeri,
Istana ini pusaka Illahi,
Untuk kakanda Mujahid berani,
Pejuang Sabil dalam perang suci.

Pemuda itu melanjutkan ceritanya. Setelah didengarnya rayuan yang bernadakan cinta berahi daripada tuan puteri yang menghulurkan mukanya dari jendela yang berkaca intan. Dia menjadi segar kembali dan dengan dibimbing oleh semangat rindu yang bertalu, dia pun memasuki istana tuan puteri. Dilukiskanlah kepada panglimanya Abdul Wahid, keadaan istana serta upacara penyambutan:

Pintu istana ajaib mendahsyat,
Cerlang mengilat bagaikan mentari,
Bercelupkan emas kehendak hadlarat,
Bertatahkan metia intan baiduri.
Masuklah hamba berjalan pelan,
Cahaya berkilauan kanan dan kiri,
Bertatahkan mutiara pudi dan intan,
Kekayaan Allah Khalikubahri.

Putih kuning lembut menyayu,
Penaka mutu emas urai,
Berjalan longlai dari perayu,
Suara merdu, badan semampai.

Dara-dara berdiri ta'zim,
Kipas metia pegang dijari,
Tangan gemalai kipasi hamba,
Suara merdu menegur sapa.

Berbahagiaalah wahai muda rupawan,
Kemala negeri telah kembali.
Demikian sapa dayang-dayang,
Suara mengalun bagaikan nafiri.

Hikayat Prang Sabi Di Mata Orang Belanda

Hikayat Prang Sabi sebagai media dakwah yang sanggup membangkitkan semangat perang dan jihad fisabilillah untuk melawan seldadu-seldadu kolonial Belanda, dipandang oleh pimpinan tentera dan pentadbiran pemerintahan militer Hindia Belanda senjata yang sangat berbahaya, sehingga kerananya dilarang membaca, menyimpan dan mengedarkannya.

Ini adalah suatu hal yang jelas! Tetapi, *Hikayat Prang Sabi* di mata sarjana dan sasterawan Belanda lain pula halnya. Kerana *Hikayat Prang Sabi* sanggup membangkitkan keberanian luar-biasa dalam hati rakyat Aceh, maka hal tersebut menarik perhatian sejumlah sarjana Belanda untuk meneliti dan mempelajarinya, terutama mereka yang ahli bahasa Aceh. Salah seorang di antara sarjana Belanda yang menaruh perhatian sangat besar terhadap *Hikayat Prang Sabi*, ialah Prof. Dr. Christian Snouck Hurgronje (1857-1936), seorang ahli Aceh dalam erti yang luas.

Tentang ketinggian nilai sastra *Hikayat Prang Sabi* sebagai sebuah karya sastra perang telah dipelajari dan diteliti secara mendalam oleh sejumlah sasterawan Belanda, tentunya sasterawan Belanda yang ahli bahasa Aceh. Seorang ahli bahasa dan sastra Aceh, H.T. Damste, yang pernah menjadi Controleur di Idi Aceh Timur, telah membahas *Hikayat Prang Sabi* dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Belanda, yang disiarkan dalam *Bijdragen Tot de Taal-Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie Deel 84*, yang diterbitkan di Belanda oleh Het Koninklijk Instituut voor de Taal Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie. Uraian H.T. Damste tersebut telah menarik perhatian yang luas di negeri Belanda dan dalam lingkungan ahli-ahli sastra dunia. Kerana itu, H.T. Damste telah berjasa memperkenalkan karya sastra *Hikayat Prang Sabi* kepada dunia Barat, sehingga ia telah menjadi salah satu bacaan wajib bagi para mahasiswa Fakulti Sastra Jurusan Sastra Aceh di negeri Belanda, dan juga menjadi perhatian para mahasiswa Fakulti Sastra pada umumnya.

Untuk menghadiri Hari Pendidikan Daerah Istimewa Aceh dan Harijadi Universiti Syiah Kuala pada tanggal 2 September 1977 yang

lalu, Gubernur Kepala Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh, telah mengundang sejumlah orang terkemuka dalam dunia pendidikan untuk menghadirinya, termasuk dua orang sarjana Belanda yang sangat terkenal, yaitu, Dr. A. J. Piekaar dan Prof. Dr. A. Teuw, seorang ahli bahasa dan sastra Indonesia, pengarang buku *Pokok Dan Tokoh Dalam Kesusasteraan Indonesia Baru*.

Dr. A.J. Piekaar yang di negeri Belanda dewasa ini mendapat predikat Paus Ilmu Pengetahuan, pernah tinggal di Aceh sebagai alat dari Pemerintah Hindia Belanda. Mula-mula beliau menjadi Aspiran Controleur di Langsa; kemudian menjadi Controleur di Idi, Singkel dan Sigli; terakhir sekali menjadi Sekretaris Keresidenan Aceh sampai masuk Balatentera Jepun dan ditawan bersama orang-orang Belanda yang lain. Selama dalam tawanan, Dr. A. J. Piekaar telah mengarang sebuah buku yang sangat bernilai, yaitu *Acheh en de Dorlog Met Japan*, sebuah buku tentang Aceh yang ditulis oleh bekas musuh orang Aceh.

Dalam *Ensiklopedia Islam* yang besarnya puluhan jilid, yang diterbitkan dalam bahasa Inggris, Perancis, Arab dan lain-lain, Dr. A. J. Piekaar telah menulis tentang Aceh hampir 20 halaman banyaknya. Di negeri Belanda dewasa ini, Dr. A. J. Piekaar dikenal sebagai seorang pencinta Aceh.

Dr. A. J. Piekaar dan Prof. Dr. A. Teuw datang ke Aceh pada tanggal 2 September 1977 yang lalu bersama-sama dengan isteri masing-masing, memenuhi undangan Gubernur Aceh. Prof. Dr. A. Teuw di Banda Aceh, antara lain telah memberi ceramah di depan para sarjana IAIN Jamiah A-Raniry Darussalam. Dr. A. J. Piekaar mendapat tugas untuk membaca syarahan Ilmiah dalam rapat Senat Terbuka Universitas Syiahkuala; syarahan ilmiah mana berjudul "Pengetahuan dan Masyarakat".

Dalam syarahan itu, dengan sengaja Dr. A. J. Piekaar membicarakan sedikit tentang Hikayat Prang Sabi, yang antara lain ditulisnya:

"...kita berasa berbahagia bahawa bagi Aceh sebagai bahagian dari Indonesia Merdeka tidak ada alasan lagi untuk Prang Sabi dan kita harap akan tumbuh pertalian-pertalian baru sehingga kita

berhubungan antara kita pada taraf yang sama, sebagai berlaku pada saat sekarang ini. Sebagai lambang penutup priode ini, izinkanlah saya menyampaikan pada rektor Universitas Syiah Kuala dan rektor Institut Agama Islam Negeri Jami'ah Ar-Raniry satu *Hikayat Prang Sabi*, sebagai yang terkenal diterbitkan oleh H.T. Damste, seorang ahli terkenal mengenai Aceh, pada tahun 1928 dalam jilid 84 *Bijdragen van het Koninklijk Institut voo de Taal-, en Volkenkunde*. Penyelidikan *Hikayat Prang Sabi* ini bukan perkara baru bagi tuan-tuan. Pada tahun 1971, A. Hasjmy menerbitkan *Hikayat Prang Sabi Menjiwai Perang Aceh Lawan Belanda* dengan kata pengantar Gubernur Aceh. Melihat perhatian ini saya harap agar penerbitan itu, tidak sebagai alat menaikkan semangat perang, tetapi sebagai dokumen sejarah, kenang-kenangan akan periode yang semua kita harap sudah ditutup erat-erat, dan akan mendapat tempat dalam perpustakaan kedua institut tuan..."

Demikian Dr. A.J. Piekaar tentang *Hikayat Prang Sabi* dalam syarahan ilmiahnya yang berjudul "Pengetahuan dan Masyarakat" yang diucapkan dalam rapat senat terbuka Universitas Syiah Kuala pada 2 September 1977 di Banda Aceh. Dari kesan Dr. A. J. Piekaar tersebut di atas, kita masih dapat berasa betapa besar pengaruh *Hikayat Prang Sabi* di mata orang Belanda pada umumnya, dalam membangkitkan semangat rakyat Aceh untuk melawan tentera kolonial Belanda.

Selesai syarahan yang panjangnya lebih dari satu jam, Dr. A. J. Piekaar dengan rasmi menyerahkan kepada Rektor Universitas Syiah Kuala dan Rektor IAIN Jami'ah Ar-Raniry masing-masing satu manuskrip *Hikayat Prang Sabi* yang telah diberi analisis dan disalin ke dalam bahasa Belanda oleh seorang ahli Aceh H.T. Damste:

Acheh Darussalam Modal Kedaulatan

Naskhah Penyerahan Kedaulatan Aceh yang disiapkan Belanda, ditolak mentah-mentah oleh Sultan Alaidin Muhammad Daud Syah, dan

naskah tanpa tandatangan yang bersangkutan itu disembunyikan Belanda, dan baru diumumkan setelah Indonesia merebut kemerdekaannya pada tanggal 17 Ogos 1945.

Seperti telah dimaklumi, menjelang pendaratan tentera Dai Nippon di Aceh pada 12 Mac 1942, tentera Belanda semuanya telah lari dari Aceh, kerana rakyat Aceh memberontak lagi terhadap musuh yang sudah lama itu. Setelah mereka lari dalam keadaan ketakutan; penjajah Belanda itu tidak kembali lagi ke Aceh. Kerana itu, waktu Presiden Republik Indonesia pertama, Bung Karno berkunjung ke Aceh dalam bulan Jun 1948, beliau memberi gelaran kebangsaan kepada Aceh, sebagai Daerah-Modal; Modal Perjuangan Kemerdekaan dan Modal Kedaulatan bagi Bangsa Indonesia, juga bagi bangsa-bangsa Asia Tenggara. Orang yang rajin mempelajari sejarah kolonialisme Barat di Nusantara akan mengetahui bahawa Kerajaan Aceh Darussalam telah memegang peranan yang amat penting dalam peperangan mempertahankan kedaulatan bangsa-bangsa di Nusantara ini. Sejarah telah mencatat, bagaimana heroiknya Sultan Alaidin Ali Mughaiyat Syah memukul kekuasaan Portugis pada awal abad ke-16 di pantai-pantai Aceh (Lamno, Lubok, Pidie, Pasai), hatta hancur berkeping-keping, dan ke-rananya selamatlah Pulau Sumatera.

Waktu menjelang akhir abad ke-16, Portugis mengirim armadanya yang kuat di bawah pimpinan dua orang Laksamananya yang berpengalaman. Sultan Alaidin Al Mukammil memimpin sendiri Armada Selat Melaka Aceh yang di bawahnya terdapat dua orang laksamana angkatan laut Aceh, untuk menyongsong armada kolonialis Portugis sebelum mereka sampai di perairan Banda Aceh Darussalam, dan terjadilah Pertempuran Teluk Hru (perairan Sumatera Timur sekarang), sebuah pertempuran laut yang amat dahsyat di antara Armada Selat Melaka Aceh dengan Armada Kolonialis Portugis. Dalam pertempuran Teluk Haru tersebut, armada Portugis hancur benar-benar, dua orang laksamananya mati, meskipun dua orang laksamana Aceh juga syahid bersama kira-kira 1.000 orang perajuritnya.

Kalau, Portugis menang dalam Perang Teluk Haru, mungkin sekali seluruh Pulau Sumatera akan menjadi jajahan Portugis, bahkan

juga seluruh Pulau Jawa.

Setelah kalah di perairan Sumatera, Portugis tetap menjajah Melaka dan bersekongkol dengan beberapa orang sultan di Semenanjung Tanah Melayu (antaranya Sultan Johor, Sultan Pahang, dan lain-lain). Sultan Al Kahhar me-ngirimkan angkatan laut Aceh ke Tanah Seberang, kemudian dilanjutkan oleh Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam, dengan tujuan untuk membebaskan Nusantara ini dari penjajahan Barat. Sekalipun para sultan Aceh tidak berhasil membebaskan Melaka, namun kerajaan-kerajaan Islam lain di Semenanjung Tanah Melayu telah dapat diselamatkan daripada penjajahan Portugis waktu itu.

Acheh yang telah ditakdirkan Allah menjadi salah satu daripada Lima Besar Islam di dunia (Kerajaan Islam Maghribi di Afrika Utara, Kerajaan Islam Turki Usmaniyah di Asia Kecil, Kerajaan Islam Isfahan di Timur Tengah, Kerajaan Islam Acra di India, dan Kerajaan Aceh Darussalam di Asia Tenggara) berasa berkewajipan untuk melindungi kerajaan-kerajaan Islam yang berada di Kepulauan Nusantara daripada penyerangan dan penjajahan Barat dan Kristian.

Disebabkan Islam mengajar bahawa kaum Muslimin semuanya bersaudara, maka Kerajaan Aceh Darussalam berkeyakinan bahawa penjajahan terhadap salah satu kerajaan Islam lain di Nusantara, sama ertinya seperti penjajahan terhadap dirinya sendiri, dan kerananya berasa terpanggil untuk berperang dengan Penjajahan Portugis dan kemudian dengan Penjajahan Belanda.

Pada suatu waktu bencana besar benar-benar telah menimpa dunia Islam, dan Lima Besar Islam telah ditekan sedemikian rupa, sehingga tidak berdaya lagi. Kerajaan Islam Acra telah menjadi puing. Kerajaan Islam Isfahan telah pecah berkeping, Kerajaan Islam Maghribi telah terkoyak-koyak dan Kerajaan Islam Turki Usmaniyah telah lumpuh. Kerajaan Islam Aceh Darussalam bukan saja telah teruk, tetapi ia juga telah dikelung dari segala penjuru oleh kolonialis, iaitu kaum kolonialis Inggeris yang telah menjajah Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan Borneo Utara dan Belanda yang menjajah seluruh Sumatera (kecuali Aceh), seluruh Kalimantan, Sulawesi, Nusa Tenggara, dan sebagainya.

Dalam keadaan demikian, tugas yang dimainkan Kerajaan Aceh

Darussalam sebagai salah satu dari Lima Besar Islam, sudah tidak dapat dilaksanakan lagi. Sekarang, kemungkinan yang ada, ialah mempertahankan kedaulatan Aceh sendiri yang merupakan sisa kedaulatan bangsa Indonesia/Nusantara. Untuk itulah, Aceh melakukan Perang di Jalan Allah 69 tahun lamanya, sehingga dalam bulan Mac 1942 Belanda terpaksa lari dari Tanah Aceh, sebelum tentera Jepun mendarat di pantai-pantai Aceh, tanpa mereka pernah menerima penyerahan kedaulatan daripada Kerajaan Aceh Darussalam, kerana Sultan Alaidin Muhammad Daud Syah, Sultan Aceh terakhir, tidak mahu menandatangani Sarakata Penyerahan Kedaulatan Aceh kepada Belanda. Kerana itu, pada waktu Belanda menyerahkan kedaulatan Indonesia kepada Jepun, tidaklah termasuk Aceh, ertinya kedaulatan Aceh yang menjadi bahagian daripada kedaulatan bangsa Indonesia masih ada, sehingga dengan Modal Kedaulatan yang masih ada itu, dalam bulan Ogos 1945 dengan serentak Bangsa Indonesia berjuang gigih untuk merebut kembali sebahagian besar kedaulatannya yang telah direbut kaum penjajah.

Akhirnya, pada penghujung Disember 1949, Belanda terpaksa menyerahkan kembali bahagian-bahagian kedaulatan yang telah dirampas kepada Bangsa Indonesia.

Konsolidasi Kekuatan Menjelang Pecahnya Perang

Dalam bukunya yang berjudul *Kedaulatan Aceh Yang Tidak Pernah Diserahkan Kepada Belanda Adalah Bahagian Dari Kedaulatan Indonesia*, Anas Machmud, Dosen/Pensyarah IKIP (Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan) Medan, antara lain menulis:

Dari segi politik, Kerajaan Aceh adalah salah satu kerajaan nasional di Indonesia yang menjunjung tinggi kedaulatan bangsa Indonesia. Pandangan politik luar negerinya adalah anti-kolonialisme, cinta perdamaian dan mengembangkan hubungan persahabatan dengan negara lain di dunia. Dari segi kekuatan sosial politik yang mendukungnya, Aceh bukan kerajaan yang dikuasai oleh raja obsolut melainkan negeri yang didukung oleh

deferasi sekian banyak kekuasaan besar dan kecil yang menempatkan sultan sebagai Kepala Negara. Rakyat Aceh adalah pribadi-pribadi Muslim yang taat yang menjunjung tinggi pemerintahan seimbang dengan kebebasan pribadi dalam membelakangkan kebenaran dan keadilan.

Pada saat-saat pecahnya Perang Aceh, seluruh kekuatan itu telah siap dikonsolidasikan oleh Sultan Alaidin Ibrahim Mansyur Syah menjadi kekuatan besar yang bangkit kembali menentang kekuasaan kolonial. Kekuasaan pemerintahan pusat telah diciptakan dengan keseimbangan yang serasi dengan kekuasaan kepala-kepala daerah sampai tingkat pedesaan yang didukung oleh para bangsawan dan ulama sebagai inti aparat pemerintah.

Dalam situasi demikianlah Belanda datang ke Aceh dengan kekuatan bersenjata dan menyampaikan ultimatum, agar Aceh mengakui kedaulatan Belanda. Ultimatum itu disampaikan kepada Sultan dan minta jawapan berbilang jam. Rupanya bagi pandangan Belanda pengertian Aceh adalah Sultan Aceh yang duduk di singgahsana. Belanda benar-benar tidak faham tentang Aceh yang dihadapinya pada tahun 1873. Menerima ultimatum yang demikian itu fikiran Sultan Aceh, Sultan Alaidin Mahmud Syah (1870-1874) tentu saja bukan terarah kepada kapal-kapal perang Belanda yang sedang mengancam. Baginda menyedari betul betapa kecilnya wewenang yang ada di tangan baginda untuk memutuskan hal yang sepeenting itu. Di hadapan baginda terbayang kebulatan tekad seluruh rakyat yang siap membela kedaulatan Aceh. Kedaulatan itu sudah ada di tangan seluruh rakyat dari segala lapisan. Oleh sebab itu jawapan Sultan dalam surat baginda kepada Nieuwen Huyzen sungguh tepat sekali. "..... Sedikitpun tidak ada tumbuh keinginan untuk merubah hubungan persahabatan yang sudah ada".

Sultan pun maklum, jika baginda menandatangani penyerahan itu, tentu baginda boleh terus memerintah negeri. Belanda tentu dengan segala senang hati membicarakan kontrak-kontrak perjanjian yang akan disetujui bersama. Malahan dalam beslit yang ada di tangan Komisaris Tinggi Nieuwen Huyzen ditegaskan, bahawa pemerintahan Hindia

Belanda belum berniat membangun benteng di Aceh.¹³

Baik juga kita perhitungkan bentuk hubungan yang bagaimana kira-kira yang dikehendaki Belanda dengan Aceh, sekiranya Sultan mengisyaratkan kesediaanya memenuhi ultimatum Belanda itu. Pada waktu itu negeri Belanda adalah sebuah kerajaan konstitusional, dan menurut konstitusi negeri Belanda yang berlaku sejak tahun 1848, iaitu konstitusi 1848 Fasal 50 dan 60, ditentukan bahawa *Regereingsreglement*, sistem monitor dan cara mengurus dan mempertanggungjawabkan kewangan koloni harus ditetapkan dengan wet, sedang tiap-tiap hal dalam lain dari koloni-koloni itu boleh diatur dengan wet. *Opperbestuut* atas koloni-koloni tetap dikendalikan oleh raja itu dibatasi, dan kekuasaan mengurus ditempatkan di bawah pengawasan Staten General. Berdasarkan konstitusi itu ditetapkanlah *Regeringsreglement* yang baru untuk Hindia Belanda yang mulai berlaku 1 Mei 1855. Di dalamnya diatur hubungan antara kekuasaan Kroon dalam hubungannya dengan Staten General dan juga hubungan antara Gubenor Jeneral dengan Raan Van Indie.¹⁴

Berdasarkan ketentuan itu, pernah dibuat perjanjian antara pemerintahan Hindia Belanda dengan Aceh pada tahun 1857 yang berisi berbagai-bagai kerjasama perdagangan dan kerjasama keamanan yang kedudukannya sama dengan dua negara yang bersahabat. Perjanjian itu disahkan oleh Gubenor Jeneral Hindia Belanda dan kemudian juga mendapat pengesahan Staten General. Kenyataan kemudian, bahawa sesudah berjalan 16 tahun, pemerintahan Hindia Belanda atas persetujuan Menteri Jajahan yang waktu itu dipangku oleh Fransen van De Putte bermaksud mengadakan hubungan baru dengan tujuan memperkuat kedudukan di Aceh dalam bentuk yang lebih baik bagi pemerintahan Hindia Belanda. Menurut *Regeringsreglement* 1855 itu telah diatur berbagai-bagai hubungan dengan negeri-negeri di Indonesia yang dapat dikategorikan atas tiga tingkatan, iaitu:

1. Negeri yang diperintah langsung (*Diret Bestuurd Gebied*, *Gouvernementsgebied*), iaitu Batavia dan sekitarnya, serta beberapa kota besar di Indonesia.

2. Kerajaan-kerajaan Indonesia yang dimasukkan ke dalam wilayah Hindia Belanda berdasarkan kontrak-kontrak politik antara Gubernur Jeneral adalah mewakili Raja Belanda. Daerah seperti ini adalah daerah yang diperintahi secara tidak langsung (*Indirect Bestuur Gebied, Landschapsgebied*).
3. Daerah-daerah yang dipengaruhi, iaitu kerajaan-kerajaan yang mengakui kedaulatan Raja Belanda dalam hubungan internasional berdasarkan perjanjian internasional atau perjanjian lainnya.

Dari ketiga bentuk itu Belanda sendiri mengakui bahawa tidak ada kejelasan bentuk hubungan antara Aceh dengan Hindia Belanda (maksudnya tidak termasuk ke dalam salah satu hubungan yang tersebut di atas). Oleh itu Belanda meminta Sultan agar Aceh mengakui kedaulatan Raja Belanda, sehingga jika itu dituruti, maka kedudukan Aceh akan sama dengan "Kerajaan yang dipengaruhi", di mana *Koningrijk der Nederlanden* diakui *de jure* dalam pergaulan internasional antara Aceh dengan negeri-negeri lain.

Satu kenyataan sejarah, bahawa sesudah Perjanjian 1857 itu tidak ada lagi bentuk pembaharuan hubungan antara Aceh dengan Hindia Belanda. Ini bererti bahawa Aceh tidak mengakui adanya perubahan-perubahan yang diperbuat pemerintah Hindia Belanda di daerah kedaulatannya, termasuk perjanjian-perjanjian yang kelak dibuat di Hindia Belanda dengan para *uleebalang* yang disebut "Plakat Pendek". Dari sini dapat dibuktikan bahawa Sultan tidak pernah melakukan perubahan perjanjian dengan Hindia Belanda, apalagi penyerahan kedaulatan atau penyerahan Aceh kepada Belanda tidak pernah ditandatangani oleh Sultan."

Penyataan yang menetapkan seluruh Belanda sebagai daerah yang langsung diperintahi Hindia Belanda tidak terbukti, sedang hubungan baru yang diperbuat Belanda dengan para *uleebalang* yang menandatangani "Plakat Pendek" tidak menjadi jaminan bahawa Aceh menyerahkan kedaulatan kepada Belanda. Baik di dalam wilayah *landschap*

yang diperintahi *uleebalang* yang terikat dengan pemerintah Hindia Belanda, mahupun di seluruh wilayah lainnya perlawanan terus berlangsung sampai akhir pemerintahan Hindia Belanda tahun 1942 di Indonesia.

Untuk melengkapikan makalah ini, ada manfaatnya kalau diangkat kembali hasil *Seminar Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh*, yang berlangsung di Kuala Simpang, Aceh Timur, 10-16 Julai 1978. Kesimpulan seminar tersebut adalah seperti berikut:

Bismillahirrahmanirrahim

Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh yang diselenggarakan oleh Majlis Ulama Propinsi Daerah Istimewa Aceh dari tanggal 10-16 Julai 1978 di Banda Aceh sesudah:

A. Mendengar:

1. Pidato Pengarahan Gubenor Kepala Daerah Istimewa Aceh,
2. Pidato Pengarahan Panglima Kodam I/Iskandarmuda,
3. Khutbah Iftitah Ketua Majlis Ulama Daerah Istimewa Aceh.

B. Membaca dan Membahas :

1. Prasarana-prasarana yang disampaikan oleh:
 - a. Drs. Zakaria Ahmad : Sejarah Aceh Sebelum Islam.
 - b. H. Muhammad Said : Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Aceh.
 - c. Drs. H. Ismuha, SH : Sejarah Perkembangan Pendidikan Agama Di Aceh.
 - d. Prof. A. Hasjmy : Sejarah Pemerintahan Selama Berdirinya Kerajaan-kerajaan Islam
 - e. Drs. M. Thamrin Z : Sejarah Hubungan Adat Dan Islam di Aceh.

- f. Dr. Lance Castles : Ekonomi Dan Kewangan Di Kerajaan Aceh Darussalam.
- g. Prof. Dr. Ibrahim Hasan, MBA. : Masalah Ekonomi Dan Perdagangan Di Kerajaan Aceh Bandar Darussalam.
- h. TWK. A. Jalil : Sejarah Militer (Hankam) Dalam Kerajaan Aceh Bandar Darussalam.
- i. Tgk. H. Ainulmardhiah Ali : Wanita Aceh Sepanjang Sejarah.
- j. Drs. Syamsuddin : Sejarah Perkembangan Seni Budaya Di Aceh.

2. Bandingan-bandingan utama daripada: M. Rizal, SH., M. Thalib Husin, SH., Drs. A. Fattah, Drs. Anas Mahmud, Mohammad Arifin Amin, Tgk. M. Amin Teupin Raya, Drs. Abidin Hasyim, MA., Tgk. Hamzah Yusuf, T.M. Amin, Drs. Tgk. Sulaiman Jalil, Drs. Ibrahim Alfian, MA., Mayor Sahlan Saidi, BA., Drs. Nurhayati, Asiah Bersah, SH., Drs. Alamsyah B., T. Ali Basyah Talsya, Drs. Araby Ahmad, Drs. Syarifah Hanoum dan T. Nasruddin.

3. Bandingan-bandingan spontan daripada peserta dan peninjauan Seminar.

C. Menimbang:

1. Bahawa untuk lebih menghayati dalam pengamalan Pancasila, perlu digali kebudayaan Indonesia yang masih terpendam.
2. Bahawa *Seminar Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Aceh* adalah salah satu usaha mencapai maksud tersebut di atas.

D. Menyimpulkan:

1. Masih banyak bahan sejarah yang harus dikumpulkan dan diteliti sehubungan dengan masuk dan berkembangnya Islam di Aceh.
2. Bahan-bahan yang telah dapat diungkapkan terhimpun dalam prasarana-prasarana, bandingan-bandingan serta diskusi-diskusi dalam seminar ini. Pokok-pokok penting daripada bahan-bahan tersebut sesudah dikumpulkan adalah sebagai berikut:
 - i Sebelum Islam masuk, sudah ada kerajaan-kerajaan di Aceh, antaranya Lamuri dan kerajaan-kerajaan lain yang tersebut dalam sumber asing.
 - ii Pada masa kerajaan Lamuri telah tercipta hubungan diplomatik dengan luar negeri terutama dengan Cina dan India.
 - iii Perdagangan sudah berkembang dengan berbagai-bagai negeri sejak abad ke-I Masehi, kerana letaknya strategis di jalan dagang international.
 - iv Penghidupan masyarakat adalah bertani, berternak, nelayan, berdagang dan lain-lain.
 - v Pada abad pertama Hijriah Islam sudah masuk di Aceh.
 - vi Kerajaan-kerajaan Islam yang pertama adalah Perlak, Lamuri dan Pasai.
 - vii Islam berkembang di Aceh melalui cara hikmah kebijaksanaan.
 - viii Perkembangan agama Islam bertambah pesat pada masa Kerajaan Pasai sehingga menjadi pusat studi Agama Islam di kawasan Asia Tenggara.

- ix Pendidikan Islam pada mula-mula berlangsung secara informal.
- x Sesudah masyarakat Islam terbentuk, dibangun lembaga-lembaga pendidikan terdiri daripada: meunasah, masjid, rangkang dan dayah (Dayah Tgk. Chik adalah Lembaga Pendidikan Tinggi). Pada Lembaga Pendidikan Tinggi selain diajarkan ilmu agama juga ilmu pengetahuan lainnya seperti sejarah, ilmu bumi, ilmu perang, ilmu siasat, kewangan, pertanian, ilmu bintang dan sebagainya.
- xi Dalam pengembangan pendidikan Islam diperoleh dukungan dan bantuan pimpinan kerajaan (Sultan, Panglima Sagoe, *Uleebalang* dan lain-lain).
- xii Sejak permulaan abad XX berkembang pula sistem pendidikan moden di sekolah-sekolah agama di Aceh.
- xiii Sejak zaman Kerajaan Peureulak dan Pasai struktur dan sistem pemerintahan sudah teratur.
- xiv Dasar pemerintahan Kerajaan Peureulak, Pasai, dan Kerajaan Aceh Darussalam, adalah Islam dengan sumber hukumnya quran, hadis, ijmak dan qias.
- xv Struktur dan sistem pemerintahan bertambah baik pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda.
- xvi Adat yang berkembang di Aceh sesudah Islam masuk, disesuaikan dengan ajaran dan kebudayaan Islam.
- xvii Adat di Aceh mendukung terlaksananya ajaran Islam.
- xviii Adat Aceh dengan hukum Islam sukar dipisahkan.

- xix Perdagangan sejak berdirinya Kerajaan Islam di Aceh sampai dengan masa pemerintahan Iskandar muda terus-menerus mengalami kemajuan pesat dan sesudah itu adakalanya mundur.
- xx Barang-barang yang diperdagangkan selain bahan pangan juga eskport; kapur barus, cula badak, gading, emas, lada, pinang, damar, rotan dan sebagainya.
- xxi Produksi dalam negeri yang berhubungan dengan keperluan hidup sehari-hari dan persenjataan sudah berkembang.
- xxii Sumber utama kekayaan negara adalah pertanian, perladangan eksploitasi hasil tambang, hasil hutan, hasil laut dan cukai.
- xxiii Sejak zaman Pasai sudah dikeluarkan mata wang yang dibuat dari emas, perak dan tembaga.
- xxiv Sejak masa Sultan Alaidin Ri'ayat Syah Al-Qahhar angkatan perang Aceh sudah diatur baik dan memiliki persenjataan yang tangguh baik angkatan darat, lebih-lebih angkatan laut.
- xxv Wanita-wanita Aceh sepanjang sejarah sesudah masuknya Islam di Aceh telah memegang peranan penting dalam berbagai aspek kehidupan sesuai dengan tuntutan Islam.
- xxvi Pada masa-masa tertentu beberapa wanita Aceh telah memperoleh kesempatan menduduki jabatan-jabatan penting dalam pemerintahan seperti menjadi ratu, laksamana dan *Uleebalang*.

- xxvii Wanita-wanita Aceh juga aktif dalam bidang pendidikan dan medan pertempuran.
- xxviii Rakyat Aceh sudah memiliki seni budaya yang tinggi sejak Islam masuk terutama dalam bidang seni sastra dan seni ukir.
- xxix Pertumbuhan dan perkembangan seni budaya dalam Kerajaan Aceh sesuai dengan tuntutan Islam.

Panitia Perumus

<i>Ketua</i>	:	H. Mohammad Said
<i>Wkl. Ketua</i>	:	Prof. A. Hasjmy
<i>Sekretaris</i>	:	Drs. M. Thamrin Z
<i>Wkl. Sekretaris</i>	:	Drs. Muhammad Ibrahim
<i>Wkl. Sekretaris</i>	:	H. Abdullah Adq

Anggota :

1. Drs. Zakaria Ahmad
2. Drs. H. Ismuha, SH
3. Prof. Dr. Ibrahim Hasan MBA
4. Twk. A Jalil
5. Drs. T. Syamsuddin
6. Drs. Anas Makhmud
7. Drs. Nazief Khatib
8. Tgk. Ainalmardhiah Ali
9. Drs. Syarifah Hanoum
10. Drs. Nurhayati

Catatan Kaki


1. Muhammad Said, *Aceh Sepanjang Abad*, hlm. 389-400. Ismail Jakob, *Teungku Tjihik Di Tiro* hlm. 15-16.
2. Muhammad Said, *Aceh Sepanjang Abad* hlm. 397.
3. *Ibid*, hlm. 395-396.
4. *Ibid*, hlm. 401-425. Ismail Jakob, *Tengku Tjihik di Tiro* hlm. 15-18. Abdullah Arif, *Srikandi Tjut Nyak Dhien* hlm. 10-11. Hazil, *Teuku Umar dan Tjut Nyak Dhien* hlm. 11-15. Anthony Reid, *The Contest for North Sumatera* hlm. 15-155.
5. Yang dimaksud dengan Ainul Mardiyah ialah ratu dari bidadari syurga, menurut hikayat ini, disediakan Allah untuk orang-orang yang syahid dalam peperangan di jalan Allah.
6. *Al-Baqarah*: 154 yang terjemahannya: "Jangan kamu katakan mati terhadap orang-orang yang terbunuh di jalan Allah, bahkan pada hakikatnya mereka hidup, tetapi kami tidak merasa."
7. *Ali Imran*: 157 yang terjemahannya: "Dan kalau terbunuh di Jalan Allah atau meninggal, sesungguhnya ampunan dan rahmat Allah itu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkannya."
8. *Ali Imran*: 169-170.
9. Yang dimaksud dengan "kafir harbi" dalam sajak tertulis "harbi kafir", iaitu orang-orang kafir yang dalam keadaan perang dengan kaum Muslimin, di mana Allah dalam keadaan demikian telah mengizinkan berperang bagi kaum Muslimin, seperti tersurat dalam surat *Al Haj*: 39 yang terjemahannya: "Telah diizinkan berperang kepada kaum Muslimin yang teraniya kerana diserang oleh orang kafir, dan sesungguhnya Allah sanggup membantu mereka."
10. *Al-Baqarah* : 261-16, yang terjemahannya: "Perumpamaan orang-orang yang mendermakan harta kekayaan di jalan Allah, laksana sebiji benih yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, di setiap tangkai tujuh buah, dan Allah akan melipatgandakan pahala bagi orang-orang yang dikehendaknya, dan Allah Maha Pemudah dan Maha Mengetahui. Orang-orang yang mendermakan hartanya dari jalan Allah, lantas pemberiannya itu tidak diiringinya dengan kebanggaan

dan cercaan, mereka akan memperoleh pahala di sisi Tuhannya, dan mereka tidak akan terancam dan tidak akan berdukacita.”

11. *Al-Hajj*: 39, yang terjemahannya: “Izin berperang telah diberi kepada kaum Muslimin yang teraniaya, dan sesungguhnya Allah sanggup membantu mereka, yaitu mereka yang diusir dari tanah airnya dengan sewenang-wenang, kecuali hanya mereka berkata: Tuhan kami Allah”, dan *Al-Baqarah*: 190-191, yang terjemahannya: “Berperanglah di jalan Allah (Perang Sabil) untuk melawan mereka yang memerangi kamu, dan jangan melakukan kekejaman, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kejam. Bunuhlah mereka di mana saja kamu jumpainya, dan usirlah mereka seperti halnya mereka telah mengusir kamu, dan fitnah itu lebih berbahaya daripada perang...”
12. Badar adalah suatu tempat yang terkenal dengan mata airnya, terletak antara Mekah dan Madinah di bawah Lembah Kuning. Perang Badar Kubra adalah peperangan besar pertama di bawah pimpinan Rasul, di mana tentara Islam mendapat kemenangan gemilang.
13. Kutipan beslit itu dapat dibaca dalam buku Mohammad Said, *Aceh Sepanjang Abad*, Waspada, Medan, 1981, hlm. 721 dan seterusnya.
14. G.J. Wolhff, *Pengantar Ilmu Humum Tata Negara Republik Indonesia*, Timun Mas, Jakarta, 1951, hlm. 53.
15. Pelajari juga prasaran Prof. A. Hasjmy dalam *Seminar Sejarah Perjuangan Aceh Sejak 1873 s/d Kemerdekaan Indonesia* yang dilaksanakan di Medan, 1976, hlm. 22-29. Prasaran itu berjudul “Peranan Agama Islam dalam Perang Aceh dan Perjuangan Kemerdekaan”. Kenyataan sejarah yang penting artinya ialah bahawa Sultan yang berada dalam tawanan Belanda tetap mengadakan perlawanan dengan mencuba membuat hubungan dengan Kaisar Jepun. Walaupun hubungan itu tidak ada hasilnya secara fizikal, tetapi politis hal itu tidak ada hasilnya secara fizikal, tetapi politis hal itu bererti bahawa Sultan tidak mengakui kedaulatan Belanda atas Aceh dan pembuangan Sultan ke Ambon tahun 1907, kemudian 1918 dipindahkan ke Betawi, adalah bukti sejarah yang paling berharga, bahawa Sultan tidak pernah mengakui kedaulatan Belanda.



Ekonomi



KERJASAMA EKONOMI: MENJADIKAN SELAT MELAKA HALAMAN BERMAIN ANAK SERANTAU

*Drs. H. Rustam S. Abrus**

Pendahuluan

KESEPAKATAN umum dalam perencanaan pembangunan mengiktirafkan bahawa, "masa depan tidak bisa diramal, tetapi dapat diciptakan" (Twain, 1987). Mengacu pada pakatan ini, kawasan negara-negara "Melayu induk" yang terbentang dari sayap kanan (Lautan Teduh) hingga ke sayap kiri (Lautan Hindi), dapat dijadikan kawasan uji coba dalam skala besar untuk mencipta sekaligus membina masa depan bangsa dan negara-negara Melayu induk, untuk memasuki masa depan. Untuk itu telah banyak keputusan dibuat, kajian-kajian akademik dilakukan sebagai upaya menyusun skenario memasuki milenium ketiga secara lebih pasti dan terkendali.

Negeri Melayu Induk yang saat ini menjelma menjadi negara-negara moden mencakupi Indonesia, Malaysia, Brunei dan Filipina, memperlihatkan kemajuan dalam sektor pertumbuhan ekonomi dan kerjasama serantau melalui payung ASEAN yang terkenal relatif stabil

* Beliau adalah Wakil Gubernur Probenasi Riau dan Ketua Dewan Kesenian Riau.

dalam politik.

Kita akui, "kelembagaan" kerjasama yang berskala kaukus atau serantau di dunia ini memperlihatkan wajah dan temperamen yang berbeda satu sama lain. Di anak benua India, ada kaukus kerjasama negara-negara Asia Selatan, demikian pula halnya dengan forum kerjasama bekas Republik Uni Soviet, kerjasama negara-negara Afrika dalam perhimpunan OAU dan seterusnya. Model kerjasama ini diikat oleh aspek kedekatan geografis (*geographical proximity*). Sementara itu, terdapat pula forum kerjasama berdasarkan semangat dan kesamaan "iman" seperti (O)rganisasi (K)onferensi (I)slam; serumpun geneologis seperti Daratan Tiongkok dengan Cina seberang lautan; berdasarkan kejayaan pencapaian pertumbuhan dan industri (G-7, D-8) dan sebagainya.

Di antara sekian banyak model kerjasama serantau itu, ASEAN boleh disebut sebagai "lembaga" kerjasama ekonomi yang terdepan, baik dari segi pelaburan modal, kemakmuran, daya beli, dokongan infrastruktur dan kestabilan politik dan keamanan. Yang perlu mendapat catatan khusus dari "kaukus" kerjasama ini adalah, negeri-negeri Melayu menjadi "nuklear" atau inti sistem dinamo pertumbuhan dan perkembangan di bawah payung ASEAN. Dengan kata lain, kafilah Melayu berada pada barisan terdepan di lingkungan regional Asia Tenggara. Namun, sejauh ini, model kerjasama ini belum begitu menyentuh sfera sosiologis masyarakat bawah yang menjadi koridor terdepan dalam sistem pertahanan-keamanan, mahupun dalam lapis geostrategis negara-negara Melayu induk. Dengan demikian, dapat pula dikatakan bahawa, dari sisi geoekonomi, wajah terdepan negara-negara rantau Melayu belum mampu mengorak langkah yang lebih jauh dan berani bagi pembangunan kawasan pedesaan pantai khususnya, dan kawasan sempadan pada umumnya.

Dari segi lain, milenium ketiga menuntut kemampuan yang tinggi dalam persaingan dan keunggulan, baik dalam kancah kerjasama, mahupun dalam kancah "konflik" yang mengarah pada sudut keuntungan. Sebuah kerjasama yang dibangun berdasarkan asas kesamaan alur sejarah, kesamaan rumpun budaya, kohesi sosial, dan dialektika sejarah ekonomi masa lalu, pada suatu ketika akan berbenturan pada model "konfliktif" yang tajam. Hal ini disebabkan oleh kenyataan yang termuat

dalam kerjasama itu sendiri, yang mengikutkan angkubah “saling menguntungkan”. Angkubah inilah yang menjadi picu persaingan yang mengarah pada model konflik kerjasama yang bersifat “autis” jenis konflik yang tidak dapat dilihat oleh pihak ketiga, tetapi dirasakan oleh kedua-dua belah pihak yang menjalin kerjasama.

Setakat ini, kerjasama yang terbina di kawasan serantau terutama di antara negara Melayu induk mengalami model konflik autistik. Saya melihat, terjalin ulur tarik yang tidak berkesudahan di antara Malaysia dengan Indonesia. Kita tidak hendak jumud dan beku sampai pada tahap ini.

Beberapa Model Kerjasama

Sehabis Perang Dingin yang didorong oleh keinginan untuk memperluas pengaruh sfera ideologi — komunis (Timur) dan kapitalis (Barat), dunia memasuki tahap baru yang mengarah pada model kerjasama serantau. Salah satu pendorong yang menjadi motivasi besar dalam model kerjasama ini ialah pencapaian-pencapaian yang dihasilkan atau diperlihatkan melalui kerjasama negara-negara Eropah (Barat) yang berada dalam kondisi serba stabil dan dinamis. Trauma dan phobia masa lalu yang membayangi Eropah — tragedi Perang Dunia I dan II, beralih menjadi energi, kuasa dan sistem dinamo yang berwajah gergasi.

Khusus kawasan Asia, ASEAN menjadi pendorong utama dan sekaligus tempat merujuk yang paling manis dan dinamis. Pada awal 80-an, muncul kesedaran untuk membuat sebuah rakitan “kerjasama” yang mengacu pada kawasan serantau (blok). Melalui kerangka ini, persoalan yang selama ini menjadi momok seperti pengeluaran komoditi, segmen pembeli dan perputaran wang, dapat diatur dan dipercepat dalam sebuah kawasan dinamis, diatur sedemikian rupa sehingga menjadi energi yang saling menguntungkan. Melalui kerjasama ekonomi yang saling menguntungkan, kestabilan politik dan ketahanan budaya akan terpelihara dan terbina, siap melintas masa yang panjang.

Dari sini merecup model kerjasama yang mengacu pada acuan blok seperti AFTA, NAFTA, EU, Asia Selatan, Blok Negara Afrika, Blok Amerika Latin, masuk ke tenggara Asia menjadi ASEAN, dipersempit untuk beberapa kawasan subregional menjadi SIJORI, IMS-GT, IMT-GT,

dan BIMP-EAGA. Khusus untuk kerjasama serantau (negara-negara Melayu induk), dinamika kerjasama ini berada pada hujung tombak yang selanjutnya dapat kita sebut sebagai kawasan pintu depan, pintu samping dan pintu belakang dari masing-masing negara (Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina dan Thailand).

Diharapkan dengan model ini, terjadi difusi atau "perayaan kesejahteraan" sebagai dampak daripada kerjasama tadi, ke titik tengah dari sebuah negara — untuk konteks Indonesia adalah pulau Jawa. Hal ini sejalan pula dengan konsep ruang pertahanan negara. Melalui sisi "pintu" yang kuatlah pertahanan dan ketahanan negara akan terjamin. Untuk mengukuhkan "pintu-pintu" itu, hanya dapat dilakukan melalui "penguatan" atau penguatan (*empowering*) ekonomi masyarakat yang berada di sekitar sempadan atau kawasan penyangga sempadan.

Jika tidak, kawasan ini akan menjadi kantung yang teramat rawan bagi pembangunan serantau. Di sinilah cikal bakal gerakan pemisahan dan gerakan bawah tanah akan muncul. Kesannya terjadi pemandangan terbalik di kawasan yang diimpikan stabil ini. Turun naik dan jatuh bangun hubungan negara bertetangga sebagaimana halnya yang pernah dialami di antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan pengaruh tatadunia yang pada suatu masa pernah dibayangi oleh ketakutan bahaya *imprealisme*, menjadikan romantika hubungan antara negara serantau berwajah suram dan penuh kecurigaan. Pendekatan keamanan diperkuat dan diperkukuh dalam jalinan kerjasama serantau. Namun, era ini mengalami transformasi yang secara perlahan dari model kerjasama politik-keamanan (yang saling curiga), menjadi hubungan kerjasama yang saling menguntungkan (dalam hal ini kerjasama ekonomi).

Khusus berhubung kerjasama ekonomi kawasan serantau (dalam hal ini kes Riau), dapat dipaparkan beberapa model kerjasama yang melibatkan posisi geografis, geostrategis, geopolitis, dan geoeconomis daerah Riau secara langsung (pelaburan di Batam, SIJORI, IMS-GT) dan secara tidak langsung dalam hal ini Riau menjadi provinsi pendukung dalam kerjasama lingkup IMT-GT dan BIMP-EAGA.

Setakat ini kerjasama serantau yang paling banyak menanamkan pelaburan di daerah Riau-Indonesia adalah kawasan otorita Batam. Namun faedah untuk kesejahteraan ekonomi rakyat kecil masih belum begitu besar. Untuk itulah model kerjasama dan penanaman pelaburan

yang bakal masuk ke daerah Riau, akan dikira melalui perhitungan daya faedahnya kepada masyarakat di sekitar sempadan. Inilah makna kerjasama ekonomi serantau: memberdaya ekonomi kawasan yang berdekatan, bukan sebaliknya.

Khusus untuk kemudahan mobiliti ruang (*spatial mobility*) yang mencakupi mobiliti orang dan barang, telah ditempuh beberapa kebijakan yang mencakupi aspek perundangan dan kemudahan asas selama rentang waktu 1995-1996 di wilayah kerjasama IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA seperti:

1. *Memorandum of Understanding* bilateral dan multilateral yang telah disepakati sebanyak dua buah.
2. *Memorandum of Understanding* operasional (KST, KSU) sebanyak 14 buah dan dengan jumlah nilai pelaburan sebesar Rp. 9.5 triliun.
3. Deregulasi yang memberi kemudahan mobilitis ruang bagi gerakan manusia dalam lintas batas melalui kebijakan bebas fizikal untuk kawasan-kawasan tertentu sesuai dengan lanskap wilayah kerjasama dan lain-lain.
4. Kepastian hukum; dalam bentuk Persatuan Daerah, Keputusan Presiden, Peraturan Pemerintah dan lain-lain.

Pertemuan tingkat Menteri pertama (*The First Ministerial Meeting*) di antara Indonesia-Malaysia-Singapura di Bukit Tinggi Sumatera Barat pada awal Mac 1997 semakin mengukuhkan model kerjasama IMS-GT dan merupakan sebuah alternatif yang tidak dapat ditawar-tawar lagi. Pertemuan Bukit Tinggi berhasil menganyam kekuatan kerjasama bidang ekonomi dalam bentuk Kelompok Kerja (*Working Group*) yang dibentuk berdasarkan *Senior Official Meeting (SOM) of the IMS-GT* yang terdiri daripada:

1. Working Group on Infrastructure (Indonesia).
2. Working Group on Services (Indonesia).
3. Working Group on Agriculture and Natural Resources (Malaysia).

4. Working Group on Human Resources Development and People Mobility (Malaysia).
5. Working Group on Tourism (Singapore).
6. Working Group on Industry (Singapore).

Working Group On Services

Working Group on Services dimaksudkan sebagai usaha memantapkan kerjasama ekonomi subregional dalam bidang perkhidmatan, sehingga akan tercipta format pembangunan bidang (pelayaran) yang mampu memasuki perkembangan ekonomi ASEAN secara komprehensif, integratif, baik saat ini, masa depan maupun dalam menghadapi era pasaran bebas. Untuk memudahkan operasionalisasi *Working Group* ini, telah disepakati oleh pihak Indonesia lingkup susunan *Working Group* menjadi:

1. Perkhidmatan Perdagangan.
2. Perkhidmatan Kewangan dan Perbankan.
3. Perkhidmatan Konstruksi dan Bangunan.
4. Perkhidmatan Perumahan. dan lain-lain yang terikat dengan bidang perkhidmatan.

Kegiatan yang termasuk dalam bidang perkhidmatan yang diusulkan mencakup:

1. Pengembangan dunia usaha melalui pola kemitraan.
2. Kerjasama di bidang kepabeanan.
3. Sistem tarif beberapa komoditi utama.
4. Kerjasama di bidang kewangan dan perbankan.
5. Penataan sistem pemerintahan menyongsong era globalisasi dan era perdagangan bebas.
6. Pengembangan sistem informasi pengurusan pembangunan.
7. Kerjasama di bidang kesulitan dan perkhidmatan perdagangan dan kewangan.
8. Kerjasama di bidang keimigrasian, dan
10. Kerjasama lintas batas perdagangan.

Setiap kegiatan yang terdiri atas beberapa projek yang disepakati akan dapat dilaksanakan secara nyata, sesuai dengan potensi dan kondisi

masing-masing negara dalam *Working Group*. Realisasi kerjasama dalam *Working Group* ini amat tergantung pada kemampuan mengisi peluang dan mengubah cabaran menjadi energi berkuasa tinggi. Untuk itu perlu dipertimbangkan beberapa pertimbangan yang mengarah pada faktor penyokong dan penghambat yang bakal menyeruak dalam realisasi kerjasama ekonomi tersebut. Berikut, akan diurutkan beberapa faktor pendokong (penyokong) dan masalah realisasi daripada *Working Group* tadi.

A. Faktor Pendukung

1. Semangat ASEAN.
2. Kedekatan wilayah yang strategis dalam kancah perdagangan dunia.
3. Memanfaatkan status NIC's Singapura secara maksimum.
4. Aspek sosiobudaya dan alur sejarah yang telah terbentang selama ini.
5. Hubungan perdagangan secara historis, baik yang tradisional mahupun profesional-modern yang telah terjalin selama ini.
6. Kesepakatan historis dalam pembentukan IMS-GT, IMT-GT selama ini dan EAGA-BIMP.

B. Faktor Penghambat

1. Tingkat pertumbuhan ekonomi dan pendapatan perkapita penduduk masing-masing negara yang berbeza dan senjang, bahkan ada yang sangat tinggi.
2. Orientasi pendekatan sistem pemerintahan yang berbeza antara masing-masing negara.
3. Perbezaan dalam daya saing beberapa komoditi utama antara masing-masing negara.

Soal Lintas Batas Perdagangan

Secara ideal, semua bentuk kerjasama yang telah dibentuk dan disepakati oleh masing-masing negara memiliki satu matlamat, iaitu kesejahteraan serantau. Namun, kerana terdapat perbezaan dalam aspek; luas wilayah, kontur demografis, konfigurasi pendapatan perkapita, ekonomi secara nasional, maka keadaan ini memberi sumbangan yang bererti terhadap

laju atau lambatnyarealisasi dan pencapaian matlamat itu sendiri. Ketika berkaca pada keperkasaan kaum Cina dalam menata ekonomi, segala kemampuan dan potensi, mereka kerahkan demi memenuhi instink *homo economicus*. Salah satu potensi yang digunakan dengan baik itu ialah pemanfaatan energi (sinergy) perantau China untuk memindahkan segala bentuk modal bagi penyejahteraan kawasan yang sering disebut dengan "dragon area". Kawasan ini, dalam *etos* dan *nomos* ekonomi yang dikenal dengan julukan "dragonism" (mencakup tanah besar Cina, Taiwan, Hong Kong, dan Singapura).

Ketika memperbincangkan kawasan serantau, istilah ini harus ditakrifkan sebagai antonim (lawan) daripada istilah "dragon area". Melalui pentakrifan ini, hendak didudukkan beberapa persoalan dasar dalam upaya mengungkit kaum Melayu serantau yang bermastautin di sekitar cekung Melaka untuk menjadi sebuah dinamo raksasa; menjadi rujukan dan mampu memencarkan keperkasaannya ke wilayah timur kepulauan Nusantara (Melayu). Dengan istilah ini, kita hendak meletakkan posisi selat Melaka sebagai "corong" masuk menuju kepulauan Melayu berukuran benua samudera ini. Dan di sekitar "corong" ini pula persoalan-persoalan runyam yang berkait dengan perdagangan lintas batas tradisional bagi masyarakat kecil hendak diangkat.

Terdapat dua kawasan sempadan "kering" (darat) yang menjilat langsung bibir kawasan Malaysia yang dimiliki Indonesia; Kalimantan Barat-Sarawak dan Kalimantan Timur-Sabah. Sedangkan sempadan "basah" (air) adalah sepanjang bantaran pantai timur provinsi Riau dan gugusan kepulauannya yang berhadapan langsung dengan Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura.

Dalam kesempatan ini, saya akan membahas dampak kerjasama ekonomi serantau dan makna perdagangan lintas batas tradisional bagi masyarakat di kecamatan yang berbatasan langsung dengan Semenanjung Malaysia. Sewaktu ditarik garis lurus sepanjang pantai timur Riau, titik paling utara (kabupaten Bengkalis), seluruh wajah Riau berdepan dengan wajah empat kerajaan negeri di Malaysia (Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor). Dalam hal ini, Selat Melaka tidak lebih daripada "laman" (halaman) bermain bagi orang Riau dan Semenanjung. Persepsi ini sudah lama tertanam dalam peta kognitif masyarakat pesisir pantai ini. Sewaktu kolonial menjajah kedua-dua negeri ini merupakan

masa-masa yang paling romantis dijalani kedua-duanya. Bagi orang Riau saat itu, mereka bertindak selaku pengeluar sekaligus pelaku pasar. Empat sungai besar di Riau (Indragiri, Kampar, Siak dan Rokan) mendendang alur cerita serba romantis tentang keperkasaan nenek moyang orang Riau yang menyeberang menghantar barang dan dagangan ke Singapura dan Tanah Semenanjung. Barang dagangan itu dipetik mereka dari kebun sendiri, diolah bersama orang sekampung, kemudian terjadilah perdagangan kulak. Gerakan manusia dan barang ketika itu, menjadi lanjutan kasih sayang serumpun, jalinan hubungan darah dan tradisi. Keromantikan ini berlanjut terus hingga meletup pada sumbu konfrontasi Malaysia-Indonesia. Grafik masa-masa romantis itu kian menurun, dan hilang dari permukaan sejarah.

Secara numerik, di sepanjang pantai timur Riau dan gugus kepulauannya, terdapat sebanyak 225 buah desa (jika dimaksudkan dengan angka desa pemekaran menjadi sejumlah 232 buah desa). Seluruh desa ini berhadapan langsung dengan empat negeri Bahagian di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini, apabila dilihat secara teliti, bukanlah sebuah perkara mudah. Kalau dibuat semacam perbandingan, pantai barat Tanah Semenanjung berdendang ria dalam gempita dan semarak mercu api, sementara saudara mereka yang hanya dipisah oleh sebatang selat (bernama Melaka) hidup dalam ekonomi yang kembang Kempis. Apabila dilihat dari akselerasi pembangunan, terjadi kesenjangan antara pantai barat Semenanjung dengan pantai timur Sumatera, khususnya Riau. Hal ini terjadi, sebagai akibat rendahnya niat baik, azam, dan komitmen kita bersama, dalam upaya mempersepsi gerakan pembangunan ini sebagai bahagian dari upaya untuk mengangkat istilah yang diperterangkan dengan istilah "dragonism" di atas. Inilah narasi agung (*grand-narrative*) yang harus kita kedepankan.

Pemerintah Indonesia sudah beriktikad untuk menghidupkan kembali perdagangan lintas batas yang ada di provinsi Kalimantan Barat, Kalimantan Timur dan Riau. Draft Memorandum Kesepahaman (MoU) telah dibuat oleh kedua-dua belah pihak. Sekarang, tinggal bagaimana Malaysia merespons aksi yang dilontarkan oleh pihak pemerintah Republik Indonesia. Pertemuan baru-baru ini di Yogyakarta, telah menyepakati deretan nama desa yang menjadi pos keluar/masuk (*entry/exit points*) di antara Republik Indonesia dengan Malaysia di

Wilayah Sempadan Propinsi Daerah Tingkat I Kalimantan Barat, Kalimantan Timur dan Riau. Khusus *entry* dan *exit points* di Riau terdapat sebanyak 24 titik yang tersebar pada lima daerah Tingkat II.

Melalui usaha inilah persoalan-persoalan yang berkaitan dengan pengembangan sosioekonomi masyarakat pesisir pantai akan menemukan jawaban secara perlahan-lahan. Sebab, selama ini, pasar potensial dan prospektif yang sudah menyejarah dalam persepsi ruang (*spatial perceptual*) masyarakat Riau berada di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Persaingan harga komoditi dan jenis komoditi eksotis lokal, amat rendah apabila dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh pasar di Semenanjung. Kebijakan ini berjalan dengan baik dan benar, jika dukungan pemerintah negara bagian (kerajaan negeri) di Malaysia, terbilang besar dan penuh rasa tanggungjawab.

Hasil pengamatan yang dilakukan pihak Bappeda Riau pada tahun 1996 pada beberapa pelabuhan Malaysia yang berhadapan langsung dengan wilayah perbatasan Indonesia (daerah Riau), mencakup pelabuhan Pasir Gudang, Kukup, Muar, Batu Pahat, Port Dickson dan Klang, membenarkan anggapan bahawa berdagangan lintas batas Riau-Malaysia tidak hanya sebatas didorong oleh motif ekonomi, tetapi juga oleh faktor historis. Sedangkan komoditi-komoditi yang ditampung (atau yang diseberangkan) mencakupi keluaran tempatan seperti kayu/arang bakau, kayu gergaji, kelapa bulat/kopra, pinang, rotan, tikar, ikan segar, dan beberapa komoditi lainnya. Sementara jika dilihat dari jumlah perdagangan lintas batas ini masuk dalam skala perdagangan lintas batas ini masuk dalam skala jumlah kecil, selari dengan wahana angkutan mereka mencapai tanah seberang (seperti kapal/sampan yang kurang terjamin apabila dilihat dari segi keselamatan).

Pada umumnya, penduduk Riau yang melakukan perdagangan lintas batas dengan membawa beberapa komoditi tempatan, setelah kembali dari Semenanjung Tanah Melayu membawa bahan-bahan pokok seperti beras, gula, garam, daging, bateri dan sebagainya, hanya untuk keperluan pokok rumah tangga dan kampung yang terbatas. Hasilnya juga diperjualbelikan dalam lingkungan kampung terbatas pula.

Untuk saat ini, di pihak Indonesia sendiri akan mengukuhkan kebijakan ini dengan menekankan segi "lokus" (pedagang tempatan yang asli) dan berat barang yang didagangkan hanya sebatas keperluan rumah

tangga masyarakat desa. Mereka dapat keluar masuk melalui titik (points) yang telah ditentukan dengan kawalan atau kontrol yang ketat. Hal ini sengaja dilakukan untuk menghindari masuknya pekerja gelap warga Indonesia dari provinsi lain di Indonesia ke Tanah Semenanjung. Cara ini merupakan upaya memberi peranan yang lebih bererti kepada Selat Melaka sebagai "corong" serta "halaman bermain" yang produktif melalui dinamisasi kehidupan sosioekonomi masyarakat sekitar cekung Melaka. Hal ini sekaligus merupakan bahagian daripada usaha pada aras menengah dan kecil (*mezo and micro level*) dalam mendukung model kerjasama subregional yang mengacu pada percepatan pertumbuhan blok-blok ekonomi.

Penutup

Dalam era kerjasama ekonomi serantau, khasnya dengan kawasan serumpun, kita tidak ingin melihat kesenjangan terlalu jauh, terutama kawasan sempadan (daerah sempadan). Sebab, kawasan ini merupakan wajah terdepan dari model kerjasama subregional. Kesan hitam di wajah terdepan merupakan cacat serumpun yang dapat dijadikan sandaran *stereopist* dari rumpun lain (seperti ras kuning) yang melihat rumpun Melayu makro ini dalam nada pejoratif dan serba *stereopist* pula.

Melalui denyut ekonomi yang dialurkan dalam perdagangan lintas batas — lintas tradisional dan menyejarah — ini bererti kita telah melakukan gerakan akar rumput pemberdayaan ekonomi rakyat berada di serambi depan rumah kita. Kalu tidak demikian, maka halaman bermain yang bernama Selat Melaka akan berubah wajah menjadi tembok penghalang yang menyekat gerak, pertukaran dan saling pengertian di antara sesama negeri serumpun.

Konflik realistik (terbuka) dalam era kerjasama serantau haruslah kita hindari. Hal ini disebabkan kita pernah mengalami pasang surut hubungan sepanjang sejarah negara moden yang kita bina selama ini. Kita juga takut dengan model konflik "autistik" yang saya sebutkan pada awal tulisan ini. Konflik jenis ini hanya dirasakan oleh kita (dua belah pihak yang terlibat hubungan kerjasama) sedangkan pihak ketiga tidak dapat melihat, tidak dapat meraba dan mengukurnya. Kita tidak ingin lagi berada dalam arena tarik ulur dalam persoalan ini.

PEMBANGUNAN EKONOMI "KAWASAN SELAT MELAKA" Suatu Tinjauan Indonesia

*Dr. Dayan Dawood**

Perkembangan Ekonomi Dunia

PERTUMBUHAN ekonomi dunia dalam tahun 1995 dan 1996 menunjukkan perkembangan yang relatif stabil, walaupun ada di antara negara maju mengalami pertumbuhan yang lebih rendah dibandingkan tahun-tahun sebelumnya. Kecuali Jepun, setelah mengalami pertumbuhan yang lambat selama dua tahun, dalam tahun 1995 dan 1996 memperlihatkan kemajuan yang cukup bererti. Kemajuan ekonomi yang pesat terjadi di negara-negara membangun, jauh di atas negara-negara maju dan negara-negara yang terbelakang. Antara negara membangun, kawasan Asia mengalami yang lebih baik dibanding dengan negara-negara membangun yang berada di Afrika, Amerika Latin, Eropah dan Timur Tengah.

Dalam tahun 1995, kelajuan pertumbuhan ekonomi Amerika Latin kurang mengembirakan, iaitu mengalami kemerosotan dibandingkan tahun sebelumnya. Hal ini sangat dipengaruhi oleh krisis kewangan Mexico yang bermula tahun 1994 dan berakhir pada 1995. Sedangkan negara-negara Timur Tengah dan Eropah sebaliknya, dengan pertumbuhan yang drastik turun pada tahun 1994, dan tahun 1995 mengalami peningkatan. Kenaikan ini disebabkan pengaruh meningkatnya harga minyak di pasar antarabangsa. Sementara itu, negara-negara Asia dan Afrika menunjukkan perkembangan yang cukup stabil.

Ekonomi dunia pada tahun 1996 diperkirakan mengalami pertumbuhan sebenar 3.8%, lebih tinggi dibandingkan tahun 1995 dan tahun 1997 dan dijangka semakin baik, iaitu 4.1%. Meningkatnya pertumbuhan ekonomi dunia ini disebabkan terus menguatnya ekonomi di negara-negara Asia dan Pasifik, khususnya negara membangun, selain itu juga disebabkan oleh sembuhnya ekonomi Amerika Latin dan terus membaiknya ekonomi negara-negara dalam transisi.

* Beliau adalah Profesor dan Rektor Universiti Sheikh Kuala, Aceh, Indonesia.

Perkembangan Ekonomi ASEAN

Berikut ini kami cuba menyajikan sekilas perkembangan ekonomi sejumlah negara yang tergabung dalam ASEAN yang dinilai memiliki pengaruh langsung terhadap pembangunan "Kawasan Selat Melaka".

Indonesia

Perkembangan ekonomi di kawasan Asia Tenggara, khususnya ASEAN dalam satu dekad terakhir mengalami pertumbuhan yang cukup tinggi, di atas pertumbuhan ekonomi dunia. Bahkan, dijadualkan, untuk tahun-tahun mendatang pertumbuhan tersebut akan terus mengalami peningkatan, sejalan dengan integrasi ekonomi ASEAN, Asia Pasifik dan dunia. Dalam tahun 1995, pertumbuhan Indonesia mencapai 8.21%, jauh lebih tinggi dibandingkan setahun sebelumnya, iaitu 7.4%, sedangkan tahun 1996, kadar pertumbuhan ekonomi Indonesia mencapai 7.82%. Sementara itu, tingkat inflasi dari tahun ke tahun cenderung menurun, sejalan dengan pembaikan kinerja ekonominya. Dalam tahun 1990, tingkat inflasi mencapai 9.53%, 1994 9.26%, 1995 8.64% dan dalam tahun 1996, inflasi hanya 6.47%.

Malaysia

Sementara itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota ASEAN, tingkat pertumbuhan ekonominya selama beberapa tahun cukup baik yang didukung oleh perdagangan, industri dan pertanian yang tangguh. Dalam tahun 1978-1987, rata-rata pertumbuhan ekonomi Malaysia, baru sekitar 5.6%, sementara tahun 1988 mencapai 8.9%, 1993 8.3%, 1994 9.2% 1995 9.5% dan dalam tahun 1996 8.8%. Tingkat inflasi relatif pula sangat rendah, sedikit di atas angka inflasi Singapura dan jauh di bawah angka purata inflasi negara Asia Tenggara. Dalam tahun 1978-1987 purata rata-rata mencapai 3.9%, sementara dalam tahun 1988 hanya 2.6%, 1993 3.5%, 1994 3.7% dan dalam tahun 1996 4.0%.

Thailand

Seperti halnya dua negara yang disebut di atas, Thailand mengalami pertumbuhan yang baik dengan dukungan sektor pariwisata, industri, pertanian dan perdagangan. Kestabilan di wilayah utara negerinya,

Myanmar, Kemboja dan Laos telah memberikan pengaruh yang sangat signifikan terhadap peningkatan pertumbuhan ekonomi. Dalam tahun 1978-1987, rata-rata pertumbuhan ekonomi Thailand hanya 6.4%, masih relatif rendah dibandingkan dengan pertumbuhan satu dekad berikutnya. Pada tahun 1988, pertumbuhan ekonomi Thailand mencapai 13.3%, jauh lebih tinggi dibandingkan dengan purata pertumbuhan ekonomi negara Asia Tenggara pada waktu yang sama. Dalam tahun 1993 pula kadar pertumbuhan ekonominya 8.3%, 1994 8.8% dan dalam tahun 1996 lalu mencapai 8.3%.

Tingkat inflasi di Thailand cenderung menurun, selaras dengan peningkatan kinerja ekonominya. Tahun 1978-1988, misalnya tingkat inflasi mencapai 6.5%, sementara tahun-tahun berikutnya hanya 3.9%, tahun 1993 3.3%, tahun 1994 5.0% dan tahun 1995 masing-masing 5.8% dan 6.0%, iaitu terjadi sedikit peningkatan.

Singapura

Singapura merupakan salah sebuah negara Asia Tenggara yang memiliki keadaan dan ketahanan ekonomi yang cukup kuat yang didukung oleh industri, perdagangan dan sektor perkhidmatan.

Selama 20 tahun terakhir, perekonomiannya terus mengalami peningkatan, bahkan di atas rata-rata pertumbuhan ekonominya 6.9%. Sedangkan dalam satu dekad terakhir, pertumbuhannya cukup pesat, iaitu tahun 1988 11.1%, 1993 10.1%, 1994 10.1%, 1995 8.8% dan tahun 1996 hanya 7.5%. Tingkat inflasi di Singapura sangat rendah, iaitu di bawah purata inflasi negara-negara Asia Tenggara. Tahun 1978-1987, purata inflasi 3.3%, sementara tahun 1988 hanya 1.6%, 1993 meningkat menjadi 2.2%, tahun 1994 3.1%, tahun 1995 menurun lagi menjadi 1.7% dan tahun 1996 tetap pada angka 1.7%.

Vietnam

Vietnam baru bergabung dengan ASEAN beberapa tahun yang lalu. Namun, kinerja ekonominya cukup mengembirakan. Dalam tahun 1978-1987, purata tingkat pertumbuhan ekonominya hanya 4.5%, sedangkan dalam tahun 1988, kadar pertumbuhannya meningkat sedikit menjadi 5.1%. Namun, dalam tahun 1993, angka pertumbuhan ekonominya melonjak menjadi 8.1% dan untuk tahun-tahun berikutnya pertumbuhan

terus meningkat, yaitu tahun 1994 8.8%, 1995 9.5% dan tahun 1996 lalu tetap pada angka 9.5%.

Tingkat inflasi yang terjadi di Vietnam, dari tahun ke tahun mengalami peningkatan. Dalam sepuluh tahun 1978-1987, tingkat inflasi mencapai purata 86.9%, sementara dalam tahun 1988 masih tetap tinggi, bahkan meningkat dari purata sebelumnya menjadi 394.5%. Akan tetapi, angka inflasi ini menurun selaras dengan peningkatan kinerja dan struktur ekonominya, yaitu 1993 hanya 5.2%, 1994 naik menjadi 14.5%, 1995 12.8% dan 1996 9.0%. Meningkatnya inflasi dalam beberapa tahun terakhir ini di Vietnam tidak lain disebabkan terjadinya di negara-negara yang baru memulihkan kedudukan ekonominya.

Aspek Sejarah "Kawasan Selat Melaka"

Menoleh ke belakang, kerjasama serantau sesama negara Asia Tenggara yang sedang dan akan dikembangkan, terutama di kawasan Selat Melaka, mempunyai akar sejarah yang panjang. Sejak abad ke-12, Kepulauan Nusantara adalah daerah perdagangan yang ramai. Kawasan ini mengenal kota-kota perdagangan antarabangsa dan pusat-pusat kerajaan pantai dan Melaka adalah sebahagian daripada kawasan perdagangan yang luas, melalui hubungan keagamaan.

Para pedagang asing dari Asia, seperti dari Pegu, Siam, Parsi, Arab, Turki, Cina, India, Koormandel, Mesir, Abesinia dan Jepun memajukan kepulauan Nusantara dan Melaka. Kepulauan Nusantara dan Melaka sendiri menampilkan pedagang-pedagang dengan indentiti sendiri daripada suku-suku Melayu, seperti Samudera Pasai, Aceh, Indragiri, Jambi, Ternate, Banda, Bugis, Sunda dan Palembang. Pada waktu tersebut, kawasan ini dikuasa oleh kerajaan-kerajaan tradisional, seperti Demak, Banten, Samudera Pasai, Aceh Darussalam, Indragiri, Jambi, Banjarmasin, Kutai, Gowa-Makassar, Lombok atau Ternate, Tidore, Jepara, Tuban dan Surabaya.

Sekadar gambaran, dapat dikemukakan beberapa komoditi yang menjadi mata perdagangan. Bahan makanan yang menonjol ialah beras, minyak, garam, mentega dan bawang putih. Barang tambang yang diperdagangkan ialah timah, besi, tembaga, emas dan perak. Komoditi eksport yang terkenal dan diurus oleh pedagang-pedagang asing ialah

emas, perak, lada, madu, lilin, kayu gaharu, pakaian, beras, bawang putih, daging, tuak, rotan, kemenyan dan kapas. Barang-barang yang dianggap mewah selain emas dan perak ialah batu-batu berharga, batu delima, kesuri, lak dan kemenyan. Banyak hortikultural yang menjadi barang dagangan, seperti semangka, timun, kelapa, sayur-sayuran, buncis dan lada. Juga komoditi senjata seperti keris, rencong, kelewang, tombak dan peluru bersama-sama dengan kambing dan ayam. Semua itu memperlihatkan kemegahan Nusantara dan Malaka sebagai kawasan perdagangan dunia.

Pada masa Islam, Kerajaan Pasai di Sumatera mulai bangkit, namun secara perlahan dikalahkan oleh Kerajaan Aceh yang mencapai puncak kekuasaannya di bawah Raja Iskandar Muda. Raja inilah yang berhasil menakluk kerajaan-kerajaan Semenanjung, seperti Johor (1613), Pahang (1618), Kedah (1619) dan Tuah (1620). Pada masa jaya ini, Aceh merupakan pusat kerajaan dan sekaligus kota dagang dan kota metropolitan, menjadi daerah lintas perdagangan dari Cina, Siam, Pegu, Benggali, Surat, Yaman, Istanbul, Flander dan hingga London. Pada masa itu, peranan Eropah sangat kecil, yang menonjol ialah pedagang Cina dan India. Tapi, dari situ pula, pedagang Eropah ikut memperdagang tekstil, beras, kayu, porselin dan rempah-rempah, terutama lada yang merupakan emas hijau pada waktu itu.

Kemunduran Aceh, antara lain kerana desakan kekuatan asing, terutama Belanda, mulai menaikkan peranan negara-negara tetangganya di utara. Antara yang paling menonjol ialah Kerajaan Johor dari dinasti Bendahara, yang mengembangkan empayar Johor-Riau, setelah mundurnya Kerajaan Malaka dengan terbunuhnya Sultan Mahmud Syah tahun 1699.

Kerjasama Ekonomi ASEAN

Sejarah, seperti kata banyak ahli, pasti akan berulang. Hal ini sudah terbukti kembali untuk kawasan Asia Tenggara, hanya dibezakan oleh dimensi waktu dan ruang. Kerjasama ekonomi, politik dan kebudayaan yang telah terjadi di kawasan Nusantara berabad-abad yang lalu, kembali hidup dalam bentuk yang lebih kompleks regional, seperti Asean Free Trade Area (AFTA), kawasan perdagangan bebas ASEAN.

Bangkitnya kembali kerjasama serantau ini ditandai dengan dibentuknya perkumpulan negara-negara Asia Tenggara pada tahun 1967 yang lalu yang dikenali dengan Deklarasi Bangkok. Deklarasi Bangkok, tidak hanya merupakan pergulungan atau penggalian akar sejarah kawasan Nusantara tetapi juga merupakan titik awal perekatan hubungan yang beberapa saat sempat vakum akibat imperialisme Barat.

Antara bidang kerjasama yang telah memberikan hasil yang cukup baik ialah bidang ekonomi. Kerjasama dalam bidang ini, jauh lebih maju dibandingkan dengan kerjasama dalam bidang lain. Bahkan, bidang ekonomi merupakan alat penting peningkatan kerjasama dalam segala hal dan dalam bidang yang lebih luas. Kerjasama dalam bidang ekonomi, antaranya pengembangan projek Indonesia Malaysia-Singapura Growth Triangle (IMS-GT) yang semula dikenal dengan nama Kerjasama Segitiga Sijori (Singapura, Johor dan Riau). Kemudian kerjasama tersebut dikembangkan dalam Asean Free Trade Area (AFTA) yang merupakan sarana untuk mengembangkan ekonomi negara-negara Asia Tenggara, sekaligus pula untukantisipasi tahun 2020, era globalisasi penuh. Kerjasama tersebut ditingkatkan pada tahap subregional dengan dikembangkan Indonesia-Malaysia-Philippine East Asean Growth Area (BIMP-EAGA)

Dalam kerjasama ekonomi, baik regional mahupun subregional, tekanan kerjasama diarahkan pada pembangunan pelaburan, perdagangan, pariwisata, industri, dan pertanian. Hal ini dilakukan meningkatkan potensi yang ada di kawasan ini, iaitu potensi alam, sumber manusia dan pasaran yang cukup besar.

Pembangunan “Kawasan Selat Melaka”

Pembangunan “Kawasan Selat Melaka” adalah salah satu bahagian daripada pembangunan serantau ASEAN yang telah mulai dikembangkan selama ini. Melihat istilah “Kawasan Selat Melaka”, maka secara geografis dapat disebutkan wilayah-wilayah yang terlibat adalah wilayah yang berada di sepanjang “Kawasan Selat Melaka”. Antaranya ialah Pulau Sumatera Bahagian Timur, Semenanjung Malaysia bahagian Barat dan Selatan, pantai barat selatan Thailand dan Singapura. “Kawasan Selat Melaka” ini dapat diperluas melihat jangkauan dan pengaruh

“Kawasan Selat Melaka” itu sendiri, sehingga banyak wilayah lain yang berdekatan menjadi kawasan tertarik.

Pemikiran pembangunan “Kawasan Selat Melaka” didasarkan beberapa pertimbangan. Pertama, aspek historis, di mana “Kawasan Selat Melaka” berabad-abad silam merupakan satu kesatuan wilayah yang secara ekonomi, politik dan kebudayaan hampir terintegrasi. Aspek ini memiliki daya pengaruh kembali untuk mengembangkan pembangunan di “Kawasan Selat Melaka”. Aspek sejarah ini dapat mempermudah kerjasama bilateral dan trilateral.

Kedua, pertimbangan geografis, yaitu wilayah yang secara geografis berdekatan, lebih mudah dan lebih ekonomi dalam melakukan kerjasama dalam segala bidang. Kerjasama bilateral yang didukung oleh jarak yang berdekatan, relatif lebih mudah melakukan kerjasama dibandingkan kerjasama multilateral yang melibatkan lebih banyak negara. Gagasan multilateralisme mengisyaratkan bahwa semakin banyak jumlah yang terlibat, semakin besar peluang kerjasama yang menguntungkan negara pesertanya. Kendati demikian, sejarah kerjasama antara negara, khususnya ASEAN menunjukkan bahwa masalah-masalah politik bilateral dan perbezaan tingkat ekonomi, mempersulit realisasi multilateralisme tersebut. Dengan itu kerjasama yang melibatkan sebahagian negara anggota dalam mekanisme yang sifatnya bilateral lebih mudah dilakukan.

Malaya telah mendekati rantau Asia Tenggara dengan memberi penekanan serentak, tetapi tidak sama, kepada dua jenis perhubungan. Pertama, Kuala Lumpur telah mewujudkan dan mengeratkan pertalian dengan negara-negara Barat dan pro-Barat dalam gagasannya untuk membendung ancaman Komunisme, sebagai mana yang terbukti dari peristiwa Darurat dalam negeri, dan pertentangan yang berlaku di Indo-China. Kepercayaan meluas terhadap "teori domino", menimbulkan persoalan kepada kelangsungan dan keselamatan negara, dan ia begitu berpengaruh dalam perubahan dan perjalanan dasar serantau.

Awal-awal lagi, setelah memperoleh kemerdekaan, Malaya telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Malaya-British (AMDA) yang antara lain mengheret Kuala Lumpur untuk menjaga kepentingan pihak British di rantau Asia Tenggara. Daerah-daerah yang masih berada di bawah pentadbiran London, di samping Malaya sendiri yang sudah pun merdeka, diheret ke bawah pengawasan AMDA. Kawasan-kawasan tersebut termasuklah Singapura yang separuh merdeka, Sabah dan Sarawak dan Brunei. Pensyarikatan Malaya-Britain ini mempunyai implikasi serantau, di samping merangkaikan negara kepada sistem pertahanan antarabangsa yang melibatkan Amerika Syarikat, lantaran perikatan London-Washington dalam NATO di Barat.

Komitmen ideologi yang mendasari kemerdekaan Malaya sesungguhnya bertindak begitu berkesan dalam penggubalan dasar serantau Malaya ini, walaupun ia berasal di luar rantau. Pembinaan negara-bangsa yang terasas pada falsafah demokrasi dan liberal-kapitalisme, yang begitu kuat diresutui oleh negara bekas-penjajah, menuntut Kuala Lumpur agar bersahabat dengan negara-negara pro-Barat dan anti-Komunis di Asia

Tenggara. Tunku Abdul Rahman selaku Perdana Menteri dan Menteri Luar bukan sekadar menjadi pewaris kepada British, tetapi turut berpendirian untuk mempertahankan dunia bebas di rantau ini. Politik dan pragmatisme menjadi faktor defnitatif yang mengatasi segalanya. Dengan pembiakan komunisme di Thailand, Filipina dan Indonesia terutama sekali, Malaya menjadi tertekan dan tidak berasa keberatan untuk menjalinkan hubungan serantau atas dasar ideologi yang diimport dari Barat itu.

Tunku Abdul Rahman sudah pun melafazkan cita-cita serantau yang berbau pro-Barat dan anti-Komunis seawal bulan Februari 1958. Dalam lawatannya ke Ceylon pada tahun tersebut, beliau telah menggesa pemimpin-pemimpin Asia Tenggara supaya mewujudkan perpaduan sesama mereka, kerana "We have ... many problems in common and I believe the only way to tackle our problems is by getting together, working together and planning together ever more closely". Sungguhpun pandangan ini kelihatan biasa, ia sebenarnya mencerminkan kebimbangan terhadap situasi semasa di Asia Tenggara yang semakin terdedah kepada bahaya komunisme. Kenyataan ini juga dibuat dengan berlatar-belakangkan kekhuatiran Perdana Menteri terhadap politik Afro-Asianisme yang sedang menular terutama sekali berikutan Perhimpunan Bandung pada tahun 1955. Dari sudut yang lain, penganjuran ini menjelaskan komitmennya untuk bergerak sepenuhnya bersama negara-negara Asia Tenggara yang lain setelah kesemuanya begitu lama bertindak sebagai sebahagian daripada dunia luar, dalam SEATO, Rancangan Colombo dan ECAFE, umpamanya. Dalam konteks inilah lahirnya idea SEAFET, ASAS dan ASA yang menjadi aspek utama regionalisme di peringkat awal perkembangan dasar serantau Malaya.

Tunku Abdul Rahman ternyata telah menjadi pendukung utama (*prime mover*) dalam beberapa rancangan serantau yang bersifat ke Asia Tenggara. Dalam bulan April 1958, beliau telah menyusul cita-citanya yang terlafaz sebelumnya di Colombo dengan penyuaaran supaya Burma, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam Selatan dan Malaya sendiri berganding dalam suatu pakatan tentera di luar SEATO. Dalam tahun 1959, Tunku Abdul Rahman bersama Presiden Garcia dari Filipina menganjurkan penubuhan SEAFET, atau Southeast Asian Friendship and Economic Traety yang akan mendukung program PBB, dan yang antara lain bermaksud memupuk kerjasama ekonomi dan budaya dan aktiviti perdagangan.

Dimensi anti-Komunis dalam rancangan SEAFET begitu difahami

oleh Presiden Filipina sehingga beliau mahukan gabungan yang dicadangkan itu turut meliputi Taiwan, Jepun dan Korea Selatan. Harapan Tunku Abdul Rahman ini walau bagaimanapun tidak begitu disenangi. Hanya Thailand dan Vietnam Selatan yang terkenal anti-komunis sahaja yang mendukung cita-cita bersama Malaya-Filipina ini. Burma memperlihatkan sikap dingin, sementara Indonesia telah mencemuh pendekatan berkenaan. Rancangan SEAFET menjadi objek kritikan akhbar Indonesia, yang melihatnya sebagai suatu gagasan yang bertentangan dengan Semangat Bandung. Manakala sebahagian penduduk Cina di Singapura dan di Malaya sendiri beranggapan SEAFET akan muncul sebagai suatu pertubuhan Melayu Raya.

Idea SEAFET tidak lama dapat bertahan dalam keadaan ia menerima reaksi negatif dan berbagai-bagai halangan pada bulan April 1960, ia diketepikan. Percubaan baru dibuat pada Julai 27, tahun yang sama, apabila suatu pertubuhan yang melibatkan Thailand, Filipina dan Malaya, bernama Association of Southeast Asian States (ASAS), dirancang. Bagi mengelakkan kerugian yang mungkin timbul, pihak penganjur menjelaskan bahawa ia bukan sebuah organisasi politik, dan mengikut Tunku Abdul Rahman, badan ini tidak juga 'bertujuan menjadi satu konfederasi ... atau mengadakan blok anti-Barat atau anti-Komunis'. Penerangan tentang ASAS, yang akan bertindak sebagai suatu pergerakan banyak-hala ini, bertujuan mendamaikan setengah pihak yang sebelumnya mempertikaikan SEAFET. Imej anti-Komunis yang berbentuk berikutan pemugaran SEAFET cuba amal-awal lagi dilenyapkan. Indonesia sebagai negara yang sudah lama menjuarai pergerakan antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) tidak terpengaruh oleh perkembangan terbaru; baginya hubungan dua-hala lebih wajar diutamakan.

ASAS juga tidak bertapak lama sebagai suatu cita-cita serantau dan tempatnya kemudiannya diganti oleh ASA atau Association of Southeast Asia. Dengan kelahiran ASA, konsep regionalisme tempatan menjadi semakin kukuh, dan ia diperihalkan sebagai "gerakan kerjasama... Asia Tenggara". Objektifnya bersifat ekonomi dan sosial dan tidak bertujuan melibatkan diri dalam mana-mana politik blok. ASA berjaya mempertemukan wakil negara ahli, iaitu Malaya, Filipina dan Thailand dalam beberapa perjumpaan bertujuan merencanakan pertukaran pakar teknik dan menggalakkan pelancongan. Apa pun penjelasan sebaliknya

yang dibuat oleh pemimpinnya, ASA masih boleh dilihat sebagai suatu benteng menentang komunisme dan paling bermaksud menjadi alternatif kepada pergerakan Afro-Asia yang membelakanginya. Dengan keanggotaannya yang juga terbatas, ASA tidak berupaya menjadikan suatu rancangan kerjasama rantau yang komprehensif dan berkesan, dan berikutan tuntutan Filipina ke atas Sabah, ASA mengalami kelumpuhan. Pertelingkahan antara dua negara ahli dalam sebuah pertubuhan tiga anggota semestinya menjejaskan kerjasama. Selama lebih daripada lima tahun seterusnya, bersama pembesaran konflik Malaysia-Indonesia berikutan Konfrantasi, ASA terbenam dalam sejarah serantau.

Dasar Dan Pendekatan Serantau: Dimensi Bukan-Ideologi

Aspek kedua dasar dan pendekatan serantau Malaya ialah penumpuannya kepada beberapa negara jiran bukan atas sebab ideologi. Sebagai sebuah negara yang telah berkembang dalam suatu wilayah yang melibatkan negara-negara yang telah dan sedang mempengaruhi haluannya, Malaya juga telah memberi perhatian kepada keperluan serantau bagi memantapkan kewujudannya. Regionalisme ini lebih banyak dirangsangi oleh sejarah, perhubungan etnik dan budaya, dan pertalian kekeluargaan. Lantarannya ia tidak begitu menyeluruh dan tidak begitu defenatif sifatnya, sebaliknya ia lebih banyak ditentukan oleh perkiraan-perkiraan semasa, sementara atau segera.

Persahabatan serantau yang ditentukan oleh perkiraan bukan-ideologi ini telah terasas dalam suatu acuan sejarah dan geografi dan mendahului perhubungan diplomasi yang terbentuk oleh pertimbangan ideologi. Ia berkembang secara natural. Trend dan tempo pembabitan serantau jenis ini begitu kuat di-corakkan oleh manusia biasa, dan bukannya oleh politikus dan pembuat dasar.

Secara logik, persahabatan serantau ini lebih mudah terbentuk oleh kedekatan atau *proximity*. Dari segi geografi, Malaya berkongsi sempadan dengan Thailand di sebelah utara dan terletak dalam perairan yang sama dengan beberapa bahagian Indonesia. Berikutan penubuhan Malaysia dalam tahun 1963, Filipina telah menjadi jiran bersebelahan, iaitu sekitar 16 batu ke utaranya. Dari segi sejarah, Malaya telah berge-rak seiring perjalanan politik serantau, yang mencakupi penjajahan Barat, perjuangan kemerdekaan dan pertalian budaya, terutama sekali yang berkaitan

Indonesia. Malah sebelum pertapakan kolonialisme Barat, dan di sepanjang kurun-kurun 16 hingga ke kurun 20, pergerakan manusia antara daerah-daerah di Nusantara berlaku begitu rancak, sehingga Malaya turut menjadi suatu mikronisme dunia Melayu yang terisi di dalamnya rumpun bangsa yang berketurunan Jawa, Bugis, Mandeling, Patani, Aceh dan sebagainya. Dinamisme yang terhasil oleh proses sejarah ini terus dirasakan dan diberi pengiktirafan berikutan kemerdekaan Malaysia. Dalam beberapa keadaan, faktor bukan ideologi yang bersifat kegeografi-an dan kesejarahan ini telah menyemarakkan kecenderungan ideologi, seperti mana yang berlaku dalam perancangan Persekutuan Malaysia dan penentangan terhadapnya.

Hubungan Malaya-Indonesia termasuk dalam kategori kerjasama serantau yang tidak ditentukan oleh perkiraan ideologi secara langsung, sebaliknya dipengaruhi oleh faktor sejarah dan budaya. Sebelum Perjanjian 1824 antara Inggeris dan Belanda, Malaya dan Indonesia adalah suatu kesatuan yang tumbuh mengikut dinamisme dalaman. Pergerakan manusia yang tidak dibatasi oleh sempadan politik membuah kehidupan serumpun, dan ia memanjang hingga ke tahun-tahun kemerdekaan bagi kedua-dua buah negara. Kecenderungan politik Indonesia di bawah Sukarno tidak mewujudkan kesejajaran dengan komitmen politik Malaya di bawah Tunku Abdul Rahman, dan masing-masing negara menempa haluan berbeza dalam hubungan luar. Sungguhpun pergeseran turut juga berlaku dalam perhubungan Kuala Lumpur-Jakarta, khasnya dalam tahun 1958 berikutan pemberontakan PRRI - Permesta, perhubungan baik tetap terjalin sebagai mana terbukti dari Perjanjian Persahabatan dalam tahun berikutnya.

Penduduk keturunan Melayu di Thailand, Singapura dan Filipina juga sama-sama menjadi agen kepada perkembangan serantau ini, apabila mereka berhijrah dari tempat asal mereka ke Malaya, atau berinteraksi dalam konteks kekeluargaan, keagamaan dan sebagainya. Perubahan lebih menarik berlaku dalam tahun 1963 dalam suasana konflik yang tercetis oleh tuntutan Filipina ke atas Sabah dan Konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap Malaysia. Presiden Macapagal dari Filipina telah menyarankan idea Maphilindo bagi menyatukan umat Melayu selain bertujuan mencari penyelesaian kepada pertelingkahan sesama mereka. Maphilindo mendapat sokongan semua pihak dan menjadi gagasan popular buat seketika, dan menjadi detik penting dalam konteks kerjasama

serantau, sekalipun ia tidak disenangi oleh kepimpinan Singapura dan dicurigai oleh British. Regionalisme yang terpupuk ini juga ternyata *short-lived* dalam kemelut yang masih melanda Asian Tenggara ketika tersebut.

ASEAN Dan Pembesaran Kerjasama Serantau

Penampilan ASEAN dalam tahun 1967 telah menyaksikan pembesaran kerjasama serantau. Dari sudut hubungan diplomasi ia telah meningkatkan status regionalisme ke tahap baru berbanding dengan keadaan sebelumnya. Namun begitu, kemunculan ASEAN sebagai pengganti ASA ini masih berbau ideologi. Kehadiran sebahagian penting negara Asia Tenggara, termasuk Indonesia, dalam pakatan terbaru ini sememangnya menjadikannya suatu gabungan *indigenous* terbesar dalam sejarah diplomasi, tetapi ia masih merupakan suatu lanjutan kepada perkembangan Perang Dingin. ASEAN adalah suatu pendekatan serantau yang mempertemukan negara-negara pro-Barat dan anti-Komunis, setelah beberapa daripadanya berkrisis sesama sendiri, dan suatu penyarikatan yang telah mendapat restu Amerika Syarikat terutama sekali. Aspek *reconciliation* yang berlaku dalam konteks ini walau bagaimanapun tetap penting, dan sehubungan ini ASEAN menjadi suatu kebanggaan bersama di kalangan negara anggota. Pengutaraan idea "Pengecualian Asia Tenggara" oleh Malaysia pada awal tujuh puluhan dibuat dalam suasana kerjasama serantau yang sedang berkembang ini.

ASEAN yang bermula sebagai sebuah organisasi sosiopolitik dan sosioekonomi telah mengalami transformasi dengan peningkatan ancaman komunisme, berikutan kejatuhan Vietnam Selatan ke tangan Hanoi pada 1975 dan pelanggaran Vietnam ke atas Kemboja dalam tahun 1979. Perubahan yang belaku menjadikannya seperti sebuah badan keselamatan, "Process of policy externalization" mencirikan perkembangan ASEAN ketika ia berdepan dengan persoalan "Greater Indo-China" yang terpupuk. Tidak hairanlah pertubuhan tersebut semakin dilihat sebagai ganti kepada SEATO yang bergerak "hidup segan, mati tak mahu". Sejauh manakah ASEAN telah memunculkan diri selaku penyumbang kepada keamanan dan keselamatan dunia sukar untuk disukat.

Kekuatan ASEAN juga terletak pada kedudukannya sebagai suatu mekanisme pengurusan krisis di peringkat serantau. Dalam keadaan negara kecil seperti Brunei dan Singapura berkedudukan sama dari segi

status keanggotaannya dengan negara besar Indonesia, pakatan serantau ini membolehkan pembendungan rasa 'big brother' yang pernah mencirikan diplomasi serantau sebelum ini. Sehubungan inilah ASEAN menjadi tarikan besar kepada pihak-pihak negara-negara anggota yang kecil. Apatah lagi, tidak ada negara ahli ASEAN yang dibekalkan dengan kuasa 'veto'. Perkara yang mencorakkan perjalanan ASEAN masih persoalan "hal-ehwal luar" dan politik luar rantau dan penjana sumber dalaman untuk kemajuan bersama. Politik intergrasi dalam ASEAN belum mencecah tahap pemusnahan kedaulatan dan identiti nasional hatta dalam pembesaran organisasi itu akhir-akhir ini. Walau bagaimanapun, kecenderungan menjadikan ASEAN "region-state" boleh membawa padah kepada "national sovereignty", khasnya apabila kehendak ekonomi mendominasi keadaan. Dari satu segi, kerjasama serantau yang tersalur menerusi ASEAN turut merangkumi kerjasama se-rantau dua hala yang tidak bersifat ideologi antara Malaysia-Indonesia dan Malaya-Singapura. Perhubungan dua-hala ini terpinggir dan segala pertimbangan yang pernah mendasari ikatan tersebut terpaksa mengambil kira perkembangan baru itu. Bantuan kepada pelarian Filipina dan persoalan yang berbangkit daripada penentangan dalaman di kalangan orang Islam di Thailand terpaksa diuruskan dalam konteks setiakawan ASEAN.

Kerjasama Serantau Pasca-Perang Dingin

Pergerakan menjadikan kerjasama serantau sebagai suatu rancangan politik dan diplomasi yang tidak ditentukan oleh perkiraan ideologi barangkali sudah pun bermula semenjak keruntuhan Soviet Union, dan kelumpuhan Komunisme. ASEAN telah lama berjinak dengan negara-negara Komunis Indo-China, terutama sekali Vietnam, yang telah berjaya menumpas Amerika Syarikat. Dialog yang diadakan bersama Vietnam bagi mengurangkan konflik di Asia Tenggara, sekalipun ditentukan oleh kebimbangan terhadap potensi agresif negara tersebut, adalah juga disebabkan oleh kepercayaan bahawa negara komunis itu juga ber-upaya menjadi rakan kongsi dalam pencapaian matlamat sebagai anggota. Maka itu juga menandakan tamatnya faktor ideologi sebagai faktor definatif dalam diplomasi Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain. Regionalisme sehubungan ini boleh menjadi faktor terpenting dalam perjalanan dasar luar, mengatasi perkiraan lain.

Kerjasama serantau yang berkembang dalam konteks pasca-Perang Dingin ini juga sebenarnya boleh menjejaskan kehidupan tempatan, apabila momentumnya dibiarkan menguasai faktor lokal. Idea "constructive intervention" yang cuba dipopularkan berikutan campur tangan ASEAN dalam hal-ehwal dalam negeri Kemboja boleh bertukar menjadi kongkongan kepada penularan idealisme setempat atau daerah-daerah yang dicorakkan oleh faktor tersendiri atau kedaerahan.

Hubungan dua-hala yang sedia berkembang boleh terkorban atas nama serantau sekiranya peranannya diambil alih sepenuhnya oleh pembabitan serantau. Persoalan ini wajar dibangkitkan kerana terdapat beberapa aspek dari perhubungan dua-hala antara Malaysia-Indonesia, Malaysia-Singapura, Malaysia-Filipina dan Malaysia-Thailand yang seharusnya diuruskan sedemikian rupa dengan mengambil kira aspek-aspek unik yang telah mencirikan perhubungan masing-masing.

Penumpuan kepada kerjasama serantau, khususnya dalam ASEAN, sewajarnya terhad kepada isu keselamatan umum, kerjasama ekonomi, dan komitmen bersama ketika berhadapan dengan blok-blok militari dan dagangan luar. Regionalisme ASEAN tidak seharusnya memadamkan identiti negara anggota atau menentukan dalam semua segi kehidupan bernegara negara ahli. Sehubungan ini, Malaysia sepatutnya mempunyai pendekatan tersendiri terhadap negara-negara jiran dalam perkara-perkara yang menyentuh pembangunan umat Melayu, perkembangan agama Islam, dan perhubungan kekeluargaan.

Pada akhir-akhir ini, penularan cita-cita lama untuk mempertemukan 'Melayu' yang berada dalam diaspora umpamanya tidak seharusnya dibantut oleh komitmen serantau, sebagaimana Melayu Malaysia tidak berkedudukan untuk menyekat perhubungan antara orang Cina Nanyang dengan orang Cina yang terdapat di seluruh dunia, termasuk di Republik Rakyat China. Globalisasi dan tribalisme adalah dua gejala yang telah berkembang serentak dengan 'region state' dan "region's economics" dan kesemuanya tidak semestinya merupakan aliran atau arus yang bercanggahan, kecuali persejagatan nilai luar dibiarkan bermaharajalela dalam kehidupan komuniti serantau. Faktor manusia perlu diberi ruang dan peluang berinteraksi secara defnitatif dalam persekitaran ini. Seharusnya wujud "rantau dalam rantau" dan jika perlu biarlah "rantau dalam" menguasai perkembangan "rantau luar".

PERPADUAN SERANTAU DALAM KONTEKS PERHUBUNGAN DIPLOMATIK-PENGALAMAN INDONESIA

*Zainal Arifin **

PERTAMA-tama, marilah kita panjatkan puji dan syukur kehadiran Allah S.W.T. atas berkat dan rahmat-Nya, sehingga kita dapat bertemu pada Pertemuan Selat Melaka yang diadakan sempena sambutan "Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya" dan Hari Kebangsaan 1997. Kami menyambut baik dan gembira pertemuan ini kerana forum seperti ini dapat meningkatkan dan menjalin kerjasama bagi masyarakat serumpun di negara ASEAN terutama dalam usaha memacu negara-negara ASEAN untuk menjadi negara yang maju pada abad yang akan datang.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa Melaka sebagai sebuah kawasan yang berpotensi lebih kurang tujuh abad yang silam dan merupakan sebuah wilayah yang sangat penting dalam perkembangan sejarah di Nusantara. Melaka tidak saja berperanan dalam bidang-bidang perdagangan di kawasan Nusantara, tetapi juga telah berhasil menempatkan dirinya sebagai suatu kawasan pusat pengembangan agama, pertemuan berbagai-bagai kelompok etnis yang berasal dari pelbagai daerah di seluruh Nusantara dan juga sebagai pusat untuk melakukan hubungan bilateral antara kawasan-kawasan tersebut. Kegemilangan sejarah masa lampau Melaka adalah suatu kenyataan historis yang mempunyai erti strategi dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan lain-lain. Daya tarik Melaka sebagai suatu kawasan yang berpotensi telah tersebar namanya di wilayah Indonesia dan menjadi faktor untuk dikunjungi pedagang dan pelaut dari Bugis - Makassar - Sulawesi - Jawa, Sumatera bahkan sampai ke Ternate dan kawasan-kawasan lain.

Salah satu hal yang penting dalam konteks Melaka sebagai pusat perdagangan adalah perkembangan bahasa Melayu. Bahasa Melayu pada

** Beliau adalah Atase Pendidikan dan Kebudayaan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Malaysia*

saat itu berkembang pesat sebagai suatu bahasa perantara dan bahasa diplomasi, pedagang yang berasal dari Sulawesi, Jawa, Sumatera, Maluku dan lain-lain telah menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi antarabangsa. Bahkan pada waktu Belanda masih berkuasa di Indonesia, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantara dalam perdagangan dan dalam melakukan komunikasi dengan suku bangsa Indonesia. Daripada bahasa Melayu Riau, bangsa Indonesia pada tahun 1928 telah menyatakan satu bahasa, iaitu Bahasa Indonesia.

Sejarah mencatat bahawa hubungan antara Indonesia dengan Malaysia telah berlangsung sejak berabad-abad yang lalu. Kerjasama yang terjadi antara Indonesia dengan Malaysia berlangsung dalam berbagai-bagai aspek kehidupan, iaitu bidang politik, ekonomi, sosialbudaya dan pertahanan. Kesultanan Melayu Melaka telah melakukan hubungan dengan masyarakat Indonesia sejak berabad-abad yang lalu. Hubungan tersebut sampai kepada Kerajaan Majapahit di Jawa, Haru dan Pasai di Aceh, bahkan seorang Sultan Melaka yang bernama Parameswara beristerikan puteri Kerajaan Majapahit di Pulau Jawa. Pada tahun 1511 ketika Melaka jatuh oleh serangan Portugis, Kerajaan Demak di Pulau Jawa di bawah pimpinan Adipati Unus melancarkan operasi untuk membantu kerajaan Melaka melawan Portugis. Namun kerana persenjataan yang dimiliki oleh Portugis pada saat itu lebih baik, maka Adipati Unus tidak mampu melawan Portugis.

Kedua-dua bangsa pada dasarnya memiliki banyak persamaan. Kedua-duanya merupakan bangsa serumpun yang memiliki latar belakang budaya dan bahasa yang sama. Perkembangan yang membezakan kedua-duanya adalah bangsa Indonesia selama 3.5 abad dijajah oleh Belanda sedangkan Malaysia oleh Ingeris. Perbezaan ini mengakibatkan terjadinya perbezaan dalam sistem politik, undang-undang dan ekonomi di antara kedua-dua bangsa. Meskipun demikian, hubungan kekerabatan di antara kedua-duanya telah dijalin dan terus berlanjutan setelah mereka muncul sebagai dua negara yang berdaulat.

Hubungan kerjasama ini bukan hanya pemerintah saja yang terkait, tetapi juga masyarakat kedua-dua negara baik secara bilateral mahupun dalam hubungan kerjasama negara-negara ASEAN. Bahkan dapat dikatakan bahawa hubungan di antara anggota ASEAN yang

memiliki darjat dan keamatan yang tinggi adalah hubungan antara Indonesia dan Malaysia. Pada masa ini, kerjasama terus berjalan dengan baik dan salah satu sektor yang dapat dijadikan tolak ukur adalah sektor perdagangan. Indonesia dan Malaysia telah memperkenalkan idea pendirian kesepakatan perdagangan bebas pada tahun 2003 yang meliputi isu-isu ekonomi antarabangsa lainnya, iaitu Asia Pacific Economic Cooperation (APEC), East Asia Economic Caucus (EAEC), dan World Trade Organization (WTO).

Dalam bidang sosial-budaya banyak persamaan yang dimiliki oleh kedua-dua bangsa, mulai dari akar budaya yang sama, bahasa yang sama, ras yang sama dan agama majoriti yang sama sehingga menjadikan kedua-dua bangsa dapat melangsungkan kerjasama yang sangat baik khususnya dalam sosialbudaya. Dalam sektor ketenagakerjaan, ada catatan tersendiri dalam hubungan kedua-dua negara. Pada tahun 1970-an Malaysia banyak mendatangkan guru dari Indonesia dalam rangka mengembangkan kualiti tenaga kerja, satu pelaburan dalam sektor sumber tenaga manusia.

Peningkatan sumber tenaga manusia Malaysia secara automatik diiringi oleh peningkatan perekonomiannya. Maka tidak hairan bahawa banyak tenaga kerja Indonesia yang tertarik untuk datang bekerja di Malaysia, yang memang diperlukan oleh Malaysia untuk mengisi kekosongan tenaga kerja, baik sebagai tenaga pekerja di kilang, ladang mahupun binaan.

Dalam sektor pendidikan pun kerjasama kedua-dua negara telah berjalan dengan erat. Lebih kurang 1000 orang pelajar Indonesia sedang belajar di Malaysia di berbagai-bagai Universiti dan begitu juga mahasiswa Malaysia yang belajar di Indonesia berjumlah 1600 orang. Lembaga Pendidikan kedua-dua negara telah mengadakan kerjasama dalam bentuk pertukaran pelajar, seminar, simposium, pertukaran pengajar/pensyarah dan lain-lain.

Dalam bidang pertahanan, keamanan kerjasama telah dilaksanakan dalam pertukaran angkatan tentera kedua-dua negara untuk mengikuti pendidikan di sekolah tentera, latihan perang bersama dan lain-lain kerjasama dalam bidang ini juga dimaksudkan dalam rangka kepentingan keselamatan kedua-dua negara melalui ketahanan serantau.

Kerjasama dalam bentuk latihan perang bersama telah dilaksanakan melalui operasi Malindo Jaya, Elang Malindo, Kekar Malindo dan Darsasa Malindo. Strategi kerjasama di bidang pertahanan atau keamanan merupakan solusi terbaik untuk memelihara keamanan nasional dan regional dan menambahkan kepercayaan untuk membangunkan persahabatan dengan negara tetangga.

Kerjasama secara bilateral, mahupun multilateral terus ditingkatkan dan dalam konteks ini, ada beberapa bentuk yang bisa dilakukan, seperti dalam bentuk *joint venture*, *sub contracting*, bantuan pengurusan, perundingan dan sebagainya. Namun demikian, dari sekian banyak alternatif ada bentuk kerjasama yang lebih erat, komprehensif dan mengandung kesan *multiplier effect* yang sangat besar, sehingga dapat menjadi *driving force* bagi perkembangan perekonomian masing-masing pihak yang terlibat. Kerjasama yang dimaksudkan adalah kerjasama regional antara wilayah-wilayah tersebut dari berbagai-bagai negara yang berdekatan untuk membentuk apa yang disebut "Kutub Pertumbuhan".

Belakangan ini, bentuk kerjasama perkembangan kutub pertumbuhan atau yang sering disebut kawasan segitiga semakin banyak dijalin oleh berbagai-bagai negara. Indonesia sendiri sejak akhir-akhir ini bersama negeri-negeri jiran telah memelopori pengembangan kawasan pertumbuhan dan yang sekarang sudah mapan, iaitu kawasan segitiga emas, Singapore-Johor-Riau (Batam) atau disingkat menjadi SIJORI dan sekarang telah ikut Melaka dalam *group* kemudian menyusul kawasan Sumatera Utara & di Aceh - Thailand bahagian selatan dan Malaysia bahagian Utara (Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis). Kerjasama ini didasarkan kepada kepentingan dan manfaat bersama dan usaha ini akan terus dilanjutkan selama masih memberi manfaat kepada semua pihak. Apabila kerjasama pertumbuhan ini dijalankan secara optimum, maka keseluruhan kawasan, dapat dijadikan satu pusat pengeluaran, perdagangan dan wisata.

Sebagai suatu bangsa yang serumpun, tentu banyak persamaan di antara Indonesia dengan Malaysia. Faktor keserumpunan ini ditambah lagi dengan letak geografi kedua-dua negara yang bertetangga langsung. Oleh sebab itu, sudah seharusnya kedua-dua negara mengadakan kerjasama yang lebih erat dan saling mendukung dalam pelbagai bidang.

Banyak persamaan yang dimiliki oleh kedua-dua bangsa tidaklah menjadikan bahawa kedua-duanya tidak memiliki perbezaan. Tetapi dengan memiliki persamaan yang ada sewajarnya apabila perbezaan tidak sampai mengganggu hubungan yang terjalin, bahkan sebaliknya kedua-dua bangsa seharusnya berasa dituntut untuk lebih mempererat hubungan yang telah ada. Untuk mencapai ini, hal mendasar yang perlu diperhatikan penekanan ialah perlunya memupuk sikap saling membantu satu sama lain dan meningkatkan kesedaran untuk tetap saling mendukung dalam forum-forum antarabangsa.

PERPADUAN SERANTAU DALAM KONTEKS PERHUBUNGAN DIPLOMATIK-PENGALAMAN BRUNEI

*Pengeran Setia Negara Pengeran Haji Mohd. Yusuf Hj. Abd. Halim**

APABILA memperkatakan "Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik" bersempena dengan sambutan "Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya" yang dikaitkan dengan Sejarah Empayar Melayu Melaka dalam program perdana yang dikenali sebagai "Pertemuan Selat Melaka" ini, dengan harapan agar dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara wilayah di rantau rumpun Melayu Kepulauan Nusantara ini, sungguh membayangkan hasrat mulia penganjurnya dan adalah wajar mendapat perhatian yang mendalam daripada para pemimpin dari semua jurusan di rantau Nusantara ini untuk mencapai kecemerlangan hasrat yang mulia dan berkebajikan ini.

Dalam konteks perpaduan, sejarah perhubungan Negara Brunei Darussalam dengan negeri Melaka akan disentuh dengan secara ringkas. Semoga ada manfaatnya dalam suasana kita ingin mengeratkan hubungan silaturrahim antara pemimpin negara di rantau rumpun Melayu yang pernah tercatat dalam sejarah kebesaran dan kecemerlangan bangsa Melayu. Diriwayatkan bahawa Melaka dan Brunei merupakan dua negara tua di lingkungan Alam Melayu. Melaka termasyhur sebagai Kerajaan Melayu yang memerintah seluruh Tanah Melayu dengan gagah perkasa dan berjaya. Brunei pula pernah memerintah keseluruhan Pulau Borneo hingga ke Pulau Luzon dan Sulu. Juga diriwayatkan bahawa kedua-dua raja yang memerintah Melaka dan Brunei pernah mengalami nasib yang sama diduduki oleh kuasa asing. Di Melaka, yang masyhur kaya dan gagah pada zaman itu, sebelum diperintah oleh British, pernah diperangi oleh Belanda dan juga Portugis yang akhirnya terus menakluki Melaka dalam tahun 1578 yang terkenal dengan Perang Kastila. Malangnya selepas empat bulan terpaksa keluar dari bumi Darussalam setelah diusir oleh tentera laut di bawah pimpinan Pengeran Bendahara Sakam.

Juga diriwayatkan, hubungan pertama antara Melaka dengan

* Beliau adalah Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam di Malaysia.

Brunei terjalin melalui perkahwinan. Pada zaman Kerajaan Melaka yang berkedudukan masa itu masih di Singapura dikenali oleh orang Brunei dengan nama Johor Kamalul Makam dengan raja bernama Sultan Mohamad Shah. Raja Brunei zaman itu disebut Awang Alak Betatar yang diberi nama Sultan Mohamad Shah seperti yang diriwayatkan dalam Sejarah China oleh seorang Utusan China ke Jawa yang pernah singgah di Puni (nama Brunei zaman itu) pada TM 1370. China menyebut Mohamad Shah itu dengan pelat *Ma-Ha-Mu-shia*.

Diriwayatkan, dalam *Hikayat Hang Tuah* pada zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah Melaka (1459 - 1477) ada seorang Putera Raja Brunei yang belayar mengembara hingga ke kawasan di Laut Melaka dan memanah layar kapal Hang Tuah dan layar itu gugur. Permainan pahlawan itu dibalas oleh Hang Tuah dengan memanah kemudi kapal Putera Raja Brunei itu yang menyebabkan kapal putera Raja Brunei itu tidak dapat meneruskan pelayarannya dan dibawa oleh Hang Tuah ke Melaka dan dibawa mengadap ke majlis Sultan Mansor Shah. Sesudah beberapa bulan di Melaka, dengan titah Sultan Mansor Shah, Putra Raja Brunei itu dihantar belayar balik ke Brunei.

Juga diriwayatkan, tatkala Tun Telanai mengetuai rombongan Utusan Sultan Mansor Shah ke China, sekembalinya dari China rombongan Tun Telanai telah singgah di Brunei. Pada masa itu Raja Brunei bergelar Sultan Sulaiman Ibnu Sultan Sulaiman Ibnu Sultan Syarif Ali. Semasa di Lapau, pengadapan rombongan utusan telah menceritakan pengalaman semasa mengadap dan berdatang sembah kepada Raja China, yang kononnya mereka sentiasa menundukkan kepala kerana kononnya tidak dibenarkan melihat wajah Raja China itu. Mereka telah mengatakan kegemaran orang Melayu makan kangkung yang dimasak panjang-panjang. Sewaktu makan kangkung itu mereka pasti mengangkat kepala untuk membolehkan mereka memasukkan sayur kangkung itu ke mulut mereka. Dengan berbuat demikian mereka berpeluang melihat wajah Raja China itu.

Pada awal tahun 1600 Masihi, ketika Portugis masih menguasai Melaka, telah diriwayatkan semasa Brunei di bawah pemerintahan Sultan Jalilul Akbar, seorang kerabat diraja Brunei dalam pelayaran menuju Mekah untuk menunaikan fardu haji, dan telah singgah ke Melaka.

Demikianlah diriwayatkan. Daripada apa yang dapat kita ikuti,

nyatalah perhubungan baik antara kedua-dua negara tua di alam Melayu ini telah terjalin dengan erat sejak beratus-ratus tahun dulu, berlanjutan hingga ke zaman kedua-dua negara tua itu diperintah dan dijajah oleh kuasa-kuasa asing. Sungguhpun demikian, perasaan ikhlas dan muhibah yang erat itu tersirat dalam corak kehidupan yang sedia terjalin.

Perpaduan serantau dalam bentuk kebudayaan, sosial dan berbagai-bagai aspek di antara negara di Nusantara ini diibaratkan pada pepatah "air ditetak takkan putus". Walaupun kita dipecah-belahkan oleh pemerintah yang menjajah dan dijajah oleh berbagai-bagai bangsa dari Barat waris serumpun yang tak lekang dek panas, tak basah dek hujan itu tetap mencintai corak hidup perpaduan dan persaudaraan yang diwarisinya.

Bahasa Melayu yang dipertuturkan di Brunei, Malaysia, Indonesia bahkan di bahagian Selatan Thailand dan Selatan Filipina menggambarkan ikatan kukuh yang tulen bagi penduduk di Nusantara yang mempunyai lebih 200 juta rakyat yang menggunakannya. Walaupun terdapat sedikit kelainan cara menuturkannya, tetapi ia adalah simpulan muhibah tali perpaduan dan persaudaraan serantau yang agung. Begitu pun juga dalam aspek pakaian, pemakanan, seni budaya sama ada dari segi ukiran, nyanyian atau tarian, warna kulit adalah fakta yang mencerminkan bahawa Alam Melayu yang kita diami ini ada tetap mencintai adat dan tatasusila kehidupan serantau yang mempunyai rumpun yang satu dan menghormati serta menghargai kedaulatan negara masing-masing.

Negara Brunei Darussalam, yang kecil dan sedang mengikuti perkembangan dunia luar dengan sepenuh daya usaha, sejak dulu lagi terus mempunyai perhubungan yang erat dengan negara-negara rumpun Melayu, terutamanya Malaya yang sekarang dikenali Malaysia. Sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, Brunei terus-menerus mengikuti ikatan perhubungan yang telah disulam dalam lipatan Sejarah perpaduan. Misalnya perhubungan Brunei dengan Maktab Durian Daun Melaka, Sultan Idris Training College, di Tanjung Malim, Malay College, Kuala Kangsar adalah antara tumpuan anak-anak Brunei menimba berbagai-bagai ilmu dan mengikat tali persaudaraan, untuk mengekalkan perpaduan serantau di Nusantara ini. Bahkan perasaan cinta muhibah yang dijalin melalui perkahwinan antara Sultan Brunei dengan putri diraja dari

Selangor pada pertengahan tahun 30-an adalah bukti ikatan persaudaraan antara negara terus diamalkan.

Perhubungan muhibah itu kian bertambah erat, bukan hanya setakat dari segi pendidikan, pembelajaran dan sosiobudaya malahan Brunei dan Malaya semakin mesra dalam awal tahun 1960-an apabila pegawai-pegawai kanan pentadbir Malaya masa itu dengan hasil perundingan persahabatan telah dipinjamkan ke Brunei untuk membantu pentadbiran di Brunei, iaitu sewaktu Brunei menyempurnakan Perlembagaan Negara yang bertulis. Ketika itu bukan hanya pegawai-pegawai kanan dalam bahagian pentadbiran bahkan pegawai kanan dari Pasukan Askar Melayu Malaysia juga dipinjamkan ke Brunei membantu penubuhan Askar Melayu Brunei. Brunei juga menghantar beberapa orang pegawai kadetnya berlatih di Pusat Latihan Pegawai Askar di Sungai Besi dan di Port Dickson. Begitu juga Brunei terus mengeratkan perhubungan itu dengan menghantar penuntut-penuntut yang semakin bertambah. Pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai pentadbir Brunei berkursus di tempat latihan yang tertentu. Kesemuanya ini membuktikan bahawa perhubungan baik yang memasukkan perasaan serantau itu terus diamalkan oleh Brunei dengan ingatan serta perasaan yang ingin melihat agar Perpaduan Serantau ini terus berkembang dengan subur dan rendang.

Menyentuh tajuk "Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik", Brunei Darussalam, seperti yang dinyatakan dengan secara ringkas, melalui lipatan sejarah antara Brunei dengan negara-negara di rantau rumpun Melayu, khasnya Melaka sejak awal kurun yang ke-14 lagi memang telah sedia terjalin dan terselit dalam lamiran sejarah. Hubungan diplomatik diteruskan dengan ikatan. Brunei tidak ketinggalan dengan menubuhkan perhubungan Diplomatiknya di merata-rata rantau di Asia dan dunia lain. Sebelum Brunei menjadi ahli ASEAN lagi Malaysia banyak memberi panduan yang baik kepada Brunei.

Dengan kemasukan Brunei menjadi ahli ASEAN, "Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan diplomatik" bukan hanya Brunei Darussalam menghulurkan perhubungan silaturrahim ke Malaysia dengan menubuhkan Suruhanjaya Tingginya berserta dengan pegawai-pegawainya yang sentiasa sedia setiap masa menunaikan kewajipan

sebagai pegawai diplomat. Tetapi perhubungan sesama pegawai kanan ASEAN adalah sentiasa berbincang dan bermesyuarat serta bertukar-tukar pendapat dalam mengeratkan perhubungan diplomatik, keselamatan serta berbagai-bagai aspek demi kebaikan dan kesejahteraan untuk keseluruhan ASEAN. Adalah diharapkan para pemimpin negara serantau, ahli akademik, para pencinta kebudayaan, usahawan dan bijak-pandai ekonomi serta setiakawan dan penganjur politik akan sentiasa membantu menyumbang dan memberi perhatian yang ikhlas bagi kecermerlangan cita-cita dan hasrat penduduk Serantau Rumpun Melayu ini akan terus tercipta dan berakar umbi subur dan menghasilkan baka yang berguna dan diredai Allah.

“Perpaduan Serantau Dalam Konteks Perhubungan Diplomatik” yang diungkapkan oleh ASEAN yang telah mencapai hampir 30 tahun ini bukan hanya dipopularkan oleh cerdik-pandai para diplomat dan pegawai-pegawai kanannya, tetapi juga direstui oleh setiap ketua negara dan ketua kerajaan yang sentiasa memikirkan kebajikan rakyat dan bangsa setiap masa. Adanya persefahaman dan saling mengiktiraf serta menghormati buah fikiran daripada para pemimpin dan ketua-ketua negara yang tercantum dengan tegap dan kukuh dalam organisasi setiakawan itu sudah tentu dapat menjadi payung pelindung untuk kita mendaki kemuncak perpaduan serantau dalam konteks diplomatik.

Daripada catatan ringkas melalui sejarah dan keadaan yang sudah dan sedang kita alami masa ini, kita berharap dan dengan penuh azam bahawa perbincangan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pada pemimpin serantau Rumpun Melayu akan dapat diwujudkan dan disemarakkan bagi menghasilkan keselamatan dan keamanan dan kestabilan rantau rumpun Melayu, dengan mengingati kata bahasa, “Bersatu kita teguh, bercerai kita runtuh” bersesuaian dengan cogan kata penganjur perbincangan di negeri bertuah Melaka, “Bersatu dan Bersetia Teras Pembinaan Negara”.

PERPADUAN SERANTAU DALAM KONTEKS PERHUBUNGAN DIPLOMATIK - ASEAN

*Dato' Abd. Majid Ahmad Khan**

SEPERTI yang tuan-tuan sedia maklum, antara objektif utama dasar luar negara Malaysia adalah untuk menjadikan negara ASEAN sebagai kawasan yang aman dan stabil, berasaskan kepada kerjasama kerajaan dan perpaduan serantau.

Malah ini juga adalah matlamat dan dasar negara-negara jiran Malaysia, kerana sebagai anggota ASEAN mereka ini semuanya terikat kepada prinsip persahabatan dan kerjasama yang mana semua anggota ASEAN dikehendaki mematuhi.

Di dalam konteks ini, keadaan ASEAN adalah antara yang terbaik dari segi keamanan dan kestabilan. Ini tidaklah bermakna kita tidak menghadapi masalah antara sesama jiran tetapi dalam konteks keseluruhannya dalam kebelakangan 10 tahun ini, negara ASEAN boleh dikatakan satu kawasan yang aman dan stabil. Ramai juga menggunakan perumpamaan keadaan ini sebagai "The Golden Era."

Bagaimanakah keadaan ini boleh wujud? Padahal identiti rantau ini malah tahap kerjasama dan perpaduan hanya tercapai dalam 30 tahun kebelakangan ini.

Negara-negara ASEAN telah berjaya mengadakan dan menamakan perpaduan ini melalui dua saluran. Saluran pertama melalui hubungan yang erat secara dua hala antara satu dengan lain dan juga antara anggota-anggota ASEAN.

Saluran kedua adalah melalui mekanisme ASEAN iaitu melalui pertubuhan yang mengutamakan konsep kesefahaman dan perpaduan serantau yang tidak dapat dijalankan dengan jayanya dalam kawasan ini.

Dengan perkembangan baru dan timbulnya skim segitiga mungkin saluran yang ketiga dapat merapatkan perhubungan serantau melalui sub-regional skim-skim yang ditubuhkan di kawasan-kawasan yang dikenali sebagai kawasan segitiga.

* Beliau adalah Ketua Pengarah ASEAN Kementerian Luar Negeri, Malaysia.

Kejayaan ini dapat dilihat dengan jelasnya, jika dibandingkan lanskap Asia Tenggara terutamanya melalui 3 aspek berikut. Asia Tenggara dahulunya dikenali sebagai satu lokasi di mana peperangan dan aktiviti subvertif sering berlaku. Pada masa itu juga dapat dilihat Vietnam terbahagi kepada dua dan penglibatan tentera Amerika Syarikat di negara tersebut.

Yang kedua, perasaan curiga antara jiran-jiran. Perasaan curiga ini membawa kepada hubungan dua hala yang kurang menyenangkan di samping melibatkan ketegangan di antara negara-negara jiran. Mungkin saudara-saudara masih lagi ingat di mana hubungan antara Malaysia-Indonesia, Malaysia-Filipina, Malaysia-Singapura, tidak begitu rapat pada masa itu.

Dalam aspek ketiga, negara-negara ASEAN terbahagi kepada 2 blok ideologi yang jelas iaitu komunis dan bukan komunis. Ideologi-ideologi ini sering bertentangan dan dapat dilihat dalam perang dingin.

Walau bagaimanapun kedudukan hari ini telah berubah. Hari ini kita dapat melihat negara-negara jiran hidup dengan aman dan saling hormat-menghormati serta terhapusnya peperangan, aktiviti-aktiviti subvertif dan juga pemberontakan.

Tetapi kita juga harus mengambil kira bahawa terdapat lagi ancaman kecil di kawasan-kawasan sempadan tetapi ini tidaklah merupakan satu perkara yang akan mengganggu kestabilan rantau ini.

Jadi kedudukan Asia Tenggara yang telah mencapai keadaan yang terbaik dalam sejarahnya dari segi keamanan dan kestabilan. Tidak dapat dinafikan bahawa perasaan perselisihan faham di antara anggota ASEAN tidak dapat diketepikan.

Terdapat beberapa perkara yang dapat mengubah keadaan ini. Salah satu faktor tersebut adalah keadaan ASEAN yang tidak lagi terbahagi kepada dua blok ideologi yang berbeza.

Kemasukan Laos, Vietnam dan Myanmar menjadikan faktor ideologi tidak penting lagi. Pada pendapat saya faktor ideologi ini adalah sebagai prinsip sahaja dan bukan sebagai satu ertikata praktikal.

Boleh juga dikatakan bahawa kejayaan ASEAN telah membolehkan inisiatif kerjasama di peringkat ekonomi dan di peringkat-peringkat kerjasama di bidang lain di mana telah membawa Asia Tenggara terkenal sebagai satu kawasan yang dinamik pada masa sekarang.

Tidak kurang pentingnya oleh kerana kewujudan persefahaman dan perpaduan di peringkat yang lebih besar iaitu dari segi rantau. Ini telah membolehkan ASEAN mengadakan inisiatif di peringkat subregion iaitu mewujudkan apa yang dikatakan sebagai kawasan segitiga (*expansion of Southeast Asia Group Areas*).

Kawasan-kawasan ini mempunyai 2 ciri. Ciri pertama merupakan kawasan-kawasan berdekatan dengan negara-negara anggota ASEAN yang merupakan 'the borderland of this country'.

Perkembangan ini telah menghidupkan semula hubungan tradisi, sejarah dan perdagangan dan perkara ini telahpun dibincangkan pagi tadi.

Ciri yang kedua, kawasan segitiga ini juga merupakan kawasan terdapatnya kumpulan-kumpulan etnik tertentu terutamanya etnik Melayu di Riau, Johor, Melaka, Selatan Filipina dan juga Selatan Thailand.

Maka telah timbul pula pendapat 'group triangle' ini dapat menghidupkan konsep The Global Strike yang telah diperkatakan oleh ramai penulis tetapi di dalam konteks kebangkitan rumpun Melayu di rantau ini.

Ramai juga penulis yang berpendapat bahawa 'the regenalization of Southeast Asia' telah menghidupkan balik semangat yang terdapat di kawasan-kawasan ini yang mana terputus semenjak kemerdekaan negara-negara Asia.

Pada pandangan saya, dengan hadirnya konsep 'group areas' ini dalam kerjasama ASEAN merupakan satu perkembangan yang positif terutama sekali konsep ini boleh membawa kepada pembangunan kepada kawasan-kawasan yang lama terbiar, kawasan-kawasan yang kurang maju di Selatan Filipina, Selatan Thailand dan juga di Kepulauan Sumatera dengan melibatkan tenaga kerjasama oleh negara-negara yang termasuk dalam rancangan ini.

Saya ingin mencadangkan beberapa polisi atau rancangan untuk menguatkan lagi perhubungan serantau terutama dalam konteks perbincangan kita hari ini.

Terutama sekali haruslah dibangunkan 'human resources Development' di kawasan ini kerana banyak yang telah diperkatakan bahawa kita harus mengadakan kerjasama pembangunan infrastruktur dalam pembinaan jambatan, hidroelektrik, dsb.

Dengan ini program-program ini tidak ada salahnya, tetapi pengalaman kita telah menunjukkan bahawa untuk menjayakan projek-projek ini, kita harus mempunyai tenaga mahir kerana di sesetengah kawasan, kemahiran masih berada di 'zero level'.

Jadi untuk pulangan hasil daripada kerjasama ini, tumpuan utama harus diberikan kepada 'human resources development' kerana padanya program ini kita akan mempunyai pakar-pakar tenaga pekerja untuk membangunkan projek-projek yang dirancang.

Yang kedua, kita harus juga mewujudkan hubungan dalam semua bentuk kerana kawasan ini pun telah terpisah lama. Kita boleh menyingkap sejarah pada kurun ke 15 dan 16 tetapi setelah terputus selama 400-500 tahun kita hidupkan balik hubungan ini.

Saya faham banyak juga pihak yang mengemukakan agar diadakan pertukaran-pertukaran di peringkat akademik, kerajaan dan kebudayaan dan juga antara anggota-anggota kerajaan dan majlis-majlis tempatan di kawasan-kawasan tersebut.

Perkara ketiga yang harus digalakkan adalah memudahkan pergerakan rakyat antara satu daerah dengan daerah lain seperti keperluan dokumentasi dan cukai barangan yang dibawa. Kerana ini masih lagi merupakan halangan kepada pergerakan yang lebih bebas.

Dengan adanya pergerakan di kawasan-kawasan ini kita dapat memajukan ekonomi serta memperbaiki perhubungan di antara mereka.

Di sini rancangan-rancangan yang diadakan di antara Brunei, Selatan Filipina, Sabah dan Sarawak adalah menggalakkan. Salah satu program yang dijalankan ialah 'open-sky' di mana diadakan kebebasan penerbangan negara-negara ini untuk tujuan pelancongan.

Ini dapat kita contohi dari kawasan-kawasan lain. Selain daripada itu, mungkin satu cara lain untuk membangunkan kawasan adalah dengan mengadakan acara di peringkat kebangsaan seperti mesyuarat antarabangsa ataupun sukan-sukan di bandar-bandar ataupun di kawasan-kawasan tersebut.

Ini dengan sekaligus akan membangunkan dan memberikan lebih tarikan pada kawasan-kawasan. Syaratnya kawasan ini mestilah lengkap dengan infrastruktur seperti kemudahan hotel dan pengangkutan.

Pada pendapat saya, ini adalah antara infrastruktur yang harus diutamakan untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Dalam

konteks peranan negeri Melaka ini, kita dapati Melaka ada sejarah yang begitu gemilang dalam kurun ke 15 dan 16 dan juga Kesultanan Melayu Melaka pada ketika itu telah mengadakan hubungan diplomatik yang penting dengan negara luar seperti dengan China dan India, malah telah menjalankan amalan hubungan antarabangsa dan juga menjadi tapak penyiaran Islam di samping mewujudkan protokol di istana.

Ini merupakan satu 'heritage' atau aset kepada kerajaan ini dan saya harap ekoran daripada perbincangan yang diadakan selama dua hari ini, rumusan-rumusan dapat diambil untuk Melaka di barisan hadapan dalam peranan ini.



Pemuda



PERANAN GENERASI MUDA DALAM HUBUNGAN SERANTAU

*Datuk Dr. Abdul Latiff Abu Bakar**

GAGASAN Serumpun atau Serantau Sebudaya di Alam Melayu hendaklah dipopularkan kepada generasi muda. Ia hendaklah didedahkan dengan sejarah dan perhubungan kebudayaan yang berkait-kait di Rumpun Melayu. Masyarakat yang mewarisi tamadun Rumpun Melayu yang tinggi nilainya hendaklah diper-tahankan dan diperkembangkan.

Negara-negara di Rumpun Melayu terutama Indonesia, Malaysia dan Brunei hendaklah mengambil daya utama mengadakan program-program yang berhubung-kait ekonomi dan sosiobudaya demi mewujudkan perpaduan serantau dengan mengadakan kegiatan dan kerjasama ekonomi, kebudayaan dan kesenian di Rumpun Melayu. Kegiatan seni-budaya serumpun yang mendapat perhatian masyarakat seperti seni-tari, joget, zapin, inang, randai; lagu-lagu warisan seperti keroncong, ghazal dan dondang sayang hendaklah dipopularkan di kalangan generasi muda seperti mengadakan pertandingan konsert, diskusi dan sebagainya.

Malaysia dan Indonesia hendaklah memainkan peranan penting mengadakan program pemuda serumpun, terutama mengadakan siri program pertukaran pemuda dan mengadakan program tahunan yang mantap dan kekal. Sehubungan itu, Komiti Pemuda Nasional Indonesia (KPNI)

* Beliau adalah Profesor Madya dan Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya; Ketua Dua GAPENA dan Naib Pengerusi MAYC Negeri Melaka.

di bawah Kementerian Pemuda dan Olahraga Indonesia hendaklah bekerjasama dengan Majlis Belia Malaysia atau Kementerian Belia dan Sukan Malaysia seperti pertukaran belia dan program Kapal Serumpun.

Program Kapal Serumpun boleh dirancangan setiap tahun. Perjalanannya boleh dirancangan melalui laluan lautan di bekas kegemilangan Empayar Sriwijaya, Majapahit, Kesultanan-Kesultanan Melayu seperti Kalimantan, Sulawesi, Jawa, Aceh, Melaka, Patani, Mindanao dan sebagainya. Buat permulaan, ia boleh dirancangan melalui laluan Selat Melaka hingga ke Laut Jawa yang melibatkan Kegemilangan Empayar Sriwijaya, Majapahit dan Kesultanan Melayu Melaka. Peserta perlu dibawa ke tempat-tempat sejarah, mengenali budaya serumpun dan menjalinkan hubungan di kalangan masyarakat setempat.

Menjelang pembinaan jambatan dari Dumai (Riau) ke Linggi (Melaka), pihak pimpinan pemuda Malaysia-Indonesia seharusnya membuat perancangan dari sekarang bagi mewujudkan rasa kekeluargaan dan ikatan Rumpun Melayu di kalangan generasi muda. Projek seperti Kampung Angkat - program-program pemuda ke kampung-kampung dan projek pembangunan seperti kawasan industri dan perdagangan serta kota-kota dan sebagainya boleh diadakan.

Projek-projek pembangunan ekonomi hendaklah digalakkan di kalangan generasi muda di Rumpun Melayu. Peluang perniagaan hendaklah kepada generasi muda melalui program-program perniagaan dan perdagangan. Bagi mewujudkan golongan pemuda bergiat dalam bidang ekonomi, pucuk pimpinan pemuda hendak mengadakan program diskusi peringkat Rumpun Melayu dan usahawan yang telah berjaya hendaklah memberi dorongan dan berkongsi niaga bersama usahawan muda di Rumpun Melayu.

Program pertukaran pelajar dan mahasiswa hendaklah diadakan setiap tahun di kalangan negara di Rumpun Melayu. Projek keluarga angkat pula hendaklah digalakkan bagi mendedahkan pemuda kepada kegiatan kemasyarakatan dan memahami serta menghormati adat-resam dan budaya serumpun.

Pengaruh muzik warisan dan moden di Rumpun Melayu juga boleh mewujudkan rasa kemesraan dan kekeluargaan serumpun. Di samping lagu-lagu serumpun dipopularkan, negara-negara serumpun boleh mengambil inisiatif mengadakan pertandingan atau konsert lagu-lagu

warisan rumpun Melayu seperti ghazal, keroncong, dondang sayang, lagu asli dan sebagainya. Begitu juga pertandingan atau persembahan tarian warisan. Usaha pernah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Johor seperti persembahan ghazal dan zapin. Rumpun Melayu harus diteladani oleh negeri/propinsi di Rumpun Melayu.

Kementerian Penerangan di Rumpun Melayu (terutama melalui TV) hendaklah mengadakan program yang melibatkan generasi muda dalam perkembangan negara-negara di Rumpun Melayu. TV Nusantara yang dirancang di Malaysia boleh memainkan peranan penting bagi mewujudkan rasa kekeluargaan di kalangan warga Rumpun Melayu, khususnya generasi muda.

Negara-Negara di Rumpun Melayu perlu memperbanyak biasiswa dan peluang pelajaran di kalangan generasi muda. Mereka hendaklah didedahkan dengan ilmu teknologi maklumat dan subjek yang mencabar seperti ekonomi, sains dan teknologi bagi mengisi keperluan tenaga buruh. Di samping itu mereka hendaklah didedahkan semangat cinta dan memperkembangkan bahasa Melayu dan kebudayaan kebangsaan di peringkat antarabangsa.

Pertemuan dan diskusi berhubung seni-budaya dan sastra harus digalakkan di kalangan generasi muda. Mereka harus digalakkan menghasilkan karya sastra yang dapat membina dan menjadikan hubungan Rumpun Melayu. Usaha gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) mengadakan Perkampungan Penulis GAPENA - Indonesia 1995 di Padang Indonesia harus diperluaskan di daerah Rumpun Melayu yang lain. Karya-karya yang dihasilkan PPG ini dapat membantu usaha kita mempererat perhubungan generasi muda di Rumpun Melayu.

Kegiatan-kegiatan keagamaan perlu juga diambil perhatian. Pertemuan dan perbincangan mengenai peri pentingnya ajaran agama Islam di kalangan generasi muda hendaklah diadakan, terutama di kalangan persatuan belia dan mahasiswa peringkat Rumpun Melayu. Parti politik pemerintah di Rumpun Melayu perlu juga memesatkan gerakan pemudanya bagi menjalin hubungan dengan negara-negara di rumpun Melayu. Pertemuan yang dilakukan oleh Angkatan Muda Pembangunan Indonesia (AMPI), GOLKAR dengan Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia bagi membincangkan perhubungan dan perpaduan serantau haruslah digalakkan.

PERANAN GENERASI MUDA DALAM HUBUNGAN SERANTAU-PANDANGAN INDONESIA

*Erman Syamsuddin**

Peranan Generasi Muda Dalam Pembangunan Bangsa

GENERASI muda adalah harapan bangsa dan mata rantai paling asas yang menghubungkan masa sekarang dengan masa depan, meskipun ia merupakan hasil masa lampau. Sebagai sumber insani pembangunan generasi muda perlu disiapkan dan diarahkan agar berperanan aktif mengisi pembangunan bangsanya. Oleh sebab itu generasi muda tidak hanya menjadi objek pembangunan, tetapi harus mampu menjadi subjek atau pelaku pembangunan itu sendiri. Untuk menjalankan peranan yang sangat penting ini, pembinaan dan pengembangan potensi generasi muda harus dilakukan sejak ini dan terus-menerus. Dengan upaya ini, diharapkan generasi muda memiliki kepekaan yang tinggi terhadap tanggung-jawab dan cabaran masa depan yang semakin kompleks.

Menghadapi era global dengan masyarakatnya yang medunia, suatu bangsa, betapa pun majunya, tetap tidak akan mampu hidup sendiri. Setiap negara memiliki berbagai-bagai keterbatasan (sumber tenaga alam atau sumber tenaga manusia). Dengan demikian hubungan saling ketergantungan antara satu negara dengan yang lain menjadi bahagian dari proses alamiah dalam peristiwa kehidupan berbangsa dan bernegara. Ketergantungan dalam konteks ini bukan mengurangi upaya pemandirian suatu bangsa, tetapi suatu kenyataan yang harus difahami oleh penduduk dunia yang hidup pada era yang sama.

Masyarakat Melayu dalam Perjalanan Sejarah

Perkembangan ekonomi yang sangat pesat di Asia Tenggara pada dekad terakhir ini menjadikan rantau itu sebagai kawasan yang memiliki tingkat pertumbuhan tercepat di dunia. Kemajuan ini mengisyaratkan adanya kerja keras dan kerjasama antarabangsa yang dinamis yang hidup di kawasan ini.

* Beliau adalah Kepala Bidang Pembinaan Generasi Muda, Kantor Wilayah Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Propinsi Sumatera Barat, Indonesia.

Letak geostrateginya yang menghubungkan jalur utama samudra Indonesia dan samudra Pasifik, antara benua Asia dan Australia ini membuat negara-negara Asia Tenggara menjadi pusat perhatian dunia. Bangsa Cina dan India memberikan perhatian itu dalam konteks hubungan dan perluasan perdagangan, kebudayaan dan keagamaan. Bangsa Portugis menaklukan kawasan ini melalui Selat Melaka pada tahun 1511 dan sejak itu bangsa-bangsa Eropah lain berdatangan untuk memperluas hegemoniya.

Semenjak Perang Dunia Kedua bangsa rumpun Melayu yang mendiami hampir sebahagian besar kawasan Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand bahagian selatan dan Filipina bahagian selatan) ini mulai bangkit berjuang melepaskan diri dari segala bentuk penjajahan dalam erti yang sesungguhnya.

Kondisi wilayah, perekonomian dan situasi politik yang berubah akibat Perang Pasifik mempertinggi kesedaran bangsa serantau untuk tetap bersatu memperjuangkan tanah leluhurnya dan mengejar ketertinggalannya akibat penjajahan. Keinginan untuk bersatu berakar dari kesamaan dalam beragama, budaya, perjuangan dan pengalaman sejarah bahawa kepentingan bangsa serumpun dengan berbagai-bagai keragaman budaya, politik dan sosial ekonomi hanya dapat dicapai dan dipertahankan dengan memupuk rasa persatuan. Keinginan yang disekat oleh hubungan ekosional yang kuat ini tidak hanya dijadikan simbol dan ungkapan klise, tetapi harus menjadi dasar perjuangan menghadapi cabaran global.

Generasi muda serantau sebagai bahagian daripada masyarakat rumpun Melayu memiliki tanggungjawab yang sama dalam menjayakan program kemitraan di antara negara dan propinsi yang ada di kawasan ini. Sesuai dengan kemampuan yang dimiliki, generasi muda harus menyumbangkan partisipasi aktifnya dalam mengembangkan kerjasama yang harmonis dan produktif dalam berbagai-bagai bidang. Bentuk partisipasi yang dituntut bukanlah sekadar menjadi 'figuran' atau pelengkap, tetapi sesuai dengan dunianya yang kaya dengan *kreativitas* generasi muda harus mampu mencapai peluang kerjasama, menerobos cabaran, serta mempertahankan dan meningkatkan kerjasama itu sendiri. Kerjasama yang hendak diciptakan adalah kerjasama langsung yang mempunyai tindak lanjut, daya guna dan hasil guna bagi seluruh pihak terkait.

Cabaran Generasi Muda Dalam Menghadapi Era Globalisasi

Berbagai-bagai isu global dewasa ini menjadi bahagian dari tugas rumah (*homework*) generasi muda serantau sebagai pemimpin pada masa depan. Kemajuan ilmu teknologi maklumat (IT), derasnya arus informasi dan peningkatan taraf perekonomian masyarakat berdampak (positif dan negatif) bagi kehidupan berbangsa, bernegara dan beragama. Di tengah-tengah keasyikan kita menikmati hasil iptek kita harus berhati-hati terhadap berbagai-bagai ancaman yang ditimbulkan oleh kemajuan IT, itu sendiri yang cenderung menimbulkan pendangkalan keyakinan, mempertebal egoisme dan mengancam persatuan dan kesatuan.

Hampir semua negara risau dengan masalah ekonomi, politik, kebudayaan, sosial serta IT. Masing-masing negara berusaha dengan caranya dan kadang-kadang bekerjasama dengan negara lain untuk melakukan alih IT sekaligus memasarkan hasil-hasilnya. Disadari bahawa sebuah negara maju tidak mahu begitu saja memberikan hasil ITnya kepada negara lain, kerana pertimbangan biaya, keahlian dan waktu yang telah dicurahkan untuk penemuan itu, belum lagi pertimbangan keunggulan kompetensi yang harus dijaga. Oleh sebab itu, kawasan dan negara berkembang harus berusaha lebih keras memperoleh IT yang canggih, dengan mengembangkan kerjasama yang harmonis di antara negara yang membutuhkan (di antaranya rantau Rumpun Melayu.)

Kemampuan bangsa serantau untuk menjadikan bangsa yang maju pada abad 21 telah dimulai sejak lama dalam program pembangunan yang terencana, seperti Wawasan 2020 di Malaysia dan JPJ II (Program Pembangunan Jangka Panjang) di Indonesia. Pertanyaan kemudian, apakah peradaban bangsa serantau secara historis cukup kondusif mengantarkan kita menjadi masyarakat dunia yang memiliki keseimbangan duniawi dan ukhrawi. Kita menyedari bahawa pola hidup masyarakat Melayu yang mengutamakan gotong-royong (kerjasama) sangat memungkinkan terwujudnya suatu masyarakat Melayu baru yang mampu bersanding dan bersaing dengan bangsa lain pada abad yang serba canggih ini. Namun demikian, kita juga sedar bahawa dalam pengembangan pengurusan dan kepemimpinan, pola tradisional Melayu yang pada umumnya bersifat inkuisitif, tidak proaktif, cenderung memperlambat gerak pembangunan. Sementara itu, dunia dalam era global

dengan pasaran bebas dan persaingan ketat menuntut perubahan yang sangat besar dalam pola berfikir dan bertindak masyarakat. Dalam hal ini, generasi muda harus siap dengan perubahan tersebut dengan memanfaatkan secara maksimum, bukan justru terperangkap oleh pengaruh negatifnya.

Cabaran berat yang dihadapi generasi muda serantau adalah bagaimana melestarikan nilai-nilai luhur ideologi bangsa di tengah gempuran hegemoni budaya asing. Hal ini tidak dapat dihindari kerana lompatan teknologi informasi selalu membawa persoalan dan cabaran baru yang kadang-kadang mengejutkan kemapanan ideologi dan sistem nilai budaya masyarakat yang dianut.

Faktor yang menentukan kemajuan bangsa pada masa depan adalah sumbertenaga manusia. Tentunya kualiti SDM yang diperlukan adalah SDM yang memiliki keunggulan komperatif (daya saing) global dan regional dalam memiliki dan mengatur secara baik semua bidang kehidupan seperti IT, budaya, ekonomi dan politik. Keunggulan komperatif untuk menghasilkan sesuatu yang inovatif yang tidak hanya berguna untuk meningkatkan kemakmuran negerinya sendiri, tetapi juga dapat disumbangkan kepada umat manusia sebagai penghargaan humanisme universal.

Ciri utama masyarakat industri adalah terlalu menggantungkan semua bidang kehidupan manusia kepada produk teknologi dengan sendirinya membuat manusia mendewakan akal (*rasionalisme*) dan memuja alam bendawi (*materialisme*). Seluruh problem kehidupan dipecahkan melalui pertimbangan akal dan kebendaan yang menyeret manusia ke dalam perangkap sekularisme dan individualistis. Teknologi menuntut adanya kemampuan dan ketrampilan individual yang tidak dapat diwakilkan kepada orang yang tidak memahaminya.

Dalam menghadapi tuntutan profesionalisme abad baru, generasi muda serantau yang sangat kaya akan sumber daya alam dan sumber daya manusia ini perlu bahu-membahu membentuk generasi yang dapat bersaing sekaligus dapat menghadapi cabaran era globalisasi. Sedar akan segala keterbatasan yang ada, melalui kegiatan kerjasama dalam pendidikan dan latihan keterampilan generasi muda serantau dapat saling mengisi, meningkatkan dan membantu untuk kemajuan bangsanya dan rantau rumpun Melayu pada umumnya.

Akibat persaingan yang semakin ketat ini, generasi muda harus *survive* dari sekarang. Kalau tidak kita akan kalah, dan kita harus segera mempersiapkan calon pemimpin (dari kalangan generasi muda) yang akan melanjutkan roda pemerintahan dalam 25 tahun akan datang. Di samping daya saing dan profesionalisme yang tinggi, kerjasama tetap dibutuhkan kerana faktor saling ketergantungan selalu tidak dapat dielakkan. Dalam hal ini, konsep kerjasama yang perlu dibina adalah dalam bidang keterampilan dan pengembangan wawasan tentang negara serumpun. Perubahan sosial dan budaya tidak dapat dihindari, kerana terjadi secara alamiah sesuai dengan kemajuan/perkembangan manusia itu sendiri. Yang perlu difikirkan dan diusahakan adalah langkah-langkah antisipasi terhadap pengaruh negatif daripada perubahan tersebut.

Bersamaan dengan upaya peningkatan IT, usaha yang dapat dilakukan adalah mengusahakan kegiatan pembinaan dan peningkatan keimanan dan ketaqwaan terhadap generasi muda, baik melalui keteladanan dari pimpinan mahupun kegiatan-kegiatan keagamaan. Dengan keyakinan dan keimanan yang sama peningkatan iman dan taqwa akan menjadi dasar yang kukuh bagi upaya peningkatan persatuan dan kerjasama antarabangsa serumpun.

Nasionalisme sebagai pernyataan kesetiaan dan rasa cinta pada negara dan bangsa mengandung harapan sebagai landasan bagi kemajuan rakyat secara adil beradab. Tugas berat generasi muda adalah merefleksikan nasionalisme dalam kondisi internal dan eksternal negara dan bangsa yang tengah mengalami perubahan besar ini. Bagaimanapun, nasionalisme tetap relevan pada masa-masa mendatang dengan mengadaptasi refleksinya dengan kondisi internal dan eksternal yang ada. Hanya dengan semangat nasionalisme generasi muda dapat menjaga dan meningkatkan persatuan dan kesatuan bangsa. Dengan semangat nasionalisme pula kita membangun kepercayaan dan kerjasama antarabangsa serumpun serta memerangi pengaruh budaya asing yang akan merugikan keutuhannya.

Kerjasama Regional Sebagai Alternatif

Salah satu alternatif untuk menghadapi cabaran global di kawasan serumpun adalah melalui kerjasama tiga negara yang dikenal dengan

Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dan Indonesia Malaysia Singapura Growth Triangle (IMS-GT). Dengan adanya kerjasama ini, peluang kita semakin besar untuk melaksanakan kerjasama regional dalam bidang sosial budaya, dan pertahanan keamanan khususnya di bidang pembinaan generasi muda di kawasan serantau, di samping kerjasama yang telah dan akan dibina pada bidang masing-masing.

Mengingat banyaknya potensi kerjasama yang dapat dikembangkan antara negara-negara yang serumpun dalam berbagai-bagai bidang, pemerintah dan organisasi kepemudaan berkait perlu lebih aktif dalam mencari peluang kerjasama melalui berbagai-bagai pertemuan. Dengan adanya dua bentuk kerjasama tersebut pelbagai peluang dan kerjasama lanjutan akan terbuka terutama dengan saudara kita di Filipina Selatan, Brunei dan Thailand Selatan. Hal ini terlaksana atas tekad akan semangat kekerabatan kita semua.

PERANAN GENERASI MUDA DALAM HUBUNGAN SERANTAU-PANDANGAN MBM

*Dato' Suhaimi Ibrahim**

HARI ini kita menghadapi dunia penuh cabaran, mahu tidak mahu kita sedang berada di tengah-tengah suatu suasana arah pembangunan sosioekonomi dan politik berdasarkan gagasan tatabaru dunia "The New World Order". Perubahan-perubahan ini tentunya akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi, sosial, politik sejagat dan tentunya kita harus memerhati suasana-suasana yang berubah ini penuh perasaan prihatin. Adalah suatu yang diharapkan dengan peranan generasi muda yang bakal mewarisi pimpinan negara dapat diberi pendedahan memahami konsep yang lebih luas bagi menangani perubahan dan cabaran yang berlaku.

Justeru itu, pertemuan serantau ini tidak hanya menekankan soal-soal bahasa dan budaya semata-mata, tetapi harus dilihat dalam perspetif yang lebih meluas dengan peranan yang lebih mencabar bagi menentukan para belia dapat terus memainkan peranan yang cukup berkesan bagi menentukan kesinambungan kepimpinan serta kecemerlangan bangsa. Dalam perkembangan arus *global village*, dunia tanpa sempadan dengan dasar langit terbuka disertai dengan ledakan teknologi maklumat kecanggihan perkhidmatan dan bekalan menuntut generasi muda bersikap dan bertindak global dan futuristik, tidak lagi seperti 'katak di bawah tempurung atau pemikiran statik.

Kita menekankan bahawa sikap kepimpinan dan peranan kepimpinan generasi hari ini perlu dikuatkan dalam Konteks Pembinaan Negara Bangsa (*Nation Building*). Kita amat yakin rantau ini amat memerlukan tenaga muda yang kuat, berkebolehan dan berkemahiran, berkualiti, bermoral, berilmu dan sebagainya. Pemimpin-pemimpin muda hari ini perlu sedar dan membuktikan bahawa kita mampu dan bersedia untuk bersaing sama dengan negara-negara maju seperti Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan lain-lain. Dengan ilmu dan keupayaan yang ada, kita perlu mengolah mengikut acuan dan citarasa.

Fenomena yang berlaku pada akhir-akhir ini menuntut kita supaya terus menggemblengkan tenaga generasi muda supaya lebih berkesedaran

* *Beliau adalah Presiden Majlis Belia Malaysia*

terhadap yang berlaku dan memperkukuhkan perjuangan dan kepentingan serantau. Dalam usaha untuk meletakkan bangsa ini di mata dunia sebagai suatu bangsa yang disanjung dan dikagumi, adalah perlu mengorak langkah ke arah pembinaan generasi muda yang berwibawa dan bermaruah kerana pada asasnya golongan muda sekarang yang berumur antara 25 hingga 40 tahun bakal menyokong kepimpinan di samping mempunyai peranan yang amat penting dalam persatuan, sosiopolitik di rantau Pasifik ini menjelang abad baru ini.

Kesedaran budaya harus menghubungkan generasi muda kita kepada ilmu. Bangsa yang tidak berilmu merupakan bangsa yang tidak dapat melahirkan tradisi pemikiran dan intelektual yang lebih luas. Usaha-usaha kerajaan di rantau ini memperkenalkan nilai-nilai sejagat (*universe values*) adalah merupakan satu titik pertemuan ke arah perpaduan. Kita ingin, menggambarkan beberapa pandangan tentang arah masa depan generasi kita menjadi bangsa yang maju:

- 1) Bahawa kita tidak perlu meniru bangsa-bangsa lain yang sudah dianggap maju. Kita sepatutnya menjadi bangsa yang maju mengikut acuan kita.
- 2) Bangsa tidak hanya dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi bangsa yang maju sepenuhnya dalam semua bidang ekonomi, politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan kebudayaan.
- 3) Bangsa yang mampu meneroka dan menguasai sains, teknologi, perubatan dan pendidikan.

Generasi muda yang kita perjuangkan ialah sebagai bangsa yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan mahir serta menguasai sepenuhnya dalam ekonomi, progresif dan mahir serta menguasai ekonomi. Ini penting kerana banyak bangsa yang dianggap maju hari ini sebenarnya hanya maju dalam bidang tertentu sahaja, terutamanya ekonomi dan tidak dalam semua bidang.

Dasar dan falsafah pembangunan bersepadu yang pelbagai dimensi ini amat penting dalam membentuk generasi muda yang bukan sahaja saintifik dan progresif, tetapi juga bermoral dan beretika dan memiliki kekuatan dalaman diri yang dapat menghadapi sebarang cabaran alaf baru. Generasi muda sebagai golongan yang mempunyai peranan yang unik dan strategik dalam kepimpinan dunia/global masa depan, sudah sewajarnya

memainkan peranan yang tersendiri sebagai pencinta ilmu, sebagai penegak kebenaran dan keadilan, sebagai pemimpin pelapis demi bangsa yang cemerlang dan gemilang. Sudah tentu kita mahu melihat pemimpin belia yang berwibawa serta kaya dengan idealisme dan aktivisme perjuangan.

Matlamat dan arah perjuangan yang abadi, utama dan terakhir, dan yang membentuk *vision* dan *mission* perjuangan, serta yang menjadi prinsip dan dasar setiap kegiatan dan perlakuan ialah perjuangan membawa manusia mengabdikan diri sepenuh dan seutuhnya kepada Tuhan, Matlamat ini perlu dicapai dengan pengisian yang mencakupi seluruh dimensi dan spektrum kehidupan yang termampu oleh generasi muda yang meliputi:

- i) Pembinaan peribadi sempurna.
- ii) Pembinaan generasi muda cemerlang.
- iii) Pembinaan bangsa/masyarakat cemerlang.
- iv) Pembinaan negara yang cemerlang.
- v) Pembinaan dunia yang sejahtera.

Jika dilihat dari beberapa segi, kepemimpinan ternyata gerakan generasi muda kita telah berjaya melahirkan bukan sahaja pemimpin belia, tetapi juga pemimpin negara dalam pelbagai bidang malahan pemimpin serantau dan pemimpin dunia. Kita tidak lagi mahu melihat sebagai golongan muda yang malas, masih tidak membangun dan tidak lagi 'moyok', tidak lagi bersikap kebaratan, membebaskan diri daripada penyakit neo-kolonialisme dan *inferiority complex*, berubah dengan cepat dan bertekad dan muncul sebagai bangsa dan negara yang berlabel baru melalui acuan sendiri.

Dalam dunia moden abad ke-20, terdapat tiga bangsa yang telah memimpin dunia dalam satu bidang dan telah mencipta jenamanya dalam bidang masing-masing:

- i) Bangsa Amerika, iaitu bangsa yang pertama yang mencipta dan mengeluarkan kereta.
- ii) Bangsa Jerman, iaitu bangsa yang pertama mencipta dan mengeluarkan kamera.
- iii) Bangsa Swiss, iaitu bangsa yang pertama mencipta dan mengeluarkan jam.
- iv) Tetapi pada akhir-akhir abad ini lahir bangsa Jepun dengan daya kreatif, inovasi, kemahiran, daya saing dan kini sudah mampu bersaing dengan ketiga-tiga bangsa yang terdahulu, iaitu secara *single handed*. Ini yang harus dimainkan oleh generasi muda dan harus mempunyai

wawasan untuk mencipta jenama unggul dan mencipta nama di pentas antarabangsa.

Generasi muda di rantau ini harus lebih peka dan bersikap futuristik dengan mengambil kira ramalan masa depan dunia, tentang kesan pasca Perang Dingin, New World Order, globalisasi, dan *borderless world*, kebangkitan Pacific Rim, kebangkitan semua zaman seni, kemunculan "para money" (*smart card* dan *programme card*) serta perubahan dan perkembangan yang merebak dalam semua bidang.

Kita menghendaki generasi muda yang sedia mengubah sikap kepada yang kurang aktif kepada yang proaktif, kepada pengguna kepada pencipta dan daripada penunggu kepada penggerak, daripada pembeli kepada pengeluar. Kita harus berfikir bahawa generasi muda kita boleh dan mampu mengubah dunia, dan jika ada orang yang boleh dan mampu mengubah dunia, maka merekalah orangnya. Ini bertentangan dengan pemikiran *not invented here* atau *not my department* yang tidak menjanjikan masa depan yang gemilang.

Persoalan akhlak tidak hanya terhad kepada pembinaan diri sebagai insan. Ia meliputi juga persoalan persediaan untuk mendepani negara industri dengan segala kesan yang merisaukan. Ramai yang percaya bahawa perindustrian merupakan kemuncak kejayaan sains dan teknologi semasa. Tetapi ramai juga yang risau jika bangsa itu terpaksa juga berdepan dengan kesan-kesan negatif yang melanda bangsa maju.

Hubungan serantau telah terjalin sejak berabad yang silam. Keadaan ini terjadi berasaskan kepada kedudukan dalam lingkaran gugusan kepulauan Melayu dan tergolong di bawah "Rumpun Melayu". Hubungan telah terjalin sejak zaman kegemilangan kerajaan Majapahit berterusan ke zaman keagongan Kerajaan Melayu Melaka, hinggalah ke zaman pejuang melawan kolonilisme. Keadaan ini mungkin disebabkan kedudukan geografi dan hakikat rantau ini memiliki kekayaan yang serupa. Hanya melalui kerjasama ini, banyak hal dan tindakan dapat dilakukan bersama demi kemajuan dan kesejahteraan sejagat. Strategi keselamatan merupakan faktor kepentingan serantau yang sememangnya saling bergantung antara satu sama lain. Boleh dikatakan rakyat di rantau ini mempunyai latar belakang pengalaman yang hampir serupa di mana pernah dipengaruhi oleh Hindu, Buddha, Islam dan Kristian. Hubungan ekonomi dan Budaya antara negara telah berakar umbi sejak ratusan tahun yang silam, iaitu sejak zaman prakolonial dan era penjajahan.

PERANAN GENERASI MUDA DALAM HUBUNGAN SERANTAU-PANDANGAN THAILAND

Ahmad Idris Waruwit*

Pendahuluan

DAERAH yang dinamakan Rantau Melayu terdiri daripada dua bahagian penting, iaitu Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*) dan Semenanjung Melayu (*Malay Peninsular*). Rantau Melayu amat penting kerana ia menjadi tempat pertembungan dan juga tempat tumpuan pedagang-pedagang asing dari sebelah barat seperti Arab, Parsi, India, Portugis, Belanda dan sebagainya ataupun dari sebelah timur seperti China. Pada abad yang ketujuh belas, seluruh Asia Tenggara terikat dalam jaringan perdagangan yang rumit dan hebat. Perdagangan itu tidak hanya melibatkan penyaluran dagangan antara India dan China, tetapi perdagangan di Asia Tenggara sendiri sangat penting, malahan mungkin lebih penting lagi. Ketersebaran komoditi niaga ini sejajar dengan ketersebaran budaya pula. Salah satu unsur jaringan Asia Tenggara abad ketujuh belas ini adalah Bahasa Melayu. Menurut Reid (1988), Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa utama dalam urusan masyarakat pedagang di seluruh Asia Tenggara. (*Dewan Bahasa*, 1992: 485).

Memandang kepada kegemilangan bangsa dan bahasa Melayu di rantau ini pada masa silam, maka eloklah satu tinjauan tentang perspektif peranan generasi muda hari ini perlu dilakukan demi untuk menentukan sikap muda-mudi Melayu di rantau ini dalam rangka perhubungan serantau.

Perhubungan Bidang Kebudayaan Dan Sukan

A.Aziz Deraman (1992: 12-13) menyebut tentang rumpun Melayu di rantau ini bahawa bangsa serumpun dan negara-negara serumpun Melayu memang mempunyai segala kekayaan. Kaya dengan lebih 200 juta

* Beliau adalah Pensyarah Jabatan Bahasa-bahasa Timur, Fakulti Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Universiti Price Of Songkla, Pattani.

umatnya, kaya dengan jumlah penutur bahasa asas yang sama, kaya dengan hasil buminya, kaya dengan flora dan faunanya dan kaya dengan warisan sejarah dan kebudayaannya. Sejarah ketamadunan Melayu yang panjang itu telah meninggalkan pusaka kebudayaan yang amat tinggi mutu dan nilainya. Melaka pada abad-15, sebagai sebuah empayar besar, berpe-ngaruh di seluruh Tanah Melayu dan Sumatera, telah bertindak sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Barat dengan Timur, pusat penyebaran ilmu, pusat pengaruh-pengaruh tamadun asing berkembang dan menerap, serta disegani oleh semua. Kesan daripada pengembangan pengaruh kebudayaan dan politik tersebut menyebabkan kita selalu melihat bahawa bangsa rumpun Melayu itu dilandasi oleh ketentuan kepada identiti wilayah ini sebagai Alam Melayu yang diperkukuhkan dengan Islam.

Bangsa serumpun Melayu dan sifat Melayu itu boleh saja dilihat dari mana-mana sudut, sesuai dengan isi dan bentuk ketamadunannya. Perubahan mungkin saja berlaku disebabkan perubahan sejarah dan politik kerana geopolitik telah banyak mencorakkan munculnya negara-negara baru, tetapi sebenarnya tanpa memisahkan daerah kebudayaan dan tamadunnya secara sempadan. Lalu sifat Melayu dari sudut pengertian sosial dan budaya yang luas tidak semata-mata merujuk kepada orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu atau di pantai kepulauan bahagian budaya yang hampir sama, mendiami sesuatu daerah atau wilayah penempatan yang luas bertaburan di dalamnya, yang dikenali sebagai kawasan budaya Melayu-Polynesia.

Kesamaan identiti ini sepatutnya mengeratkan rumpun Melayu di rantau ini dalam menghadapi cabaran-cabaran zaman dengan tidak dibatasi sempadan geopolitik mana-mana negara. Generasi muda seharusnya mampu membentuk jaringan kerjasama bidang budaya dengan bimbingan beberapa pihak di negara masing-masing, sama ada pihak kerajaan melalui institusi-institusi pendidikan mahupun pihak swasta seperti persatuan-persatuan ataupun syarikat-syarikat yang berbentuk perniagaan.

Jaringan kerjasama bidang budaya dalam rangka menghubungkan generasi muda serantau yang seharusnya dilakukan misalnya;

- a. Kegiatan bahasa Melayu.
- b. Kegiatan kesenian Melayu.

- c. Kegiatan sukan.
- d. Kegiatan pelancongan yang menekankan identiti Melayu.
- e. Kegiatan "home stay" atau "anak angkat".
- f. Kegiatan lawatan negara-negara serumpun.
- g. Kegiatan penghayatan Melayu serantau dsb.

Perhubungan Bidang Ekonomi

Rantau Melayu pada masa silam merupakan pusat perdagangan penting kerana lokasinya yang strategik dan ia kaya dengan sumber-sumber dagangan yang menjadi daya tarik bagi pedagang-pedagang asing. Walaupun negara-negara rumpun Melayu pada hari ini bukan negara-negara yang bertaraf negara maju, tetapi ada antara mereka yang sangat berpotensi dan berkemungkinan tinggi untuk mencapai taraf negara maju. Malahan sebuah di antaranya merupakan salah sebuah negara yang terkaya di dunia. Kestabilan sistem politik di negara-negara serumpun dapat meyakinkan daya pengembangan perdagangan Melayu di peringkat antarabangsa. Apatah lagi kiranya pengwujudan kerjasama serantau generasi muda dalam bidang ekonomi diusahakan. Perkembangan ekonomi negara-negara serumpun sangat memuaskan. Namun, masih tidak terdapat bentuk-bentuk kerjasama perekonomian ahli-ahli peniaga Melayu di rantau ini secara serius jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain. Perhubungan bidang ekonomi dapat dilakukan melalui beberapa kegiatan, misalnya:

- a. Kegiatan-kegiatan melalui Persatuan Peniaga Melayu.
- b. Penubuhan Persatuan Peniaga Melayu Serantau.
- c. Jaringan kerjasama dan maklumat-maklumat pelaburan di Rantau Melayu.
- d. Projek Peniaga Muda dsb.

Perhubungan Bidang Pendidikan

Sistem pendidikan umum di rantau ini agak serupa ataupun hampir sama kecuali di Negara Thai yang melibatkan orang Melayu, khususnya pendidikan umum di wilayah sempadan Selatan Negara Thai yang majoriti penduduknya ialah orang Melayu. Bagaimanapun secara keseluruhan

taraf pendidikan orang Melayu rata-ratanya masih kurang memuaskan. Ini disebabkan beberapa faktor di beberapa buah negara yang melibatkan orang Melayu itu tidak sama. Dengan itu, ia dapat mengakibatkan kedudukan ekonomi orang Melayu terbatas dan lemah.

Perhubungan generasi muda dalam bidang pendidikan kini patut ditekankan untuk memberi peluang kepada muda-mudi serantau dalam menerajui masyarakat Melayu di negara masing-masing kelak. Dalam hal ini kegiatan-kegiatan yang harus diadakan misalnya;

- a. Kegiatan pertukaran pelajar.
- b. Kegiatan lawatan institut-institut pengajian.
- c. Projek biasiswa pelajar/pengajar.
- d. Projek pendidikan agama.
- e. Kajian-kajian di Rantau Melayu.
- f. *Summer Camp*.

PERANAN GENERASI MUDA DALAM HUBUNGAN SERANTAU -PANDANGAN KBS

*Raja Ruslan**

Khususnya dalam peranan generasi muda dalam perhubungan serantau, banyak yang telah dibincangkan. Pertama sekali, saya tertarik dengan apa yang dicadangkan oleh Datuk Dr. Abdul Latif tadi. Kalau kita buat kapal dari Asia pergi ke negara-negara lain dengan Jepun, kita kena buat juga di rantau ini.

Saya kira cadangan ini juga baik dan boleh kita masukkan sebagai salah satu resolusi kita. Mungkin saya berkata begitu kerana saya yang 'handle' program-program semacam ini, seperti program pertukaran Kapal Belia Asia.

Sebenarnya rancangan Kapal Belia Asia ini, semua perbelanjaan ditanggung oleh syarikat-syarikat dari Jepun terutama kos tambang kapal, kos rancangan, makan dan minum.

Jadi kalau kita melaksanakan rancangan ini, harap program ini akan mendapat sokongan dan peruntukan kewangan yang banyak daripada Bahagian Kewangan.

Daripada kita pergi ke tempat lain, lebih baik kita ke Indonesia, Thailand, Brunei dan ini akan lebih dapat diperkukuhkan lagi perhubungan silaturrahim.

Kalau kita lihat secara ringkas generasi muda pada hari ini, kalau tidak silap saya di Indonesia terdapat lebih kurang 170 juta pemuda yang boleh dikategorikan sebagai belia. Jika di Malaysia 42% daripada 20 juta penduduk (iaitu 8 juta) terdiri daripada pemuda. Kita definisikan pemuda sebagai mereka yang berumur antara 15-40 tahun.

Tetapi di Thailand (selatan) mereka merujuk pemuda di antara lingkungan umur 15-35 tahun sahaja iaitu kira-kira 8% sahaja daripada jumlah keseluruhan rakyat di situ.

Bagaimanapun peranan generasi muda dalam perhubungan serantau ini amat penting kalau nak dilihat daripada segi pengalaman

* *Beliau adalah Pengarah Belia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.*

Kementerian Belia dan Sukan untuk menjalin hubungan dengan belia-belia termasuk dengan negara-negara seperti yang kita sedia maklum, Indonesia, Thailand, Filipina, Singapura, Brunei.

Kita juga tidak ketinggalan mengadakan membuat perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan belia dengan negara asing sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum seperti Jepun, Korea dan juga negara-negara barat.

Semua ini jika kita lihat, samalah juga peranan ini diterjemahkan untuk mempererat lagi hubungan serantau kita khususnya yang bermula di kalangan generasi muda seperti yang disebutkan tadi.

Anak muda ini adalah pewaris atau golongan yang mempelopori kepimpinan negara kita pada masa ini dan sudah mestilah dalam masa yang sama kita akan menjalin hubungan antara negara-negara serantau.

Sehubungan itu, sebagai salah satu mekanisme, program-program yang berbentuk kerjasama dengan bandar-bandar atau negara-negara tersebut termasuk program pertukaran belia bertaraf antarabangsa dijalankan.

Jadi kita boleh melihat peranan anak muda ini dengan jelas dan ia boleh menjalinkan persefahaman dan memupuk persaudaraan perhubungan dua hala dengan belia-belia negara lain. Kita selalu lakukan melalui rancangan-rancangan pertukaran belia dan setakat ini keupayaan kementerian memang terhad.

Dan kita lihat dari segi sejarah, kita mempunyai program pertukaran belia antara Malaysia-Indonesia, Malaysia-Thailand, Malaysia-Jepun dan sebaliknya. Pertukaran berbentuk dua hala memang dijalankan.

Kita juga sedang merancang program pertukaran dengan negara-negara seperti Brunei, Filipina dan Singapura. Kita memang yakin melalui program-program ini, banyak yang diperolehi bukan sahaja mengenali budaya, mengenal budaya kerja, tetapi dalam masa yang sama kita dapat memupuk persefahaman di samping dapat berkongsi pengalaman.

Di samping itu, kita juga mempunyai program khusus iaitu di atas jemputan dari negara luar dan program pihak negara luar Malaysia seperti Program Girap Remaja Nasional Kerajaan Indonesia.

Ini adalah satu program yang amat baik dan amat popular di sana. Peranan belia bukan sahaja dalam konteks persefahaman, mengeratkan

hubungan persaudaraan tetapi juga berusaha untuk menegakkan dan mengukuhkan prinsip-prinsip sukarela.

Kita lihat generasi muda sekarang, minat atau kesukarelayanya mulai menurun dan kita perlu mengatasinya. Pihak kerajaan telah menjalankan satu program di bawah Yayasan Salam. Ini adalah satu usaha untuk memupuk dan menyemaikan sikap-sikap kesukarelaan/volunteerism ini. Jadi volunteerism ini satu peranan yang boleh dimainkan di mana pihak remaja kita akan ke Burma, Thailand, Singapura dan Indonesia.

Dalam konteks ini kita dapat menyemaikan satu semangat kerjasama yang erat dan ini adalah satu aspek yang kita lihat perlu untuk kita memainkan peranan bagi mewujudkan sikap kesukarelaan ini supaya berterusan.

Dan saya percaya peranan ini boleh dimainkan dan boleh dipupuk dengan begitu berjaya sekali. Selain daripada itu saya memang setuju tadi, malah satu aspek ialah dari segi membantu belia-belia negara membangun dalam bidang latihan (Exchange of Skill Training Program).

Ini boleh dilakukan dan kita boleh sama-sama duduk untuk membincangkan pertukaran yang dapat dilakukan seperti Indonesia dengan kemahiran 'handicraft'. Dan ini boleh kita kongsi dan 'exchange' di antara perkara-perkara yang kita anggap penting.

Saya percaya dengan mewujudkan 'goodworking relationship' ini, kita dapat berkongsi kemahiran dan kepakaran yang lebih luas lagi. Dan saya mengetahui bahawa terdapat beberapa pertubuhan belia seperti di Negeri Sembilan yang menjalankan program berkembar dengan Bukit Tinggi.

Itulah secara ringkas dalam masa yang singkat ini, dari segi pengalaman dari Kementerian Belia dan Sukan dan saya harap ia dapat dijadikan satu perbincangan bersama selain daripada idea yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan pembentang tadi.



Kertas Sampingan



HUBUNGAN JAMBI-MELAKA

*Fachruddin Saudagar**

Pendahuluan

INDONESIA, Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina, Kemboja, Thailand dan Vietnam adalah wilayah domisili sebahagian terbesar orang Melayu di Asia Tenggara. Mereka menempati empat wilayah yakni Pantai Timur Indo-Cina, Semenanjung Melaka, Sumatera dan Jawa, dan Philipina Selatan, Sulawesi serta Kalimantan. Mereka tinggal di empat bentuk topografi, iaitu:

1. Di wilayah laut dan gugusan pulau-pulau kecil.
2. Di wilayah perairan pantai dan rawa.
3. Di wilayah daratan rendah.
4. Di wilayah pedalaman, pergunungan, dan dataran tinggi.

Semenanjung Melaka berada di tengah-tengah tiga wilayah domisili orang Melayu di Asia Tenggara. Disebabkan faktor geografis dan penyebaran daripada orang Melayu, maka wilayah Semenanjung Melaka akan memainkan peranan yang sangat penting bagi perkembangan orang Melayu pada masa depan. Sejarah telah mencatatkan bahawa wilayah Semenanjung Melaka sejak berabad-abad lalu ramai dikunjungi oleh orang Melayu dari tiga domisili di sekitarnya. Mereka telah saling

* Beliau adalah pensyarah Sejarah FKIP, Universitas Jambi, Indonesia.

berhubungan sejak zaman Melayu Kuno, Sriwijaya, Majapahit sampai pada zaman kesultanan, hingga saat ini. Mereka mengadakan hubungan ekonomi, perdagangan, agama, budaya, kekerabatan bahkan lebih dari, itu mereka kemudian memilih menetap di Semenanjung Melaka.

Sejak akhir abad ke-20, orang Melayu di Semenanjung Melaka telah bangkit dan mampu membangun dirinya dari belenggu keterbelakangan, kebodohan, dan kemiskinan akibat penjajahan bangsa Barat. Prestasi yang di-capai mereka sejak akhir abad ke-20 ini mendorong orang Melayu dari tiga wilayah domisili di sekitarnya menjalin hubungan yang lebih beragam lagi. Oleh sebab itu mereka akan mendatangi Semenanjung Melaka dari waktu ke waktu, suka atau tidak suka, dan dalam cuaca baik atau buruk. Tidaklah salah sekiranya wilayah Semenanjung Melaka pada masa datang dipandang sebagai wilayah "Penuh Harapan".

Hubungan Sejarah

Orang Melayu di Jambi dan orang Melayu di Melaka telah lama saling berhubungan melalui hubungan ekonomi, perdagangan, agama, budaya kekerabatan, dan hubungan politik. Melalui sebuah catatan peninggalan raja-raja Jambi, hubungan antara kedua-duanya masih dapat ditelusuri.

Hubungan Jambi dan Melaka paling kurang telah terjalin sejak abad ke-11 Masihi. Pada masa itu, Jambi diperintah oleh seorang maharaja Melayu bernama Tun Telanai. Kata *Tun* atau *Tuan* sudah menjadi gelaran atau sebutan untuk orang Melayu yang sangat mulia atau terhormat. Dalam bahasa Tamil, kata yang sama ertinya dengan *Tun* atau *Tuan* ini adalah *Crimat*. Gelar raja Melayu yang berkuasa di Jambi pada masa kejayaan agama Buddha menggunakan kata *Crimat* (Tuan) dan kata *Mauli* (Mahkota), misalnya Cri Maharaja Crimat Tribuwanaraja Mauliwarmadewa. Di Semenanjung Melaka nama raja memakai kata *Crimat* dan *Mauli* dijumpai pada raja bernama Crimat Traiklokyaraja Maulibhusana Warmadewa.

Diperkirakan pada saat hampir bersamaan di Jambi diperintah Tun Telanai dan Melaka diperintah oleh Parameswara. Pada saat itu, Melaka masih dihuni lebih kurang 1,000 jiwa penduduk. Semasa

memerintah kerajaan Melayu di Jambi, Tun Telanai telah menjalin hubungan dengan negeri di seberang lautan. Negeri seberang lautan yang menjalin hubungan dengan Jambi adalah sebagai berikut:

1. Mencakup wilayah sungai tujuh laras.
2. Mencakup wilayah pulau sembilan buah.
3. Mencakup wilayah negeri sembilan buah.

Satu daripada sembilan buah negeri itu ialah negeri Melaka. Berdasarkan catatan yang hampir dilupakan orang, yakni oleh Anakdo Ngebih Suthodilogo tahun 1317 H, hubungan Jambi dengan Melaka mencapai titik paling harmonis semasa Melaka diperintah oleh seorang penguasa dengan panggilan/sebutan raja Sri Menanti. Jauh sebelum abad ke-13 Masihi, di wilayah Jambi telah ada bandar perdagangan yang ramai dikunjungi pedagang dan perahu layar. Antaranya ialah:

1. Bandar Jambi (Chan-Pei).
2. Bandar San-fo-tsi (pelabuhan ketiga).
3. Labuhan Dagang.
4. Bandar Muara Kumpeh (Kom-pe).
5. Bandar Muara Sabak (Sabaq).
6. Bandar Tanjung Jabung.

Menurut peta yang dibuat oleh Kapten Cook tahun 1832 dan peta dari kapal Fridanus tahun 1922, kecepatan maju garis pantai purba di Muara Batang hari (Jambi) adalah 7.50 km setiap tahun atau 75m setiap tahun. Kecepatan atau pelebaran garis pantai timur Jambi ini disebabkan oleh pengaruh endapan gambut, sedimentasi sungai (fluviatil) dan laut (marin), kegiatan vulkanis, vegetasi, dan kegiatan gelombang pantai.

Faktor ini menimbulkan bandar-bandar di wilayah Jambi mengalami pendangkalan serta kehilangan daya saingnya. Sebagai gantinya, pusat perdagangan pindah ke Melaka (abad 14-awal abad 16M). Setelah tahun 1511 pusat perdagangan berpindah ke Johor Lama. Barang dagangan yang laku dijual keluar negeri yang berasal dari Jambi, antara lain adalah sebagai berikut:

1. Jati (getah) jelutung.
2. Jati (getah) jernang.
3. Emas murni.
4. Jata (getah) damar.

5. Endang-pelah (benda bagus lebih dari bagus dan jarang didapati/ganjil).
6. Taring-siung binatang liar.
7. Batu mustika (kelapa, damar, ular, dll).
8. Geliga binatang liar(belalang, lipas, ular, dll).
9. Gading gajah
10. Conding gading (gading di dalam gading).
11. Madu lebah.
12. Buah kacang-kacangan.
13. Buah pinang hutan.
14. Kayu gaharu dan kayu sepang.
15. Gula aren (enau) dan lain-lain.

Fakta lain dari Jambi terdapat adanya kesamaan nama/gelar orang tertentu yang sama dengan nama gelar/orang Melayu di Melaka. Kalau di Melaka terdapat nama/gelar seperti tun, paduka, dan Orang Kaya, maka di Jambi nama-nama tersebut juga dijumpai.

Nama Orang Melayu Jambi	Nama Orang Melayu di Melaka
Tun Telanai	Tun Kadut, Tun Setia Diraja
Datuk Paduka Berhalo	Datuk Paduka Isap
Orang Kayo Hitam	
Orang Kayu Pingai	
Orang Kayu Kedataran	
Orang Kayu Gemuk	
Temenggung Merah Mato	
Putri Selera Pinang Masak	
Putri Mayang Mengurai	
Temenggung Berjakerti	

Potensi

Daerah Jambi memiliki potensi yang belum dimanfaatkan secara maksimum untuk kepentingan pembangunan. Antaranya ialah:

1. Potensi alam seperti hutan, flora-fauna, sungai, danau laut.
2. Potensi budaya seperti makanan tradisional, arsitektur tradisional, ubat-ubatan tradisional, kesenian tradisional, adat istiadat dan batik tradisional Jambi.
3. Potensi sejarah berupa peninggalan zaman pra sejarah Melayu kuno, zaman Buddha, Islam dan peninggalan Belanda.

Dalam era pembangunan dewasa ini, daerah Jambi memiliki kemudahan kehidupan yang memadai.

1. Jalur pengangkutan darat, laut, sungai dan udara.
2. Jaringan telekomunikasi yang cukup.
3. Perkhidmatan bank dan insurans.
4. Industri.
5. Pariwisata, hotel, restoran, dan hiburan.
6. Industri perkhidmatan.
7. Sumber tenaga manusia yang cukup.

Tantangan Kedepan

Orang Melayu yang mendiami Asia Tenggara mengalami masa penjajahan bangsa Barat yang cukup lama. Kesan negatif daripada penjajahan itu masih terasa dan belum terhapus, yakni hilang identitاسnya/jati diri, pecah masyarakat serta menurun kualiti hidupnya.

Dalam rangka menghadapi abad ke-21, perdagangan bebas dan globalisasi, suka atau tidak suka, mahu atau tidak, orang Melayu pasti akan dihadapkkan dengan permasalahan pendidikan, lingkungan hidup, penguasaan ilmu dan teknologi, sumber tenaga manusia, lapangan pekerjaan, kesejahteraan sosial, mahupun masalah pergeseran sistem nilai budaya. Oleh sebab itu orang Melayu di Asia Tenggara perlu menjawab beberapa cabaran hidup. Antaranya ialah:

1. Arah pergeseran sistem nilai budaya.
2. Kemampuan penguasaan ilmu dan teknologi.
3. Pengaruh globalisasi bidang komunikasi dan informasi.
4. Meningkatkan kesejahteraan hidup.
5. Peranan serta (sosial) masyarakat.
6. Kerja sama regional serantau.
7. Mobilitas penduduk.

Sebagai negara serumpun dan memiliki semangat ASEAN, Indonesia dan Malaysia dengan antara Jambi dan Melaka perlu berdekatan dalam suatu kerjasama. Kerjasama antara kedua-duanya dapat diawali pendekatan sosial budaya kerana dapat melampaui batas wilayah/tritorial negara dan batas politik. Hal ini kemudian dalam tahap lebih lanjut dapat diteruskan dengan kerjasama bidang-bidang lain.



*Peristiwa
Bergambar*



SEKITAR MAJLIS PERASMIAN DAN PENUTUP PERTEMUAN SELAT MELAKA



DI ANTARA TETAMU PERTEMUAN SELAT MELAKA



PERBINCANGAN KERTAS KERJA PERTEMUAN SELAT MELAKA



DI BALIK TABIR PERTEMUAN SELAT MELAKA



Pengisytiharan Pertemuan Selat Melaka

PERTEMUAN Selat Melaka anjuran Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), pada 27 Ogos 1997, di Paradise Malacca Village Resort, yang telah dihadiri 300 orang peserta dari dalam dan luar negara iaitu di sekitar Selat Melaka termasuk Filipina, Brunei, Singapura, Kalimantan Barat, Thailand, Aceh, Riau, Sumatera Barat, Sumatera Utara, Jambi, Sumatera Selatan, Lampung, Yogyakarta, dan yang telah membincangkan sebanyak 21 kertas kerja yang dibentangkan oleh pakar-pakar sejarah, ekonomi dan budaya dari dalam dan luar negara bermuafakat resolusi seperti berikut:

Pertama, konsep dan gagasan Pertemuan Selat Melaka yang julungkali diadakan di Melaka Bandaraya Bersejarah Negeri Berbudaya yang mempertemukan golongan pemerintah, golongan usahawan dan golongan budaya-intelektual secara bersepadu adalah suatu idea dan wawasan yang sangat berkesan dan perlu diteruskan di masa akan datang di negeri atau propinsi di sekitar Selat Melaka selaras dengan semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA.

Kedua, perbincangan di dalam Pertemuan Selat Melaka hendaklah memberi perhatian kepada tema pentadbiran, ekonomi, sosiobudaya, agama Islam dan gerakan pemuda ke arah mewujudkan wawasan kesatuan, perpaduan, kerjasama dan rasa silaturahmi serumpun dan sebudaya di Alam Melayu.

Ketiga, Kerajaan Negeri Melaka hendaklah memainkan peranan penting mewujudkan Sekretariat Pertemuan Selat Melaka yang bertanggungjawab menyelaras pertemuan ini, kegiatan dan kewujudan Pusat Kajian Selat Melaka di masa akan datang terutama menilai dan melaksana resolusi pertemuan ini. Keahliannya hendaklah dipilih dari negeri dan propinsi sekitar Selat Melaka dan Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Keempat, Pertemuan Selat Melaka hendaklah diadakan setiap tahun dan diwujudkan sistem jaringan maklumat yang lengkap mengenai kegiatan warga di sekitar Selat Melaka seperti kegiatan perindustrian, perdagangan, perkhidmatan, pendidikan, gerakan budaya dari pemuda dan lain-lain. Di samping itu, Sekretariat Pertemuan Selat Melaka hendaklah menyelaraskan program-program induk yang akan dilaksanakan oleh negeri dan propinsi sekitar Selat Melaka.

Kelima, dalam usaha mewujudkan perpaduan dan kerjasama dalam Rumpun Melayu, Kerajaan Malaysia dan Indonesia hendaklah menyelaras satu program perdana bagi melahirkan satu generasi muda yang akan menghayati dan memartabatkan Bahasa Melayu dan Kebudayaan Rumpun Melayu melalui program Pemuda Belayar Kapal di sekitar Rumpun Melayu.

Dan keenam, di atas persetujuan Propinsi Daerah Istimewa Aceh, Pertemuan Selat Melaka Kedua akan diadakan di Aceh pada 1998.